

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN
ISLAM SEKOLAH MENENGAH BERASASKAN MODEL
CONTEXT-INPUT-PROCESS-PRODUCT (CIPP)**

AZIZI BIN JAAFAR

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2015**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah yang lain di UUM atau di institusi-institusi lain.

AZIZI BIN JAAFAR

TARIKH:

Permission to Use

In presenting this thesis in fulfilment of the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the Universiti Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for the copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:

Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Kajian lampau menunjukkan terdapat kelemahan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (KPI) di sekolah berdasarkan kesesuaian kandungan, kecekapan guru dan penghayatan pelajar. Namun begitu, kajian yang dijalankan sehingga kini didapati tidak menyeluruh. Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan KPI di sekolah menengah secara menyeluruh berasaskan model *Context-Input-Process-Product* (CIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield pada tahun 2007. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual untuk memperoleh data tentang persepsi guru dan pelajar sekolah menengah mengenai pelaksanaan KPI. Data kuantitatif diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 300 orang guru dan 400 orang pelajar, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual yang dijalankan terhadap lima orang guru dan tujuh orang pelajar. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelaksanaan KPI dari dimensi konteks bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam, matlamat dan objektif KPI. Dari dimensi input, kemudahan pusat sumber sekolah, bilik darjah, alatan audio visual, buku teks, peruntukan jadual waktu dan pengetahuan pendidikan Islam adalah pada tahap yang tinggi. Pengetahuan asas pendidikan, pedagogi, keupayaan menggunakan alatan audio visual dan keyakinan diri guru pula didapati berada pada tahap sederhana. Dimensi proses menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran, pemantauan, penilaian dan hubungan guru dengan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Penggunaan bahan bantu mengajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir adalah pada tahap yang sederhana. Dari dimensi produk pula, aspek impak, kemampanan dan kebolehpindahan berada pada tahap yang tinggi, manakala aspek keberkesanan pula berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian menerusi temu bual turut menyokong data utama kajian. Implikasi kajian ini menunjukkan terdapat keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi memantapkan kompetensi guru di dalam bilik darjah dan penguasaan jawi perlu dipertingkatkan lagi dalam kalangan pelajar bagi menguasai ilmu pendidikan Islam.

Kata Kunci: Model CIPP, Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam.

Abstract

Previous studies indicated that there were weaknesses in the implementation of Islamic Education Curriculum (IEC) in schools on the suitability of content, teacher competency and student appreciation. However, the studies conducted so far are inconclusive. This research aimed to comprehensively evaluate the implementation of IEC in secondary schools based on the Context-Input-Process-Product (CIPP) model proposed by Stufflebeam and Shinkfield in 2007. This study employed a survey and interviews to elicit data on the perceptions of teachers and students about the implementation of IEC. Quantitative data were obtained from questionnaires distributed to 300 teachers and 400 students while qualitative data were obtained through interviews held with five teachers and seven students. The study demonstrated that the implementation of the IEC from the context dimension is appropriate with the National Education Philosophy, Islamic Education Philosophy, the goals and the objectives of the IEC. From the input dimension, it was found that the facilities at the school resource center, class rooms, audio visual equipment, textbooks, time table allocation and the Islamic education knowledge were relatively high. The teachers basic knowledge of education, pedagogy, ability to use the audio visual equipment and confidence were moderate. The process dimension showed that the teaching and learning, monitoring, evaluation and teacher-student relationship were high. The use of teaching aids and teachers collaboration with the administration section was moderate. Where product dimension is concerned, the impact, sustainability and transportability were high while effectiveness was found to be moderate. Findings from the interviews supported the main data. The implications of this study indicated the need for in-service training to enhance teachers classroom competencies and the need to raise students comprehension of jawi in order for them to master Islamic education knowledge.

Keywords: CIPP Model, Islamic Education Curriculum Evaluation, National Education Philosophy, Islamic Education Philosophy.

Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah setinggi-setinggi ucapan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaan-Nya tesis ini dapat disempurnakan tepat pada waktunya. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta para sahabat yang membawa kita dari alam kejahilan ke alam pendidikan ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Ybhg. Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Izam bin Ghazali selaku penyelia 1 dan kepada Ybhg. Dr. Mohd Zailani bin Mohd Yusoff selaku penyelia 2 yang sentiasa bersedia memberikan sokongan, dorongan, bimbingan, tunjuk ajar yang berguna kepada saya dalam menuntut ilmu kedoktoran ini. Mereka juga selalu memberikan kerjasama dan bantuan yang padu, komitmen yang tinggi ketika diperlukan, prihatin, peka dan teliti dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelia. Tanpa kerjasama dan komitmen yang jitu daripada mereka nescaya tesis ini tidak akan dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya.

Kepada penilai-penilai tesis ini diucapkan jutaan terima kasih kerana sudi membaca dan menilai penulisan ini, sudilah kiranya tuan menegur dan memberi tunjuk ajar demi kebaikan kita bersama. Segala yang baik itu datang daripada Allah sementara yang buruk itu datang dari insan yang lemah ini. Mohon maaf atas segala kekurangan sepanjang penulisan tesis ini. Teguran membina dan nasihat yang berguna amat diperlukan untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah, guru-guru Pendidikan Islam dan pelajar Muslim tingkatan 4 di sekolah menengah seluruh daerah negeri Kelantan yang telah terlibat dalam menjawab soal selidik dan proses pungutan data. Begitu juga dengan pihak

EPRD dan JPN Kelantan yang telah memberikan surat keizinan untuk menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengemukakan ucapan jutaan terima kasih kepada kedua arwah ibu bapa saya yang telah melahirkan dan mendidik saya sejak kecil lagi. Al-FATIHAH untuk mereka. Amin

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khas buat isteri tercinta, Tuan Majdiah Tuan Ismail yang sentiasa setia berada di sisi ketika susah dan senang. Untuk anak-anak tercinta, Akhtar Zaiti, Anis Zulaikha dan Akhyar Zaim mereka adalah penyejuk hati di kala tertekan dan pembakar semangat dalam perjuangan menuntut ilmu kedoktoran ini. Begitu juga dengan adik-beradik, sahabat handai serta rakan sejawat yang telah banyak memberikan kata-kata semangat dan dorongan serta berkongsi idea ketika memerlukan. Terima kasih semua.

Kandungan

Permission to Use	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xiv
Glosari.....	xv
Lampiran	xvi
 BAB SATU PENGENALAN.....	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Persoalan Kajian.....	13
1.6 Hipotesis Kajian.....	14
1.7 Kerangka Konseptual Kajian.....	15
1.7.1 Rasional Memilih Pendekatan Model Penilaian CIPP sebagai Asas Kerangka Konseptual Kajian.....	17
1.8 Kepentingan Kajian.....	20
1.9 Batasan Kajian.....	21
1.10 Definisi Operasional.....	24
1.10.1 Penilaian Kurikulum.....	24
1.10.2 Pelaksanaan Kurikulum.....	24
1.10.3 Kurikulum Pendidikan Islam (KPI).....	25
1.10.4 Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	25
1.10.5 Falsafah Pendidikan Islam.....	25
1.10.6 Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam.....	26

1.10.7	Objektif Kurikulum Pendidikan Islam.....	26
1.10.8	Kemudahan-kemudahan.....	26
1.10.9	Pengetahuan Guru Pendidikan Islam.....	26
1.10.10	Profesionalisme Guru.....	27
1.10.11	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar.....	27
1.10.12	Pemantauan PdP.....	28
1.10.13	Pelaksanaan Penilaian.....	28
1.10.14	Hubungan GPI dengan pelajar.....	29
1.10.15	Kerjasama dengan pihak pentadbir.....	29
1.10.16	Impak.....	30
1.10.17	Keberkesanan.....	30
1.10.18	Kemampanan.....	31
1.10.19	Kebolehpindahan.....	31
1.10.20	Kategori Sekolah.....	32
1.11	Kesimpulan.....	32
BAB DUA SOROTAN LITERATUR.....		33
2.1	Pendahuluan.....	33
2.2	Kurikulum.....	33
2.2.1	Konsep Kurikulum.....	34
2.2.2	Teori Model Pelaksanaan Kurikulum.....	35
2.2.3	Penilaian Kurikulum.....	37
2.2.4	Tujuan Penilaian Kurikulum.....	39
2.2.5	Model Penilaian CIPP.....	41
2.2.6	Kajian–kajian lepas yang menggunakan Model penilaian CIPP.....	44
2.3	Sejarah Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam.....	54
2.3.1	Falsafah Pendidikan Islam.....	57
2.3.2	Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam.....	60
2.3.3	Objektif Kurikulum Pendidikan Islam.....	62
2.3.4	Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 4.....	64

2.3.5	Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam.....	66
2.3.6	Kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan KPI.....	67
2.4	Kesimpulan.....	73
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN.....		75
3.1	Pengenalan.....	75
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	75
3.3	Populasi dan Sampel Kajian.....	78
3.3.1	Penentuan Saiz Sampel.....	81
3.3.2	Pemboleh ubah.....	83
3.4	Instrumen Kajian.....	83
3.4.1	Instrumen soal selidik Guru Pendidikan Islam (GPI).....	87
3.4.2	Instrumen soal selidik Pelajar Tingkatan 4.....	90
3.4.3	Instrumen temu bual Separa Struktur.....	92
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	95
3.5.1	Kesahan.....	96
3.5.2	Kebolehpercayaan.....	99
3.6	Kajian Rintis.....	102
3.7	Tatacara Pengumpulan Data.....	107
3.8	Tatacara Penganalisan Data.....	109
3.8.1	Analisis Data Kuantitatif.....	109
3.8.2	Analisis Data Kualitatif.....	113
3.9	Kesimpulan.....	114
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN.....		115
4.1	Pengenalan.....	115
4.2	Profil Responden.....	115
4.2.1	Profil Guru Pendidikan Islam.....	115
4.2.2	Profil Pelajar.....	118
4.3	Dapatan Deskriptif.....	119
4.3.1	Persoalan Kajian Pertama.....	119

	a. Kesesuaian KPI dengan FPK dari dimensi konteks.....	119
	b. Kesesuaian KPI dengan FPI dari dimensi konteks.....	121
	c. Kesesuaian KPI dengan matlamat PI dari dimensi konteks.....	123
	d. Kesesuaian KPI dengan objektif PI dari dimensi konteks.....	126
4.3.2	Persoalan Kajian Kedua.....	128
	a. Pusat Sumber Sekolah.....	128
	b. Bilik Darjah.....	130
	c. Alatan Audio Visual (AAV).....	132
	d. Buku Teks.....	135
	e. Peruntukan Jadual Waktu.....	138
	f. Tahap Pengetahuan Guru.....	140
	i. Tahap Pengetahuan Asas Pendidikan.....	140
	ii. Tahap Pengetahuan Pedagogi.....	142
	iii. Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam.....	145
	g. Kemahiran GPI menggunakan Alatan Audio Visual (AAV).....	147
	h. Keyakinan Diri GPI.....	149
4.3.3	Persoalan Kajian Ketiga.....	151
	a. Proses Pengajaran dan Pembelajaran.....	152
	b. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).....	155
	c. Proses Pemantauan KPI.....	157
	d. Proses Penilaian KPI.....	159
	e. Hubungan Guru dengan Pelajar.....	161
	f. Kerjasama Guru dengan Pihak Pentadbir.....	164
4.3.4	Persoalan Kajian Keempat.....	168
	a. Tahap Kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan KPI.....	168
	b. Tahap minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI.....	171
	c. Tahap impak pelaksanaan KPI kepada pelajar.....	173
	d. Tahap keberkesanan pelaksanaan KPI kepada pelajar.....	175
	e. Tahap kemampunan pelaksanaan KPI kepada pelajar.....	178
	f. Tahap kebolehpindahan pelaksanaan KPI kepada pelajar.....	180

4.4	Rumusan Dapatan Kajian Secara Deskriptif.....	183
4.5	Ujian Normaliti.....	184
4.6	Dapatan Inferensi (Pengujian Hipotesis Ho1 hingga Ho5).....	185
	Hipotesis Ho1.....	185
	Hipotesis Ho2.....	193
	Hipotesis Ho3.....	200
	Hipotesis Ho4.....	206
	Hipotesis Ho5.....	210
4.7	Rumusan Dapatan Kajian Inferensi.....	215
4.8	Kesimpulan.....	216
BAB LIMA PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....		217
5.1	Pengenalan.....	217
5.2	Ringkasan Kajian.....	217
5.3	Perbincangan	218
5.3.1	Pelaksanaan KPI dari Dimensi Konteks.....	218
5.3.2	Pelaksanaan KPI dari Dimensi Input.....	221
5.3.3	Pelaksanaan KPI dari Dimensi Proses.....	231
5.3.4	Pelaksanaan KPI dari Dimensi Produk.....	235
5.4	Implikasi Kajian.....	238
5.5	Cadangan.....	245
5.6	Cadangan untuk kajian lanjutan.....	246
5.7	Kesimpulan.....	248
Rujukan.....		249

Senarai Jadual

Jadual 1.1: Analisis Keputusan SPM 2006-2012 Peringkat Negeri Kelantan.....	11
Jadual 3.1: Jumlah Sekolah, Guru dan Pelajar mengikut bandar dan luar bandar negeri Kelantan.....	81
Jadual 3.2: Jadual Spesifikasi Konstruk dan Instrumen Kajian.....	86
Jadual 3.3: Kandungan Soal Selidik GPI.....	89
Jadual 3.4: Penerangan Skala Soal Selidik GPI.....	90
Jadual 3.5: Kandungan Soal Selidik Pelajar Tingkatan 4.....	92
Jadual 3.6: Protokol dan Responden bagi Temu Bual.....	94
Jadual 3.7: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan.....	101
Jadual 3.8: <i>Cronbach Alpha</i> Instrumen Soal Selidik Pelajar Tingkatan 4 (Data Rintis).....	105
Jadual 3.9: <i>Cronbach Alpha</i> Instrumen Soal Selidik GPI.....	106
Jadual 3.10: Interpretasi Skor Min dalam pemboleh ubah bebas dan bersandar.....	111
Jadual 3.11: Rumusan Bagi Penggunaan Statistik Untuk Setiap Hipotesis.....	112
Jadual 4.1: Profil Responden Kajian Bagi GPI.....	117
Jadual 4.2: Profil Responden Kajian Bagi Pelajar.....	118
Jadual 4.3: Interpretasi Skor Min dalam pemboleh ubah bebas dan bersandar.....	119
Jadual 4.4: Skor Min dan sisihan piawai kesesuaian KPI dengan FPK.....	120
Jadual 4.5: Skor Min dan sisihan piawai kesesuaian KPI dengan FPI.....	122
Jadual 4.6: Skor Min dan Sisihan Piawai kesesuaian KPI dengan Matlamat PI.....	124
Jadual 4.7: Skor Min dan Sisihan Piawai kesesuaian KPI dengan Objektif PI.....	126
Jadual 4.8: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan PSS.....	128
Jadual 4.9: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan Bilik Darjah.....	130
Jadual 4.10: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan AAV.....	133
Jadual 4.11: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan Buku Teks.....	135
Jadual 4.12: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Peruntukan Jadual Waktu.....	138
Jadual 4.13: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan Asas Pendidikan.....	141
Jadual 4.14: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan Pedagogi.....	143

Jadual 4.15: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan PI.....	145
Jadual 4.16: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Keupayaan Menggunakan AAV....	147
Jadual 4.17: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Keyakinan Diri GPI.....	149
Jadual 4.18: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi proses PdP PI.....	152
Jadual 4.19: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Penggunaan BBM.....	155
Jadual 4.20: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Proses Pemantauan KPI.....	157
Jadual 4.21: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Proses Penilaian KPI.....	159
Jadual 4.22: Skor Min dan Sisihan Piawai Hubungan Guru dengan Pelajar.....	162
Jadual 4.23: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kerjasama Guru dengan Pentadbir.....	165
Jadual 4.24: Kekерapan dan Peratusan Tahap Kepuasan Pelajar terhadap Pembelajaran PI.....	169
Jadual 4.25: Kerapan dan Peratusan Tahap Minat Pelajar terhadap Pembelajaran PI.....	171
Jadual 4.26: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Impak Pelaksanaan KPI terhadap Pelajar.....	173
Jadual 4.27: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Keberkesanan Pelaksanaan KPI.....	176
Jadual 4.28: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kemampunan Pembentukan Sikap Positif Pelajar.....	178
Jadual 4.29: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kebolehpindahan Pelajar...	181
Jadual 4.30: Rumusan Dapatan Deskriptif bagi Setiap Pemboleh Ubah Kajian Berdasarkan Konteks, Input, Proses dan Produk Pelaksanaan KPI.....	183
Jadual 4.31: Keputusan Ujian Normaliti Pemboleh Ubah Kajian.....	184
Jadual 4.32: Statistik Deskriptif bagi FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI Mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar.....	186
Jadual 4.33: Ujian Box's <i>Equality of Covariance Matrices(a)</i>	187
Jadual 4.34: Keputusan <i>Levene's Test of Equality of Error Variances</i>	188
Jadual 4.35: Analisis MANOVA bagi Perbezaan Kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI antara GPI Bandar dan Luar Bandar	

(<i>Multivariate Test</i>).....	189
Jadual 4.36: Ujian Kesan antara Subjek (<i>Tests of Between-Subjects Effects</i>).....	190
Jadual 4.37: Min Anggaran Marginal (<i>Estimated Marginal Means</i>).....	191
Jadual 4.38: Statistik Deskriptif bagi PSS, BD, AAV, Buku, Masa, Guna AV dan Keyakinan Diri Guru Mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar....	194
Jadual 4.39: Ujian <i>Box's Equality of Covariance Matrices(a)</i>	195
Jadual 4.40: Keputusan <i>Levene's Test of Equality of Error Variances</i>	196
Jadual 4.41: Analisis MANOVA bagi perbezaan Kemudahan PSS, Bilik Darjah, AAV, Buku Teks, Peruntukan Masa, Keupayaan Guna AAV dan Keyakinan Diri antara Kategori Bandar dan Luar Bandar (<i>Multivariate Test</i>).....	197
Jadual 4.42: Ujian Kesan Antara Subjek (<i>Tests of Between-Subjects Effects</i>).....	198
Jadual 4.43: Min Anggaran Marginal (<i>Estimated Marginal Means</i>).....	199
Jadual 4.44: Statistik Deskriptif bagi Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan PI mengikut kategori Bandar dan Luar Bandar.....	201
Jadual 4.45: Ujian <i>Box's M Equality of Covariance Matrices(a)</i>	202
Jadual 4.46: Keputusan <i>Levene's Test of Equality of Error Variances</i>	203
Jadual 4.47: Analisis MANOVA bagi perbezaan Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan PI Mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar (<i>Multivariate Test</i>).....	203
Jadual 4.48: Ujian Kesan antara subjek (<i>Tests of Between-Subjects Effects</i>).....	204
Jadual 4.49: Min Anggaran Marginal (<i>Estimated Marginal Means</i>).....	205
Jadual 4.50: Ujian <i>Box's Equality of Covariance Matrices(a)</i>	206
Jadual 4.51: Keputusan <i>Levene's Test of Equality of Error Variances</i>	207
Jadual 4.52: Analisis MANOVA bagi perbezaan PdP, BBM, Pemantauan, Penilaian, Hubungan Guru dengan Pelajar dan Kerjasama Guru dengan Pentadbir antara kategori (<i>Multivariate Test</i>).....	207
Jadual 4.53: Ujian Kesan Antara Subjek (<i>Tests of Between-Subjects Effects</i>).....	208
Jadual 4.54: Min Anggaran Marginal (<i>Estimated Marginal Means</i>).....	209
Jadual 4.55: Ujian <i>Box's Equality of Covariance Matrices(a)</i>	211

Jadual 4.56: Keputusan <i>Levene's Test of Equality of Error Variances</i>	211
Jadual 4.57: Analisis MANOVA perbezaan tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar dari dimensi produk (<i>Multivariate Test</i>).....	212
Jadual 4.58: Ujian Kesan Antara Subjek (<i>Tests of Between-Subjects Effects</i>).....	213
Jadual 4.59: Min Anggaran Marginal (<i>Estimated Marginal Means</i>).....	213
Jadual 4.60: Rumusan Dapatan Kajian Inferensi Hasil Analisis MANOVA.....	215

Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Model CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).....	15
Rajah 1.2:	Kerangka Konseptual Kajian.....	16
Rajah 1.3:	Kerangka Kerja Kajian.....	23
Rajah 2.1:	Teori Model Pelaksanaan Kurikulum adaptasi Model Saylor et al., (1981).....	36
Rajah 4.1:	Graf Kesan Interaksi Antara Kategori Bandar Dan Luar Bandar Terhadap FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI.....	191
Rajah 4.2:	Graf Kesan antara Kategori Bandar dan Luar Bandar terhadap PSS, Bilik Darjah, AAV, Buku Teks, Peruntukan Masa, Keupayaan Menggunakan AAV, Keyakinan Diri.....	199
Rajah 4.3:	Graf Kesan Antara Kategori Bandar Dan Luar Bandar Terhadap Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi & Pengetahuan PI.....	205
Rajah 4.4:	Graf Min antara kategori Bandar dan Luar Bandar terhadap Proses PdP, BBM, Pemantauan, Penilaian, Hubungan Guru dengan Pelajar dan Kerjasama Guru dengan Pentadbir.....	209
Rajah 4.5:	Graf kesan antara tingkatan aliran sains, sastera dan agama terhadap impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan.....	214
Rajah 5.1:	Model Penilaian Kurikulum.....	241

Glosari

AAV	-	Alatan Audio Visual
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	-	Bahagian Perkembangan Kurikulum
BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CD	-	Compact Disk
CIPP	-	<i>Context, Input, Process, Product</i>
FPI	-	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	-	Guru Pendidikan Islam
HOTS	-	<i>Higher Order Thinking Skills</i>
ICT	-	Informasi dan Teknologi Komunikasi
ICTEM	-	Persidangan Kebangsaan Pendidikan Guru dalam Negara Islam
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
IPTA	-	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JERI	-	Jasmani Emosi Rohani Intelektual
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNK	-	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
JPU	-	Jadual Penentuan Ujian
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	-	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPI	-	Kurikulum Pendidikan Islam
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah

KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MPV	-	Mata Pelajaran Vokasional
MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
NKEA	-	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKRA	-	Bidang Keberhasilan Utama Negara
OHP	-	<i>Over Head Projector</i>
PAFA	-	Perkara Asas Fardu Aim
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PI	-	Pendidikan Islam
PKG	-	Pusat Kegiatan Guru
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	-	Program Pendidikan Khas
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSS	-	Pusat Sumber Sekolah
SAW	-	Sallallahu Alaihi Wasallam
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPIM	-	Sektor Pendidikan Islam dan Moral
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWT	-	Subhanahu Wa Taala
TA	-	Tilawah al-Quran
TV	-	Televisyen
UiTM	-	Universti Teknologi Mara
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
US	-	Ulum Syar'iyah
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

Lampiran

Lampiran A:	Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.....	266
Lampiran B:	Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan di Sekolah-sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan.....	267
Lampiran C:	Surat Keizinan Temu bual Guru Pendidikan Islam Untuk Kajian...	268
Lampiran D:	Surat Keizinan Temu bual Pelajar Untuk Kajian.....	269
Lampiran E:	Borang Soal Selidik Guru.....	270
Lampiran F:	Borang Soal Selidik Pelajar.....	279
Lampiran G:	Protokol Temu Bual Guru Pendidikan Islam.....	285
Lampiran H:	Protokol Temu Bual Pelajar.....	287
Lampiran I:	Senarai Panel Pakar Instrumen.....	288
Lampiran J:	Pengesahan Panel Penilai Kandungan Instrumen Kajian.....	289
Lampiran K:	Jadual Penetapan Saiz Sampel Kajian.....	395
Lampiran L:	Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 2002.....	396
Lampiran M:	Senarai Sekolah Menengah Mengikut Daerah Negeri Kelantan...	399
Lampiran N:	Analisis <i>Reliability Skala Alpha</i>	302
Lampiran O:	Analisis Ujian Normaliti.....	304
Lampiran P:	Analisis Statistik Kajian.....	305
Lampiran Q:	Contoh Transkripsi Temu bual.....	321
Lampiran R:	Keputusan Laporan Keaslian Plagiat (<i>Similarity Index Turnitin Originality</i>).....	326

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Era globalisasi kini, perubahan dalam dunia pendidikan semakin mencabar (Habib, 2005). Perubahan pesat yang berlaku dalam dunia kini membuatkan kurikulum hari ini perlu dikaji dan disesuaikan mengikut peredaran zaman dan keperluan masa depan (Kamaruddin Husin, 2004; Saedah Siraj, 2001). Menurut Syed Ismail Syed Mustafa (2011), sesuatu kurikulum perlu melalui proses pengubahsuaian dan dinilai untuk memastikan matlamat dan kehendak masyarakat terhadap pendidikan terlaksana sepenuhnya. Penilaian pelaksanaan kurikulum juga perlu untuk penambahbaikan proses pelaksanaan kurikulum yang lebih baik (Stufflebeam & Shinkfield, 1985; Sowell, 2000).

Penilaian pelaksanaan sesuatu kurikulum mempunyai peranan yang amat besar dalam kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum tersebut bagi memastikan setiap institusi pendidikan di Malaysia menjiwai dan berpedoman kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), memenuhi fungsi, hasrat dan berperanan ke arah mewujudkan negara Malaysia yang maju menjelang tahun 2020 (Azizi Yahaya, 2009). Menurut Azizah Lebai Nordin (2003), keputusan penilaian adalah sangat penting kepada individu-individu terlibat dalam membuat tindakan atau susulan bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Antara pihak yang terlibat ialah pendidik dan institusi untuk mendapatkan maklumat prestasi pelajar serta kekuatan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran

yang berlaku, pelajar dapat mendiagnosis serta mengkaji kekuatan dan kelemahan, para ibu bapa dan masyarakat juga dapat mengetahui pencapaian prestasi anak-anak mereka.

Keperluan menilai semula kurikulum yang dilaksanakan supaya seiring dengan agenda pendidikan negara yang memerlukan komitmen guru bukan sahaja kepada kecemerlangan akademik malah mengajar pelajar supaya dapat menyelesaikan masalah, kreatif, inovatif dan berakhlak mulia (Abdul Halim Tamuri, 2004). Justeru bagi memenuhi hasrat ini, para pendidik perlu memahami matlamat dan objektif kurikulum yang menjadi asas dalam pengajarannya agar selaras dengan kehendak FPK (Nagendralingan, 2000). Menurut Ornstein & Hunkins (2009), agenda utama dalam sesebuah kurikulum adalah pencapaian objektif dan matlamat yang dihasratkan kerana kurikulum memainkan peranan penting dalam proses pendidikan. Pelaksanaan kurikulum adalah bertujuan untuk memastikan peranan pendidik sebagai agen perubahan dalam membentuk keperibadian yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek serta memindahkan nilai dan sikap baru kepada generasi muda untuk menghadapi cabaran di alaf baru (Ishak Ramly, 2003).

Fatimah Tambi (2009) menyatakan maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan. Institusi pendidikan merupakan agen perubahan dan sosialisasi yang paling mantap seandainya dirancang dengan teliti dan menyeluruh, dilaksanakan dengan berhemah serta selalu peka kepada perubahan persekitarannya (Abdul Rafie Mahat, 2002). Para perancang dan penggubal kurikulum masa depan juga perlu merancang kurikulum yang berteraskan kepada budaya bangsa dan negara serta dapat

diterima akal dan berakhlak kerana ia dapat menganalisis asas-asas falsafah negara, keperluan generasi muda masa kini dan penyelesaian permasalahan (Saedah Siraj, 2001). Maka akan lahir lah bangsa yang cendekiawan, pakar bidang teknologi, usahawan yang berkelulusan, doktor, pendidik dan pelbagai lagi yang dapat mencorakkan masa depan negara. Oleh itu, kurikulum yang direncanakan mestilah mampu membekalkan pelajar dengan kesediaan diri yang kukuh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003). Dalam usaha ini, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) di Malaysia mempunyai hala tuju dan matlamat membentuk generasi Muslim yang soleh dan berkemampuan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang diamanahkan oleh Allah (Mardzelah Makhsin et al., 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera serta selaras dengan hasrat dan semangat Rukun Negara, FPK serta Gagasan 1Malaysia (KPM, 2012). Justeru itu, Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) 2011-2020 digariskan oleh KPM (2012) untuk menyusun strategi memperkukuh penghayatan akidah dan nilai murni bagi melahirkan modal insan yang mantap akidah, akhlak dan beradab dengan memantapkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam (PI).

Sistem pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan bangsa yang cemerlang (KPM, 2002). Usaha ini dapat dilihat melalui FPK iaitu;

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (KPM, 2002).

FPK ini digubal pada tahun 1988 berlandaskan daripada ideologi negara, Dasar Pendidikan dan Rukun Negara (Choong Lean Keow, 2008). Dasar Pendidikan Kebangsaan telah digubal bagi memenuhi aspirasi negara Malaysia supaya dapat mengatasi masalah atau krisis yang berlaku dalam masyarakat dan negara (KPM, 1999). Perlembagaan Persekutuan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara serta berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam rukun negara, penggubalan FPK dan FPI telah bermula pada tahun 1987 (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

Falsafah Pendidikan Islam (FPI) merupakan suatu usaha untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, membangunkan diri, masyarakat dan negara dengan menyampaikan ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Kurikulum Pendidikan Islam (KPI) dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dirangka dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk unsur-unsur yang berkaitan dengan pembinaan negara bangsa Malaysia (Abdul Halim Tamuri, 2012). Justeru itu, status mata pelajaran PI telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran teras dalam KBSM yang mewajibkan pelajar-pelajar Islam

mempelajari dan mengambil mata pelajaran PI bermula daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima (Ahmad Mohd Salleh, 2008). KPI menekankan pengetahuan dan penghayatan pelajar dalam bidang Tilawah al-Quran, Ulum Syar'iyah, akhlak Islamiah, pengukuhan akidah Islamiah, pemahaman dan amalan ibadah dalam kehidupan harian (KPM, 2004).

Pada tahun 1989 pelaksanaan KPI KBSM telah bermula di Tingkatan Satu. Berbagai cadangan strategi dan kaedah telah digariskan agar objektif dan matlamat pelaksanaan KPI yang dihasratkan tercapai (Azizah Lebai Nordin, 2003; Nik Rosila Nik Yaacob, 2007; Zimmerman, 2008; Abdul Halim Tamuri, 2012). Syed Ismail Syed Mustafa (2011) menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung sepenuhnya kepada guru. Guru adalah individu yang bertanggungjawab di peringkat pengajaran dan pembelajaran perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat pendidikan (Abdul Halim Tamuri, 2012). Penerapan kaedah dan strategi pengajaran merupakan syarat untuk mengintensifkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam proses mencapai matlamat PI (Syahrul Riza, 2008).

Setelah hampir 25 tahun KPI KBSM dilaksanakan di sekolah, pemantauan dan penyemakan tentang keberkesanan mata pelajaran PI sentiasa dilakukan (Zakaria Stapa, 2012). Pada tahun 1996, KPM telah memutuskan untuk menyemak KPI bagi penambahbaikan (Asmawati Suhid, 2009). Pada tahun 2000, KPM telah menyemak semula sukatan pelajaran PI sejajar dengan semua mata pelajaran lain dalam kurikulum kebangsaan. Sukatan pelajaran Kurikulum Semakan PI telah dibentangkan kepada

Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Dr. Mahathir Mohamed pada 8 Mac 2001 (Bahagian KPI dan Moral, KPM, 2004). Pada tahun 2002, KPI sekali lagi disemak dan pada tahun 2003 PI membawa kepada pelaksanaan kurikulum baru pada peringkat Tingkatan Satu. Penambahan bidang Hadis dalam Tilawah al-Quran yang merupakan sumber hukum kedua terpenting dalam Islam dilakukan kepada KPI KBSM (KPM, 2004).

PI menekankan aspek amalan dan penghayatan dalam kehidupan (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Penerapan nilai murni dalam mata pelajaran lain juga perlu diterapkan untuk mewujudkan kesepaduan daripada pelbagai ilmu yang diperoleh dan melahirkan insan yang harmonis, seimbang dan bertakwa dapat dicapai di sekolah menengah (Abdul Rafie Mahat, 2002). Pendidikan yang berteraskan akidah yang betul, penghayatan rohani yang mantap serta amalan nilai murni yang kukuh mampu menjadi paksi dan benteng dalam kehidupan (Azhar Ahmad, 2006).

Persoalannya adakah pelaksanaan KPI yang dilaksanakan hampir 25 tahun telah memenuhi hasrat yang ditetapkan melalui FPK, FPI serta objektif dan matlamat KPI, kemudahan dan proses PdP, keupayaan sumber, pengetahuan asas pendidikan dan pedagogi guru, hubungan guru dengan pelajar serta kerjasama pihak pentadbir, pemantauan dan penilaian yang ditadbirkan, persepsi pelajar dan GPI terhadap KPI, hasil pembelajaran yang ditunjukkan oleh pelajar serta faktor lain dan sebagainya.

1.3 Pernyataan Masalah

Tun Dr. Mahathir Muhamad dalam uapptama Persidangan Kebangsaan Pendidikan Guru dalam Negara Islam 2013 (ICTEM) meminta supaya kurikulum mata pelajaran PI di sekolah perlu dikaji semula bagi memastikan mata pelajaran ini sesuai dengan tuntutan semasa dan menyatakan bahawa buku teks baharu wajar diterbitkan semula serta diguna pakai di sekolah untuk mendapatkan hasil terbaik dalam membentuk modal insan berguna kepada negara. Beliau juga mencadangkan supaya waktu PdP subjek itu di sekolah dipanjangkan dan keutamaan perlu diberikan bukan hanya kepada cara beribadat sahaja malah meliputi cara hidup dan penguasaan ilmu secara menyeluruh kepada pelajar. Kenyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa terdapat kekurangan dan permasalahan dalam pelaksanaan KPI yang sedang berjalan di sekolah menengah sekarang (Syukri Shaari, 2013).

Justeru itu, kajian penilaian pelaksanaan KPI secara terperinci dan menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan mata pelajaran PI sesuai dengan peredaran zaman (Abdul Halim Tamuri, 2012; Jawiah Dakir, 2012; Zakaria Stapa, 2012; Norhayati Fatmi, 2013). Dalam pelaksanaan KPI di sekolah menengah, aspek konteks perlu dikaji kerana aspek ini merupakan permulaan kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan KPI. Aspek konteks merangkumi kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif PI. Kajian Alias Mat Saad et al., (2011) tentang kerelevanan objektif PI Politeknik dengan FPK menunjukkan objektif PI Politeknik KPTM mempunyai ciri-ciri seperti yang dihasratkan oleh FPK iaitu ilmu pengetahuan, keterampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap

keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Hal ini membuktikan KPI tidak menyimpang dari FPK. Namun, kajian ini didapati tidak pula menyatakan secara keseluruhan kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif PI. Menurut Alias Mat Saad et al., (2011) lagi, melalui FPK kita dapat membuat strategi bagi proses penggubalan sesebuah kurikulum agar selaras dengan kehendak semasa. Sehubungan itu, penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah kesesuaian pelaksanaan KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif yang dilaksanakan di sekolah menengah pula.

Aspek input pula perlu dinilai untuk memastikan matlamat dan objektif KPI bersesuaian dan berjalan dengan berkesan. Untuk mencapai matlamat dan objektif KPI, perlu ada input yang mencukupi iaitu kemudahan kelengkapan sekolah, tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam (GPI), tahap keyakinan GPI mengajar PI. Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (2000) menyatakan untuk mencapai kualiti dalam pendidikan, para guru perlu memantapkan aspek profesionalisme. Guru perlu mengemaskinikan secara berterusan tahap pengetahuannya terutama pengetahuan asas ilmu pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan KPI menerusi kursus dalam perkhidmatan (Abdul Rafie Mahat, 2002). Azizah Lebai Nordin (2003) berpendapat guru yang berkesan perlu mengetahui segala aspek yang terdapat dalam sukatan pelajaran PI. GPI bukan sahaja perlu meneliti pelbagai tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran, malah mengetahui falsafah dan objektif PI. Hal ini supaya GPI dapat membawa pelajar ke arah matlamat yang hendak dicapai melalui PdP yang menarik dan berkesan. Mohamad Satar et al., (2006) menyatakan sifat guru yang cemerlang dalam PdP adalah berpengalaman luas dalam bidang pendidikan. Kajian Noor Hisham Md Nawi (2011) mendapati para pelajar

perlu didedahkan kepada kaedah pengajaran yang memerlukan mereka berfikir secara saintifik, kreatif dan kritis dengan menggunakan kemahiran aras tinggi supaya mereka dapat menyelesaikan masalah dengan baik. Azizah Lebai Nordin (2003) menyatakan kelengkapan prasarana sekolah juga menjadi faktor penting dalam pencapaian objektif PI. Justeru itu, kajian aspek input ini perlu dilakukan kerana penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah kemudahan, tahap pengetahuan dan keyakinan diri GPI untuk melaksanakan KPI di sekolah.

Aspek proses perlu dinilai kerana peranan dan keupayaan GPI di dalam bilik darjah amat penting untuk mencapai matlamat dan objektif KPI yang telah digubal dari aspek keupayaan penggunaan BBM, pemantauan pihak terlibat, penilaian terhadap pelajar, hubungan guru dengan pelajar serta pihak pentadbir. Daripada beberapa kajian Azhar Ahmad (2006); Asmawati Suhid (2009); Zakaria Stapa (2012); Jawiah Dakir (2012); Abdul Halim Tamuri (2012) dan Ghazali Yusri (2012) tentang PdP dalam pelaksanaan KPI terutamanya dalam kaitan ke arah pembinaan negara bangsa, aspek yang paling utama yang perlu dikaji ialah bagaimana proses PdP KPI dilaksanakan di dalam bilik darjah. Menurut Noraini Hashim (2005), kaedah penilaian yang digunakan dalam KPI untuk menguji prestasi pelajar lebih berbentuk “*exam oriented*” dan mengabaikan perkembangan rohani dan akhlak pelajar.

Azizah Lebai Nordin (2003) menyatakan ramai pihak telah membincangkan isu dan masalah tentang pelaksanaan PI di sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kurikulum, proses PdP serta kaedah pengajaran GPI dalam bilik darjah. Konsep PI tidak

diterangkan dengan jelas oleh guru dan pelajar masih tidak memahami sesuatu konsep tetapi guru terus mengajar serta beralih kepada konsep yang seterusnya (Abdul Halim Tamuri, 2004). Pemahaman konsep dalam PI amat penting kerana konsep menjadi teras kepada pemahaman pelajaran berikutnya (Zakaria Stapa, 2012). Sokongan dan kerjasama yang baik dari pentadbir sekolah juga adalah faktor penting dalam mencapai matlamat pendidikan berkesan. Hal ini disokong oleh kajian Alma Harris (1996) yang mendapati tahap pencapaian pelajaran akan meningkat sekiranya guru mendapat sokongan yang padu daripada pihak pentadbir sekolah. Begitu juga faktor hubungan mesra antara guru dengan pelajar. Ini dibuktikan dalam kajian Rudzi Munap (2003) mendapati sekiranya guru mengamalkan konsep hubungan yang mesra dengan pelajar, ia akan dihormati dan dikagumi oleh pelajar-pelajarnya.

Untuk menilai sesuatu kurikulum, aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan kurikulum ialah hasil pencapaian pelajar atau produk (Azizi Yahaya, 2001). Hasil pencapaian pelajar merupakan aspek penting dalam menilai sesuatu kurikulum secara menyeluruh (Nagendralingan, 2000). Aspek produk atau hasil pencapaian pelajar dari segi pembentukan sikap pelajar dan pengaplikasian PI dalam kehidupan seharian pelajar. Aspek ini menjadi asas dalam penentuan keberkesanan pelaksanaan KPI. Kajian Abdul Halim Tamuri (2012) tentang keberkesanan pelaksanaan PI dalam sistem pendidikan kebangsaan menunjukkan tahap pengetahuan pelajar di Malaysia dalam bidang ibadah, tilawah al-Quran dan hadis yang mendapat nilai terendah berbanding bidang akidah didapati mendapat nilai tertinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat sejumlah 26% pelajar yang belajar PI hanya untuk lulus dalam

peperiksaan sahaja menyebabkan mereka kurang mengamalkan ilmu yang mereka peroleh. Kajian ini juga menunjukkan faktor guru menjadi semakin penting jika dilihat hubungannya dengan pelaksanaan PI dan penghayatan akhlak pelajar. Kajian Noraini Omar (2008) mendapati faktor sikap dan minat pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran PI. Hasil pemantauan SPIM JPN Kelantan 2011 mendapati faktor penurunan prestasi pelajar dalam mata pelajaran PI adalah disebabkan kelemahan GPI dalam melaksanakan kaedah pengajaran menyebabkan pelajar tidak berminat untuk belajar (JPNK, 2011).

Kajian ini dijalankan di negeri Kelantan kerana pengkaji ingin melihat kenapakah keputusan peperiksaan SPM di negeri Kelantan bagi mata pelajaran PI mengalami ketidakstabilan iaitu turun naik sejak tahun 2006 hingga 2012 sebagaimana Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1 Analisis Keputusan SPM 2006-2012 Peringkat Negeri Kelantan

Mata Pelajaran	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Pendidikan Islam	82.55	86.14	86.19	87.08	85.66	87.23	86.31

Sumber: Analisis Keputusan SPM (JPN Kelantan, 2013)

Kajian ini juga telah dijalankan di sekolah-sekolah bandar dan luar bandar negeri Kelantan kerana terdapat beberapa kajian menunjukkan kelemahan pelajar yang mengambil mata pelajaran PI yang berpunca daripada pengajaran guru sama ada di bandar ataupun luar bandar (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007; Suhaimi Muhamad, 2007; Mohd Yakub Mohd Yusof & Saidi Mohd, 2008; Jawiah Dakir, 2012; Zakaria Stapa,

2012; Abdul Halim Tamuri, 2012). Sehubungan itu, penyelidik ingin mengetahui secara mendalam bagaimana proses pelaksanaan KPI dengan membuat perbandingan adakah terdapat perbezaan antara sekolah bandar dan luar bandar dalam pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Kajian ini berasaskan Model Penilaian *Context, Input, Process, Product* (CIPP) oleh Stufflebeam (2003) yang sesuai dijadikan sebagai kerangka asas kajian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menilai proses pelaksanaan KPI di sekolah menengah berasaskan dari dimensi konteks, input, proses dan produk. Manakala objektif khusus kajian ini dilakukan untuk:

- 1.4.1 Menilai kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat, objektif PI dari dimensi konteks.
- 1.4.2 Menilai kemudahan-kemudahan, tahap pengetahuan GPI, kemahiran GPI menggunakan AAV dan keyakinan diri untuk melaksanakan proses PdP dari dimensi input.
- 1.4.3 Menilai proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan dan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama pihak pentadbir terhadap proses PdP yang lebih baik dari dimensi proses.
- 1.4.4 Menilai tahap kepuasan dan minat, impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar dari dimensi produk.
- 1.4.5 Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi konteks, input dan proses.

- 1.4.6 Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang juga dibahagikan kepada empat dimensi penting seperti berikut:

- 1.5.1 Sejauh manakah kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat PI dan objektif PI dari dimensi konteks?
- 1.5.2 Sejauh manakah kemudahan-kemudahan, tahap pengetahuan GPI, kemahiran GPI menggunakan AAV dan keyakinan diri untuk melaksanakan proses PdP dari dimensi input?
- 1.5.3 Sejauh manakah proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan dan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama pihak pentadbir terhadap proses PdP yang lebih baik dari dimensi proses?
- 1.5.4 Sejauh manakah tahap kepuasan dan minat, impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar dari dimensi produk?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi konteks, input dan proses?
- 1.5.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk?


1.6 Hipotesis Kajian

Merujuk kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan, hipotesis-hipotesis nol telah dibentuk untuk menguji kebenaran dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI dari dimensi konteks.
- Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input.
- Ho3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pengetahuan GPI dari segi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input.
- Ho4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan hubungan guru dengan pentadbir dari dimensi proses.
- Ho5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk iaitu aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan kepada adaptasi Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007) yang mempunyai empat aspek penilaian iaitu konteks, input, proses dan produk.



Rajah 1.1: Model CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan tiga bulatan yang mempunyai pemusatan yang sama dalam beberapa dimensi asas Model CIPP. Nilai teras yang berada di tengah bulatan pemusatan menggambarkan nilai yang seharusnya dikenal pasti dan digunakan untuk menjadi dasar kepada penilaian yang dilakukan oleh seseorang penilai. Bulatan yang melingkari nilai teras dibahagikan kepada empat penilaian yang berkongsi dengan mana-mana salah satu program iaitu matlamat, perancangan, tindakan dan hasil. Manakala bulatan di luar menunjukkan dimensi-dimensi penilaian iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Setiap dua anak panah itu menunjukkan saling berhubung antara tumpuan penilaian tertentu dengan jenis penilaian. Peranan program matlamat adalah untuk mengemukakan persoalan terhadap penilaian konteks. Usaha untuk mempertingkatkan program perancangan akan menimbulkan persoalan terhadap penilaian input. Program tindakan membawa kepada persoalan terhadap penilaian proses. Manakala kelebihan, kelemahan atau wujud kesan sampingan sesuatu program merupakan hasil yang akan membawa kepada penelitian terhadap penilaian

produk. Semua dimensi ini berperan dalam mendasari penilaian terhadap nilai teras tersebut (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007), Azizi Yahaya (2009), Fatimah Tambi (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011) dan Ghazali Yusri (2012).

Berasaskan teori, model dan dapatan kajian-kajian, penyelidik menggarap kerangka konseptual kajian seperti Rajah 1.2 di atas yang dibina berasaskan adaptasi indikator-indikator model CIPP yang dicadangkan oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007).

1.7.1 Rasional Pemilihan Model Penilaian CIPP sebagai Asas Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidik berpendapat bahawa model penilaian CIPP yang telah dibina oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007) adalah sesuai digunakan sebagai asas kerangka konseptual kajian ini kerana model ini menggambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbang kepada proses membuat keputusan dalam amalan pendidikan. Ini bersesuaian sekali dengan matlamat kajian ini yang memerlukan keputusan sama ada perlu mengubahsuai atau menambah baik aspek yang didapati tidak sesuai dan mengganggu proses pelaksanaan KPI ini.

Model ini berfokuskan secara khusus kepada penilaian yang bermatlamatkan kesan jangka panjang dan penambahbaikan berterusan (Azizi Yahaya, 2009). Model ini adalah komprehensif dan dapat menjelaskan serta menghuraikan bagaimana penilaian boleh memberikan sumbangan kepada proses membuat keputusan (Nor Hayati Fatmi, 2013). Menurut Azmil Hashim (2010), model ini menekankan pengawalan terhadap perancangan, penyusunan dan pelaksanaan program. Rudzi Munap (2003) menyenaraikan tiga rasional mengapa model ini sesuai untuk menilai sesuatu program iaitu: (i) Model CIPP menyediakan kerangka untuk mengumpul dan memberikan maklumat untuk memastikan keberkesanan sesuatu program pendidikan; (ii) Model CIPP merupakan satu proses menggambarkan, memperoleh dan menyediakan maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan memilih tindakan alternatif dan bukannya untuk menghakimkan bagi menentukan sama benar atau salah sesuatu program; (iii) Model CIPP boleh merumuskan tiga tujuan iaitu memberi panduan untuk membuat keputusan,

memberikan rekod untuk lebih bertanggungjawab dan menggalakkan pemahaman terhadap fenomena yang berlaku.

Model Penilaian CIPP mempunyai beberapa kelebihan iaitu: (i) Boleh dibuat penilaian sama ada sebelum, semasa atau selepas projek itu berjalan; (ii) Penyelidik boleh memilih sama ada ingin menggunakan keempat-empat dimensi atau salah satu dimensi yang sesuai (Stufflebeam, 2003); (iii) Maklumat yang dikumpul memudahkan penyelidik membuat keputusan untuk dijadikan panduan di peringkat perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan penghasilan; (iv) Hasil daripada semua maklumat dikumpulkan pada peringkat produk, keputusan akan dibuat sama ada sesuatu program itu perlu diteruskan, diperbaiki, ditambah atau diberhentikan; (v) Model ini dikatakan antara model yang terbaik kerana ia bersifat menyeluruh (Mohd Zainul Arifien, 2009); (vi) Penekanan Penilaian ini digunakan secara proaktif untuk penambahbaikan sesuatu program dan juga secara retroaktif iaitu bertujuan menyumbang kepada akauntabiliti (Stufflebeam, 2003); (vii) Matlamat penilaian CIPP adalah untuk memastikan bagaimana pembuat keputusan dapat menggunakan hasil penilaian dalam projek mereka. Model CIPP juga dapat membantu membentuk perubahan walaupun sesuatu program masih lagi di dalam proses pelaksanaan (Mohd. Nordin Abu Bakar, 2011).

Kajian ini adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat atau gambaran yang menyeluruh tentang pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Maklumat yang diperoleh bermanfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KPI untuk dijadikan

panduan dalam merancang langkah penambahbaikan dan tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi sekiranya ada masalah dalam pelaksanaan kurikulum tersebut.

Penyelidik yakin penilaian yang dilaksanakan dengan menggunakan Model Penilaian CIPP ini akan mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur kerana pendekatan ini menjelaskan spesifikasi yang boleh dinilai. Menurut Phi Delta Kappa *National Study Committee of Evaluation* telah mencadangkan bahawa penilaian ini boleh digunakan sebagai satu proses untuk menerangkan, memperoleh dan membekalkan maklumat yang berguna dalam penentuan keputusan (Chan Yuen Fook, 2003). Menurut Kennedy (1982), Model CIPP ini amat berguna dalam usaha meningkatkan keberkesanan mengikut persepsi pelajar yang telah mengikuti program tersebut bertujuan untuk menilai kualiti sesuatu program tersebut.

Model Penilaian CIPP ini sangat digemari dan popular dalam kalangan penyelidik bukan sahaja dalam negara malah luar negara untuk menilai sesuatu program (Fatimah Tambi, 2009). Di antara para penyelidik yang dapat disebutkan adalah Stufflebeam et al. (1971), Kennedy (1982), Abu Bakar Nordin (1986), Suchada (1986), Chaivot (1986), Fowzia Osman (1990), Dekkers & Driessen (1997), Lazonder et al., (1999), Visserscher et al., (1999), Bhola (1998), Jamil Ahmad (2002), Shapiee Lugom (2002), Rudzi Munap (2003), Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2004), Mohamad Hussin Mohd Yusof (2006), Fatimah Tambi (2009), Azizi Yahaya (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011), Ghazali Yusri (2012) dan Nor Hayati Fatmi (2013).

1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini memberikan gambaran dan maklumat sama ada pelaksanaan KPI yang dijalankan di sekolah menengah telah mencapai matlamat dan objektif PI seperti yang dihasratkan. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan atau asas kepada pengurusan kurikulum di KPM, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), SPIM JPN, PPD, sekolah dan guru serta agensi terlibat untuk meningkatkan lagi pelaksanaan KPI yang telah memasuki lebih dua dekad pelaksanaannya.

Dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai maklumat asas dalam meningkatkan dalam pelaksanaan PdP PI di seluruh negara. Di samping itu, kajian ini juga dapat menyumbang kepada pihak perancang kurikulum baru dan terkini terutama dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan menggantikan KBSM pada tahun 2017 nanti. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai asas kepada kursus latihan dalam perkhidmatan dalam kalangan GPI. Pihak KPM, JPN dan PPD boleh merangka dan melaksanakan kursus dalaman untuk meningkatkan tahap pengajaran GPI. Di samping itu, pihak KPM juga dapat meningkatkan kompetensi GPI dengan membuka peluang kepada guru menyambung pelajaran di peringkat ijazah atau ijazah sarjana melalui cuti sepenuh masa atau cuti separuh masa bergaji penuh dengan tawaran biasiswa Persekutuan sesuai dengan target KPM tahun mulai 2010 supaya guru di sekolah menengah majoriti memiliki ijazah (KPM, 2012).


Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, pihak yang berkuasa juga boleh memperbaiki kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan

yang telah wujud. Pihak BPG, Institut Pendidikan Guru, Kolej dan Universiti boleh merangka kursus untuk meningkat tahap pendidikan keguruan, khususnya untuk bakal-bakal GPI. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu perancangan Kursus Dalam Perkhidmatan yang diperlukan oleh para GPI di sekolah menengah bagi tujuan menambah baik serta mempertingkatkan lagi tahap PdP di bilik darjah. Di samping itu, ianya memberi peluang kepada pelajar untuk melahirkan pandangan dan memberi input positif di samping penilaian tentang PdP GPI. Dapatan kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh para GPI untuk menilai diri sendiri khususnya keberkesanan PdP di bilik darjah hasil daripada maklum balas para pelajar dan guru-guru tersebut.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan KPI berbentuk kajian deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Memandangkan pelbagai kekangan adalah di luar kawalan penyelidik seperti kesuntukan masa dan kewangan, kajian ini hanya menilai pelaksanaan KPI di sekolah menengah bandar dan luar bandar di negeri Kelantan. Manakala responden kajian ini ialah GPI dan pelajar tingkatan empat yang terlibat secara langsung dengan KPI di 10 daerah negeri Kelantan. Kajian ini mengkaji penilaian KPI KBSM semakan 2003 di peringkat Menengah atas Tingkatan 4 sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak boleh dibandingkan dengan kajian yang mengkaji penilaian KPI di peringkat Menengah Rendah.

Kajian ini menjadikan pelajar Tingkatan 4 dan GPI sebagai subjek kajian terhadap pelaksanaan KPI di Sekolah Menengah. Rasional pelajar Tingkatan 4 dipilih kerana mereka telah mengikuti KPI selama 9 tahun di dalam KBSR dan KBSM serta telah mengalami proses pengalaman dengan KPI dalam jangka waktu yang lama sehingga mampu menilai diri mereka dalam aspek penghayatan ajaran Islam. Pemilihan GPI dalam kajian ini kerana mereka sebagai pelaksana yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan penilaian KPI di Sekolah Menengah. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelajar Tingkatan 4 yang belajar di SMK negeri Kelantan kerana budaya dan masyarakat negeri ini majoriti 95% Melayu Muslim (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Seramai 400 orang pelajar Tingkatan 4 dan 300 orang GPI dipilih menjadi sampel kajian. Dapatan kajian ini terbatas kepada pelaksanaan KPI di sekolah-sekolah tersebut sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh pelajar dan GPI sekolah menengah di Malaysia tetapi hanya dapat digeneralisasikan di peringkat negeri Kelantan sahaja. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan KPI yang sedang dilaksanakan untuk Tingkatan 4 sekarang. Untuk keterangan lanjut seperti yang terdapat pada Rajah 1.3 kerangka kerja kajian di bawah.



Rajah 1.3: Kerangka Kerja Kajian

1.10 Definisi Operasional

Menerusi kajian ini, beberapa definisi secara operasional dijelaskan mengikut konteks kajian. Beberapa definisi yang ada kaitannya dengan masalah kajian, rasional, tujuan, batasan, pensampelan, metodologi dan analisis statistik akan dikemukakan dalam huraian di bawah untuk menentukan ketepatan dan kekemasan kajian.

1.10.1 Penilaian Kurikulum

Stufflebeam (2003) menyatakan penilaian itu adalah satu proses yang menggambarkan, mengumpulkan dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih keputusan alternatif atau untuk pembuat keputusan. Penilaian kurikulum dalam konteks kajian ini ialah proses mencari maklumat tentang pelaksanaan KPI merangkumi perancangan, objektif, sumber, pelaksanaan dan hasil dengan menggunakan Model penilaian *Context, Input, Process, Product* (CIPP) oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007).

1.10.2 Pelaksanaan Kurikulum

Ornstein dan Hunkins (2009) menyatakan pelaksanaan kurikulum yang berjaya ialah pelaksanaannya melibatkan proses yang membawa sesuatu perubahan baru, menstrukturkan semula dan menggantikan dengan yang baru. Pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini ialah merujuk kepada pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai di sekolah menengah khususnya di bilik darjah mengikut yang dikeluarkan oleh BPI, SPIM, KPM pada tahun 2003. Pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini juga merangkumi KPI KBSM yang telah dilaksanakan di sekolah menengah sejak ianya digubal tahun 1988 dan dilaksanakan di sekolah pada tahun 1989 hingga sekarang.

1.10.3 Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Menerusi konteks kajian ini, KPI merujuk kepada rancangan pelajaran PI KBSM Tingkatan 4 di sekolah menengah seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran PI yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2003. KPI KBSM semakan 2003 ini adalah merujuk kepada mata pelajaran PI (Teras) yang sedang diguna pakai oleh warga pendidik di sekolah sekarang.

1.10.4 Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

FPK ditafsirkan sebagai suatu usaha untuk memperkembangkan empat jenis potensi iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek yang dinyatakan yang perlu dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003). Dalam kajian ini berdasarkan FPK, KPI hendaklah selaras dan disusun agar dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sahsiah.

1.10.5 Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Menerusi konteks kajian ini, pelaksanaan KPI di sekolah memenuhi hasrat dan kesesuaian dengan kehendak FPI yang merupakan suatu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, bertanggungjawab membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

1.10.6 Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Melalui konteks kajian ini, pelaksanaan KPI di sekolah selaras dengan matlamat KPI tingkatan empat untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia.

1.10.7 Objektif Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Melalui konteks kajian ini, pelaksanaan KPI di sekolah selaras dengan objektif KPI Tingkatan 4 iaitu dapat membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat al-Quran dan Hadis, memantapkan pegangan akidah Islamiah, memperkukuhkan amalan ibadat, memahami dan mengambil iktibar Sirah Nabawiyah, berakhlak mulia dan mengamalkan nilai murni serta membaca dan menulis jawi melalui penggunaannya dalam PdP PI.

1.10.8 Kemudahan-Kemudahan

Kemudahan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kemudahan asas yang disediakan oleh pihak sekolah yang bertujuan melicinkan pelaksanaan KPI seperti PSS, bilik darjah yang sesuai dan mencukupi untuk pelajar Islam, media elektronik seperti AAV yang sesuai dan mencukupi, buku teks dan bahan rujukan yang sesuai dan mencukupi serta peruntukan waktu pengajaran PI.

1.10.9 Pengetahuan Guru Pendidikan Islam (GPI)

Pengetahuan GPI yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengetahuan dalam bidang asas pendidikan merangkumi pengetahuan dan kefahaman GPI dalam teori-teori PdP, tingkah laku manusia, motivasi, tahap pengetahuan tentang FPK, FPI, matlamat dan

objektif PI. Pengetahuan GPI dalam bidang pedagogi pula tahap pengetahuan dan kefahaman tentang pengurusan bilik darjah dan tingkah laku pelajar serta kaedah mengajar dalam PI. Manakala pengetahuan dalam bidang KPI dari aspek pengetahuan membaca, menghafaz, memahami ayat al-Quran, bidang ulum syariah, sirah dan akhlak Islamiah.

1.10.10 Profesionalisme Guru

Profesionalisme guru menerusi konteks kajian ini, keupayaan GPI menggunakan AAV iaitu kebolehan dan kemahiran GPI menggunakan multimedia dalam PdP PI. Di samping itu, GPI mempunyai keyakinan diri dalam mengajar PI dengan mempunyai tahap profesional dalam profesion pendidikan. Aspek kepimpinan, fasilitator, *role model*, pengurusan masa, integriti dan akauntabiliti serta boleh menyampaikan pengajaran bidang tilawah al-Quran dan Hadis, Ulum Syar'iyah, adab dan akhlak, sirah Nabawiyah dan tamadun Islam, kepelbagaian kaedah PdP dan memilih bahan-bahan yang sesuai serta terkini.

1.10.11 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Pihak sekolah perlu menyediakan BBM dari segi kemudahan dan kelengkapan BBM berfungsi dengan baik, kuantiti yang mencukupi dan terkini. Penggunaan BBM dapat menarik minat untuk menguasai konsep dan merangsang pembelajaran pelajar dan mencetuskan pembelajaran yang lebih ceria serta dapat membantu mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan interaksi pelbagai

hala antara guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan BBM serta guru dengan BBM.

1.10.12 Pemantauan PdP

Pemantauan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah tugas pihak pentadbir sekolah, pegawai JAPIM, JPN, Jemaah Nazir menyelia atau mencerap aspek pelaksanaan KPI di sekolah. Dalam hal ini, pegawai yang mencerap harus sentiasa berbincang dan berunding dengan GPI dengan memberi nasihat jika perlu. Pemerhatian dan pemeriksaan perlu dibuat oleh pegawai yang berkenaan untuk melihat sendiri amalan-amalan KPI di sekolah. Selain itu, pencerapan pihak pentadbir iaitu Pengetua, Guru Penolong Kanan, Ketua Panitia sekolah untuk memantau pelaksanaan KPI.

1.10.13 Pelaksanaan Penilaian

Penilaian boleh dilakukan sama ada dalam bentuk penilaian sumatif atau formatif. Menerusi kajian ini, penilaian dilakukan untuk menentukan tahap pelajar PI dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan menghafaz tilawah al-Quran, menjalankan ibadat-ibadat PAFA secara amali, memahami dan menghayati adab dan akhlak Islamiah dalam kehidupan seharian, mampu menjawab soalan ujian dan peperiksaan, mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran dan menentukan pelajar PI mempunyai keyakinan diri.

1.10.14 Hubungan GPI dengan pelajar

GPI perlu mempunyai hubungan interaksi yang baik dengan pelajar agar guru dapat memotivasikan pelajar bagi menimbulkan minat dan perhatian mereka terhadap aktiviti PdP dalam bilik darjah. Hubungan guru dengan pelajar merupakan titik tolak yang terpenting sekali di dalam pendidikan. Hampir setiap hari guru-guru berinteraksi dengan pelajar secara individu. GPI perlu mempunyai hubungan mesra dengan pelajar, prihatin dengan prestasi akademik pelajar, memberi peluang kepada pelajar untuk membincangkan masalah mereka, menanamkan minat murid terhadap pelajaran mereka, meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar, menunjukkan sikap ingin menolong walaupun sibuk dengan tugas, meningkatkan interaksi dengan pelajar dalam bilik darjah, menimbulkan persekitaran yang menyeronokkan pelajar dan menziarahi rumah pelajar Islam yang bermasalah.

1.10.15 Kerjasama pihak Pentadbir

Kerjasama pihak pentadbir merujuk kepada sifat atau sikap keprihatinan pihak pentadbir di sekolah yang biasanya terdiri daripada Pengetua atau PK yang mengambil berat, komunikasi dua hala serta layanan sebagai ketua kepada kakitangan akademik secara profesional. Kerjasama dan sokongan pentadbir adalah sama ada dalam bentuk fizikal atau moral dalam menggerakkan GPI melaksanakan KPI dengan berkesan. Pentadbir juga harus menjalankan penilaian ke atas PdP untuk mengenal pasti kekurangan pelaksanaan dan mengambil langkah penambahbaikan. Para pentadbir memberi keutamaan kepada program atau aktiviti keagamaan di sekolah, menggalakkan guru untuk mengemukakan masalah dan memberi pendapat serta cadangan bagi meningkatkan pelaksanaan KPI di

sekolah, menunjukkan minat dan komitmen dalam usaha meningkatkan kualiti pelaksanaan KPI di sekolah, memberikan penghargaan kepada GPI dan guru-guru yang memberi sumbangan ke arah meningkatkan PI, mengawasi kemajuan pelajar PI dan pelaksanaan KPI secara keseluruhannya, memberitahu ibu bapa mengenai kemajuan dan pencapaian pelajaran serta akhlak anak mereka dalam pembelajaran di sekolah dan mengikuti perkembangan program dan aktiviti yang dianjurkan Panitia PI. Kerjasama guru dengan pihak pentadbir yang baik akan melahirkan pelajar dan sekolah yang berkesan.

1.10.16 Impak

Aspek impak dalam konteks kajian ini ialah KPI memberi pengaruhi dari segi tahap kepuasan dan minat pelajar terhadap mata pelajaran PI. Pelajar merasa penting mempelajari mata pelajaran PI dan berguna dalam kehidupan seharian. Di samping itu, pelajar dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis tilawah al-Quran dan Hadis, mampu menjawab soalan ujian dan peperiksaan, menunjukkan prestasi yang meningkat dalam ujian dan peperiksaan serta mampu mengubah kehidupan pelajar menjadi lebih baik.

1.10.17 Keberkesanan

Aspek keberkesanan dalam konteks kajian ini adalah pelaksanaan pengajaran GPI mencapai objektif PI. Pelajar dapat membaca, menghafal dan memahami serta menguasai ayat-ayat al-Quran dan Hadis dan menghayatinya. Pelajar juga dapat

memahami Ulum Syar'iyah, Ibadat, Sirah Nabawiyah, Tamadun Islam, Adab dan Akhlak Islamiah seperti yang dihasratkan dalam matlamat dan objektif KPI.

1.10.18 Kemampanan

Aspek kemampanan dalam konteks kajian ini ialah merujuk kepada tahap sikap positif pelajar terhadap pembelajaran berdasarkan matlamat dan objektif PI sepertimana yang dinilai oleh GPI, boleh menjalankan ibadat-ibadat secara amali, menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia, memahami dan menghayati adab dan akhlak Islamiah serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

1.10.19 Kebolehpindahan

Aspek kebolehpindahan dalam konteks kajian ini iaitu pelajar dapat mengamalkan nilai murni yang diterapkan melalui pembelajaran PI serta dapat berkongsi nilai murni yang diterapkan semasa mempelajari PI dengan orang sekelilingnya dan dapat mendorong pelajar untuk menjaga sahsiah peribadi yang baik. Pembelajaran PI juga dapat membantu pelajar membaca, menghafal dan memahami ayat-ayat al-Quran dan Hadis dengan baik dan dapat mengamalkan dalam kehidupan seharian. Di samping itu, pembelajaran KPI juga dapat membantu memantapkan akidah pelajar dengan baik dan mengenali tokoh-tokoh Islam untuk dijadikan *role model* dalam kehidupan seharian dan menjadikan pelajar seorang Muslim yang berakhlak mulia.

1.10.20 Kategori Sekolah

Kajian ini akan menggunakan kategori sekolah yang telah ditetapkan oleh Bahagian Sekolah, KPM terhadap semua sekolah kerajaan iaitu lokasi pendaftaran adalah seperti yang telah ditetapkan oleh JPNK berdasarkan kategori bandar dan luar bandar semasa permohonan kod sekolah dibuat dan ia tidak boleh dipinda iaitu kod “1” untuk bandar dan kod “2” untuk luar bandar. Seluruh daerah negeri Kelantan mempunyai 10 buah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) sekolah bandar dan luar bandar.

1.11 Kesimpulan

Untuk memastikan kurikulum ini memenuhi dan mencapai hasrat KPM, maka penilaian pelaksanaan KPI hendaklah dijalankan supaya dapat mengetahui sejauh mana pencapaian kurikulum tersebut. Bab ini secara umumnya telah memperkenalkan kajian yang dijalankan mengenai persoalan yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian.

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Penyelidikan yang berkaitan dengan pelaksanaan KPI di Sekolah Menengah secara menyeluruh ini dapat dikatakan sebagai kajian perintis dalam menilai pelaksanaan KPI di peringkat Sekolah Menengah dari sudut Konteks, Input, Proses dan Produk. Keseluruhan bab ini akan membincangkan berkenaan konsep kurikulum dan model penilaian kurikulum berkenaan dengan pelaksanaan KPI termasuklah tentang konsep, matlamat, objektif, sejarah perkembangan KPI serta kajian-kajian lepas berkaitan KPI dan Teori Model CIPP.

2.2 Kurikulum

Menurut Ishak Ramly (2003), sistem pendidikan yang terancang akan menghasilkan produk yang baik, ia bermula dari peringkat pembinaan kurikulum yang berkualiti sehinggalah peringkat pelaksanaan kurikulum tersebut. Oleh itu kualiti sistem pendidikan sesebuah negara itu bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina melalui peringkat perancangan dan pelaksanaan yang berkesan (Kamaruddin Husin, 2004). Kurikulum bersifat dinamik, saintifik dan sentiasa mengalami penambahbaikan sejajar dengan kehendak dan keadaan semasa (Nagendralingan, 2000).

2.2.1 Konsep Kurikulum


Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 dalam KPM (1980) telah menyatakan kurikulum adalah rancangan pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan dan kemahiran, nilai dan norma dan dikendalikan oleh institusi pelajaran yang terbahagi kepada dua iaitu kurikulum akademik dan ko-kurikulum. Nik Rahimi Nik Yusoff (2004) menyatakan kurikulum mempunyai pelbagai pengertian disebabkan oleh perbezaan berasaskan perspektif seseorang seperti pendekatan tingkah laku (*behavioral approach*), pendekatan kepengurusan (*managerial approach*), pendekatan kemanusiaan (*humanistic approach*) dan pendekatan akademik (*academic approach*).

Pada perspektif Barat pula, kurikulum didefinisikan suatu rancangan yang dibina oleh institusi pendidikan yang menyediakan ruang pembelajaran bagi mencapai objektif menyeluruh dan spesifik yang berkaitan dengan pembelajaran untuk pelajar sekolah (Saylor et al., 1981). Tanner (1995) menyatakan kurikulum adalah rancangan pengalaman pembelajaran untuk mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Manakala Ornstein dan Hunkins (2013) mendefinisikan kurikulum suatu rancangan atau dokumen bertulis yang mengandungi kaedah untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Menurut Ornstein dan Hunkins (2013), kurikulum adalah pengalaman yang diperoleh di bawah pengelolaan pihak sekolah dan guru yang membawa kepada pembelajaran.

Menurut perspektif Islam, perkataan kurikulum dalam bahasa Arab ialah '*manhaj*' dari kata dasar '*nahaja*' yang bermaksud mengikut jalan atau menjelaskan sesuatu. Al-Syaibani dan Mohd Omar Al Toumi (1991) menyatakan maksud '*manhaj*' dari sudut bahasa ialah jalan yang terang. Menurut Hassan Langgulung (1991), kurikulum adalah pengalaman pendidikan, budaya, sosial, sukan dan seni yang disediakan oleh institusi pendidikan di dalam dan di luar bilik darjah untuk perkembangan menyeluruh dan mengubah akhlak pelajar. Dari beberapa tokoh di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kurikulum adalah suatu dokumen perancangan pembelajaran yang direka bentuk oleh pakar sesuatu kurikulum untuk dirujuk oleh guru dan dipelajari oleh pelajar di dalam dan di luar kawasan sekolah.

2.2.2 Teori Model Pelaksanaan Kurikulum

Dalam kajian ini, penyelidik telah meneliti dan memilih Teori Model pelaksanaan kurikulum yang diperkenalkan oleh Saylor et al. (1981). Penyelidik tertarik dengan teori ini kerana ia menggariskan pelaksanaan kurikulum bermula dari asas kurikulum, matlamat dan objektif kurikulum, reka bentuk kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan penilaian kurikulum. Untuk melihat secara jelas langkah teori model ini, lihat pada Rajah 2.1 di bawah.



Rajah 2.1: Teori Model Pelaksanaan Kurikulum adaptasi Model Saylor et al.(1981)

Menurut Saylor et al. (1981), dalam membina teori model kurikulum ini terdapat beberapa langkah iaitu i) menentukan matlamat dan objektif spesifik yang ingin dicapai dalam pendidikan, ii) proses mereka-bentuk kurikulum, pereka kurikulum akan membuat keputusan tentang kesesuaian reka bentuk kurikulum yang digunakan dalam proses membina kurikulum, iii) guru-guru perlu merancang dan melaksanakan pengajaran mengikut kurikulum. Guru-guru akan memilih media dan kaedah, strategi, media pembelajaran dan objektif pembelajaran yang sesuai untuk membantu pelajar menguasai kurikulum, iv) dalam penilaian kurikulum, perancang kurikulum akan membuat prosedur penilaian bagi menilai rancangan kurikulum yang telah dibina untuk mendapat maklum balas dari pelanggan tentang hasil sesuatu pelaksanaan kurikulum.

Berdasarkan teori model pelaksanaan kurikulum di atas, penyelidik telah mengkaji dan mengenal pasti dimensi-dimensi dalam membantu pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Dimensi-dimensi tersebut iaitu kesesuaian kurikulum dengan FPK, matlamat dan objektif, pelaksanaan kurikulum dan penilaian kurikulum. Dalam kajian penilaian pelaksanaan KPI di sekolah menengah pula, penyelidik telah memilih Model Penilaian

CIPP oleh Stufflebeam (2003) sebagai asas dalam kerangka kajian ini. Rasional pemilihan Model penilaian CIPP telah dijelaskan dalam bab 1.

2.2.3 Penilaian Kurikulum

Penilaian kurikulum merujuk kepada proses pengkajian tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan (Saedah Siraj, 2001). Sememangnya tidak boleh dinafikan bahawa penilaian kurikulum merupakan unsur atau elemen kepada perubahan kurikulum yang seterusnya membawa kepada reformasi dalam pendidikan khususnya pembentukan kurikulum.

Stufflebeam (2003) menyatakan penilaian sebagai cara mendapat maklumat dan menggunakannya dalam membuat keputusan. Cronbach (1963) menjelaskan penilaian adalah pengumpulan maklumat bagi membolehkan sesuatu keputusan dibuat. Kenyataan ini disokong oleh Alkin (1969) yang menjelaskan penilaian adalah proses menentukan keputusan terhadap sesuatu perkara tertentu, pemilihan maklumat-maklumat yang sesuai dan mengumpul serta menganalisis maklumat tersebut bagi tujuan membuat keputusan. Berdasarkan keputusan tersebut membolehkan penambahbaikan terhadap sesuatu kurikulum itu dapat dilaksanakan.

Zuber Hassan (1998) menyatakan penilaian kurikulum sebagai satu proses dalam membuat keputusan sesuatu kurikulum yang telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pencapaian objektif dan matlamat pendidikan yang ditetapkan. Menurut

Abu Bakar Nordin (1990), penilaian kurikulum mencakupi aktiviti-aktiviti yang menghurai tentang program pendidikan. Menurut beliau lagi, disebabkan kurikulum melibatkan berbagai aspek dan elemen berkaitan dengan program pendidikan, maka sekurang-kurangnya aktiviti penilaian dapat difokuskan kepada sesuatu aspek atau beberapa aspek yang telah ditentukan terlebih dahulu. Sebagai contoh, aspek yang boleh dinilai ialah aspek hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran mungkin dalam bentuk pengetahuan, kemahiran atau motivasi pelajar. Selain itu, aspek kaedah dan strategi juga boleh difokuskan dalam penilaian untuk dijadikan panduan kepada guru dalam meningkatkan atau memperbaiki kaedah dan strategi dalam pengajarannya.

Menurut Oliva (2009), penilaian dalam pengajaran adalah sebahagian daripada penilaian kurikulum. Dalam penilaian kurikulum terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab iaitu: (i) Sejauh manakah tepatnya objektif dan tujuan kurikulum yang dibina; (ii) Sejauh manakah kurikulum tersebut berfungsi semasa kurikulum dilaksanakan di sekolah; (iii) Sejauh manakah kaedah-kaedah dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru; (iv) Sejauh manakah kejayaan pelajar yang dihasilkan di peringkat sekolah berjaya di dalam pendidikan tinggi ataupun dalam bidang kerjaya mereka, sama ada mereka boleh berfungsi dalam kehidupan mereka sendiri dan juga menyumbang kepada masyarakat; (v) Sejauh manakah ketepatan perbelanjaan dan kos yang diperuntukkan, sama ada setiap sen yang dikeluarkan itu memberi pulangan yang baik kepada rakyat. Menurut Saedah Siraj (2001), penilaian kurikulum sebagai satu proses pengkajian tahap kejayaan dan keberkesanan sama ada sesuatu aspek atau keseluruhan sesebuah kurikulum dari segi ketepatan objektif, kesesuaian kandungan serta tahap

pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan. Vincent (2005) merumuskan penilaian kurikulum ialah satu proses mengumpul dan mencari maklumat bagi membolehkan sesuatu keputusan dibuat.

Berdasarkan beberapa definisi kurikulum di atas, maka penyelidik merumuskan penilaian kurikulum adalah proses pengumpulan maklumat berkaitan dengan program pendidikan yang dilaksanakan. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis bagi menilai dan menentukan sama ada sesuatu kurikulum tersebut perlu dikekalkan, dikaji semula, dibuat penambahbaikan atau dirombak secara keseluruhan dan digantikan dengan kurikulum baru yang lebih baik. Dalam konteks kajian ini, penilaian pelaksanaan KPI sekolah menengah di negeri Kelantan berdasarkan sukatan pelajaran yang telah dilaksanakan di sekolah.

2.2.4 Tujuan Penilaian Kurikulum

Menurut Mohd. Salleh Lebar (1996), empat tujuan penilaian dalam sesebuah kurikulum adalah seperti berikut: (i) Melihat sama ada kurikulum yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak; (ii) Membuat pertimbangan sekiranya sesebuah kurikulum yang akan diubah, akan menjadi lebih baik daripada yang sudah digunakan; (iii) Sebagai alat untuk mengukur keberkesanan terhadap kurikulum yang telah dilaksanakan oleh pihak perancang perkembangan kurikulum; (iv) Melihat pencapaian dan perubahan tingkah laku pelajar di dalam sesuatu perkara yang telah dipelajari.

Abu Bakar Nordin (1992) menghuraikan penilaian kurikulum dapat memberi jawapan kepada beberapa persoalan yang mungkin dikemukakan seperti: (i) Kemampuan program dalam memenuhi keperluan masyarakat, pelajar-pelajar dan tahap pencapaian pelajar yang mengikuti sesuatu program yang diperkenalkan; (ii) Kepentingan dan kesahan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran; (iii) Kemampuan sesuatu program mencapai matlamatnya dalam keadaan pengajaran yang sedia ada; (iv) Isu program yang diperkenalkan itu lebih ekonomikal bagi mencapai matlamat yang ditentukan; (v) Hasil yang tidak terancang yang mungkin timbul daripada pelaksanaan sesuatu program. Untuk menghuraikan jawapan kepada masalah yang timbul tersebut, penilaian kurikulum terpaksa menggunakan model konsepsi yang mengambil kira faktor yang terlibat, peralatan yang sah, prosedur mendapatkan data dan memproses data secara saintifik dan laporan yang berbentuk teknikal tetapi mampu difahami oleh pihak yang terlibat. Oleh sebab kurikulum melibatkan pelbagai aspek berkaitan dengan program pendidikan, maka sekurang-kurangnya aktiviti penilaian dapat difokuskan kepada sesuatu aspek atau beberapa aspek yang telah ditentukan terlebih dahulu. Antara aspek yang boleh difokuskan ialah hasil pembelajaran yang ditunjukkan oleh pelajar. Hasil ini mungkin dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran atau motivasi dan nilai ataupun kedua-duanya sekali. Bahan PdP dirancang dan disusun supaya guru dan pelajar mendapat manfaat daripadanya. Keberkesanannya sukar dibuktikan melainkan setelah dinilai. Kaedah dan strategi PdP juga menjadi fokus kepada penilaian.

Scriven (1993) menjelaskan penilaian kurikulum dilihat sebagai alat atau kaedah untuk menghuraikan aktiviti pendidikan. Jika penilaian itu digunakan bagi mendapatkan

huraian mengenai sesuatu entiti dalam program ataupun menghurai program itu secara keseluruhan, maka penghuraian itu ialah mengenai matlamat. Penilaian boleh menolong dalam pembentukan kurikulum, program latihan guru, penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran dan percubaan sesuatu kaedah pembelajaran. Penilaian boleh memberi jawapan kepada pihak-pihak yang ingin mengetahui apakah yang terjadi kepada sesuatu program kurikulum. Pihak berkenaan ingin melihat hasil daripada sesebuah kurikulum seperti prestasi pelajar, kepuasan guru dan ketenteraman suasana di sekolah.

Berdasarkan pelbagai kenyataan dan pendapat di atas, dapat dirumuskan bahawa penilaian terhadap sesuatu kurikulum penting bagi memastikan kurikulum berkenaan berjaya mencapai matlamat serta berkesan, sama ada kepada pelaksana kurikulum atau pelajar. Dalam kajian ini, tujuan penilaian kurikulum adalah untuk melihat dan menilai secara keseluruhan keberkesanan pelaksanaan KPI sekolah menengah berasaskan dimensi konteks, input, proses dan produk.

2.2.5 Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*)

Azizi Yahaya (2001) menyatakan Model CIPP mula dibentuk pada tahun 1971 oleh Stufflebeam untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif kemudian diperkembangkan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (1985), Stufflebeam (2003) dan dikemaskinikan lagi Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Model ini berasaskan empat dimensi penilaian iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk.

Penilaian konteks bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program sama ada objektif program selaras dengan kehendak yang menerima perkhidmatan. Penilaian input berfokus menilai semua aktiviti yang dilaksanakan, menganalisis faktor penghalang program, faktor yang mempengaruhi program, faktor yang membantu pelaksanaan dari segi kemudahan, persekitaran, sumber manusia dan sebagainya. Penilaian ini membantu untuk meningkatkan kompetensi dalam pelaksanaan sesuatu program. Penilaian proses merupakan semakan berterusan dalam pelaksanaan. Penilaian ini memberi maklum balas mengenai tahap prestasi semasa untuk melihat perbandingan perubahan dengan apa yang dihasratkan. Penilaian produk pula bertugas sebagai pengukur dan pentafsir dalam pencapaian sesuatu program. Penilaian ini menentukan sama ada sesuatu program mencapai tahap keperluan atau tidak.

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian adalah suatu proses yang melibatkan tiga langkah utama iaitu untuk menggambarkan, memperoleh dan menyediakan maklumat. Penilaian ialah suatu ilmu pengumpulan maklumat dalam membuat keputusan. Menurut pendekatan ini, penilaian terhadap sesuatu program pendidikan berkaitan dengan menilai: (i) Merit matlamat; (ii) Kualiti perancangan; (iii) Sejauh mana perancangan itu dilaksanakan; (iv) Pencapaian hasil.

Pada tahun 2007, Model Penilaian CIPP telah diubahsuai kesan daripada perkembangan dalam bidang penilaian (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Aspek konteks, input dan proses dikekalkan tetapi aspek produk telah dipecahkan kepada empat sub-komponen, iaitu penilaian impak (*impact*), penilaian keberkesanan (*effective*), penilaian ketekalan

(*sustainability*) dan penilaian kebolehpindahan (*transportability*). Antara pembaharuan lain dalam model CIPP edisi 2007 ini adalah keempat-empat komponen ini mendasari nilai yang dipegang oleh masyarakat tempatan. Fokus bukan hanya kepada pencapaian objektif semata-mata kerana pencapaian ini mungkin tidak selari dengan konsep nilai yang dipegang. Nilai yang dimaksudkan di sini ialah mana-mana idealisme yang dipegang oleh masyarakat, kumpulan atau individu (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Perubahan yang akan diambil dalam sesuatu penilaian program mengikut kesesuaian dengan empat dimensi penilaian yang berbeza dalam Model Penilaian CIPP (Stufflebeam et al., 1971). Pada dimensi konteks melibatkan perubahan kepada perancangan (*planning*) iaitu perubahan kepada objektif program. Dimensi input pula melibatkan perubahan penstrukturan (*structuring*) iaitu perubahan kepada pembentukan prosedur program. Dimensi proses melibatkan perubahan perlaksanaan (*implementing*) iaitu perubahan kepada perlaksanaan, pengawalan dan pemurnian prosedur. Manakala dimensi produk pula melibatkan perubahan penggunaan semula (*recycling*) iaitu menilai dan memberi reaksi kepada pencapaian.

Fokus dalam kajian ini menggunakan Model CIPP oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) sebagai panduan asas dalam penilaian pelaksanaan KPI Sekolah Menengah. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek penilaian konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan KPI Sekolah Menengah. Justifikasi pemilihan model penilaian CIPP berbanding model-model penilaian lain kerana model ini menepati cita rasa dalam kajian

ini untuk menilai secara keseluruhan KPI yang telah lama dilaksanakan di sekolah menengah sama ada sesuai, ditambah baik atau dikekalkan dalam kurikulum masa depan.

2.2.6 Kajian-Kajian lepas yang menggunakan Model Penilaian CIPP

Kajian-kajian berkaitan penilaian kurikulum menggunakan Model CIPP telah banyak dijalankan di dalam dan di luar negara (Hammond, 1971; Palmisano, 1981; Nevo, 1983; Suchada, 1986; Fowzia Osman, 1990; Wegenke, 1994; Reuben Musiime, 1996; Mueller, 2000; Hsieh dan Hsiao, 2001; Azizi Yahaya, 2001; Shafiee Lugom, 2002; Jamil Ahmad, 2002; Al-Qubbaj, 2003; Neves, 2006; Eggeman, 2008; Fatimah Tambi, 2009; Ahamad Rahim et al., 2009; Cerino, 2009; Joseph, 2009; Roselena Mansor, 2010; Lyndon, 2010; Mohd Nordin Abu Bakar, 2011; Ghazali Yusri, 2012). Penilaian tersebut telah memberikan pelbagai maklumat yang berguna bagi pihak yang berkepentingan, dapat mengesan apa yang tidak kena dengan proses pendidikan, menjelaskan sejauh mana keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan, memberi petunjuk kepada penambahbaikan mana-mana aspek dalam proses pembentukan dan perkembangan kurikulum sekali gus membawa kepada usaha memperbaiki sistem pendidikan yang dilaksanakan bagi mencapai apa yang dihasratkan di samping mengukuhkan lagi sistem pendidikan negara (Nagendralingan, 2000).

Kajian Hammond (1971) telah menggunakan model CIPP untuk menilai program pembacaan yang bertajuk '*Accountability through context evaluation of reading performance*'. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model penilaian CIPP berkemampuan untuk menilai sesuatu program.

Nevo (1983) telah menjalankan kajian dengan menggunakan model CIPP yang bertajuk '*School Based Evaluation*' iaitu kajian mengenai kepentingan maklumat penilaian di sekolah bagi mengenal pasti suatu kaedah untuk mengembangkan skop penilaian berasaskan sekolah yang melibatkan seramai 100 orang pelajar, 185 orang guru dan 164 orang pengetua di sekolah-sekolah di Michigan, Amerika Syarikat. Kajian ini menggunakan model penilaian konteks, input, proses dan produk oleh Stufflebeam et al., (1971). Dapatan kajian melalui soal selidik telah menunjukkan ketiga-tiga kumpulan memberi persepsi yang berbeza tentang adanya maklumat penilaian konteks, input, proses, produk. Dapatan ini menunjukkan kumpulan pelajar menyatakan mereka lebih banyak memperoleh maklumat daripada penilaian formatif daripada penilaian sumatif. Dapatan juga menunjukkan ketiga-tiga kumpulan pelajar, guru dan pentadbir berpendapat maklumat penilaian produk dan konteks paling banyak diperoleh di sekolah. Penggunaan Model CIPP telah berjaya merungkakan masalah yang timbul bagi Nevo (1983).

Kajian Fowzia Osman (1990) telah memberi fokus kepada aspek penilaian input dan penilaian proses melalui pendekatan model penilaian CIPP. Kajian ini menilai program mata pelajaran Kemahiran Hidup (Pilihan B) di Wilayah Persekutuan dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan sokongan seperti guru, bahan rujukan dan bentuk pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah dapat menguasai aspek pengetahuan seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 50 peratus peralatan yang disediakan untuk mata pelajaran tersebut tidak mencukupi.

Kajian BPG, KPM (1994) menggunakan Model CIPP yang dijalankan untuk menilai keberkesanan kurikulum KPLI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan perlu diberi perhatian terutamanya aspek struktur, komponen dan pelaksanaan kurikulum. Selain daripada itu, penyemakan kurikulum perlu mengambil kira faktor kesesuaian kurikulum di sekolah seperti perubahan kurikulum sekolah contohnya pengenalan kurikulum Reka Cipta, Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dan Sekolah Bestari.

Kajian Azizi Yahaya (2001) menilai pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dengan menggunakan keempat-empat dimensi dalam Model Penilaian CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi dimensi konteks menunjukkan keputusan yang diperoleh daripada sikap guru terhadap perubahan Kemahiran Hidup dan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan kerana terdapat banyak masalah yang timbul. Dari segi kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan FPK dan keyakinan guru terhadap Kemahiran Hidup menunjukkan keberkesanan. Dari segi dimensi input didapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar dan latihan tidak berkesan secara keseluruhannya. Dari segi peruntukan kewangan, jadual waktu dan masa, pengetahuan guru menunjukkan keberkesanan yang tinggi. Dari aspek dimensi proses didapati cara penilaian projek yang dijalankan oleh guru secara keseluruhannya tidak berkesan tetapi dari segi pengajaran dan pembelajaran guru didapati berkesan. Dari segi dimensi produk didapati keseluruhannya objektif Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan. Namun, terdapat

pelajar-pelajar yang menunjukkan perubahan sikap, peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang baik.

Kajian Shafiee Lugom (2002) untuk menilai program Pendidikan Khas di Sarawak. Kajian ini menggunakan keempat komponen dalam model penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk. Dapatan kajian komponen konteks telah menunjukkan bahawa pelaksanaan program pendidikan Khas di Sarawak memenuhi kehendak Akta Pendidikan Khas, Falsafah Pendidikan Khas, objektif, strategi, visi dan misi program tersebut. Dari segi komponen input, pelaksanaan program berkenaan memenuhi kehendak kurikulum serta visi dan misi sekolah khas. Dari segi komponen proses, program yang dilaksanakan itu juga memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan khas dan murid-murid khas. Manakala dari segi komponen produk, program tersebut memenuhi kehendak pencapaian murid-murid khas dalam membaca, menulis dan mengira.

Kajian Jamil Ahmad (2002) menggunakan model penilaian CIPP bertujuan untuk menilai pelaksanaan projek pemupukan budaya penyelidikan di sekolah-sekolah di negeri Terengganu serta sejauh manakah projek tersebut mencapai matlamat pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru. Kajian ini menekankan dua aspek sahaja iaitu aspek proses dan produk sahaja. Dari segi komponen proses, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus-kursus penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh JPN serta PPD adalah berkesan dalam meningkat pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru terhadap penyelidikan tindakan. Dapatan kajian juga telah menemui bahawa sokongan pentadbir, sistem pengiktirafan dan sistem pemantauan pelaksanaan penyelidikan di

sekolah adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penataran bahan sokongan, penataran hasil penyelidikan dan pelaksanaan kursus dalaman terhadap penyelidikan tindakan bagi tujuan kesan berganda berada pada tahap sederhana sahaja. Dari segi komponen produk, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan budaya penyelidikan dalam kalangan guru-guru juga berada pada tahap sederhana.

Kajian Fatimah Tambi (2009) untuk menilai pelaksanaan Program Pemulihan Khas di sekolah-sekolah negeri Selangor dengan menggunakan model penilaian CIPP. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program adalah sesuai dan memenuhi kehendak Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, FPK, Objektif Pendidikan Khas dan Matlamat Pendidikan Khas. Iklim sekolah, kemahiran dan sikap guru pemulihan khas terhadap pelaksanaan program pemulihan khas adalah tinggi.

Kajian Ahamad Rahim et al., (2009) berkaitan penilaian keberkesanan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Sejarah menengah rendah tingkatan 2 di sekolah menengah semenanjung Malaysia dengan menggunakan Model CIPP yang dilihat dari aspek input, proses dan produk sahaja. Penilaian input melihat dari aspek kurikulum Sejarah, kemudahan prasarana dan sikap serta minat guru. Penilaian proses pula melihat dari aspek pelaksanaan kurikulum, pemantauan kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan penglibatan pentadbir. Aspek produk pula melihat dari segi matlamat Pendidikan Sejarah iaitu semangat setia negara, jati diri sebagai warganegara

Malaysia, memahami keadaan masyarakat, semangat perpaduan dan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah.

Kajian Mohd Nordin Abu Bakar (2011) berkenaan penilaian program mata pelajaran vokasional (MPV) dalam bidang pertanian di sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan Model Penilaian CIPP. Kajian ini mendapati responden memberikan tahap sederhana kepada tiga aspek iaitu dimensi konteks, input dan proses. Manakala dimensi produk pula menunjukkan tahap tinggi. Kajian ini berjaya menggunakan Model CIPP sebagai asas kajian.

Kajian Ghazali Yusri (2012) yang menilai kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di UiTM dengan Model Penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk. Dimensi konteks melibatkan motivasi pelajar, dimensi input menilai modul dan profil pensyarah, manakala dimensi proses melibatkan teknik pengajaran, penggunaan bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, amalan pembelajaran, strategi kognitif dan meta kognitif pelajar dan strategi pengurusan sumber pembelajaran. Manakala dimensi produk pula mengkaji pencapaian kemahiran lisan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan dimensi penilaian konteks berada pada tahap memuaskan. Dimensi input pada tahap rendah dan dimensi proses berada pada tahap tinggi. Manakala dimensi produk berada pada tahap sederhana.

Kajian Wegenke (1994) tentang penilaian program dan perkhidmatan di sekolah-sekolah Des Moines di Amerika Syarikat dengan menggunakan model penilaian CIPP. Model CIPP digunakan sebagai perantara yang sistematik untuk menilai perkembangan dalam

menentukan arah, menentukan sumber, mengimplementasikan tindakan dan mengukur maklum balas terhadap 39 program dan kawasan perkhidmatan. Justeru, model penilaian CIPP digunakan untuk penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang bakal masuk ke sekolah-sekolah di Des Moines akan mendapat faedah sepenuhnya hasil daripada penambahbaikan dan penstrukturan semula yang berlaku di daerah tersebut. Maklumat daripada model CIPP ini membolehkan perancangan strategik dijalankan di sekolah-sekolah awam daerah Des Moines.

Kajian Mueller (2000) mengenai keberkesanan sekolah musim panas pada peringkat pertengahan dengan mengukur tahap pencapaian dan sikap pelajar berdasarkan Model Penilaian CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar tidak boleh menjadi petunjuk kepada pencapaian atau perubahan sikap dalam matematik atau bahasa Inggeris. Namun, persepsi ibu bapa boleh menjadi petunjuk kepada pencapaian pelajar dalam matematik tetapi tidak dalam pencapaian bahasa Inggeris atau perubahan sikap pelajar. Program sekolah musim panas juga tidak menunjukkan perubahan sikap pelajar yang signifikan terhadap matematik dan bahasa Inggeris. Program ini juga membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pelajar dalam kedua-dua pelajaran ini tanpa melihat kepada jantina, gred, sosioekonomi ataupun lokasi.

Kajian Hsieh dan Hsiao (2001) untuk menilai kurikulum program teknologi perbankan di Kolej Perdagangan Junior di Taiwan telah menggunakan model CIPP. Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik untuk fakulti, pelajar, lulusan dan

majikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua komponen konteks, input, proses dan produk bagi kurikulum program teknologi perbankan yang dijalankan selama dua tahun telah berjaya menyediakan tenaga kerja di bidang perniagaan.

Al-Qubbaj (2003) melakukan satu kajian kualitatif tentang proses perubahan budaya dalam kalangan kanak-kanak Arab dan keluarga mereka di Amerika Syarikat dengan menggunakan Model Penilaian CIPP. Tujuan kajian adalah untuk menyelidik proses perubahan budaya dalam kalangan kanak-kanak Arab dalam sistem pendidikan sekolah awam di Amerika Syarikat. Aspek konteks melihat kepada keperluan pelajar Arab terhadap bahasa dan budaya di sekolah. Aspek input menilai penglibatan kurikulum dalam bahasa dan budaya. Aspek proses mengkaji prosedur kurikulum sekolah dalam melaksanakan keperluan bahasa dan budaya. Manakala aspek produk pula melibatkan penilaian sumatif terhadap hasil penilaian tiga komponen sebelum ini. Kajian ini mendapati pengajaran secara stereotaip dan amalan asimilasi budaya berlaku dalam kurikulum sekolah menyebabkan pelajar Arab mengalami kejutan budaya. Ini kerana identiti mereka tiada dalam sistem persekolahan di sana.

Kajian Neves (2006) telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai kadar keterlibatan pelajar dan ibu bapa dalam membuat keputusan untuk mengikuti satu program muzik yang dilaksanakan sebelum penggal persekolahan di England. Kajian yang berbentuk kajian kes ini mendapati struktur program ini telah menyebabkannya sukar untuk diikuti oleh dua kumpulan pelajar, iaitu pelajar dari kumpulan berpendapatan rendah serta mereka yang tidak tinggal di dalam sekolah (*non resident*). Oleh sebab itu,

kadar keterlibatan kedua-dua kumpulan ini dalam program muzik tersebut adalah rendah walaupun ibu bapa ingin menghantar anak-anak mereka ke sana.

Eggeman (2008) mengkaji keberkesanan penggunaan Web K-12 dalam meningkatkan tahap komunikasi antara ibu bapa dan guru di sekolah awam di *Southern Rhode Island*. Kajian tentang persepsi ibu bapa dan guru ini bertujuan meningkatkan tahap komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa seterusnya meningkatkan kejayaan pelajar. Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP sebagai kerangka penilaian di samping menggunakan reka bentuk kepelbagaian metode antara kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa tiada perbezaan dalam konteks persepsi ibu bapa dan guru terhadap penggunaan laman web bagi meningkatkan komunikasi antara mereka. Mereka juga menyokong kewujudan laman web ini sebagai alternatif kepada komunikasi. Namun, ibu bapa merasa kecewa dengan aspek penyelenggaraan laman web yang tidak konsisten. Manakala guru pula kecewa dengan kekurangan garis panduan yang menunjukkan isi kandungan yang sepatutnya dipamerkan dalam laman web itu.

Cerino (2009) telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk mengkaji pelaksanaan penggunaan teknik pembelajaran emosi sosial (*Social Emotional Learning*) dalam kursus *Second Step*. Tujuan kajian adalah untuk melihat pengetahuan yang diperoleh oleh pelajar melalui interaksi dalam pembelajaran, sikap guru terhadap kursus dan kesannya terhadap pelajar. Beliau telah menggunakan teknik kajian kes dengan memilih enam orang pelajar sebagai peserta kajian. Dapatan kajian beliau mendapati teknik tersebut telah memberikan perubahan yang positif kepada tingkah laku pelajar dan seterusnya

meningkatkan pencapaian mereka. Beliau juga mencadangkan agar latihan guru dalam pelaksanaan teknik ini diubah manakala bahan sokongan terhadap teknik ini perlu disediakan kepada guru. Teknik ini juga dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam salah satu elemen kurikulum sekolah.

Joseph (2009) telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai *Grow Your Own Principal Preparation Program* yang diwujudkan untuk melahirkan pengetua sekolah. Kajian yang berbentuk pelbagai metode ini mendapati program ini berjaya meningkatkan bilangan pengetua sekolah. Manakala peserta pula menunjukkan tahap yang sederhana tinggi dalam kepemimpinan. Program ini didapati berjaya membantu peserta dalam memahami budaya pengurusan sekolah. Walaupun begitu, sistem sekolah perlu membuat kriteria yang lebih jelas dalam menetapkan matlamat program. Selain itu, pendekatan program juga perlu lebih berbentuk kolaboratif dan bersistematik. Aspek yang juga memerlukan penambahbaikan adalah kandungan seminar bulanan dan mesyuarat pembangunan profesional.

Kajian Lyndon (2010) tentang pembinaan dan pengujian Pendidikan Khas dengan menggunakan model penilaian CIPP. Kajian ini bertujuan untuk menentukan keberkesanan program dalam Pendidikan Khas. Beliau percaya bahawa membangunkan dan menguji model penilaian ini adalah langkah pertama dalam memberikan instrumen untuk pentadbir sekolah sebagai panduan membuat keputusan bagi meningkatkan program untuk pelajar Pendidikan Khas. Dengan bantuan model penilaian CIPP beliau telah membina model penilaian baru iaitu *Program Effectiveness in Special Education*

(*PeiSE*). Semasa membentuk model ini beliau telah memanfaatkan aspek konteks, input, proses dan produk.

Kesimpulannya, kebanyakan kajian yang telah dijalankan tentang penilaian sesuatu kurikulum menggunakan Model Penilaian CIPP dapat membantu penyelidik memperoleh dan merungkaikan permasalahan kajian. Jelas di sini, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang dibuat menunjukkan bahawa pengkaji selesa dan sesuai dalam kajian mereka. Justeru itu, penyelidik merasa terdorong untuk menjalankan kajian penilaian pelaksanaan KPI di sekolah menengah berasaskan Model Penilaian CIPP.

2.3 Sejarah Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Pelaksanaan PI dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Bermula daripada perakuan-perakuan ini, maka mata pelajaran PI hendaklah diajar di semua sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang pelajar Muslim. Pada peringkat awal pelaksanaan, mata pelajaran PI diajar di luar jadual waktu persekolahan (waktu petang). Pada tahun 1962, PI telah dimasukkan ke dalam jadual waktu perdana dengan peruntukan masa diberikan sebanyak 120 minit seminggu (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

KPI dibentuk berasaskan kepada keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan tentang agama Islam kepada pelajar. Oleh itu, kandungan dan sukatan pelajaran lebih tertumpu kepada perkara asas dan prinsip yang berkaitan dengan agama Islam seperti

aspek akidah, ibadat, sejarah Islam, ayat-ayat al-Quran dan hadis. Penumpuan PdP GPI lebih tertumpu kepada penyampaian maklumat dan ilmu agama Islam mengikut sukatan pelajaran yang ditentukan berbanding pencapaian pelajar dari segi amalan dan penghayatan Islam. Para pelajar pula lebih banyak menghafal fakta daripada menghubungkan fakta tersebut dengan amalan seharian mereka. Pelajar mempelajari PI hanya sekadar untuk tahu tentang agama Islam dan lulus dalam peperiksaan semata-mata (Abdul Halim Tamuri, 2004).

Menyedari akan kelemahan-kelemahan dalam PI, maka jawatankuasa mengkaji mata pelajaran PI di sekolah telah dibentuk pada tahun 1979 melalui Jawatankuasa Kabinet 1974. Ini bertujuan untuk mengkaji pelbagai aspek kurikulum termasuk PdP serta penyeliaan ke atas mata pelajaran terbabit. Dapatan kajian Jawatankuasa Kabinet (1979) dalam Ahmad Mohd Salleh (2008) merumuskan seperti berikut: (i) Penghayatan Islam dan amalan tidak diberi penekanan di dalam PdP PI; (ii) Penekanan perlu diberi kepada aspek praktikal dan amali dalam PdP ; (iii) Kaedah mengajar guru berada pada tahap lemah dan tanpa menggunakan bahan bantu mengajar yang diperlukan; (iv) Penyeliaan ke atas mata pelajaran PI belum mencapai matlamat yang dikehendaki.

Langkah-langkah dalam jangka panjang perlu dilakukan dengan segera untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam KPI. Antaranya ialah pelaksanaan Kurikulum Baharu PI dan KBSM pada tahun 1989. Dalam mata pelajaran PI menekankan aspek ilmu, amalan dan penghayatan. Pelajar diberi kefahaman dan pengetahuan yang mendalam serta

pelbagai isu-isu kehidupan yang merangkumi budaya serta cara hidup masyarakat Islam di Malaysia (Zakaria Stapa, 2012).

Pada tahun 2003 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2003 KPM, Bil. KP(BS) 8591/Jld.XVII(5), bertarikh 28 Julai 2003 “*Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*” yang melibatkan mata pelajaran PI (Teras) di Tingkatan 4 bagi sekolah Menengah Atas, menggariskan supaya pelajar mendapat pengetahuan, kemahiran dan meningkatkan jati diri dalam menghadapi cabaran dalam era globalisasi ini. Oleh itu, aspek PdP guru perlu dipertingkatkan supaya dapat menghadapi arus pemodenan yang semakin mencabar ini.

GPI hendaklah mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara berikut: (i) Melaksanakan sesi PdP dengan merujuk kepada buku-buku teks yang telah diperakukan oleh KPM; (ii) Menjalankan tugas dengan integriti dan akauntabiliti serta mematuhi kod etika keguruan, garis panduan, peraturan, pekeliling perkhidmatan dan surat-surat siaran yang diterbitkan dari semasa ke semasa; (iii) Mengelak daripada melakukan kesilapan sama ada dari segi fakta, pedagogi ataupun disiplin semasa menjalankan tugas sebagai GPI. Sejak daripada tahun 2003 hingga sekarang mata pelajaran PI KBSM belum dibuat penyemakan oleh pihak KPM dan masih berlangsung di sekolah menengah Malaysia (Abdul Halim Tamuri, 2012).

2.3.1 Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Menurut Al-Syaibani dan Mohd Omar Al Toumi (1991), FPI adalah teori dan kaedah falsafah dalam bidang pendidikan manusia. Oleh itu, falsafah pendidikan berfungsi menilai pendidikan, menyelaras dan menganalisis permasalahan dan isunya dalam kehidupan. Ini mencakupi pembahasan, pemahaman yang menentukan perkara pokok yang ada hubungan dengan lapangan lain dalam hidup manusia (Haron Din & Sobri Salomon, 1988).

FPI berusaha melahirkan individu yang baik dan melahirkan warganegara yang beriman dan beramal soleh. Ini bertujuan melahirkan insan yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi. Oleh itu, insan yang mendapat pendidikan berasaskan FPI akan bersifat takwa, pemaaf, ikhlas, benar dalam sifat kemanusiaan yang tinggi, berbuat baik kepada jiran, suka menolong orang yang lemah, menghormati hak-hak manusia serta berusaha ke arah melahirkan insan yang berkeperibadian tinggi (Ahmad Mohd Salleh, 2008). PI mestilah mengandungi falsafah tertentu yang lahir dari pengertian Islam (Jawiah Dakir, 2012). Setiap sistem pendidikan dan masyarakat Islam tidak harus disusun menurut falsafah yang bertentangan dengan roh Islam. Sekiranya pendidikan yang diamalkan dalam masyarakat Islam tidak sesuai dengan falsafah Islam, maka sistem pendidikan itu akhirnya akan menghakis identiti umat Islam dan menggugat masa hadapan mereka.

Manakala menurut Bahagian KPI dan Moral (2003), FPI adalah suatu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan

hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Pada akhir tahun 1980-an merupakan tahun reformasi dan penjelmaan kembali PI dalam Sistem Pendidikan Negara. FPK dengan berani telah menjadikan “*kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan*” sebagai teras dan dasar penjurusan segala aktiviti pendidikan. Malahan tidak keterlaluan jika FPK adalah selaras dengan cita-cita dan hasrat FPI (Abdul Halim Tamuri, 2004). FPK telah meletakkan ‘*pembinaan insan seimbang*’ dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani ke arah melahirkan insan sepadu yang tunduk dan patuh kepada Tuhan (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

FPI berusaha melahirkan individu yang beriman dan beramal soleh. FPI juga suatu usaha ke arah melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan dari segi jasmani dan rohani. Kenyataan ini dapat dilihat melalui FPI iaitu;

PI adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (KPM, 2002).

Al-Syaibani dan Mohd Omar Al Toumi (1991) menyatakan FPI bertujuan untuk menyediakan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar dia kenal dirinya serta tugas dan tanggungjawabnya, mengetahui cara menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah agar menjadi insan yang soleh

berteraskan roh Islam. Al Nahwi (2000) menyenaraikan tiga asas dalam pembinaan FPI iaitu: (i) Keimanan kepada Allah, meninggikan kalimahNya dan menyeru kepada jalanNya; (ii) Berasaskan kepada “*Manhaj Rabbani*” iaitu penghayatan kepada al-Quran dan al-Sunah; (iii) Kesedaran dan penerokaan terhadap realiti alam dan manusia yang berterusan kepada 2 asas yang di atas tadi. Menurut Al Nahwi (2000), dasar sesuatu falsafah pendidikan mestilah mempunyai asas yang kukuh, diyakini dan tidak mudah berubah. Asas inilah yang dibawa oleh Islam di dalam semua aspek kehidupan manusia, termasuklah dalam bidang pendidikan yang bersumberkan kepada asas yang teguh iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah S.A.W. telah bersabda dalam menerangkan kepentingan kedua-dua sumber tersebut:

Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selepas kedua-duanya iaitu kitab Allah dan Sunah ku.

(Hadis Riwayat al-Hakim)

Turki Rabih (1982) menyatakan bahawa FPI dibina berasaskan kepada empat rukun iaitu: (i) Iman yang teguh kepada Allah dan Rasul, Malaikat, Syurga, Neraka dan Hari Kebangkitan; (ii) Akhlak yang baik dan mulia; (iii) Berilmu dalam erti yang menyeluruh; (iv) Amal soleh di dunia dan akhirat. Menurut Mohd Kamal Hassan (1998), FPI menekankan konsep berikut: (i) Pendidikan seumur hidup; (ii) Pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara bersepadu mencakupi aspek kognitif dan afektif; (iii) Menyampaikan dua fungsi iaitu sebagai hamba kepada Allah dan sebagai khalifah Allah (*wakil Allah di bumi*); (iv) Memakmurkan seluruh alam; (v) Kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal soleh; (vi) Kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

2.3.2 Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

PI bertujuan melahirkan insan yang berkualiti dan berjaya melaksanakan tugas serta tanggungjawab seperti yang dikehendaki Islam. Islam mengambil kira hakikat kejadian manusia iaitu daripada segi akal, rohani dan jasmani. Menurut Abdul Halim Tamuri (2003), PI merangkumi spiritual, intelektual, jasmani, individu atau kumpulan dan mendorong aspek-aspek tersebut ke arah kebaikan dan mencapai hidup yang sempurna.

Di samping itu, tujuan PI adalah untuk melahirkan generasi yang seimbang daripada segi keperluan duniawi dan ukhrawi mengikut perkembangan semasa dengan berpegang teguh kepada ajarannya serta menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai pedoman hidup. Menurut Mohd Zailani Mohd Yusoff (2008), PI mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang budiman, beriman, bertakwa dan soleh dan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat serta memperoleh keredaan Allah S.W.T.

Matlamat PI adalah untuk menghasilkan Muslim yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ke arah menjadi hamba dan khalifah Allah. Menurut Abdul Qadir Ahmad (1980), matlamat PI adalah untuk melahirkan individu yang soleh dalam kehidupan bermasyarakat di dunia dan untuk melahirkan individu yang beramal dengan amalan Islam supaya mencapai kebahagiaan di akhirat. Azhar Ahmad (2006) menyatakan matlamat akhir PI iaitu untuk mewujudkan manusia yang berakhlak mulia yang sentiasa berhadapan dengan berbagai cabaran terutama di dalam realiti pelaksanaannya di dalam sistem pendidikan sedia ada.

Sumber utama dalam PI ialah al-Quran dan al-Hadis. Oleh itu matlamat PI perlu diselaraskan dengan kedua-dua sumber tersebut (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Kenyataan ini dapat dilihat melalui petikan di bawah;

“Matlamat PI adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara”.

(KPM, 2002)

Menurut Rosnani Hashim (2001), matlamat utama PI ialah untuk melahirkan insan yang berkemampuan untuk memikul amanah bagi memelihara kesejahteraan ini melalui perkembangan potensi secara seimbang dan menjadi hamba serta khalifah Allah. Matlamat PI ialah menjadikan seseorang itu hidup sempurna, bahagia, cintakan negara, kuat jasmani, sempurna akhlak, teratur pendidikan, pekerti mulia, cekap dalam kerja, bekerjasama dengan orang lain, halus tutur kata, tulisan dan tangannya dapat melakukan pekerjaan itu dengan baik Ghazali Darussalam (2004).

Seseorang Muslim perlu menggunakan akal secara beradab untuk melahirkan insan harmoni, yakin dan berpaksikan wahyu dalam kehidupannya. Menerusi proses berfikir yang beradab akan memperkasakan iman, dapat mencapai kecintaan Allah serta mengagumi kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t. (Tajul Ariffin Noordin & Nor ‘Aini Dan, 2002). Menurut Al-Syaibani dan Mohd Omar Al Toumi (1991), matlamat PI juga untuk melahirkan insan Muslim yang mencapai kejayaan dalam semua bidang sama ada kehidupan di dunia atau pun akhirat.

2.3.3 Objektif Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Objektif KPI adalah untuk memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz ayat al-Quran serta menghayati dan mengamalkan isi kandungan dalam amalan kehidupan seharian (KPM, 2004). Menurut Asmawati Suhid (2006), objektif pengajaran Tilawah al-Quran bukan hanya membetulkan bacaan semata, bahkan ianya meliputi bacaan, kefahaman, penghayatan dan amalan dalam kehidupan.

Objektif KPI yang seterusnya ialah memperkukuhkan dan mempertingkatkan amalan ibadat solat dan ibadat-ibadat lain serta ke arah memahami konsep ibadat dan mengamalkannya dengan betul dan sempurna (KPM, 2004). Oleh itu ibadat merupakan perkara yang sangat penting, yang mesti difahami betul-betul oleh setiap orang yang beriman kepada Allah dan para Rasul-Nya sebelum boleh diamalkan dan dihayati. KPI juga menekankan dan menumpukan tentang ibadat solat kerana ia merupakan tonggak kepada ibadat-ibadat lain, seperti sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Tabrani:

Amal seseorang hamba yang pertama akan dihisab kelak ialah solat, maka jika solatnya rosak maka amal lainnya akan rosak.

(Hadis Riwayat al-Tabrani)

Selain itu, objektif KPI untuk memperkukuhkan pegangan akidah Islamiah dan mengaitkan konsep tauhid dalam keseluruhan aspek kehidupan. Menurut Asmawati Suhid (2006), penanaman akidah atau rohani amat ditekankan dalam pendidikan akhlak. Hal ini disebabkan akidah merupakan teras utama dalam Islam. Kepentingan akidah

dalam Islam dapat dilihat menerusi nas-nas al-Quran dan Hadis yang mengaitkan pembentukan akhlak dengan akidah atau iman.

Objektif KPI juga adalah supaya para pelajar dapat membina keperibadian serta mengamalkan akhlak mulia, sifat yang terpuji dan menghindari sifat yang tercela (KPM, 2004). Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud;

Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya.

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Rasulullah S.A.W. memiliki akhlak yang tinggi dan sempurna. Maka Allah menetapkan baginda sebagai ikutan yang baik bagi seluruh umat manusia seperti yang termaktub di dalam surah al-Ahzab ayat 21, yang bermaksud;

Pada peribadi Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu semua, yang mengharap (keredhaan) Allah serta (kebahagiaan hidup) di akhirat.

(Surah al-Ahzab (21) : 21)

Objektif KPI juga supaya para pelajar akan dapat memahami, menghayati hadis Rasulullah, mengambil pengajaran dan meneladani Sirah Rasulullah dan para sahabat juga Tamadun Islam supaya mereka dapat mengambil iktibar dan mengamalkan ajaran Islam sebagai satu cara hidup (KPM, 2004). Ahmad Mohd Salleh (2008) menyatakan bahawa berdasarkan falsafah, matlamat dan objektif Pendidikan Islam seperti yang dihasratkan dalam KBSM adalah supaya pelajar akan menjadi: (i) Seorang pelajar yang komited dalam membaca al-Quran, memahami kandungan al-Quran, mempraktikkan dan

menghayati ajaran al-Quran serta menghafaz ayat-ayat al-Quran; (ii) Seorang pelajar yang beragama, faham akan matlamat hidup dan tahu akan tanggungjawabnya dalam melaksanakan amanah Allah sebagai khalifah; (iii) Seorang pelajar yang sentiasa menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam; (iv) Seorang yang menunaikan sembahyang mengikut waktu; (v) Seorang pelajar yang mengamalkan akhlak dan cara hidup Islam; (vi) Seorang pelajar yang beradab, berakhlak dan bersopan di dalam pergaulan dan perhubungan dengan orang lain.

2.3.4 Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 4

Kandungan Sukatan KPI KBSM terbahagi kepada tiga bidang pembelajaran berikut: (i) Bidang pembelajaran Tilawah al-Quran (TA) yang merangkumi bacaan, hafalan dan kefahaman serta Hadis; (ii) Bidang pembelajaran Ulum Syar'iyah (US) yang merangkumi akidah, ibadah, sirah Rasulullah S.A.W. dan tamadun Islam; (iii) Bidang pembelajaran adab berteraskan akhlak Islamiah (KPM, 2002)

Bidang pengajaran (TA), bertujuan mendidik pelajar supaya sentiasa menghayati ajaran-ajaran al-Quran dalam kehidupan (Asmawati Suhid, 2006). Terdapat hadis Rasulullah S.A.W. yang menunjukkan kelebihan bagi orang-orang yang membaca dan mengamalkan isi kandungan al-Quran. Hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud ;

Bacalah al-Quran, kerana dia akan datang pada Hari Kiamat sebagai penolong kepada tuannya (iaitu orang-orang yang menghayatinya).

(Hadis Riwayat Muslim)

Semasa pengajaran hadis Rasulullah, pelajar diajar pengertian dan hikmah dari sumber hukum daripada hadis-hadis pilihan. Suruhan untuk mempelajari hadis ini adalah selaras dengan perintah Allah dan Rasul-Nya supaya umat manusia mempelajari hadis sebagai sumber kedua umat Islam.

Bidang pengajaran US, memberi tumpuan kepada memperkenalkan asas keimanan dan membiasakan diri pelajar dengan rukun-rukun Iman dan Islam, prinsip-prinsip syariat serta asas-asas pengajaran Islam dengan mengenal pasti Islam dari segi akidah dan ibadah. Melalui pembelajaran Sirah Rasulullah S.A.W. dan para sahabat serta Tamadun Islam dapat memberi pengajaran dan menimbulkan kesedaran tentang kekuatan aqidah umat Islam pada masa itu. Para pelajar dapat mengetahui bagaimana keperitan dan pengorbanan Rasulullah dan para sahabat demi mempertahankan keimanan mereka dan menegakkan syiar Islam yang sebenar (Ahmad Adnan Fadzli, 2001). Peribadi baginda dijadikan Allah S.W.T. sebagai contoh teladan bagi sekalian umat Islam. Firman Allah S.W.T. lagi di dalam surah Yusuf ayat 111 yang bermaksud;

Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka itu menjadi satu teladan bagi orang-orang yang mempunyai fikiran.

(Surah Yusuf (12): 111)

Bidang pengajaran Akhlak Islamiah pula, berkait rapat dengan matlamat pendidikan, terutamanya untuk membentuk akhlak manusia menjadi mukmin sejati seperti yang telah ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud;

Sebaik-baik kamu adalah orang yang terbaik akhlak dan budi pekertinya.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pendidikan akhlak Islamiah berperanan membentuk insan berperibadi mulia dan soleh. Insan yang berakhlak mulia mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan prinsip-prinsip akhlak Islam dan menjauhi semua perkara yang buruk, bahkan mampu menyeru manusia untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Jika seseorang itu berjaya sampai ke tahap ini, ia digolongkan sebagai Muslim yang sempurna akhlak, iman dan agamanya. Justeru itu, KPI turut menumpukan terhadap pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar ke arah menjadi mukmin yang hakiki. Sukatan Pelajaran KPI KBSM Tingkatan Empat, tajuk-tajuk dan hasil pembelajaran dalam PI rujuk pada Lampiran M.

2.3.5 Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)

Adnan Yusopp (2002) menyatakan GPI perlu bersedia melaksanakan proses PdP berasaskan kurikulum baru yang telah disemak. Justeru, aspek pendekatan dan gaya pengajaran GPI juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan terkini. Tugas dan peranan tersebut perlu dilakukan oleh GPI untuk melaksanakan dalam proses PdP di sekolah.

GPI boleh menggunakan dan memilih kaedah pengajaran yang sesuai yang boleh membawa kepada penguasaan ilmu, amalan dan penghayatan yang memberi kesan kepada diri pelajar dan masyarakat keseluruhannya. Selain pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai, aspek aras juga perlu diberikan perhatian agar tahap aras keupayaan pelajar diberikan perhatian yang sewajarnya. KPM (2002) telah menghasilkan beberapa panduan

yang boleh dijadikan asas dalam pelaksanaan KPI ini iaitu: (i) Sukatan Pelajaran; (ii) Huraian Sukatan Pelajaran; (iii) Buku panduan PdP PI; (iv) Buku Panduan Guru dan (v) Buku Teks.

Untuk menarik minat dan memotivasikan pelajar bagi mempelajari PI di dalam dan di luar bilik darjah, GPI perlu memberi tumpuan kepada suasana persekitaran yang kondusif, persediaan daripada segi mental dan fizikal agar pelajar dapat memberikan tumpuan kepada pengajaran yang diberikan oleh guru (Abdul Halim Tamuri, 2012). Aspek penilaian yang konsisten dan berterusan perlu dilaksanakan oleh guru dalam usaha memastikan keberkesanan pengajaran dan menilai tahap kefahaman dalam kalangan pelajar (Jawiah Dakir, 2012). Maka, GPI perlu melaksanakan penilaian sumatif dan formatif untuk memastikan objektif PI dapat dicapai dengan sebaiknya (Zakaria Stapa, 2012).

2.3.6 Kajian-Kajian Lepas berkaitan Pelaksanaan KPI

Terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji tentang pelaksanaan PI di sekolah (Azhar Ahmad & Abdul Halim Tamuri, 2002; Azizah Lebai Nordin, 2003; Mohd Aderi Che Noh, 2004; Abdul Halim Tamuri, 2004; Azhar Ahmad, 2006; Asmawati Suhid, 2006; Nik Rosila Nik Yaacob, 2007; Alias Mat Saad et al., 2011; Zakaria Stapa, 2012; Mardzelah Makhsin, 2012; Jawiah Dakir, 2012 dan Abdul Halim Tamuri, 2012). Akan tetapi kajian-kajian ini menjurus kepada bidang-bidang tertentu dalam KPI sahaja dan tidak secara menyeluruh.

Pada tahun 2006, Azhar Ahmad telah menjalankan kajian tentang persepsi guru mengenai faktor minat pelajar terhadap PI sekolah menengah. Kajian ini mendapati bahawa sebab utama pelajar kurang minat terhadap PI ialah kerana sekolah tidak mendapat sokongan yang sewajarnya dari masyarakat selain nilai masyarakat yang kadang-kadang memisahkan antara perkara keagamaan dengan perkara keduniaan, sikap masyarakat yang lebih mengutamakan mata pelajaran teknik dan vokasional. Kajian ini juga mendapati bahawa cara pelaksanaan PdP PI yang masih menggunakan cara tradisional yang tidak membolehkan pelajar ikut serta dalam PdP serta tidak menggunakan BBM telah menyebabkan pelajar kurang minat terhadap PI.

Kajian Alias Mat Saad et al., (2011) tentang kerelevanan FPK dengan KPI Politeknik KPTM. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya kerelevanan antara item-item objektif PI Politeknik dengan FPK. Ini membuktikan KPI Politeknik tidak menyimpang dari FPK. Kajian ini menunjukkan objektif PI Politeknik KPTM mempunyai ciri-ciri seperti yang dihasratkan oleh FPK iaitu ilmu pengetahuan, keterampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Azhar Ahmad dan Abdul Halim Tamuri (2002) telah menjalankan kajian berkenaan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di tiga buah sekolah menengah Bahagian Kuching dan Samarahan Sarawak. Ketiga-tiga buah sekolah dipilih secara rawak bagi mewakili tiga jenis sekolah menengah iaitu sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah harian bandar dan sekolah menengah harian luar bandar yang

melibatkan 71 orang pelajar Islam. Dapatan kajian menunjukkan tahap penghayatan akhlak peribadi pelajar sekolah menengah adalah sederhana tinggi. Dapatan kajian ini memberi sedikit gambaran bahawa status penghayatan akhlak adalah menjadi antara objektif utama pendidikan negara. Dapatan kajian ini juga dapat menjelaskan punca masalah gejala sosial dalam kalangan remaja yang sedang dihadapi dalam masyarakat kita pada masa kini.

Azizah Lebai Nordin (2003) telah menjalankan kajian berhubung penilaian dalam PI yang dilakukan di empat buah sekolah rendah di daerah Petaling Jaya Selangor. Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan penyoalan dalam mata pelajaran PI dan mengenai aras soalan yang selalu dikemukakan oleh guru kepada pelajarnya yang menjurus kepada soalan kemahiran berfikir, pembinaan soalan berdasarkan Jadual Penentuan Ujian (JPU) dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam penilaian pembelajaran PI. Hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan soalan yang dibina dalam peperiksaan akhir adalah dalam bentuk pengetahuan dan kefahaman. Terdapat juga pelajar yang gagal dalam mata pelajaran PI adalah kerana mereka kurang penguasaan dalam tulisan Jawi. Oleh itu pihak sekolah dan ibu bapa perlu menekankan pengajaran Jawi dan guru-guru perlu menghadiri bengkel penilaian dalam PI supaya pembinaan soalan peperiksaan lebih menjurus ke arah kemahiran berfikir secara analitis, kritis dan kreatif.

Mohd Aderi Che Noh (2004) telah mengkaji mengenai persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran Tilawah Al-Quran (TA) yang melibatkan 1651 orang pelajar tingkatan 2 di seluruh Malaysia. Pelajar diberi soalan dan memberikan respon kepada empat komponen

iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar. Hasil dapatan menunjukkan secara keseluruhan amalan pengajaran TA berada pada tahap sederhana (min = 3.338). Tahap min bagi permulaan pengajaran (min = 3.461), penutup pengajaran (min = 3.271). dan alat bantu mengajar (min = 2.709) berada pada tahap sederhana. Tahap komponen perkembangan pengajaran berada pada tahap tinggi (min = 3.670). Berdasarkan penilaian pelajar terhadap amalan pengajaran guru menunjukkan bahawa para pelajar merasakan bahawa amalan pengajaran guru dalam pengajaran bidang TA perlu dipertingkatkan lagi. Cadangan daripada kajian ini supaya GPI perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran TA yang mereka miliki dengan cara efektif agar pelajar dapat menguasai al-Quran dengan lebih berkesan lagi.

Kajian Abdul Halim Tamuri (2004) tentang persepsi guru terhadap KPI. Kajian ini mendapati bahawa guru mempunyai persepsi yang positif terhadap KPI dan keberkesanannya terhadap amalan seharian pelajar berdasarkan ilmu agama yang dipelajari di sekolah. Selain itu, satu analisis terhadap persepsi GPI telah dilakukan untuk melihat perbezaan min persepsi guru berdasarkan lokasi sekolah, jantina guru, kelulusan, tahap perkhidmatan guru, latihan ikhtisas dan pengalaman mengajar terhadap KPI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang lebih banyak menghadiri kursus mempunyai persepsi yang tinggi dan positif berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang atau tidak menghadiri kursus.

Kajian Asmawati Suhid (2006) tentang kepentingan persepsi guru dalam kurikulum adab dan akhlak Islam yang melibatkan guru dan pelajar tingkatan 1 hingga 5 di Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian pengagihan sub bidang pembelajaran adab dan akhlak Islam dalam KPI KBSM menurut persepsi guru dan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan pengagihan sub bidang pembelajaran adab dan akhlak Islam yang berlaku di antara KPM dan guru dengan pelajar memperlihatkan sukatan pelajaran adab dan akhlak Islam yang sedia ada kurang mantap atau tidak begitu sempurna. Ini jelas menunjukkan bahawa guru sebagai penggerak kurikulum amat penting dalam pembentukan komponen adab dan akhlak Islam dalam KPI.

Zakaria Stapa (2012) telah mengkaji tentang keberkesanan PI dalam pendidikan Kebangsaan berfokus kepada tahap pengetahuan Islam pelajar sekolah menengah di Malaysia mendapati secara keseluruhannya pelajar memahami dengan baik isi kandungan PI yang didedahkan kepada mereka dalam proses PdP di sekolah dengan nilai min keseluruhan yang dicapai dalam aspek pengetahuan Islam ialah 4.37 iaitu berada pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh bahagian akidah iaitu 4.62. Ini diikuti oleh bahagian adab dan akhlak Islamiah iaitu 4.55.

Kajian Mardzelah Makhsin (2012) tentang *hisbah* pembelajaran sendiri dalam PI yang melibatkan 1785 orang pelajar tingkatan 4 seluruh negara. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa skor min *hisbah* pembelajaran sendiri berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.68, sp=1.12). Ini dapat dirumuskan bahawa *hisbah* pembelajaran sendiri

dalam pendidikan Islam diamalkan oleh pelajar tingkatan 4. Pendekatan *hisbah* dalam kaedah PdP adalah usaha untuk mengetengahkan kebolehan kawalan diri dalam mendidik akhlak. Ini bertujuan melahirkan kesedaran berakhlak yang dapat menilai kebaikan dan keburukan dalam syariat Islam.

Jawiah Dakir (2012) telah mengkaji mengenai tahap penghayatan akhlak pelajar sekolah di sekolah menengah di Malaysia mendapati bahawa tahap pengetahuan Islam serta penghayatan akhlak responden berada pada tahap yang tinggi dan ianya mempunyai hubungan yang kuat antara mereka. Ibu bapa dan guru dilihat paling berpengaruh di dalam membentuk akhlak pelajar yang baik dan memerlukan penambahbaikan agar matlamat PI dapat direalisasikan sepenuhnya.

Abdul Halim Tamuri (2012) telah mengkaji tentang keberkesanan pelaksanaan PI dalam sistem pendidikan kebangsaan menunjukkan tahap pengetahuan pelajar di Malaysia berada pada tahap tinggi. Bidang akidah didapati mendapat nilai tertinggi berbanding bidang ibadah, tilawah al-Quran dan hadis yang mendapat nilai terendah. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan terdapat sejumlah pelajar yang belajar PI hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja menyebabkan mereka kurang mengamalkan ilmu yang mereka peroleh. Kajian ini juga menunjukkan faktor guru menjadi semakin penting jika dilihat hubungannya dengan pelaksanaan PI dan penghayatan akhlak pelajar. GPI perlu disedarkan dalam semua aspek agar mereka menjadi lebih berkesan dalam pengajaran di luar dan dalam bilik darjah. GPI juga perlu mempunyai semangat yang tinggi dan

mempelbagaikan teknik pengajaran untuk menarik minat pelajar selain perlu menjalin hubungan baik dengan ibu bapa pelajar.

Kajian Reuben Musiime (1996) tentang Penilaian Kurikulum Pendidikan Agama sekolah menengah di Uganda dengan menggunakan Model CIPP oleh Stufflebeam (1971). Kajian ini memberi fokus kepada matlamat dan objektif, kaedah mengajar, isi kandungan dan persepsi masyarakat terhadap pengajaran PI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum pendidikan agama di Uganda memerlukan penambahbaikan. Sukatan Pelajaran Pendidikan Agama tidak memberikan pendekatan yang seragam untuk menggalakkan perpaduan nasional. Isi kandungannya tidak memenuhi keperluan kontemporari untuk generasi muda. Isu-isu amali dari segi nilai moral, kerohanian dan etika bertambah baik dan bermakna bagi pelajar sekolah Uganda.

Secara keseluruhan daripada kajian-kajian lepas terhadap KPI di sekolah mendapati masih banyak ruang dan lompong yang perlu diperbaiki, dikaji dan kajian mereka tidak secara menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini perlu diberi perhatian dan dibuat penilaian secara keseluruhan ke atas pelaksanaan KPI sekolah menengah berasaskan Model CIPP supaya proses dan pelaksanaan KPI di sekolah dapat diperbaiki dan dibuat penambahbaikan.

2.4 Kesimpulan

Bab ini telah menyentuh konsep penilaian kurikulum, model penilaian kurikulum, sejarah KPI serta kajian-kajian lepas penilaian pelaksanaan kurikulum dan model CIPP.

Sorotan model penilaian kurikulum yang telah digunakan terhadap kurikulum mata pelajaran lain dengan menggunakan Model Penilaian CIPP. Berdasarkan ulasan tinjauan literatur yang telah dibuat secara perbandingan dengan dapatan kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa penilaian kurikulum memainkan peranan penting bagi pelaksanaan kurikulum dalam usaha mencapai matlamatnya serta menjamin kualiti sesuatu kurikulum itu dalam memenuhi hasrat dan matlamat FPK dan FPI. Justeru itu, penyelidik ingin mengetahui sejauh mana pelaksanaan KPI di sekolah menengah berjalan seperti yang dihasratkan. Adakah ia mencapai matlamat dan objektif PI dan seterusnya mendapatkan hasil seperti yang diharapkan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan metodologi dan prosedur utama kajian. Aspek-aspek utama yang dibincangkan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian, kajian rintis, tatacara pengumpulan data dan prosedur menganalisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian deskriptif ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual untuk memperoleh data. Kaedah *mixed method Concurrent nested/Concurrent Embedded Strategy* ini menggunakan satu fasa pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif secara serentak pada satu masa dan saling menyokong antara satu sama lain dan penyelidik berusaha untuk memperoleh maklumat yang selaras dengan menjawab persoalan kajian yang tepat (Oppenheim, 1997; Kerlinger, 1986; Zikmund, 2000; Neuman, 2000; Gay & Airasian, 2006). Kajian ini melibatkan penilaian daripada perspektif GPI dan pelajar yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama manakala kaedah kualitatif menggunakan temu bual sebagai sokongan kepada data kuantitatif bagi menilai pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Kajian soal selidik dan temu bual dipilih kerana amat relevan, saling melengkapi data, dapat meningkatkan kesahan kajian, menyokong antara satu sumber dengan sumber yang lain dan ia amat berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978; Yin, 1984; Ervin, 2005; Creswell, 2009;

Sugiyono, 2011). Oberle (1991) menyatakan pendekatan kuantitatif adalah untuk mendapatkan sesuatu maklumat serta justifikasi manakala pendekatan kualitatif digunakan untuk memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Melalui kaedah ini, data kuantitatif yang digeneralisasikan akan dapat diberi huraian yang lebih mendalam melalui kaedah kualitatif (Creswell, 2005).

Rasional reka bentuk deskriptif secara tinjauan soal selidik dan temu bual digunakan adalah untuk saling melengkapi, mengukuhkan dapatan kajian, menyokong antara satu sama lain dan bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian yang dibina dengan tujuan kajian (Neuman, 2000; Gay & Airasian, 2003). Di samping itu reka bentuk kajian ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk meyakinkan dapatan dan kesimpulan yang lengkap berdasarkan pelbagai punca maklumat (Fatimah Tambi, 2009). Ramai sarjana menyatakan bahawa kaedah ini adalah baik untuk membina kekuatan pada kedua-dua jenis data (Brewer & Hunter, 1989; Miles & Heberman, 1994; Wiersma, 2000; Neuman, 2000; Pallant, 2005; Creswell, 2009). Menurut Neuman (2000), dengan menggunakan gabungan antara soal selidik dan temu bual kajian ini memberi gambaran keseluruhan bagi masalah yang diperoleh dari data kuantitatif dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi data kualitatif pula. Menurut Gay dan Airasian (2006), temu bual adalah interaksi antara dua orang yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang sukar diperoleh dari soal selidik. Ramai penyelidik telah menggunakan bentuk kajian kaedah kuantitatif dan kualitatif sebelum ini seperti Onyefulu (2001), Aleixo (2003), Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2004), Norizah Ard (2005), Norhayuza Mohamad (2006), Shi (2006), Saidatul Akmar Zainal Abidin (2006), Eggeman (2008), Zawawi Ismail (2008), Fatimah Tambi (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011) dan Ghazali Yusri (2012).

Kaedah utama memperoleh data kuantitatif adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Pendekatan kuantitatif mampu meningkatkan keyakinan kepada penilaian individu manakala data kualitatif pula berupaya memberikan penjelasan yang lebih mendalam dari perspektif yang berbeza terhadap data kuantitatif berbentuk numerik dan untuk tujuan generalisasi sampel kepada populasi sebenar (Gall et al., 1998; Creswell, 2009; Sarimah Ismail & Abreza Atan, 2011).

Manakala data kualitatif diperoleh adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan temu bual separa berstruktur untuk menyokong data utama. Kaedah ini dipilih kerana temu bual dilihat sebagai teknik terbaik yang boleh digunakan untuk melaksanakan kajian kes yang intensif bagi beberapa individu yang dipilih (Merriam, 2001). Data kualitatif ini menyediakan pendapat-pendapat sebenar bahan kajian secara mendalam dari perspektif yang berbeza. Data ini menjelaskan dan mengukuhkan lagi data kuantitatif yang tidak dapat dihuraikan oleh soal selidik (Yin, 1984; Ervin, 2005).

Kaedah tinjauan soal selidik dan temu bual digunakan kerana sesuai untuk populasi yang besar seperti kajian ini dan dapat menggambarkan suasana sebenar (Cohen & Manion, 2000). Kajian tinjauan merupakan satu prosedur kajian kuantitatif dengan penyelidik menjalankan tinjauan kepada sampel atau populasi bagi tujuan menjelaskan sikap, pandangan, kelakuan atau karakter populasi (Creswell 2005). Jenis tinjauan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah tinjauan semasa (*Cross-sectional*) kerana data yang dikumpulkan hanya pada tempat dan masa tertentu sahaja. Oleh itu, kajian ini memerlukan pemilihan sampel dan membina soal selidik bagi tujuan mengumpulkan data (McMillan & Schumacher 1989). Kaedah tinjauan juga dipilih kerana penyelidik ingin

melihat persepsi para pelajar dan guru khususnya pelajar Tingkatan 4 dan GPI tentang pelaksanaan KPI serta segala permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dan GPI tersebut.

Kajian analisis deskriptif memberikan tumpuan kepada keadaan atau hubungan antara satu fenomena kajian, kebiasaan dalam sesuatu pelaksanaan, sikap, pandangan atau persepsi, proses yang sedang berlaku, kesan atau perkembangan aliran kecenderungan (Selinger & Shoharny, 2000; Best, 2006). Data dianalisis untuk menghasilkan analisis deskriptif seperti kekerapan, min dan sisihan piawai dan analisis inferensi MANOVA. Kajian analisis inferensi MANOVA digunakan untuk melihat perbezaan kesesuaian FPK, FPI, objektif dan matlamat KPI, tahap pengetahuan GPI, tahap kepuasan dan minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI berdasarkan kelas aliran. Berdasarkan kelebihan-kelebihan kaedah tinjauan ini, penyelidik berpendapat bahawa kaedah tinjauan ini amat sesuai digunakan dalam kajian ini.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan GPI Sekolah Menengah Kebangsaan harian di bawah kelolaan KPM berdasarkan kategori bandar dan luar bandar yang meliputi 10 daerah negeri Kelantan iaitu PPD Kota Bharu, PPD Bachok, PPD Pasir Puteh, PPD Machang, PPD Pasir Mas, PPD Tumpat, PPD Tanah Merah, PPD Gua Musang, PPD Kuala Krai dan PPD Jeli. Kategori sekolah ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Bahagian Sekolah, KPM terhadap semua sekolah kerajaan iaitu lokasi pendaftaran adalah seperti yang telah ditetapkan oleh JPN Kelantan

berdasarkan kategori bandar dan luar bandar semasa permohonan kod sekolah dibuat dan ia tidak boleh dipinda iaitu kod “1” untuk bandar dan kod “2” untuk luar bandar.

Rasional pemilihan sekolah di negeri Kelantan kerana sistem persekolahan di Malaysia adalah berpusat (Yahya Don, 2005). Justeru itu, pemilihan sekolah-sekolah tersebut kerana mempunyai banyak persamaan dengan sekolah-sekolah lain dari segi sistem latihan keguruan, sistem persekolahan, buku teks, sukatan pelajaran, KPI, FPK dan FPI, kelayakan guru, sistem persekolahan, matlamat, misi, visi dan sebagainya (Abdul Halim Tamuri, 2004). Selain itu, pemilihan negeri Kelantan sebagai fokus populasi untuk menjalankan kajian kerana keputusan peperiksaan SPM dalam mata pelajaran PI di negeri ini yang tidak konsisten turun naik sejak tahun 2006 hingga 2012 (JPNK, 2013). Selain itu, negeri Kelantan juga terkenal dengan jolokan negeri Serambi Mekah dan 95% penduduknya berketurunan Melayu Muslim (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Justifikasi pemilihan pelajar Tingkatan 4 untuk menyertai kajian ini dilakukan berdasarkan hakikat bahawa secara umumnya mereka telah melepasi tahap kematangan umur baligh iaitu 16 tahun yang ditentukan sebagai had umur bagi memikul tanggungjawab syariat (Abdul Halim Tamuri, 2004). Sigelmen (1999) menyatakan Piaget berpendapat bahawa tahap perkembangan kognitif remaja yang berumur 12 tahun ke atas mengalami operasi formal boleh berfikir secara abstrak tentang akibat jangka panjang sesuatu aksi. Para pelajar yang berada pada tahap umur 16 tahun ini mampu menilai diri mereka sendiri serta dapat menilai antara perkara yang baik dengan yang buruk (Lawrence, 1994).

Pelajar-pelajar Tingkatan 4 juga telah mengikuti mata pelajaran PI selama sekurang-kurangnya 9 tahun di dalam KBSR dan KBSM serta telah mengalami proses pemerolehan dan pengalaman berkaitan dengan PI dalam jangka waktu yang agak lama sehingga mampu menilai diri mereka dalam aspek penghayatan ajaran Islam. Selain itu juga, pihak EPRD tidak membenarkan kajian dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan di sekolah selain pelajar Tingkatan 1, 2 dan 4. Manakala pemilihan guru sebagai responden kajian ini kerana GPI sebagai pelaksana terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan penilaian KPI di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Responden bagi pelajar Tingkatan 4 secara keseluruhan berjumlah 29,018 orang di 125 buah sekolah menengah meliputi bandar dan luar bandar di seluruh 10 daerah negeri Kelantan. Manakala bilangan GPI di negeri Kelantan berjumlah 1163 orang (JPN Kelantan, 2013). GPI juga akan dipilih daripada sekolah-sekolah menengah di 10 buah daerah bandar dan luar bandar negeri Kelantan.

Faktor kategori sekolah dan tingkatan aliran juga dipilih dalam kajian ini kerana terdapat banyak kajian-kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan berdasarkan kategori sekolah bandar dan luar bandar (Fatimah Tambi, 2009). Faktor kelas aliran (sains, sastera dan agama) dipilih untuk mendapatkan maklumat gambaran perbezaan tahap berdasarkan tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk iaitu aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan. Jumlah keseluruhan sekolah bandar dan luar bandar negeri Kelantan seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Jumlah Sekolah, Guru dan Pelajar mengikut Bandar dan Luar Bandar Negeri Kelantan

Daerah	Bil. SMK	Kategori Sekolah		Sampel GPI		Sampel Pelajar	
		Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar
Kota Bharu	37	16	21	15	15	20	20
Bachok	11	2	9	15	15	20	20
Pasir Puteh	11	2	9	15	15	20	20
Machang	9	3	6	15	15	20	20
Pasir Mas	17	2	15	15	15	20	20
Tumpat	10	2	8	15	15	20	20
Tanah Merah	11	4	7	15	15	20	20
Gua Musang	8	2	6	15	15	20	20
Kuala Krai	10	3	7	15	15	20	20
Jeli	5	2	3	15	15	20	20
Jumlah	129	38	91	150	150	200	200

3.3.1 Penentuan Saiz Sampel

Penentuan saiz sampel untuk menjawab soal selidik dalam penyelidikan ini adalah berasaskan rumusan yang digunakan oleh Bahagian Penyelidikan *National Education Association* seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1975). Penyelidik menetapkan jumlah sampel seramai 379 orang pelajar daripada sejumlah populasi sasaran seramai 29,018 orang pelajar Tingkatan 4 di 129 buah sekolah menengah meliputi 10 buah daerah negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan daripada kemungkinan berlakunya soal selidik yang tidak sempurna, penyelidik menetapkan sampel sebanyak 400 orang ($N=400$) iaitu pertambahan sebanyak 21 orang responden.

Manakala jumlah populasi GPI yang mengajar mata pelajaran PI peringkat menengah atas di negeri Kelantan dianggarkan 1163 orang (JPN Kelantan, 2013). Oleh itu penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1975) bagi populasi GPI ialah seramai 291 orang. Penyelidik telah menetapkan sampel guru adalah seramai 300 orang ($N=300$)

iaitu pertambahan sebanyak 9 orang. Roscoe (1975) mencadangkan sampel yang melebihi 30 orang dan kurang daripada 500 orang adalah bertepatan dalam penyelidikan.

Kaedah pensampelan stratifikasi dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada stratifikasi tidak proposional (*Stratified sampling non-propotional*). Menurut Gay dan Airasian (2003), kaedah ini yang berasaskan kepada nisbah sampel adalah berbeza dengan populasi sebenar. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pelbagai kategori sekolah diwakili dari populasi sebenar penyelidikan ini. Kategori sekolah yang dipilih adalah sekolah menengah yang mempunyai pelajar Tingkatan 4 sekolah bandar dan luar bandar. Bilangan sekolah yang dipilih dari setiap kategori dan lokasi ditentukan melalui kaedah *proportionate allocation* dari jumlah populasi sekolah disebabkan jumlah sekolah menengah yang terdapat di dalam setiap kategori tidak seimbang.

Setelah pembahagian mengikut kategori dan daerah dilakukan, akhirnya sebanyak 20 buah sekolah (10 buah SMK Bandar dan 10 buah SMK Luar Bandar) telah dipilih secara rawak mudah bagi menyertai penyelidikan ini. Pemilihan sampel adalah tepat dan mewakili ciri setiap kumpulan kategori sekolah dalam populasi sebenar dan dapat mengurangkan berlakunya ralat pensampelan (Zikmund, 2000).

Selain soal selidik, penyelidik juga akan mengutip data kualitatif melalui temu bual. Seramai 7 orang pelajar dan 5 orang GPI yang dipilih secara *purposive sampling*. Creswell (2005) menyatakan untuk data temu bual melebihi 6 orang telah mencukupi bagi sesuatu kajian kualitatif. Dalam kajian ini, sampel temu bual $n = 5$ orang GPI dipilih dari sekolah berlainan berdasarkan kriteria seperti mempunyai pengalaman

mengajar lebih dari 10 tahun serta pernah menghadiri kursus GPI yang dianjurkan oleh JPN, manakala pemilihan $n = 7$ orang pelajar sekolah yang berlainan juga berdasarkan kriteria pelajar tersebut telah belajar KPI yang sama dan atas dasar persetujuan pelajar. Pemilihan sampel ini tidak tertakluk kepada sekolah dan daerah seperti pemilihan responden untuk menjawab borang soal selidik.

3.3.2 Pemboleh ubah

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada hasil penilaian pelaksanaan KPI, manakala pemboleh ubah bebas pula adalah diwakili dimensi konteks, input, proses dan produk kajian.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian utama dan temu bual sebagai data sekunder yang menyokong data soal selidik untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Beberapa instrumen digunakan untuk mengumpul data kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik pelajar Tingkatan 4, soal selidik GPI dan temu bual. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah sebahagian set soal selidik yang telah diubahsuai dari soal selidik Fatimah Tambi (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011), Ghazali Yusri (2012) dan Nor Hayati Fatmi (2013). Bahan tersebut akan dikaji dan disesuaikan dengan teliti dan tumpuan diberikan kepada aspek-aspek penting dalam penilaian pelaksanaan KPI Tingkatan 4.

Menurut Tuckman (1978), soal selidik merupakan salah satu cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel yang ramai. Soal selidik digunakan kerana

boleh diagih dengan cepat dan mudah. Soal selidik juga dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya bias akibat daripada sifat peribadi atau kemahiran penyelidik (Ary et al., 1990). Menurut Abu Bakar Nordin (1992), soal selidik amat sesuai digunakan kerana ia menjimatkan kos dan masa untuk mendapatkan reaksi daripada responden yang jauh dengan pengawasan yang minimum. Abu Hassan Kasim (1998) pula menyatakan soal selidik dapat memberi beberapa andaian bahawa responden mudah memahami soalan-soalan, responden mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dikaji dan responden tidak dipaksa untuk menjawab soal selidik.

Dalam kajian ini, item-item yang dibina adalah berdasarkan konstruk-konstruk bagi setiap gagasan dalam kerangka konseptual (Konteks, Input, Proses, Produk) yang diguna pakai dalam kajian-kajian lepas Fatimah Tambi (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011), Ghazali Yusri (2012) dan Nor Hayati Fatmi (2013). Penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis '*Likert*' 5 mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen soal selidik. Menurut Cohen et al. (2000) skala '*Likert*' adalah sesuai digunakan untuk mengukur persepsi dan sikap serta pandangan yang diberikan responden dalam ruang tertentu secara berterusan. Menurut Chua (2011), kelebihan penggunaan Skala *Likert* adalah: 1) Ia mudah diurus dan dipakai; 2) Item-itemnya mudah dijawab oleh responden; 3) Data yang dipungut melalui Skala '*Likert*' lebih tinggi kebolehpercayaan berbanding dengan skala-skala lain.

Responden diminta untuk memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut dengan

menganggap bahawa responden telah biasa menjawab soal selidik berbentuk demikian. Penyelidik telah merujuk beberapa sumber bagi menyediakan instrumen untuk mengukur kesemua konstruk yang terdapat dalam rangka konseptual kajian. Hasil dari kajian perpustakaan mendapati tidak terdapat instrumen sedia ada yang dapat mengukur kesemua konstruk kajian tetapi hanya mengukur sesuatu atau beberapa konstruk tertentu sahaja. Penyelidik telah mengambil masa 12 bulan untuk membina instrumen dengan mengambil kira beberapa perkara berikut: 1) mengelakkan dua unsur yang berbeza supaya responden tidak keliru dalam memberi jawapan; 2) menggunakan istilah yang mudah difahami dan ayat yang pendek; 3) tiada unsur-unsur sensitif, menghina dan mengesyaki; 4) tempoh masa untuk menjawab soal selidik yang sesuai dengan bilangan soalan.

Data yang diperoleh melalui soal selidik dalam kajian ini adalah data numerik dan dianalisis mengikut prosedur statistik secara deskriptif. Namun data numerik tersebut memerlukan penjelasan dengan lebih mendalam melalui temu bual untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas bagi menyokong dapatan yang tidak mampu diperoleh melalui data soal selidik. Instrumen digunakan melalui kaedah pemungutan data secara skala '*Likert*' lima mata iaitu 1 Sangat Tidak Setuju (STS), 2 Tidak Setuju (TS), 3 Tidak Pasti (TP), 4 Setuju (S) dan 5 Sangat Setuju (SS). Skala '*Likert*' lima mata dipilih kerana membolehkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan responden terhadap tiap-tiap item yang digunakan. Selain itu, Skala '*Likert*' dikatakan mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi. Skala ini dianggap mempunyai kelebihan berbanding dengan skala-skala lain (Mohd Majid Konting, 2000).

Instrumen yang dibina hasil dari perbincangan dengan guru-guru PI, panel pakar untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang kajian yang dijalankan. Penyelidik telah menyediakan jadual spesifikasi instrumen yang mengandungi konstruk, sub-konstruk yang mencakupi kajian ini seperti dalam Jadual 3.2 di bawah. Penyelidik juga telah merujuk instrumen-instrumen lain yang mempunyai skop yang hampir sama dengan skop kajian ini untuk mendapatkan idea pembentukan instrumen. Pembinaan instrumen disusun berdasarkan model penilaian CIPP Stufflebeam (1987) merangkumi 4 komponen dimensi konteks, input, proses dan produk untuk memudahkan penyelidik menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian. Jadual 3.2 berikut memperincikan konstruk dan instrumen yang digunakan.

Jadual 3.2 Jadual Spesifikasi Konstruk dan Instrumen Kajian

Dimensi Penilaian	Soal Selidik		Temu Bual	
	Pelajar	Guru PI	Guru PI	Pelajar
<u>Penilaian Konteks</u>				
Kesesuaian KPI				
a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan		✓		✓
b. Falsafah Pendidikan Islam		✓		✓
c. Matlamat Pendidikan Islam		✓		✓
d. Objektif Pendidikan Islam		✓		✓
<u>Penilaian Input</u>				
a. Kemudahan-kemudahan		✓		✓
b. Tahap pengetahuan Guru		✓		✓
- Asas Pendidikan		✓		✓
- Pedagogi		✓		✓
- Kurikulum Pendidikan Islam		✓		✓
c. Keupayaan menggunakan AAV dan keyakinan diri		✓		✓
<u>Penilaian Proses</u>				
a. Pelaksanaan PdP		✓		✓
b. Penggunaan BBM		✓		✓
c. Pelaksanaan pemantauan dan penilaian		✓		✓
d. Hubungan guru, pelajar dan pentadbir		✓		✓

<u>Penilaian Produk (Impak)</u>		
a. Tahap Kepuasan pelajar terhadap KPI	√	√
b. Tahap minat pelajar terhadap KPI	√	√
c. Impak Kurikulum Pendidikan Islam	√	√
<u>Penilaian Produk (Keberkesanan)</u>		
Pencapaian objektif KPI	√	√
<u>Penilaian Produk (Kemampanan)</u>		
Pembentukan sikap positif pelajar	√	√
<u>Penilaian Produk (Kebolehpindahan)</u>		
Pengaplikasian ilmu dalam kehidupan seharian pelajar	√	√

3.4.1 Instrumen Soal Selidik Guru Pendidikan Islam (GPI)

Soal selidik GPI diedarkan kepada responden iaitu GPI yang mengajar sekolah menengah atas di 10 daerah negeri Kelantan. Pengumpulan data secara kuantitatif dalam kalangan GPI dijalankan dengan menggunakan satu set soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

i) Bahagian A (Latar Belakang GPI)

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang dibina bagi mengumpul maklumat latar belakang GPI. Item-item dalam bahagian ini merangkumi nama sekolah, daerah, kategori sekolah, jantina, kelayakan akademik, bidang pengkhususan, kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus kurikulum semakan PI.

ii) Bahagian B (Dimensi Konteks)

Bahagian ini mengandungi dimensi konteks dalam Model Penilaian CIPP iaitu: 1) kesesuaian KPI sekolah menengah dengan FPK; 2) kesesuaian KPI sekolah menengah dengan FPI; 3) kesesuaian KPI sekolah menengah dengan matlamat PI; 4) kesesuaian KPI sekolah menengah dengan objektif PI.

Instrumen bahagian B digunakan untuk menjawab persoalan kajian dari dimensi konteks iaitu (persoalan kajian 1.5.1) untuk menilai sejauh mana kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat PI dan objektif PI dari dimensi konteks dan (persoalan kajian 1.5.5) adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi konteks.

iii) Bahagian C (Dimensi Input)

Penilaian input dalam bahagian C berkaitan dengan kemudahan yang merangkumi PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan peruntukan jadual waktu mengajar. Penilaian input juga termasuk penilaian terhadap GPI merangkumi pengetahuan dalam bidang asas pendidikan, pengetahuan dalam bidang pedagogi, pengetahuan dalam bidang KPI, keupayaan menggunakan AAV dan keyakinan diri mengajar PI.

Instrumen bahagian C digunakan untuk menjawab persoalan kajian dari dimensi Input iaitu (persoalan kajian 1.5.2) menilai sejauh mana kemudahan-kemudahan, tahap pengetahuan GPI, kemahiran GPI menggunakan AAV dan keyakinan diri untuk melaksanakan proses PdP dari dimensi input dan (persoalan kajian 1.5.5) adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi input.

iv) Bahagian D (Dimensi Proses)

Instrumen bahagian D merangkumi dimensi proses iaitu pelaksanaan PdP, penggunaan BBM, pelaksanaan pemantauan, pelaksanaan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir.

Instrumen bahagian D digunakan untuk menjawab persoalan kajian dari dimensi proses iaitu (persoalan kajian 1.5.3) untuk menilai proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan dan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama pihak pentadbir terhadap proses PdP yang lebih baik dari dimensi proses dan (persoalan kajian 1.5.5) adakah ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi proses. Perincian soal selidik dapat dilihat pada Jadual 3.3 berikut:

Jadual 3.3 Kandungan Soal Selidik GPI

Bahagian	Aspek/Konstruk	Bil. Item/Item	Rujukan
Bahagian A	Latar belakang	9 (A1-A9)	Ghazali Yusri (2012)
Bahagian B (Konteks)	Kesesuaian KPI dengan FPK	4 (B1 – B4)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Kesesuaian KPI dengan FPI	4 (B5 – B8)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Kesesuaian KPI dengan matlamat PI	3 (B9 – B11)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Kesesuaian KPI dengan objektif PI	9 (B12 – B20)	Nor Hayati Fatmi (2013)
Bahagian C (Input)	Kemudahan;		
	1. PSS	4 (C1 – C4)	Fatimah Tambi (2009)
	2. Bilik Darjah	4 (C5 – C8)	Fatimah Tambi (2009)
	3. AAV	4 (C9 – C12)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	4. Buku Teks	5 (C13 – C17)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	5. Peruntukan masa	3 (C18 – C20)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Pengetahuan GPI;		
	1. Asas Pendidikan	6 (C21 – C26)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	2. Pedagogi	6 (C27 – C32)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	3. Pendidikan Islam	14 (C33– C46)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Keupayaan menggunakan AAV	5 (C47 – C51)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	Keyakinan diri	5 (C52 – C56)	Nor Hayati Fatmi (2013)
Bahagian D (Proses)	Pelaksanaan PdP	9 (D1 – D9)	Mohd Nordin Abu Bakar (2011)
	Penggunaan BBM	6 (D10 – D15)	Mohd Nordin Abu Bakar (2011)

Pelaksanaan pemantauan	10 (D16 – D25)	Fatimah Tambi (2009)
Pelaksanaan Penilaian Akhir	7 (D26 – D32)	Fatimah Tambi (2009)
Hubungan guru dengan pelajar	6 (D33 –D38)	Fatimah Tambi (2009)
Kerjasama guru dengan pihak pentadbir	8 (D39 – D46)	Fatimah Tambi (2009)
JUMLAH	131 item	

Jadual 3.3 di atas menunjukkan kandungan bahagian A, B, C dan D berasaskan kepada ketiga-tiga dimensi utama penilaian Model Penilaian CIPP yang terdiri 131 item dan rujukan kandungan soal selidik GPI. Terdapat 3 interpretasi bagi skala 1–5 dalam soal selidik GPI seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4 Penerangan Skala Soal Selidik GPI

	Item	Item	Item
Skala	B1- B20	C1 – C20, C47-C56, D1 – D46	C21 – C46
1	(STS) Sangat Tidak Sesuai	(STS) Sangat Tidak Setuju	(SR) Sangat Rendah
2	(TS) Tidak Sesuai	(TS) Tidak Setuju	(R) Rendah
3	(TP) Tidak Pasti	(TP) Tidak Pasti	(S) Sederhana
4	(S) Sesuai	(S) Setuju	(T) Tinggi
5	(SS) Sangat Sesuai	(SS) Sangat Setuju	(ST) Sangat Tinggi

Sumber: Fatimah Tambi (2009), Mohd Nordin Abu Bakar (2011), Ghazali Yusri (2012), Nor Hayati Fatmi (2013) dan Mohd Majid Konting (2000)

3.4.2 Instrumen Soal Selidik Pelajar Tingkatan 4

Soal selidik pelajar diedarkan kepada responden dalam kalangan semua pelajar Muslim yang sedang belajar di Tingkatan 4 sekolah menengah. Keseluruhan responden yang terlibat adalah 400 orang pelajar dari 10 daerah negeri Kelantan yang terpilih.

Pengumpulan data secara kuantitatif dalam kalangan pelajar dijalankan dengan menggunakan set soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

i) Bahagian A

Bahagian A mengandungi maklumat demografi pelajar. Bahagian ini merangkumi 5 item, iaitu nama sekolah, daerah (PPD), kategori sekolah, jantina, tingkatan aliran. Pemilihan faktor demografi dibuat dengan mengambil kira kepentingan faktor-faktor tersebut terhadap dasar dan amalan pendidikan di Malaysia. Pemboleh ubah SMK dipilih sebagai pemboleh ubah bebas kerana ini merupakan satu pemboleh ubah yang boleh digunakan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan KPI di sekolah menengah kebangsaan negeri Kelantan.

ii) Bahagian B

Bahagian B mengandungi dua bahagian B1 dan B2 untuk menjawab (persoalan kajian 1.5.4) iaitu melihat sejauh mana tahap kepuasan dan minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI. B1 mengandungi 6 soalan berkaitan dengan tahap kepuasan pelajar. Bahagian B2 mengandungi 7 soalan berkaitan dengan tahap pelajar terhadap pelaksanaan KPI.

iii) Bahagian C

Bahagian C mengandungi 46 soalan berkaitan dimensi produk yang digunakan untuk menjawab (persoalan kajian 1.5.5) iaitu menilai tahap impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan KPI dari dimensi produk dan (persoalan kajian 1.5.6) adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk. Bahagian C1 meliputi dimensi impak KPI (6

soalan), bahagian C2 mengandungi 19 soalan meliputi aspek keberkesanan pencapaian objektif PI, bahagian C3 mengandungi 7 soalan yang meliputi aspek kemampunan iaitu pembentukan sikap positif pelajar manakala bahagian C4 mengandungi 14 soalan yang meliputi aspek iaitu pengaplikasian KPI dalam kehidupan seharian pelajar. Bahagian B dan C menggunakan skala persetujuan 5 mata yang diperincikan sebagai: (1) sangat tidak setuju; (2) tidak setuju; (3) tidak pasti; (4) setuju; dan (5) sangat setuju.

Jadual 3.5 berikut menunjukkan perincian kandungan mengikut bahagian dan bilangan item kepada dimensi produk berdasarkan Model Penilaian CIPP.

Jadual 3.5 Kandungan Soal Selidik Pelajar Tingkatan Empat

Bahagian	Aspek/Konstruk	Bil. Item/Item	Rujukan
Bahagian A	Latar belakang pelajar	5 (A1-A5)	Fatimah Tambi (2009)
Bahagian B	Tahap kepuasan pelajar Tahap minat pelajar	6 (B1 – B6) 7 (B7 – B13)	Nor Hayati Fatmi (2013) Nor Hayati Fatmi (2013)
Bahagian C (Produk)	<u>Impak:</u> 1. Impak KPI	6 (C1 – C6)	Nor Hayati Fatmi (2013)
	2. Keberkesanan Pencapaian Objektif KPI	19 (C7 – C25)	Ghazali Yusri (2012)
	3. Kemampunan Pembentukan Sikap positif pelajar	7 (C26 – C32)	Ghazali Yusri (2012)
	4. Kebolehpindahan Pengaplikasian dalam kehidupan seharian pelajar	14 (C33 – C46)	Nor Hayati Fatmi (2013)
JUMLAH		64 item	

3.4.3 Instrumen Temu bual Separa Struktur

Data kualitatif dikumpulkan melalui dua set protokol temu bual separa struktur dalam kalangan responden yang terpilih iaitu pelajar dan guru. Temu bual digunakan dengan meluas bagi memungut data berkenaan fenomena yang tidak boleh diperhatikan secara

terus seperti sikap, kepercayaan, niat, pandangan, pengalaman, nilai yang dipegang, minat dan sebagainya (Gall et al., 1998; Patton, 2002). Hal ini bertujuan bagi menjelaskan lagi soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik dengan membawa pendekatan yang mendalam. Temu bual diadakan bagi memperoleh maklumat lanjut, menyokong serta menghuraikan data yang diperoleh dari soal selidik mengenai pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Penyelidik menggunakan protokol temu bual separa struktur supaya soalan yang dikemukakan lebih berfokus. Melalui temu bual separa struktur, penemu bual bebas untuk menyoal dan meneroka lebih mendalam tentang jawapan responden walaupun penemu bual telah menyediakan soalan sebelum sesi temu bual dijalankan. Penemu bual juga boleh merakam sesi temu bual yang dijalankan supaya tumpuan dapat diberikan kepada maklumat yang disampaikan responden (Chua, 2011). Selain itu, teknik temu bual separa berstruktur dipilih kerana teknik ini dapat mencari apa yang ada di dalam minda seseorang atau apa yang terkandung dalam pemikirannya mengenai sesuatu aktiviti (Patton, 2002).

Menurut Cohen (2000), penggunaan kaedah temu bual dapat mengukuhkan kefahaman tentang fenomena yang dikaji. Menurut Drever (1995), pendekatan separa struktur digunakan bagi menjalankan temu bual untuk mengekalkan objektif bagi memperoleh maklumat tertentu dari responden dan dalam masa yang sama kaedah ini lebih anjal dan bersesuaian dengan responden kajian. Temu bual separa struktur digunakan sebagai kaedah memungut data dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Menurut Mohd Nordin Abu Bakar (2011), temu bual jenis ini terletak antara temu bual berstruktur dan tanpa struktur dari segi cirinya, iaitu temu bual jenis ini mempunyai ciri-ciri temu bual tanpa struktur dan temu bual berstruktur. Sesetengah temu bual jenis ini mempunyai ciri

yang lebih menghampiri temu bual berstruktur manakala sesetengah lagi lebih menghampiri temu bual tanpa struktur.

Dalam kajian ini, penyelidik mengambil dapatan analisis data kuantitatif untuk menjadi panduan bagi sesi temu bual. Fokus temu bual dalam kajian ini adalah GPI dan pelajar PI Tingkatan 4 di sekolah menengah yang sedang mempelajari mata pelajaran PI dengan menggunakan dua set protokol temu bual yang dibentuk berdasarkan item-item dalam soal selidik. Segala perbualan melalui sesi temu bual akan dirakamkan dengan ‘*tape recorder mp3*’ untuk dianalisis oleh penyelidik. Temu bual menjurus kepada 4 dimensi (konteks, input, proses dan produk) yang terdapat dalam kerangka konsep. Seramai 5 orang GPI telah ditemu bual, dimana setiap guru mewakili setiap daerah yang telah ditetapkan. Manakala 7 orang pelajar Tingkatan 4 dipilih untuk ditemu bual mewakili setiap daerah yang telah ditetapkan. Kekuatan temu bual adalah kerana peserta yang di temu bual lebih responsif kerana temu bual dilakukan secara bersahaja (Patton, 2002). Data temu bual dalam bentuk *verbatim* kemudian dianalisis secara manual dan dijadikan dalam bentuk transkrip dengan mengekodkan data. Jadual 3.6 menunjukkan seramai 12 orang yang mewakili 2 kumpulan yang telah ditemu bual bagi mendapatkan data kualitatif. Jadual 3.6 juga menunjukkan protokol temu bual yang digunakan bagi setiap kumpulan responden.

Jadual 3.6 Protokol dan Responden bagi Temu Bual

Protokol Temubual	Responden	Kod Responden	Bilangan
Lampiran D	Guru PI	G1-G5	5
Lampiran E	Pelajar Tingkatan 4	P1-P7	7
Jumlah			12

Menurut Creswell (2005), antara langkah-langkah untuk memastikan sesi temu bual dilaksanakan dengan berkesan ialah: 1) mengenal pasti orang yang hendak di temu bual; 2) menentukan bentuk temu bual yang akan dilakukan; 3) merakam perbincangan soalan dan jawapan yang diperbincangkan supaya mendapat maklumat yang tepat semasa temu bual dijalankan; 4) buat catatan ringkas semasa perbualan dijalankan; 5) pilih tempat yang sesuai untuk diadakan sesi temu bual; 6) maklumkan kepada responden terlebih dahulu tentang tujuan kajian dan semua maklumat temu bual adalah untuk tujuan kajian; 7) temu bual hendaklah sebagaimana dirancang tetapi tidak terlalu terikat dengan apa yang dirancang; dan 8) tamatkan sesi temu bual secara profesional dengan mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan.

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan merupakan alat pengukuran yang sangat penting dalam sesuatu kajian (Mohd Majid Konting, 2000). Semua instrumen yang dibina perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi menjamin kualiti data yang diperoleh (Creswell, 2009). Pembinaan instrumen penilaian KPI sekolah menengah ini adalah dibina berdasarkan kajian keatas teori-teori penilaian mata pelajaran dan sesuai pula seperti yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), KPM (2003). Asas dari pembinaan instrumen ini adalah diadaptasi dan diubahsuai dari kajian-kajian lepas. Kebolehpercayaan dikaitkan dengan darjah konsisten antara dua ukuran perkara yang sama. Dapatan penyelidikan akan menjadi tidak bermakna sekiranya alat pengukuran yang digunakan tidak dapat mengukur apa yang alat tersebut sepatutnya hendak ukur (Mohd Nordin Abu Bakar, 2011). Selain itu, perlu dipastikan instrumen yang digunakan benar-benar dapat

mengukur tentang apa yang sepatutnya diukur dan mengemukakan data yang diperlukan secara tepat. Hal ini bertepatan dengan pandangan beberapa penyelidik bahawa perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sebelum sesuatu instrumen digunakan (Ary et al., 1990; Abu Hassan Kasim, 1998; Cresswell, 2005).

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan terdiri daripada instrumen yang dirujuk serta diadaptasi daripada beberapa soal selidik kajian lepas. Penyelidik telah melaksanakan dan melalui beberapa proses pengesahan daripada beberapa orang pakar bidang masing-masing untuk memastikan instrumen yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

3.5.1 Kesahan

Kesahan adalah mengukur sejauh mana sesuatu alat kajian dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur oleh alat kajian tersebut. Kesahan juga merupakan alat kajian untuk mengukur apa yang hendak diukur dengan tepat berdasarkan objektif dan tujuan kajian (Abu Hassan Kasim, 1998; Ary et al., 1990; Cresswell, 2005; Shaifol Bahary Sulaiman, 2011). Kesahan merujuk kepada sejauh mana jawapan yang diberikan merupakan kebenaran dan mengukur apa yang penyelidik harapkan. Kesahan merupakan ciri asas bagi semua ujian di mana ujian yang tidak sah untuk sesuatu perkara yang diukur itu tidak akan memberi apa-apa makna (Abu Bakar Nordin, 1992).

Untuk mendapat kesahan kesemua instrumen dalam kajian ini, proses kesahan dari segi kesahan kandungan, bahasa dan istilah serta kesahan luaran. Pada awal penyediaan instrumen ini, penyelidik telah membuat perbincangan dan mendapatkan pandangan

penyelia utama, penyelia kedua, beberapa orang guru yang berpengalaman dan pensyarah pakar dalam bidang KPI. Penyelidik merujuk dan berbincang dengan 4 orang pakar yang terdiri daripada 1 orang pakar pengukuran dan penilaian kurikulum, 2 orang pakar dalam bidang PI dan seorang lagi pakar dalam pelaksana KPI. 4 orang pakar ini mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang yang dikaji bagi mendapatkan kesahan muka (*face validity*), kesahan kandungan (*content validity*) dan kesahan konstruk (*construct validity*) (Gay & Airasian, 2003). Dalam hal ini penyelidik telah merujuk cadangan Hassan Basri Awang Mat Dahan (2002) yang mencadangkan item-item yang dibina dalam instrumen hendaklah dirujuk kepada beberapa pihak termasuk pelajar, pengajar, penguji-penguji lain (*face validity*) dan pakar bidang (*content validity*).

Bagi meningkatkan kesahan kandungan sesuatu alat ukur, Mohd Majid Konting (2000) mengesyorkan para penyelidik untuk mendapatkan penilai luar. Penilai luar bertugas sebagai penilai bagi memastikan domain-domain yang terkandung dalam alat ukur mewakili bidang yang dikaji. Penilai luar biasanya terdiri daripada pakar-pakar bidang yang berkaitan dengan bidang yang dikaji oleh penyelidik. Oleh itu, untuk memenuhi kriteria ini soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik akan diserahkan kepada pakar-pakar untuk memastikan kesahannya.

Hasil dari perbincangan, teguran, nasihat dan pandangan para pakar, item-item yang kurang menepati kandungan, struktur ayat, penggunaan bahasa dan istilah yang mengelirukan diubahsuai dan dibuang oleh penyelidik. Menurut Gay dan Airasian (2003), pakar-pakar bukan sahaja melihat proses membangunkan instrumen malah sejauh mana item-item dalam instrumen mewakili bidang yang ingin diukur.

Dalam protokol temu bual pula, penyelidik telah bersemuka sendiri dengan responden untuk meningkatkan kesahan instrumen dan dengan kaedah ini penyelidik boleh membuat pemerhatian terhadap orang yang ditemu bual. Bias dalam temu bual boleh dikurangkan secara menyediakan soalan temu bual yang berstruktur lebih ringkas dan menjimatkan masa dan tenaga (Cresswell, 2005). Penyelidik juga telah menghantar dan menyerahkan instrumen tersebut untuk pengesahan pakar setelah perbincangan dilakukan dengan penyelia utama dan penyelia bersama. Kesahan konstruk bagi instrumen temu bual dirujuk dahulu kepada satu panel yang terdiri daripada 4 orang pakar (2 orang daripada UKM dan 2 orang pakar daripada IPG) untuk mendapatkan persetujuan mereka terhadap soalan temu bual. Selepas itu, satu kajian rintis dijalankan dengan tujuan untuk melihat kesesuaian soalan temu bual. Temu bual sebenar dirakam menggunakan perakam MP3 dan seterusnya ditranskrip secara *verbatim* dengan menggunakan kod. Transkrip ini dikembalikan semula kepada pelajar dan guru yang terlibat bagi mendapatkan pengesahan dan persetujuan mereka. Penyelidik telah melakukan perubahan dan penambahbaikan setelah semakan dilakukan bersama rakan-rakan (*peer checking*) dan mentadbir secara percubaan dengan GPI dan pelajar tingkatan 4.

Kajian rintis juga digunakan bagi meningkatkan kesahan alat kajian. Semasa kajian rintis diadakan perlu digunakan kaedah yang sama seperti kaedah yang dirancang dalam kajian sebenar. Sekiranya ada sebarang kekeliruan dalam item-item yang perlu dijawab oleh responden, penyelidik meminta maklum balas daripada subjek berkenaan. Penyelidik juga perlu mencatat masa menjawab soal selidik untuk menentukan kesesuaian masa yang sepatutnya diberikan. Daripada hasil maklum balas responden,

penyelidik perlu mengkaji sekiranya perlu mengubah atau menyingkirkan item-item yang mengelirukan supaya pilihan item-item instrumen adalah munasabah.

3.5.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan sesuatu instrumen kajian dalam melahirkan skor yang setara. Guilford dan Fruchter (1978) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada ketepatan, kestabilan dan ketekalan instrumen yang digunakan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Menurut Anastasi (1988), kebolehpercayaan dari segi konsep ialah sebagai kayu pengukur darjah perbezaan individu yang dicirikan sebagai perbezaan sebenar dalam tingkah laku yang diperhatikan dan sejauh mana pula ini disebabkan oleh ralat pengukuran. Chua (2011) menyatakan dalam sesuatu kajian kebolehpercayaan merujuk kepada kebolehan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Dalam bahasa yang lebih teknikal, pengukuran kebolehpercayaan sesuatu ujian membolehkan kita untuk menganggarkan berapa bahagian daripada keseluruhan varian skor adalah ralat varian ralat. Sebagai contoh, koefisien kebolehpercayaan 0.75 membawa maksud bahawa 75% daripada varian dalam skor ujian adalah bergantung kepada varian sebenar tingkah laku yang diukur dan memberi ruang 25% untuk dipenuhi dengan varian ralat.

Coakes dan Steed (2001) menyatakan penentuan kebolehpercayaan dalam soal selidik dibuat dengan menggunakan kaedah pengiraan *Alpha Cronbach*. Menurut Othman Mohamed (2001), instrumen yang mempunyai bacaan *Alpha Cronbach* melebihi 0.70 adalah sesuai digunakan untuk tujuan kajian. Mohd. Majid Konting (2000) menyatakan bahawa nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.60 sering digunakan dalam penyelidikan dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Item yang mempunyai nilai *Alpha Cronbach*

kurang daripada 0.30 akan diubahsuai atau dibuang. Abu Bakar Nordin (1992) menyatakan nilai alpha 0.6 hingga 0.8 boleh diterima dan nilai alpha melebihi 0.8 adalah baik. Hair et al. (2006) menyarankan pengukuran kebolehpercayaan menggunakan pekali *Cronbach Alpha*, skala pengukuran lebih dari 0.70 dan *Corrected Item-Total Correlation* (korelasi item dengan jumlah skor yang diperbetulkan) 0.30 atau lebih dianggap sebagai kebolehpercayaan yang diterima. Bagaimanapun jika dimensi mempunyai bilangan item yang kecil maka nilai .20 hingga .30 bagi korelasi item yang diperbetulkan dan .60 bagi nilai Alpha adalah nilai yang boleh diterima (Hair et al., 2006; Pallant, 2005).

Dalam kajian ini nilai *Alpha Cronbach* akan diklasifikasikan berdasarkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan Kirk (1984) yang telah digunakan oleh Ghazali Yusri (2003), Azhar Ahmad (2006), Zawawi Ismail (2008) dan Nor Hayati Fatmi (2013). Penentuan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini dibuat dengan mengenal pasti tahap ketekalan dalam item-item yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Penyelidik menggunakan nilai *Alpha Cronbach* 0.60 dan korelasi item dengan skor yang diperbetulkan 0.25 sebagai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Kajian ini menggunakan 2 soal selidik sebagai instrumen utama iaitu soal selidik bagi Guru Pendidikan Islam dan soal selidik bagi pelajar. Jadual 3.7 berikut adalah klasifikasi indeks kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.7 *Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan*

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat tinggi	0.90 – 1.00
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.00 – 0.29

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen sangat penting untuk mempertahankan kejituan instrumen. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkualiti. Penyelidik telah merujuk kepada tiga panel penilai untuk menyemak reka bentuk soal selidik dan indeks *instrument reliability*.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen temu bual pula dilakukan dengan melakukan kajian rintis. Bagi memastikan soalan temu bual ada kesahan dan boleh dipercayai, penyelidik telah meminta kerjasama guru sekolah kajian rintis dan 2 orang pakar untuk menyemak soalan temu bual berkenaan. Temu bual dilakukan dengan merakam dalam bentuk *verbatim* dan dianalisis secara manual dalam bentuk transkrip dengan menggunakan kod. Protokol temu bual adalah menjurus kepada empat dimensi utama dalam CIPP iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Setiap dimensi diberikan kod untuk memudahkan proses analisis. Penyelidik juga menggunakan '*peer checking*' untuk membandingkan data temu bual yang dicatat oleh penyelidik dengan pendapat rakan-rakan sebaya tentang subjek, maka penyelidik dapat memeriksa kebolehpercayaan data kajian yang dikumpulkan. Berdasarkan pandangan rakan-rakan, penyelidik boleh melakukan pengubahsuaian jika perlu supaya soalan-soalan mudah difahami oleh

responden. Daripada kajian rintis yang dijalankan, didapati kesemua soalan temu bual adalah menepati kehendak kajian dan hanya sedikit pengubahsuaian dilakukan supaya difahami dengan jelas oleh responden. Protokol temu bual dibahagikan kepada 4 bahagian mengikut dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk. Dari dimensi konteks terdapat 4 soalan yang dikemukakan, dari dimensi input terdapat 9 soalan, dari dimensi proses sebanyak 15 soalan dan dari dimensi produk sebanyak 9 soalan dikemukakan. Semua soalan yang dibina adalah berdasarkan kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji.

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua, 2011). Kajian rintis dilakukan untuk meningkatkan kesahan kandungan dan memantapkan bahasa serta struktur ayat dalam soal selidik agar mudah difahami oleh responden serta dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh penyelidik (Abu Hassan Kasim, 1998; Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999; Cresswell, 2005). Apabila soal selidik disesuaikan, maka satu kajian rintis akan dijalankan bagi menguji kebolehtadbiran dan mendapat kesahan serta kebolehpercayaan soal selidik.

Gall et al., (1998) menyatakan fungsi kajian rintis akan menjadi lebih bermakna seandainya responden kajian diberi peluang untuk menggunakan perkataan mereka sendiri dalam menjelaskan makna sesuatu item soalan. Soalan yang telah diperbaiki kemudiannya perlu diuji semula kepada responden yang sama sehingga makna kesemua item soal selidik tersebut jelas dan dapat difahami oleh responden. Menurut Sekaran (2000), kajian rintis amat berguna bagi mengurangkan kekeliruan dalam format dan

perkataan yang digunakan dalam soal selidik. Kajian rintis juga merupakan cara untuk menentukan kajian yang dijalankan dapat membantu menyelesaikan masalah sebelum kajian sebenar dijalankan (Leedy & Ormrod, 2001). Menurut Chua (2011), kebaikan melaksanakan kajian rintis ialah data yang dikumpulkan mungkin akan memberi amaran kepada penyelidik bahawa kajian sebenar yang akan dilakukan akan bermasalah, garis kasar cadangan kajian kurang mantap atau instrumen yang digunakan kurang sesuai.

Kajian rintis dilakukan kepada pelajar-pelajar yang memiliki ciri-ciri yang sama dengan responden sebenar kajian di salah sebuah sekolah menengah di negeri Kelantan. Kajian rintis yang akan dijalankan menyediakan ruang penambahbaikan instrumen kajian yang telah dibina dengan memberi peluang responden mengemukakan komen dan cadangan ke arah penambahbaikan soal selidik yang telah dibina. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa kajian rintis dijalankan sebelum dilaksanakan kajian sebenar untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis juga membolehkan masalah yang mungkin timbul apabila kajian sebenar dijalankan.

Kajian rintis dijalankan oleh penyelidik setelah membuat penambahbaikan terhadap instrumen selepas pengesahan pakar dibuat. Kajian rintis soal selidik pelajar dalam kajian ini dilaksanakan dan diuji (*pilot study*) kepada 30 orang pelajar Tingkatan 4 di dua buah SMK yang terpilih di daerah Kota Bharu. Bernard (2000) mencadangkan 6 sehingga 10 individu telah memadai untuk kajian rintis akan tetapi ia akan menimbulkan masalah dalam menentukan kebolehpercayaan melalui pengiraan pekali *Alpha Cronbach* kerana bilangannya kecil. Chua (2011) menyatakan limitasi bilangan subjek dalam kajian rintis biasanya kira-kira 30 dan kurang daripada kajian sebenar. Menurut Naimah Md. Khalil

(2008), bilangan responden seramai antara 10 hingga 30 orang telah mencukupi bagi kajian rintis. Bagi tujuan penyelidikan ini, responden dalam ujian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Ujian rintis perlu dijalankan bagi menyemak arahan, menguji item dalam soal selidik dan menganggarkan tempoh masa menjawab (Lim, 2007).

Prosedur pelaksanaan ujian rintis ini dimulakan dengan penyelidik pergi ke salah sebuah sekolah dan memohon kebenaran pihak pentadbir sekolah untuk menjalankan kajian rintis. Setelah mendapat keizinan, penyelidik mengumpulkan pelajar tingkatan 4 di satu kelas untuk diberikan taklimat ringkas tentang tujuan kajian ini diadakan. Penyelidik menerangkan kehendak maksud setiap item supaya selari dengan apa yang dihasratkan dengan apa yang difahami pelajar. Perbincangan berakhir apabila pelajar memahami kehendak setiap item soalan dalam soal selidik. Setelah penerangan diberikan, pelajar diminta menjawab soal selidik selama 50 minit. Setelah tamat pelajar menjawab, sesi perbincangan diadakan dengan memfokuskan kepada aspek laras dan gaya bahasa yang terdapat dalam soal selidik.

Setelah dilaksanakan kajian rintis dan pengesahan serta perbincangan, penyelidik telah menggunakan semua data yang diperoleh melalui proses ini untuk cuba menjawab semua persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini sebelum ditadbirkan dalam kajian sebenar. Data kajian rintis instrumen soal selidik diproses dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 16.0 bagi menguji kebolehpercayaan. Item yang mempunyai korelasi rendah di bawah 0.25 dibuang. Bagi konstruk yang mengandungi item di bawah 10, nilainya haruslah $\alpha \geq .6$. Manakala bagi konstruk yang itemnya melebihi 10, nilainya

haruslah $\alpha \geq .7$. (Pallant, 2005). Penyelidik telah menganalisis pekali kebolehpercayaan dengan menggunakan nilai pekali alpha seperti dalam Jadual 3.8 berikut:

Jadual 3.8 Cronbach Alpha Instrumen Soal Selidik Pelajar Tingkatan 4 (Data Rintis)

Dimensi	Instrumen	Jumlah Item	Cronbach Alpha
(Produk)	1. Kepuasan Terhadap KPI	6	.9338
	2. Tahap Minat Pelajar	7	.9309
	Impak Kurikulum Pend Islam	6	.9281
	Keberkesanan	19	.9494
	Kemampanan	7	.9511
	Kebolehpindahan	14	.9335

Alpha = .9477

Setelah selesai proses ujian rintis dilakukan, perubahan dilakukan terhadap beberapa item soalan yang tidak menepati dan difahami responden. Data diproses menggunakan perisian *SPSS* versi 16.0. Keputusan analisis dalam Jadual 3.8 di atas menunjukkan bahawa bagi instrumen kajian pelajar ini, pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* ialah .94 adalah tinggi. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini memuaskan penyelidik menerima dan menggunakan semua item-item dalam soal selidik. Kesahan konstruk bagi instrumen kajian yang akan digunakan ini telah dilakukan oleh penyelidik dengan merujuk kepada konstruk yang dibina daripada tinjauan dan dapatan kajian-kajian lepas.

Pelaksanaan ujian rintis dengan GPI pula dilaksanakan serentak di mana perbincangan dan menjawab soal selidik dilaksanakan serentak. Penyelidik memberitahu objektif kajian yang berkaitan dengan soal selidik GPI, meminta kerjasama memberikan maklumat yang tepat dan sekali gus mendapatkan maklum balas setiap item soalan tersebut bagi aspek

laras bahasa, kesesuaian item-item yang dibina terhadap objektif kajian. Setelah selesai proses ujian rintis dilakukan, perubahan telah dilakukan terhadap beberapa item soalan yang masih kabur. GPI yang terlibat seramai 30 orang dalam ujian rintis ini. Kesahan konstruk atau gagasan dan kesahan kandungan telah dibuat melalui pengesahan pakar. Penyelidik telah menganalisis pekali kebolehpercayaan dengan menggunakan nilai pekali alpha seperti dalam Jadual 3.9 berikut:

Jadual 3.9 Cronbach Alpha Instrumen Soal Selidik GPI

Dimensi	Instrumen	Jumlah Item	Cronbach Alpha
(Konteks)	Kesesuaian KPI dengan FPK	4	.8881
	Kesesuaian KPI dengan FPI	4	.8881
	Kesesuaian KPI dengan Matlamat KPI	3	.8883
	Kesesuaian KPI dengan Objektif KPI	9	.8955
(Input)	Kemudahan;		
	1. PSS	4	.8814
	2. Bilik Darjah	4	.8672
	3. AAV	4	.8790
	4. Buku Teks	5	.8719
	5. Peruntukan Masa	3	.8758
	Tahap Pengetahuan;		
	1. Asas Pendidikan	6	.8702
	2. Pedagogi	6	.8647
	3. Pendidikan Islam	14	.8579
	Keupayaan Mengguna AAV	5	.8687
	Keyakinan diri mengajar	5	.8563
(Proses)	Pelaksanaan PdP	9	.8609
	Penggunaan BBM	6	.8662
	Pelaksanaan Pemantauan	10	.8617
	Pelaksanaan Penilaian dan Peperiksaan	7	.8609
			<i>Sambungan</i>
	Hubungan guru dengan pelajar	6	.8633
	Hubungan guru dengan pentadbir	8	.8607

Alpha = .8771

Keputusan analisis dalam Jadual 3.9 di atas menunjukkan bahawa bagi instrumen kajian GPI ini, pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* ialah antara .85 dan .89 adalah tinggi. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini memuaskan penyelidik dan boleh menerima dan menggunakan semua item-item dalam soal selidik yang disediakan. Kesahan konstruk bagi instrumen kajian yang akan digunakan ini telah dilakukan oleh penyelidik dengan merujuk kepada konstruk yang dibina daripada tinjauan dan dapatan kajian-kajian lepas.

Bagi temu bual rintis telah dilakukan di sebuah sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Temu bual dilaksanakan ke atas seorang pelajar dan seorang GPI. Menurut Gay dan Airasian (2006), temu bual perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan untuk membantu memantapkan protokol kajian yang telah dibentuk. Temu bual yang dijalankan telah dirakamkan agar penyelidik dapat membuat transkripsi bagi mendapatkan tema yang wujud. Protokol temu bual telah disusun kepada empat dimensi utama iaitu pelaksanaan KPI sekolah menengah dari dimensi konteks, input, proses dan produk. Setiap tajuk utama itu terdiri daripada soalan-soalan yang berfokus kepada setiap konstruk yang digunakan dalam kajian penyelidik. Hal ini supaya soalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual diadakan lebih berfokus kepada tujuan kajian dijalankan.

3.7 Tatacara Pengumpulan Data

Dalam kajian ini penyelidik mengemukakan permohonan kepada BPPDP, KPM dan JPN Kelantan yang terlibat sebelum proses kajian dijalankan. Setelah mendapat kebenaran daripada kesemua pihak berkenaan, penyelidik akan menulis surat dan menghubungi

pegawai PPD bagi setiap daerah masing-masing dan akan memohon ke sekolah yang terpilih dan memaklumkan tentang kajian yang akan dilaksanakan kepada mereka.

Penyelidik juga akan mengadakan temu janji dengan pihak sekolah untuk melaksanakan kajian ini dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak sekolah dan menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik hadir sendiri ke semua sekolah yang terlibat di bandar dan luar bandar dalam 10 daerah negeri Kelantan dengan mengumpulkan pelajar-pelajar yang menjadi responden kajian di dewan sekolah, di Pusat Sumber, Surau sekolah untuk menjawab soalan pada borang soal selidik.

Proses pengumpulan data dilakukan pada bulan April dan Mei 2013 melalui pos. Sebelum soal selidik diposkan, penyelidik terlebih dahulu mendapat nama, nombor telefon dan alamat sekolah daripada JPN Kelantan. Penyelidik menggunakan dua set responden untuk kajian ini, iaitu 400 pelajar dan 300 GPI. Sejumlah 1000 borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan ke semua sekolah-sekolah terlibat. Ini bermakna pertambahan sebanyak 300 set soal selidik iaitu melebihi sebanyak 60 peratus daripada bilangan sebenar sampel kajian iaitu 400 pelajar dan 300 GPI. Menurut Balian (1982), dalam pentadbiran soal selidik melalui pos bagi memastikan bilangan pulangan mencukupi untuk dianalisis perlu ada penambahan sebanyak 60 hingga 100 peratus daripada bilangan asal sampel kajian. Pada akhirnya penyelidik telah mendapatkan semula borang soal selidik yang telah lengkap dijawab dari semua sekolah terlibat untuk dibuat analisis sebagaimana yang dikehendaki.

Manakala bagi kutipan data kualitatif (temu bual) pula, penyelidik pergi ke sekolah tersebut pada suatu masa yang ditetapkan untuk membuat temu bual bagi mendapatkan penjelasan kepada persoalan kajian. Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapat maklumat yang khusus dan untuk mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang (Patton, 1990). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik temu bual separa berstruktur yang melibatkan penemu bual menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan untuk semua responden terlibat dan interaksi bergantung pada cara mereka memberikan jawapan (Othman Lebar, 2009). Sekiranya jawapan kurang jelas, penemu bual minta penjelasan dengan bertanya soalan spontan yang memerlukan jawapan yang lebih jelas berbanding jawapan sebelumnya.

3.8 Tatacara Penganalisan Data

Data yang diperoleh dari empat instrumen ini terdiri daripada data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif diperoleh dari 2 set soal selidik iaitu soal selidik pelajar tingkatan 4 dan soal selidik GPI dan diproses dengan menggunakan perisian *SPSS version 16.0*. Manakala data kualitatif pula diperoleh dari temu bual GPI dan temu bual pelajar yang dijalankan oleh penyelidik sendiri.

3.8.1 Analisis Data Kuantitatif

Bagi data kuantitatif, data kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi mendapatkan maklumat yang dikaji. Statistik deskriptif digunakan untuk menghurai maklumat ataupun data yang diperoleh bagi populasi ataupun sampel dan memerihalkan hasil sesuatu keputusan kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2000), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperoleh daripada pemprosesan data.

Operasinya boleh juga melibatkan penjadualan, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Statistik deskriptif seperti peratusan, min, sisihan piawai dan frekuensi digunakan untuk mentafsir data daripada soal selidik. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengekodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Analisis ini antara lain bertujuan untuk membantu penyelidik membuat ringkasan data supaya lebih mudah difahami (Sabitha, 2006).

Skala pengukuran dalam kajian ini adalah Skala Nominal dan Skala Ordinal. Skala Nominal digunakan untuk mengumpul data demografi responden kajian iaitu jantina, kelayakan akademik, kategori sekolah, PPD, bidang pengkhususan opsyen, kelayakan ikhtisas, lepasan universiti atau institusi, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus PI. Skala Ordinal merupakan skala yang mempunyai kategori-kategori yang bebas antara satu sama lain dan skala-skalanya disusun dalam pangkatan (Chua, 2011). Dalam kajian ini pengukuran data Ordinal adalah menggunakan skala *Likert* lima mata iaitu 1. Sangat tidak setuju, 2. Tidak setuju, 3. Tidak pasti, 4. Setuju, 5. Sangat setuju.

Data akan dipersembahkan dalam bentuk peratusan, jadual kekerapan dan sebagainya. Selain itu, ukuran kecenderungan memusat seperti mod, median dan min memberi gambaran tentang ciri-ciri responden kajian manakala ukuran serakan seperti julat dan sisihan piawai pula menghuraikan sejauh mana data-data tersebut berselerak atau serupa antara satu sama lain. Ukuran-ukuran statistik deskriptif ini digunakan bagi menganalisis sebahagian besar maklum balas daripada soal selidik kajian, khususnya berkaitan demografi dan latar belakang serta persepsi responden. Pengiraan min skor, julat antara min tertinggi dengan min terendah bagi skala *Likert* akan dikira untuk mendapatkan

selang skala min. Bagi mengetahui tahap nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam tiga tahap seperti yang dipamerkan dalam Jadual 3.10 di bawah ini:

Jadual 3.10 Interpretasi Skor Min dalam pemboleh ubah bebas dan bersandar

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 hingga 2.33	Tahap yang Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap yang Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap yang Tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

Jadual 3.10 di atas menunjukkan skor min 1.00 hingga 2.33 berada pada tahap rendah. Skor min 2.34 hingga 3.66 menunjukkan tahap sederhana manakala skor min 3.67 hingga 5.00 berada pada tahap tinggi. Bagi menganalisis data deskriptif, ketiga-tiga soal selidik guru dan pelajar adalah merujuk kepada Jadual 3.10 yang telah ditetapkan itu. Dalam kajian ini, interpretasi skor min digunakan untuk menilai tahap pelaksanaan KPI. Interpretasi ini berpandukan interpretasi yang telah diadaptasi oleh Pallant (2005). Menurut Pallant (2005), skor min antara 1.00 hingga 2.33 menunjukkan persetujuan pada tahap yang rendah, skor min antara 2.34 hingga 3.66 menunjukkan persetujuan pada tahap yang sederhana manakala skor min antara 3.67 hingga 5.00 menunjukkan persetujuan pada tahap yang tinggi. Ini bermakna dalam kajian ini, skor min antara 1.00 hingga 2.33 menunjukkan tahap pelaksanaan KPI adalah rendah. Skor min antara 2.34 hingga 3.66 menunjukkan tahap pelaksanaan KPI adalah sederhana, dan skor min antara 3.67 hingga 5.00 menunjukkan tahap pelaksanaan KPI adalah tinggi.

Statistik inferensi pula digunakan untuk mendapatkan maklumat populasi daripada sampel, maklumat yang diperoleh daripada sampel adalah sebahagian daripada maklumat populasi (Azizi Yahaya, 2007). Tujuan statistik inferensi digunakan ialah untuk mentafsirkan data serta menguji hipotesis-hipotesis kajian. Dalam kajian ini statistik inferensi digunakan untuk menjawab persoalan yang mempunyai perbezaan dan sumbangan dalam populasi itu. Secara keseluruhannya semua analisis data kuantitatif dalam kajian ini sama ada analisis deskriptif seperti min, mod, median, sisihan piawai, kekerapan dan analisis inferensi seperti MANOVA dengan menggunakan perisian komputer *SPSS versi 16*. Hal ini dapat dilihat melalui Jadual 3.11 di bawah yang menjelaskan mengenai penggunaan statistik bagi setiap objektif kajian.

Jadual 3.11 Rumusan Bagi Penggunaan Statistik Untuk Setiap Hipotesis

Bil	Hipotesis kajian	Dimensi	Analisis Statistik
1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, Matlamat dan Objektif PI dari dimensi konteks	Konteks	MANOVA
2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input.	Input	MANOVA
3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pengetahuan GPI dari segi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input.	Input	MANOVA
4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan hubungan guru dengan pentadbir dari dimensi proses.	Proses	MANOVA
5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk iaitu aspek impak, keberkesanan, kemampunan dan kebolehpindahan pelajar.	Produk	MANOVA

3.8.2 Analisis Data Kualitatif

Data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual akan dianalisis secara manual dengan membuat transkripsi bagi memudahkan penyelidik mendapatkan data yang diperlukan untuk menyokong dan menghuraikan data kuantitatif. Data akan dikodkan berdasarkan 4 dimensi yang berkaitan iaitu konteks, input, proses dan produk. Proses analisis temu bual akan dijalankan dengan membuat temu janji terlebih dahulu dengan responden yang terdiri daripada pelajar dan GPI.

Setelah pengesahan responden dilakukan, sesi temu bual dilaksanakan dengan merakam menggunakan *MP3* dan juga membuat catatan sepanjang temu bual tersebut. Seterusnya penyelidik akan menulis transkripsi berdasarkan rakaman yang dibuat, menyalin rakaman, menyemak catatan yang dibuat semasa rakaman, membuat transkripsi temu bual dan mendapatkan pengesahan kandungan transkripsi daripada responden yang terlibat. Penyelidik akan membaca berulang kali transkripsi temu bual tersebut, mengklasifikasikan ayat berdasarkan dimensi dengan membuat kod bersebelahan ayat. Ayat yang bermakna akan dikelompokkan kepada unit-unit kecil berdasarkan dimensi utama dan dimensi sampingan. Dimensi tersebut diberikan kod dan definisi berdasarkan subunit.

Penyelidik mendapatkan pengesahan klasifikasi tersebut secara *peer checking* dan pakar untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan dan ketepatan dimensi yang terhasil. Data kemudiannya akan dianalisis berdasarkan dimensi yang terhasil dan mengaitkan dimensi dengan persoalan kajian dan seterusnya akan membuat rumusan dan laporan dalam

penulisan kajian. Dapatan temu bual dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan menyokong dapatan kajian secara kuantitatif.

3.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan bab ini membincangkan prosedur utama yang terlibat dalam kajian khususnya yang berkaitan dengan metodologi dan instrumen kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik dan disokong dengan menggunakan temu bual untuk memperoleh data kualitatif. Data kuantitatif diperoleh dengan menggunakan soal selidik pelajar dan guru manakala data kualitatif pula menggunakan protokol temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS*. Data yang dikumpulkan diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh dan mendalam dalam semua dimensi penilaian sama ada konteks, input, proses dan produk berdasarkan model penilaian CIPP Stufflebeam & Shinkfield (2007). Selain itu, populasi penyelidikan, kaedah pensampelan, pembinaan instrumen penyelidikan, kesahan dan kebolehpercayaan, pentadbiran soal selidik serta kaedah analisis data penyelidikan dibincangkan dalam bab ini.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan yang diperoleh berdasarkan soal selidik yang diedarkan dan protokol temu bual. Perbincangan adalah meliputi tentang hasil deskriptif untuk menjelaskan profil responden, peratusan, min, sisihan piawai dan tentang hasil analisis inferensi iaitu Ujian MANOVA yang dijalankan bagi menguji hipotesis-hipotesis dalam kajian ini. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS 16.0 Version For Windows*.

4.2 Profil Responden

Bahagian ini menerangkan maklumat asas tentang latar belakang yang terdiri daripada 300 orang guru dan 400 orang pelajar.

4.2.1 Profil Guru Pendidikan Islam (GPI)

Profil responden daripada kalangan guru dihuraikan berdasarkan jantina, kelayakan akademik, kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus mata pelajaran PI. Profil responden ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Daripada 300 orang responden yang menyertai kajian ini seramai 111 (37.0%) orang adalah daripada kumpulan guru lelaki manakala seramai 189 (63.0%) orang adalah daripada kalangan guru perempuan. Ini menunjukkan bahawa majoriti guru yang mengajar mata pelajaran PI adalah terdiri daripada guru perempuan.

Dari segi kelayakan akademik, 1 responden (0.3%) berkecukupan STPM, 186 orang responden (62.0%) berkecukupan Sijil Perguruan, 111 responden (37.0%) berkecukupan Ijazah Sarjana Muda dan 2 responden (0.7%) berkecukupan Ijazah Sarjana. Bidang pengkhususan opsyen pula menunjukkan 277 responden (92.3%) dalam bidang PI, 21 responden (7.0%) bidang bahasa Arab dan 2 responden (0.7%) bidang lain-lain. Kecukupan Ikhtisas pula menunjukkan, 2 responden (0.7%) berkecukupan Diploma Pendidikan IPTA, 113 responden (37.7%) KPLI dan 185 responden (61.7%) mempunyai Sijil atau Diploma Perguruan Malaysia. Ini menunjukkan majoriti guru yang mengajar mempunyai kecukupan akademik peringkat Sijil Perguruan dan Ijazah Sarjana Muda di mana hanya 0.3 % sahaja yang mempunyai kecukupan akademik peringkat STPM. Ini menunjukkan bahawa kecukupan akademik untuk mengajar pelajar peringkat sekolah menengah atas tidak harus dipertikaikan lagi. Begitu juga dengan kecukupan ikhtisas, majoriti guru mendapat kecukupan ikhtisas di dalam bidang PI berbanding hanya 0.7% sahaja bidang lain. Ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kecukupan ikhtisas dan latihan perguruan yang mencukupi di dalam bidang PI.

Dilihat dari segi pengalaman mengajar sebagai guru mendapati, 28 guru (9.3%) mempunyai pengalaman 1 hingga 4 tahun, 131 guru (43.7%) mempunyai pengalaman 5 hingga 9 tahun dan 141 guru (47.0%) mempunyai pengalaman 10 tahun ke atas. Sedangkan dari segi kehadiran kursus kurikulum semakan PI menunjukkan, 10 guru (3.3%) tidak pernah menghadiri kursus, 102 guru (34.0%) sekali menghadiri kursus, 140 guru (46.7%) menghadiri 2 hingga 3 kali kursus manakala 48 guru (16.0%) menghadiri lebih dari 4 kali kursus. Ini menunjukkan bahawa guru yang mengajar PI terdiri daripada

guru yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun usia perkhidmatan dan bukannya terdiri daripada guru baharu serta majoriti menghadiri kursus kurikulum semakan PI lebih dari sekali kursus.

Jadual 4.1 Profil responden kajian bagi GPI

Responden Guru		
Jantina	N	%
laki-laki	111	37.0
Perempuan	189	63.0
Jumlah	300	100.0
Kelayakan Akademik	N	%
STPM	1	0.3
Sijil Perguruan	186	62.0
Ijazah Sarjana Muda	111	37.0
Ijazah Sarjana	2	0.7
Jumlah	300	100.0
Bidang Pengkhususan Opsyen	N	%
Pengajian/Pendidikan Islam	277	92.3
Bahasa Arab	21	7.0
Lain-lain	2	0.7
Jumlah	300	100.0
Kelayakan Ikhtisas/Latihan Perguruan	N	%
Sarjana Muda Pendidikan	0	0%
Diploma Pendidikan IPTA	2	0.7%
KPLI Maktab Perguruan	113	37.7%
Sijil/Diploma Perguruan	185	61.7%
Jumlah	300	100.0
Pengalaman Mengajar	N	%
1 hingga 4 tahun	28	9.3%
5 hingga 9 tahun	131	43.7%
10 tahun ke atas	141	47.0%
Jumlah	300	100.0
Kehadiran Kursus KPI	N	%
Tidak pernah	10	3.3
1 kali	102	34.0
2-3 kali	140	46.7
Lebih daripada 4 kali	48	16.0
Jumlah	300	100.0

4.2.2 Profil Pelajar

Jadual 4.2 melaporkan latar belakang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Latar belakang pelajar diuraikan berdasarkan kategori sekolah, jantina, tingkatan (aliran), tahap penguasaan bacaan jawi, tahap penguasaan tulisan jawi dan tahap bacaan al-Quran.

Daripada 400 orang pelajar yang menyertai kajian ini seramai 153 (38.3%) adalah daripada kumpulan pelajar lelaki manakala seramai 247 (61.8%) adalah daripada kalangan pelajar perempuan. Ini menunjukkan bilangan pelajar perempuan lebih ramai dalam kajian ini. Dari segi tingkatan (aliran), didapati 136 pelajar (34%) adalah pelajar aliran sains, 138 pelajar (34.5%) adalah pelajar aliran sastera dan 126 pelajar (31.5%) adalah pelajar kelas aliran agama. Ini menunjukkan jumlah pelajar kelas aliran yang terlibat hampir sama, namun yang paling ramai pelajar kelas aliran sastera (34.5%) dan yang kurang pelajar kelas aliran agama (31.5%).

Jadual 4.2 Profil Responden Kajian Bagi Pelajar

Responden Pelajar	N	%
	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	153	38.0
Perempuan	247	61.8
Jumlah	400	100
Tingkatan Aliran	N	%
4 Sains	136	34.0
4 Sastera	138	34.5
4 Agama	126	31.5
Jumlah	400	100.0

4.3 Dapatan Deskriptif

Dapatan deskriptif pada bahagian ini ditumpukan bagi menjawab persoalan kajian 1 hingga 4. Dapatan dilaporkan dengan membentangkan nilai min guru secara deskriptif.

Bagi mengetahui tahap nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam tiga tahap seperti yang dipamerkan dalam Jadual 4.3 di bawah ini:

Jadual 4.3 Interpretasi skor min dalam pemboleh ubah bebas dan bersandar

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 hingga 2.33	Tahap yang Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap yang Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap yang Tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

4.3.1 Persoalan Kajian Pertama

Sejauh manakah kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif PI dari dimensi konteks?

a. Kesesuaian KPI dengan FPK dari dimensi konteks.

Bagi menjawab persoalan kajian ini, 4 item dalam soal selidik GPI telah digunakan bagi melihat dimensi konteks kesesuaian KPI dengan FPK. Jadual 4.4 berikut memperincikan dapatan kajian.

Jadual 4.4 Skor Min dan sisihan piawai kesesuaian KPI dengan FPK

Bil	Kesesuaian KPI dengan FPK	Min	S.P	Tahap
1	Kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan	3.70	1.06	Tinggi
2	Usaha memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh	3.64	0.88	Sederhana
3	Usaha untuk mewujudkan insan seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI)	4.15	0.77	Tinggi
4	Melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab	3.91	0.77	Tinggi
KESELURUHAN		3.85	0.48	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.4 melaporkan dapatan nilai skor min dan sisihan piawai daripada GPI berkaitan dengan kesesuaian KPI dengan FPK. Dapatan menunjukkan bahawa semua GPI secara keseluruhannya memberikan nilai min pada tahap tinggi ($M = 3.85$) dengan sisihan piawai (0.48) terhadap kesesuaian KPI dengan kehendak FPK. Secara terperinci pula, GPI memberikan nilai min tinggi ke atas semua pernyataan tentang kesesuaian KPI dengan FPK kecuali pernyataan item 2 iaitu 'usaha memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh', di mana guru memberikan nilai min pada tahap sederhana ($M = 3.64$). Walau bagaimanapun secara keseluruhannya nilai min masih berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa daripada persepsi GPI bahawa KPI adalah bersesuaian dengan FPK yang telah dilaksanakan sekarang.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Melalui temu bual yang telah dijalankan terhadap guru, kesemua 5 responden menyatakan bahawa KPI yang telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah menengah

bersesuaian dengan FPK sepertimana yang dinyatakan dalam hasil temu bual terhadap GPI.

"Rasanya aspek JERI tu merangkumi semua dalam KPI dan sesuai lah dijalankan di sekolah ini" (G1-09/6, 40-41).

"ermmm pada pandangan saya, KPI ermm boleh melahirkan insan yang seimbang dari segi JERI dan sesuai lah dengan FPK" (G2-10/7, 7-8).

"Pada pandangan saya tentang pelaksanaan KPI dalam melahirkan insan dari segi JERI adalah amat sesuai sekali kerana sukatan PI amat bertepatan untuk melahirkan insan yang seimbang" (G3-18/7, 7-10).

"Pada pandangan saya KPI dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi JERI sebab dalam KPI itu sendiri ia mengandungi pelbagai aspek, akidah syariah akhlak dan sebagainya. Dan juga dalam pelaksanaan KPI di sekolah, kita melaksanakan program-program yang boleh melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi JERI contohnya program smart solat, solat hajat di mana program ini boleh memberi impak yang positif kepada perkembangan jiwa pelajar itu sendiri" (G4-22/7, 8-14).

"Pada pandangan saya, tentang pelaksanaan KPI dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi JERI amat sesuai lah kerana KPI banyak terdapatnya unsur-unsur dan kerohanian, intelek, emosi dan juga jasmani" (G5-24/7, 7-10)

Sebagai kesimpulan, hasil temu bual menunjukkan kesemua responden menyatakan bahawa pelaksanaan KPI adalah mengikut kehendak dan kesesuaian FPK. Dapatan temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian ini.

b. Kesesuaian KPI dengan FPI dari dimensi konteks.

Bagi menjawab persoalan kajian ini, 4 item soal selidik GPI telah digunakan dan dapatan kajian adalah seperti dalam jadual 4.5 berikut.

Jadual 4.5 Skor Min dan Sisihan Piawai kesesuaian KPI dengan FPI

Bil	Kesesuaian KPI dengan FPI	Min	S.P	Tahap
1	Kehendak Falsafah PI	4.31	0.86	Tinggi
2	Usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan Al-Sunnah	3.70	0.81	Tinggi
3	Membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah	4.20	0.91	Tinggi
4	Tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat	3.89	0.87	Tinggi
KESELURUHAN		4.02	0.42	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.5 melaporkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada GPI berkaitan dengan kesesuaian KPI dengan FPI. Dapatan menunjukkan bahawa GPI memberikan nilai min pada tahap tinggi ke atas kesesuaian KPI dengan FPI secara keseluruhan (min = 4.02) dengan sisihan piawai (0.42). Secara terperinci pula, GPI memberikan nilai min tinggi ke atas semua pernyataan tentang kesesuaian GPI dengan FPI. Ini menunjukkan bahawa daripada persepsi GPI menyatakan bahawa secara keseluruhan KPI adalah bersesuaian dengan FPI yang dilaksanakan sekarang.

Analisis temu bual memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif mengenai kesesuaian KPI dengan FPI seperti yang dijelaskan oleh peserta temu bual seramai 5 orang GPI. Responden GPI menyatakan bahawa, pelaksanaan KPI yang dilaksanakan di sekolah menengah sekarang adalah sesuai dengan FPI berdasarkan dialog di bawah;

“ermmm dah pasti lah KPI yang telah dijalankan sesuai encik sebab dalam KPI tu sendiri ada elemen-elemen PI. Dalam FPI itu sendiri mempunyai unsur-unsur yang sama dengan KPI” (G1-09/6, 45-49).

“Pelaksanaan KPI yang dijalankan memanglah sesuai dengan FPI, tapi ada sesetengah isi kandungannya agak luas tajuknya untuk kita aplikasikan kepada pelajar-pelajar” (G2-10/7, 12-14).

“Pelaksanaan KPI yang telah dijalankan amat sesuai dengan dengan FPI kerana KPI yang kita amalkan sekarang merangkumi keseluruhan termasuk ibadat, akhlak, sirah dan bagaimana kita nak melahirkan insan yang betul-betul menghayati dan mengamalkan konsep PI sebagai insan Muslim yang sejati terutama sekali dari segi ibadat kerana dalam KPI amat menekankan konsep ibadat secara dengan lebih detail dan dimasukkan di dalamnya amali-amali solat untuk kita hayati dalam kehidupan seharian” (G3-18/7, 14-21).

“Memang KPI sesuai dengan FPI sebab dalam KPI ada terdapat elemen-elemen FPI sendiri” (G4-22/7, 17-18).

“Pelaksanaan KPI di sekolah sesuai sangat-sangat dengan objektif PI iaitu lahirnya Muslim yang beriman dan beramal soleh” (G5-24/7, 13-15).

Daripada dapatan temu bual di atas jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan KPI adalah bersesuaian dengan FPI dan mengikut kehendak FPI. Dapatan temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian ini.

c. Kesesuaian KPI dengan matlamat PI dari dimensi konteks.

Berdasarkan data soal selidik GPI, sebanyak 3 ítem yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ketiga ini. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 4.6 berikut;

Jadual 4.6 Skor Min dan Sisihan Piawai kesesuaian KPI dengan Matlamat PI

Bil	Kesesuaian KPI dengan Matlamat Pendidikan Islam	Min	S.P	Tahap
1	Kehendak matlamat PI	3.65	0.97	Sederhana
2	Menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal salih dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah	4.40	0.58	Tinggi
3	Menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa	3.52	1.00	Sederhana
KESELURUHAN		3.86	0.47	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.6 melaporkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada GPI berkaitan dengan kesesuaian KPI dengan matlamat PI. Dapatan menunjukkan bahawa GPI memberikan nilai min pada tahap tinggi ke atas kesesuaian KPI dengan matlamat PI secara keseluruhan (min = 3.86) dengan sisihan piawai (0.47). Secara terperinci pula, GPI memberikan nilai min tinggi ke atas semua pernyataan tentang kesesuaian KPI dengan matlamat PI. Namun begitu item 1 dan 3 berada pada tahap sederhana, akan tetapi jika dirumuskan secara keseluruhan masih berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa daripada persepsi GPI menyatakan bahawa secara keseluruhan KPI adalah bersesuaian dengan matlamat PI yang sedang dilaksanakan sekarang.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan kesemua 5 peserta GPI menyatakan bahawa pelaksanaan KPI bersesuaian dengan matlamat PI, namun mereka menegaskan untuk mencapai matlamat KPI bergantung kepada guru yang menjalankan tanggungjawab tersebut.

“Kalau kurikulum tu dirancang dengan baik dan sehaluan dengan matlamat kurikulum itu sendiri sudah pasti tercapai lah dan ia bergantung pada pelaksana iaitu guru itu sendiri yang menjadi penyampai kurikulum. Jika guru tu dapat menyampaikan hasrat dan kehendak kurikulum seperti yang diharapkan maka akan tercapailah matlamatnya” (G1-09/6, 52-56).

“Kalau Kurikulum itu yang dirancang dgn baik memang mencapai lah matlamat PI, tapi kena betul-betul dengan rancangan yang teliti lah supaya kita betul-betul faham kurikulum, pastu kena bagi faham kpd pelajar tentang matlamat sebenar PI” (G2-10/7, 17-20).

“Bagi pendapat saya, kurikulum yang dirancang memang mampu untuk mencapai matlamat PI sendiri tetapi adakalanya kurikulum yang dirancang tu terlalu luas untuk dikuasai pelajar seolah-olah pelajar semuanya cerdik sepatutnya kurikulum sesuai untuk semua pelajar tidak kira tahap, jadi kita lihat pada hari ini sukatan terlalu luas dan tinggi untuk dikuasai oleh pelajar yang lemah dan luar bandar, yang tidak ada pendedahan pendidikan lebih detail, contohnya bahagian ibadat tingkatan 4 bagi topik terlalu tinggi untuk dikuasai pelajar bab haji, muamalat, jual beli, saham, syarikat terlalu tinggi” (G3-18/7, 24-32).

“Erm saya rasa KPI mampu untuk melahirkan Muslim yang sejati sesuai dengan matlamat PI sebab di dalam silibus PI terdapat bahagian akidah, syariah akhlak dan sebagainya, Jadi dengan merangkumi aspek-aspek tersebut PI boleh melahirkan pelajar Muslim yang sejati sesuai dengan syariat Islam” (G4-22/7, 21-25).

“Saya mendapati kurikulum yang dirancang memang mampu untuk mencapai matlamat KPI itu sendiri kerana dalam kurikulum tersebut sudahpun merangkumi apa yang nak dicapai oleh pendidikan Islam, contohnya dalam melahirkan muslim sejati sesuai dengan syariat Islam” (G5-24/7, 18-22).

Berdasarkan temu bual dengan kelima-lima responden, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan matlamat KPI itu sendiri iaitu menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal salih dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Dapatan temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian ini.

d. Kesesuaian KPI dengan objektif PI dari dimensi konteks.

Berdasarkan data soal selidik GPI, sebanyak 9 item yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian keempat ini. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 4.7 berikut;

Jadual 4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai kesesuaian KPI dengan Objektif PI

Bil	Kesesuaian KPI dengan Objektif PI	Min	S.P	Tahap
1	Memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran yang diperoleh pada peringkat sekolah rendah	4.53	0.56	Tinggi
2	Memperkukuh dan mempertingkatkan amalan ibadat solat dan ibadat-ibadat lain yang diperoleh pada peringkat sekolah rendah	3.92	0.83	Tinggi
3	Membaca, memahami dan menghayati kandungan al-Quran serta menghafaz ayat-ayat yang ada kaitan dengan amalan kehidupan harian	3.66	1.11	Sederhana
4	Memahami dan menghayati kandungan hadis-hadis Rasulullah	3.78	0.92	Tinggi
5	Memperkukuhkan pegangan akidah Islamiah	3.51	1.03	Sederhana
6	Mengamalkan akhlak mulia, sifat-sifat terpuji dan menghindari sifat-sifat tercela	3.93	0.91	Tinggi
7	Memahami konsep ibadat dan mengamalkannya dengan betul	3.88	0.69	Tinggi
8	Memahami, mengambil pengajaran dan meneladani sirah Rasulullah, Sahabat dan Tamadun Islam	4.27	0.85	Tinggi
9	Memahami, mengamalkan dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup	3.81	0.89	Tinggi
KESELURUHAN		3.92	0.39	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.7 melaporkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada GPI berkaitan dengan kesesuaian KPI dengan objektif PI. Dapatan menunjukkan bahawa GPI memberikan nilai min berada pada tahap tinggi ke atas kesesuaian KPI dengan objektif PI secara keseluruhan (min = 3.92) dengan sisihan piawai (0.39). Secara terperinci pula, GPI memberikan nilai min tinggi ke atas semua pernyataan tentang kesesuaian

kesesuaian KPI dengan objektif PI. Namun begitu item 3 dan 5 berada pada tahap sederhana, akan tetapi jika dirumuskan secara keseluruhan masih berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa daripada persepsi GPI menyatakan bahawa secara keseluruhan KPI adalah bersesuaian dengan objektif PI yang sedang dilaksanakan sekarang.

Hasil daripada temu bual mendapati bahawa 5 orang peserta kajian bersetuju bahawa pelaksanaan KPI yang dilaksanakan di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan objektif KPI itu sendiri. Hasil temu bual GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif.

“Saya rasa pelaksanaan KPI di sekolah sudah pasti ia sesuai kerana dalam objektif KPI itu sendiri yang inginkan melahirkan seorang individu Muslim yang baik dan soleh” (G1-09/6, 60-62).

“Erm dari segi pelaksanaan KPI di sekolah sekarang ini saya rasa mencapai lah objektifnya sebab sudah ada dari segi solat, waktu zohor berjemaah, lepas tu pelajar-pelajar dilatih dengan membaca doa sebelum belajar dan selepas belajar” (G2-10/7, 24-27).

“Pelaksanaan KPI di sekolah dikira sesuai dengan objektif PI untuk melahirkan Muslim yang beriman dan beramal soleh sekiranya kita hayati betul-betul sukatan yang disediakan, kadang-kadang kita dalam masa setahun tak sempat nak habiskan sukatan dan PAFA (Perkara Asas Fardu Ain) tak sempat nak ajar kepada semua pelajar” (G3-18/7, 36-40).

“Saya rasa ye sesuai lah KPI dengan objektif PI dalam melahirkan Muslim yang beriman dan beramal soleh” (G4-22/7, 29-30).

“Sesuai sangat-sangat lah KPI dengan objektif PI, walaupun bukan semua tapi hampir 70% menepati sebagai muslim yang beriman dan beramal soleh” (G5-24/7, 26-27).

Jadi dapat disimpulkan bahawa berdasarkan dapatan hasil temu bual kajian di atas, pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan objektif PI iaitu

melahirkan Muslim yang beriman dan beramal soleh. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

4.3.2 Persoalan Kajian Kedua

Sejauh manakah kemudahan-kemudahan, tahap pengetahuan GPI, kemahiran GPI menggunakan AAV dan keyakinan diri untuk melaksanakan proses PdP dari dimensi input?

Kajian aspek input melibatkan aspek kemudahan-kemudahan yang membantu pelaksanaan KPI. Aspek kemudahan ini merangkumi kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan jadual waktu. Untuk menjawab persoalan kajian ini, kemudahan-kemudahan ini dibincangkan mengikut susunan sub-topik kepada lima bahagian iaitu;

a. Pusat Sumber Sekolah (PSS)

Bahagian ini mengandungi 4 item soalan yang berkaitan dengan kemudahan PSS yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini berdasarkan data soal selidik GPI seperti Jadual 4.8 berikut;

Jadual 4.8 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan PSS

Bil	Kemudahan Pusat Sumber	Min	S.P	Tahap
1	Mempunyai bahan rujukan pengajaran PI yang mencukupi	4.19	0.88	Tinggi
2	Menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar	3.94	0.89	Tinggi
3	Merupakan tempat yang selesa untuk pembelajaran PI	3.74	1.03	Tinggi
4	Merupakan tempat pilihan untuk pembelajaran PI di luar waktu kelas	4.46	0.57	Tinggi
KESELURUHAN		4.08	0.40	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.8 di atas menunjukkan dari 4 item kemudahan PSS, kesemua skor min berada pada tahap yang tinggi iaitu secara keseluruhannya skor min 4.08 (S.P.=0.40). Ini menunjukkan semua guru bersetuju menyatakan kemudahan PSS memiliki bahan rujukan yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. PSS juga merupakan tempat yang selesa dan menjadi tempat pilihan pelajar dan guru di luar waktu kelas samada waktu rehat atau selepas persekolahan. Kemungkinan PSS sekarang telah dilengkapi dengan penghawa dingin dan pelbagai kelengkapan telah menarik minat guru dan pelajar untuk berkunjung ke PSS.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual GPI 1, GPI 2 dan GPI 5 menyatakan bahawa kemudahan bahan-bahan bacaan di PSS mencukupi untuk pelajar dan guru.

“Setakat ini PSS saya mempunyai bahan-bahan rujukan yang mencukupi lah kerana setiap tahun pihak Pusat Sumber ada bertanya dan memberi senarai melalui Ketua Panitia tentang keperluan buku-buku rujukan oleh pelajar dan guru” (G1-09/6, 65-68).

“Saya dapati PSS saya sekarang ini banyak buku-buku yang ada dalam perpustakaan dan semuanya dalam bahasa melayu dan tulisan rumi, jadi agak mudah lah untuk pelajar membuat rujukan” (G2-10/7, 30-32).

“Berkaitan dengan PSS memang lengkap lah buku dan bahan rujukan dan di sekolah saya juga terdapat Pusat Sumber yang berkaitan dengan PI sahaja, jadi kita ada 2 iaitu PSS dan Pusat Sumber Pendidikan Islam hanya khas buku-buku PI sahaja” (G5-24/7, 30-33).

Walau bagaimanapun, hasil temu bual GPI 3 dan GPI 4 menyatakan bahawa kelengkapan buku-buku dan bahan rujukan khususnya bagi mata pelajaran PI kurang mencukupi terutama yang berkaitan dengan pengetahuan am PI.

“Berkenaan dengan PSS kami ni buku-buku dan bahan rujukan walaupun sekolah lama tetapi buku rujukan untuk bahagian PI tidak begitu banyak, cuma dia hanya khusus untuk sukatan sahaja sepatutnya pengetahuan am tentang PI dibeli juga sebagai rujukan untuk pelajar, sebab bila kita mengajar cuba awak pergi rujuk buku pustakaan tentang solat sunat taubat, bila cari tak ada, jadi dia lebih fokus kepada peperiksaan sahaja” (G3-18/7, 43-49).

“Saya rasa buku rujukan memang mencukupi cuma buku-buku tambahan contohnya untuk pengetahuan yang lebih luas tentang PI tu berkurangan” (G4-22/7, 33-35).

Daripada dapatan temu bual, dapatlah dirumuskan bahawa kemudahan buku-buku dan bahan-bahan rujukan di PSS yang berkaitan dengan mata pelajaran mencukupi, akan tetapi terdapat di sesetengah PSS kurang mencukupi dari segi bahan rujukan tambahan terutamanya bahan tentang pengetahuan am PI.

b. Bilik Darjah

Bahagian ini mengandungi 4 item soalan yang berkaitan dengan kemudahan bilik darjah.

Hasil analisis data kemudahan bilik darjah adalah seperti dalam Jadual 4.9 di bawah:

Jadual 4.9 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi kemudahan Bilik Darjah

Bil	Kemudahan Bilik Darjah	Min	S.P	Tahap
1	Pelajar terlalu ramai dalam satu-satu kelas	3.61	.96	Sederhana
2	Untuk proses PdP PI adalah sesuai	4.53	.56	Tinggi
3	Persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk PdP PI	3.92	.83	Tinggi
4	Berlaku pertembungan penggunaan bilik darjah untuk PI	3.63	1.10	Sederhana
KESELURUHAN		3.92	0.48	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.9 di atas menunjukkan GPI memberikan tahap sederhana pada item 1 dan 4 iaitu pelajar terlalu ramai dalam satu-satu kelas dan berlaku pertembungan

penggunaan bilik darjah untuk PI. Memang tidak dapat dinafikan kadang-kadang kelas PI berlaku sedemikian kerana waktu PI bergabung kelas dan kelas bertembung kerana kelas tidak mencukupi, Ini disebabkan pada masa yang sama kelas Pendidikan Moral juga berlangsung bagi pelajar bukan Islam. Justeru kelas tidak mencukupi dan guru terpaksa membawa pelajar berpindah kelas ke tempat lain seperti surau, kelas-kelas kosong, pusat sumber, kantin dan sebagainya. Namun begitu, item 2 dan 3 berada pada tahap tinggi, walaupun guru terpaksa berpindah kelas sewaktu mengajar akan tetapi proses PdP PI dapat dijalankan dengan berkesan, sesuai dan persekitaran yang kondusif. Secara keseluruhannya skor min berada pada tahap tinggi iaitu pada skor 3.92 (S.P.=0.48).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Dapatan temu bual GPI 1, GPI 2, GPI 3 dan GPI 4 mendapati mereka menyatakan bahawa kelengkapan bilik darjah seperti kerusi, meja, kipas dan papan tulis mencukupi, cuma kelengkapan dari segi teknologi tidak mencukupi contohnya LCD projektor dan komputer.

“Setakat ini bilik darjah di sekolah saya cukup dan lengkap lah, kerusi meja semua mencukupi, kipas dan alat-alat keperluan lain juga mencukupi” (G1-09/6, 83-84).

“Kelengkapan bilik darjah dikira mencukupi untuk mata pelajaran PI, ada plug untuk pasang radio, kaset untuk bacaan al-Quran” (G3-18/7, 67-68).

“Kemudahan asas semuanya mencukupi dari segi meja kerusi, papan tulis, cuma dari segi amali tu kita bawa pelajar ke surau lebih praktikal”. (G4-22/7, 47-48).

“Kalau kelengkapan bilik darjah ok, cuma dari segi ICT tu kurang lah dalam kelas, tak ada LCD jadi untuk belajar tu ok lah, untuk guna komputer, LCD tak ada lagi lah” (G2-10/7, 48-50).

Manakala peserta GPI 5 menyatakan bahawa kelengkapan kemudahan asas tidak mencukupi untuk pengajaran seperti LCD projektor dan jika ingin menggunakan LCD projektor para guru terpaksa menggunakannya di dalam bilik APD.

“Buat masa sekarang ni bilik darjah tidak mencukupi kemudahan asas untuk pengajaran contohnya kalau kita nak guna ICT LCD kita tak boleh nak laksanakan dalam bilik darjah kecuali kita masuk dalam bilik APD dsb. (G5-24/7, 48-50).

Daripada dapatan temu bual, dapatlah dirumuskan kemudahan asas dalam bilik darjah yang digunakan untuk PdP adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, terdapat setengah sekolah di mana kemudahan ICT tidak disediakan dalam bilik darjah khususnya LCD projektor dan jika ingin menggunakannya GPI terpaksa menggunakan di dalam bilik khas. Begitu juga dengan masalah pelajar terlalu ramai dalam satu-satu kelas dan berlaku pertembungan penggunaan bilik darjah untuk PI. Hal ini berlaku kerana waktu penggabungan kelas PI kelas tidak mencukupi dan dalam masa yang sama kelas Pendidikan Moral juga berlangsung bagi pelajar bukan Islam. Justeru kelas tidak mencukupi dan guru terpaksa membawa pelajar berpindah kelas ke tempat lain seperti surau, kelas-kelas kosong, PSS, kantin dan sebagainya. Akan tetapi pembelajaran PI dapat dijalankan dengan berkesan, sesuai dan persekitaran yang kondusif

c. Alatan Audio Visual (AAV)

Dari aspek kemudahan AAV adalah untuk melihat sama ada kemudahan AAV mencukupi dan mudah diperolehi dalam membantu pelaksanaan KPI. Bahagian ini mengandungi 4 item soalan yang dikemukakan melalui soal selidik GPI. Jadual 4.10 di bawah menunjukkan persepsi guru terhadap kemudahan AAV tersebut:

Jadual 4.10 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemudahan AAV

Bil	Kemudahan Alatan Audio Visual	Min	S.P	Tahap
1	Untuk PdP PI mudah diperolehi	3.83	0.92	Tinggi
2	Untuk PdP PI pelbagai	3.45	1.00	Sederhana
3	Untuk PdP PI mencukupi	3.98	0.94	Tinggi
4	Sentiasa berkeadaan baik (boleh digunakan)	3.85	0.69	Tinggi
KESELURUHAN		3.78	0.55	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.10 di atas, skor min tertinggi adalah kemudahan AAV untuk PdP PI mencukupi iaitu pada skor min 3.98 (S.P=0.94), manakala skor min terendah pula adalah kemudahan AAV untuk PdP PI pelbagai iaitu pada skor min 3.45 (S.P=1.00). Secara keseluruhannya kemudahan AAV berada pada tahap skor min tinggi iaitu pada skor 3.78 (S.P.=055). Ini menunjukkan guru berpuashati dengan kemudahan AAV iaitu mudah diperolehi, mencukupi dan sentiasa berkeadaan baik, akan tetapi tidak mempunyai peralatan yang pelbagai.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI mendapati bahawa kemudahan AAV memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 4 menyatakan bahawa kemudahan AAV di sekolahnya mencukupi, berfungsi dengan baik dan mudah diperolehi.

“Ye peralatan audio visual di sekolah cukup sebabnya setiap kali kita buat program semuanya berjalan lancar dan mudah diperolehi” (G4-22/7, 51-52).

Hasil temu bual dengan GPI 1 mendapati bahawa AAV di sekolahnya tidak pelbagai, susah diperoleh dan berfungsi dengan baik.

“Audio Visual ni kalau dari segi pelbagai cuma ada satu saja iaitu LCD, untuk memperolehnya agak susah sikit kena pinjam dulu isi borang peminjaman, kerana LCD tak ada disediakan dalam kelas atas faktor keselamatan, dan kebanyakan alat ini berfungsi dengan baik lah kerana jika rosak kita ada teknisyen untuk baiki” (G1-09/6, 87-91).

Hasil temu bual dengan GPI 2 pula mendapati bahawa AAV di sekolahnya terhad dan sukar diperoleh dan peralatan ini berfungsi dengan baik kerana di bawah kawalan pentadbir.

“Dari segi AAV, peralatan agak terhad, penggunaan agak terhad kerana semua tu dalam simpanan pengetua, jadi kalau kita nak guna dengan mudah tu agak sukar lah kalau kebetulan pengetua tak ada di sekolah, tapi semua alat tu baharu kalau digunakan memang berfungsi dengan baik lah” (G2-10/7, 53-57).

Hasil temu bual dengan GPI 3 pula mendapati bahawa AAV di sekolahnya tidak mencukupi, banyak yang rosak dan susah untuk diperoleh.

“Dari segi AAV di sekolah tidak mencukupi kerana banyak yang rosak dan tidak ada baik pulih, terpaksa pinjam daripada bilik akses, LCD dari makmal komputer, kadang-kadang berebut” (G3-18/7, 71-73).

Hasil temu bual dengan GPI 5 pula mendapati bahawa AAV di sekolahnya mencukupi tetapi tidak disediakan secara khusus untuk PdP PI seperti LCD projektor, komputer dan komputer riba. Walau bagaimanapun, jika GPI ingin menggunakannya masih mudah diperoleh dengan memohon terlebih dahulu dengan unit media.

“Dari segi AAV di sekolah tu kalau untuk PI sahaja memang tidak dibekalkan lah kepada guru-guru tetapi walau bagaimanapun kita boleh untuk mendapatkannya contohnya

LCD, komputer, Lap top dan sebagainya kalau kita hendak menggunakannya, kita boleh mohon dengan unit peralatan media” (G5-24/7, 53-57).

Daripada temu bual, penyelidik dapat merumuskan bahawa AAV di sekolah tidak mencukupi, tidak pelbagai dan agak sukar diperoleh, namun boleh diperoleh jika mereka ingin menggunakannya dengan memohon dengan unit media. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekolah yang mempunyai AAV yang cukup, pelbagai dan mudah diperoleh untuk pelaksanaan PdP PI di sekolah.

d. Buku Teks

Antara tujuan lain dalam kajian ini adalah untuk melihat sama ada kemudahan buku teks disediakan dengan sewajarnya di sekolah. Bahagian ini mengandungi 5 item soalan bagi mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan kemudahan buku teks di sekolah dalam membantu pelaksanaan KPI berdasarkan soal selidik guru. Jadual 4.11 di bawah menunjukkan persepsi guru terhadap kemudahan buku teks tersebut;

Jadual 4.11 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi kemudahan Buku Teks

Bil	Kemudahan Buku Teks	Min	S.P	Tahap
1	Tersedia pada minggu pertama persekolahan	4.33	0.87	Tinggi
2	Mudah dibaca / difahami oleh pelajar	3.42	0.82	Sederhana
3	Mempunyai kandungan yang disusun mengikut topik PdP PI	4.21	0.87	Tinggi
4	Amat membantu dalam pengajaran saya	4.02	0.85	Tinggi
5	Saya selalu menggunakan semasa mengajar	3.67	1.01	Tinggi
KESELURUHAN		3.93	0.42	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.11 di atas, didapati secara keseluruhannya kemudahan buku teks adalah berada pada tahap skor min yang tinggi. Skor min yang tertinggi adalah bagi item tersedia pada minggu pertama persekolahan iaitu mendapat skor min 4.33 (S.P=0.87). Skor min terendah pula pada item mudah dibaca / difahami oleh pelajar iaitu skor min 3.42 (S.P=0.82). Skor min secara keseluruhan adalah tinggi iaitu skor 3.99 (S.P=0.42).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5 mendapati susunan topik mengikut sukatan pelajaran, akan tetapi buku teks disediakan dalam tulisan jawi menyebabkan pelajar yang lemah jawi tidak dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya.

“Buku teks ni 100% dalam tulisan jawi, jadi kalau pelajar yang buta jawi mereka tak boleh baca apalagi nak faham, jadi terpaksa mereka cari buku-buku rujukan lain dalam tulisan rumi untuk membantu mereka. Tentang susunan topik tu memang mengikut sukatan pelajaran lah” (G1-09/6, 94-97).

“Buku teks, ermm kalau pelajar yang pandai jawi mudah lah boleh membantu tapi kalau pelajar yang tidak mahir jawi mereka tidak baca langsung lah buku teks tu, dari segi susunan memang ikut topik lah..” (G2-10/7, 60-62).

“Saya tak nafikan lah, buku teks boleh dibaca dan mudah difahami pelajar tetapi buku teks ini dalam versi jawi, kebanyakan pelajar tidak boleh menguasai bacaan dalam jawi, bila mereka tak boleh baca jawi mereka terus tak nak bawa langsung ke sekolah, mereka terpaksa guna buku rujukan yang sudah ditulis balik dalam tulisan rumi untuk menyenangkan mereka membaca ataupun membuat rujukan semasa guru mengajar” (G3-18/7, 76-81).

“Kalau ikut pelajar sekolah saya, saya rasa buku teks sukar difahami pelajar sebab buku teks PI adalah dalam tulisan jawi dan kebanyakan pelajar sekolah menengah mereka menghadapi masalah yang kritikal juga, pelajar yang kelas hujung kritikal begitu juga kelas pandai ada juga yang tidak boleh membaca jawi” (G4-22/7, 55-59).

“Dari segi buku teks, kalau kita lihat dalam konteks pelajar hari ini yang agak lemah sedikit dalam tulisan jawi, memang penggunaannya tidak semaksimum yang sepatutlah, walau bagaimanapun kita kalau mengajar memang kita gunakan buku teks sebagai rujukan utama kerana dalam buku teks memang banyak sangat dari segi maklumat dan info-info yang ada ditambah di situ jadi dalam pengajaran kita menggunakan buku teks sebagai rujukan, maknanya kita membimbing pelajar untuk menggunakan buku teks” (G5-24/7, 60-66).

Buku teks juga membantu dalam pengajaran guru dan selalu digunakan semasa mengajar sebagai panduan. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5 mendapati semua guru menggunakan buku teks sebagai panduan mereka semasa mengajar.

“Memang buku teks menjadi buku rujukan kami guru agama sewaktu mengajar sebab semua isi kandungan dalam buku teks akan keluar dalam peperiksaan dan saya selalu menggunakannya semasa mengajar dalam kelas terutama semasa mengajar Tilawah al-Quran dan Hadis” (G1-09/6, 100-103).

“Memang buku teks menjadi buku panduan kami guru agama, itu yang paling utama kami guna dan tak guna buku rujukan dari luar dan ia sangat membantu pelajar-pelajar” (G2-10/7, 65-67).

“Bagi saya buku teks ni amat membantu lah dalam pengajaran dan saya memang selalu membawa buku teks untuk mengajar, bagi tingkatan 5 soalan seratus peratus dari buku teks, apa-apapun kita mesti guna buku teks” (G3-18/7, 84-86).

“Ye, buku teks memang banyak membantu dalam pengajaran saya dan saya sentiasa menggunakan buku teks sebab kebanyakan soalan SPM ia berpandukan kepada buku teks sepenuhnya” (G4-22/7, 62-64).

“Ye memang saya selalu menggunakan buku teks dalam pengajaran sebab dalam buku teks bagi saya memang banyak sangat dari segi info-info yang kadang-kadang dalam buku rujukan lain tidak ada tapi dalam buku teks dia bagi contoh kita nak cari maklumat dalam internet ia dah sediakan alamat web” (G5-24/7, 69-73).

Daripada temu bual, penyelidik dapat merumuskan bahawa kemudahan buku teks di sekolah menengah disediakan dengan sewajarnya, susunan mengikut topik dan guru selalu menggunakannya semasa mengajar, akan tetapi kandungan teks dalam tulisan jawi menimbulkan masalah kepada pelajar yang kurang mahir dalam jawi. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

e. Peruntukan Jadual Waktu

Aspek terakhir di bawah input kemudahan dalam kajian ini adalah untuk melihat sama ada kemudahan jadual waktu membantu pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Bahagian ini mengandungi 3 item bagi mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan kemudahan peruntukan jadual waktu di sekolah berdasarkan soal selidik GPI. Jadual 4.12 di bawah menunjukkan persepsi guru terhadap kemudahan peruntukan jadual waktu tersebut;

Jadual 4.12 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Peruntukan Jadual Waktu

Bil	Peruntukan Jadual Waktu	Min	S.P	Tahap
1	Mencukupi untuk PdP PI	4.43	0.58	Tinggi
2	Sesuai untuk PdP PI	3.61	0.97	Sederhana
3	Saya selesa dengan peruntukan jadual waktu yang ditetapkan untuk proses PdP PI	4.50	0.58	Tinggi
KESELURUHAN		4.18	0.41	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.12 di atas, didapati secara keseluruhannya kemudahan jadual waktu adalah tinggi. Skor min tertinggi adalah saya selesa dengan peruntukan jadual waktu yang ditetapkan untuk proses PdP PI iaitu skor min 4.50 (S.P=0.58) dan item mencukupi

untuk PdP PI pada skor min 4.43 (S.P=0.58), manakala skor terendah adalah item sesuai untuk PdP PI pada skor min 3.61 (S.P=0.97) berada pada tahap sederhana. Skor min keseluruhannya adalah tinggi iaitu 4.18 (S.P=0.41).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 4 dan GPI 5 mendapati peruntukan waktu pengajaran bagi mereka mencukupi.

“Sudah terlebih cukup tapi kadang-kadang tu waktu agama ni diletakkan di waktu akhir sekali, jadi susah sikit mengajar waktu ini sebab pelajar dah hilang tumpuan dan suasana panas menyebabkan mereka hilang fokus. Terpaksa lah ajar jugak.. (G1-09/6, 106-109).

“Waktu pengajaran memang sangat cukup lah, sebab saya mengajar 27 masa nak dibandingkan dengan bukan guru agama yang mengajar 25 masa, Jadi tapi waktu tu semua diletakkan di akhir waktu persekolahan jadi kena ajar topik-topik yang sesuai lah lebih kepada praktikal dan amali” (G2-10/7, 70-73).

“Kalau bagi saya waktu mengajar yang diperuntukkan mencukupi dan sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam” (G4-22/7, 67-68).

“Bagi saya peruntukan masa cukup sangat sebab kita diberi 4 waktu seminggu waktu anjal, memang luas lah kita dapat melaksanakan topik yang susah dalam masa yang panjang lah” (G5-24/7, 76-78).

Walau bagaimanapun, hasil temu bual GPI 3 mendapati bahawa masa yang diperuntukan untuk PdP PI di sekolah menengah tidak mencukupi dan dicadangkan supaya ditambahkan 1 masa lagi menjadikan 4 masa untuk seminggu. Alasan ini kerana pelajar tingkatan 4 ini akan mengambil peperiksaan yang besar SPM dan waktu yang diperuntukan tidak mencukupi dengan sukatan pelajaran yang terlalu banyak untuk dipelajari oleh mereka.

“Berkenaan waktu mengajar bagi tingkatan 4 dan 5 bagi saya tidak mencukupi kerana tingkatan 4 dan 5 diberikan 4 waktu sahaja seminggu, 3 waktu mengajar sukatan pelajaran dan 1 waktu waktu amali sedangkan sukatan terlalu banyak dan pelajar ni nak menghadapi peperiksaan yang besar SPM, jadi kadang-kadang kita terpaksa korbakan waktu amali untuk menghabiskan sukatan sebelum pelajar menduduki peperiksaan, kalau boleh tambah lah satu waktu lagi jadi 5 waktu” (G3-18/7, 89-95).

Hasil temu bual menunjukkan bahawa peruntukan jadual waktu mengajar mencukupi bagi semua GPI, akan tetapi sukatan pelajaran yang terlalu banyak untuk dipelajari oleh pelajar maka peruntukan waktu mengajar dicadangkan supaya ditambah 1 masa lagi supaya sesuai dengan sukatan yang diperuntukan.

f. Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam (GPI)

Kajian aspek input melibatkan aspek tahap pengetahuan GPI dalam membantu pelaksanaan KPI. Aspek pengetahuan GPI merangkumi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI. Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengetahuan ini dibincangkan mengikut susunan sub-topik kepada tiga bahagian iaitu;

i. Tahap Pengetahuan Asas Pendidikan

Bahagian ini adalah berdasarkan data daripada soal selidik GPI. Bahagian ini mengandungi 6 item soalan berkaitan dengan pengetahuan asas pendidikan GPI adalah seperti dalam Jadual 4.13 di bawah:

Jadual 4.13 *Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan Asas Pendidikan*

Bil	Pengetahuan Asas Pendidikan	Min	S.P	Tahap
1	Teori-teori pengajaran	2.67	1.37	Sederhana
2	Teori-teori tingkah laku manusia	3.62	1.10	Sederhana
3	Teori-teori Psikologi Pendidikan	2.61	1.39	Sederhana
4	Asas pengetahuan profesional keguruan	3.50	0.99	Sederhana
5	Kod etika keguruan	3.72	1.43	Tinggi
6	Akauntabiliti dan integriti keguruan	3.90	0.74	Tinggi
KESELURUHAN		3.34	0.48	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.13 di atas menunjukkan dari 6 item aspek pengetahuan asas pendidikan secara keseluruhan berada pada skor sederhana, skor min adalah antara 2.61 (S.P =1.39) hingga skor min 3.90 (S.P=0.74). Skor min tertinggi adalah bagi item akauntabiliti dan integriti keguruan manakala skor min terendah adalah item teori-teori psikologi pendidikan. Secara keseluruhannya skor min adalah sederhana iaitu pada skor min 3.34 (S.P=0.48).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, mereka menyatakan bahawa tahap pengetahuan asas pendidikan pada tahap kurang memuaskan dan mereka bergantung kepada ilmu yang dipelajari semasa menjalani kursus ikhtisas (perguruan) sahaja.

“Kalau dalam asas pendidikan tu saya tahu sedikit sebanyak semasa belajar dulu tentang psikologi dan teori-teori pembelajaran” (G1-09/6, 117-118).

“Bagi pandangan saya tahap pengetahuan asas pendidikan, saya masih ingat semasa mengajar di maktab dulu tentang teori dan psikologi pendidikan ni” (G2-10/7, 81-82).

“Berkenaan tahap pengetahuan dalam aspek pengetahuan asas pendidikan, saya belajar semasa menuntut semasa KPLI, tapi bila kita balik ke sekolah tak ada apa lagi pengukuhan asas pendidikan jadi tinggal macam tu je lah” (G3-18/7, 104-107).

“Kalau pengetahuan asas pendidikan dan pedagogi saya rasa masih lagi ada sebab pengalaman saya buat KPLI dulu masih lagi saya amalkan” (G4-22/7, 75-76).

“Saya mengajar lebih kurang hampir 18 tahun, jadi dari segi tahap pengetahuan tu nak kata luas tak ada lah, tapi setakat apa yang saya ajar tu kalau ada orang nak tanya tentang asas pendidikan boleh lah sebab kita tambahkan lagi ilmu melalui internet” (G5-24/7, 87-90).

Daripada hasil temu bual penyelidik dengan kelima-lima peserta kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan asas pendidikan GPI berada pada tahap sederhana kerana mereka hanya bergantung kepada ilmu yang dipelajari semasa kursus Diploma Pendidikan sahaja. GPI haruslah diberi pendedahan ilmu pengetahuan asas pendidikan dari semasa ke semasa agar mereka dapat mengaplikasikan semasa mengajar di dalam bilik darjah. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

ii. Tahap Pengetahuan Pedagogi

Bahagian ini juga berdasarkan 6 item daripada soal selidik GPI. Tahap pengetahuan pedagogi guru dalam kajian ini merangkumi cara guru mengawal kelas, cara mewujudkan kesediaan belajar pelajar, kemahiran pelbagai kaedah pengajaran, kawalan kelas bermasalah, penggunaan teknik, pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dalam pelaksanaan KPI. Hasil analisis tahap pengetahuan pedagogi guru dalam mengajar KPI yang terdiri dari 6 item adalah seperti dalam Jadual 4.14 di bawah:

Jadual 4.14 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan Pedagogi

Bil	Pengetahuan Pedagogi	Min	S.P	Tahap
1	Saya mengetahui/memahami cara mengawal kelas	4.34	0.87	Tinggi
2	Saya mengetahui/memahami cara mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar	3.55	1.54	Sederhana
3	Saya mempunyai kemahiran pelbagai kaedah pengajaran dalam sesi PdP PI	2.81	1.40	Sederhana
4	Saya mempunyai tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi	3.92	0.82	Tinggi
5	Saya boleh mengawal kelas yang bermasalah	3.67	1.02	Tinggi
6	Saya menggunakan pelbagai teknik, pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai	2.97	1.14	Sederhana
KESELURUHAN		3.54	0.40	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.14 di atas menunjukkan 6 item pengetahuan pedagogi GPI dalam mengajar PI secara keseluruhan skor min adalah berada pada tahap sederhana antara skor min 2.81 (S.P=1.40) hingga skor min 4.34 (S.P=0.87). Terdapat 3 item yang mencatat skor tertinggi iaitu item pengetahuan cara mengawal kelas, GPI mempunyai tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi dan GPI boleh mengawal kelas yang bermasalah. Manakala terdapat 3 item juga yang mencatat skor min sederhana iaitu item GPI mempunyai pelbagai kaedah pengajaran dalam sesi PdP, GPI berpengetahuan cara mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar dan guru menggunakan pelbagai teknik, pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai. Secara keseluruhannya skor min adalah berada pada tahap sederhana iaitu pada skor min 3.54 (S.P=0.40).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5 memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual GPI tersebut, mereka menyatakan tahap pengetahuan pedagogi berada pada tahap sederhana. Mereka selalu

menggunakan kaedah pedagogi mengajar dalam kelas tetapi tidak tahu istilah kaedah apa yang digunakan itu.

“Begitu juga dengan pengetahuan pedagogi kadang-kadang ada lah kita gunakan pedagogi tapi kita tak tahu apa pedagogi apa yang kita gunakan tu.. sama ada sumbang saran ker, konstruktivism ker, lakonan ker tapi kita tak tahu apa nama pedagogi yang kita gunakan..” (G3-18/7, 107-110).

“Kalau pedagogi tu tentang kaedah, teknik, strategi pengajaran yang digunakan oleh guru semasa mengajarkan saya masih guna lah..” (G1-09/6, 118-120).

“Tentang pengetahuan pedagogi tu saya sentiasa gunakan semasa mengajar dalam kelas tapi kurang mengetahui kaedah apa yang digunakan tu” (G2-10/7, 83-84).

“Kalau pengetahuan pedagogi saya rasa masih lagi ada sebab pengalaman saya buat KPLI dulu masih lagi saya amalkan” (G4-22/7, 75-76).

“Kalau pengetahuan pedagogi dulu memanglah kita belajar KPLI sebagai sijil kita dan dalam masa kita mengajar kita sentiasa diberi kursus pedagogi bestari di IPG” (G5-24/7, 90-92).

Daripada temu bual dapatlah dibuat rumusan bahawa tahap pengetahuan pedagogi GPI berada pada tahap sederhana dan perlu diberi pendedahan tentang pedagogi bestari. GPI perlu diberi pendedahan berbentuk bengkel, seminar, kursus pendek berkaitan dengan kaedah pedagogi bestari terkini supaya dapat diaplikasikan dalam kelas dan dapat mempelbagaikan kaedah mengajar. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

iii. Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam

Bahagian ini mengandungi 14 item data daripada soal selidik GPI yang merangkumi soalan tahap pengetahuan PI dalam tiga bidang iaitu pengetahuan tilawah al-Quran dan

Hadis, Ulum Syar'iyah dan akhlak Islamiah. Hasil analisis tahap pengetahuan GPI dalam pengetahuan PI ini terdiri dari 14 item adalah seperti dalam Jadual 4.15 di bawah:

Jadual 4.15 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan PI

Bil	Pengetahuan Pendidikan Islam	Min	S.P	Tahap
TILAWAH AL QURAN DAN HADIS				
1	Membaca dan menghafaz ayat-ayat AQ mengikut hukum tajwid yang betul dan fasih	4.38	0.76	Tinggi
2	Memahami pengertian ayat-ayat AQ & hadis-hadis pilihan	4.53	0.56	Tinggi
3	Memahami hikmah dan pengajaran hadis-hadis pilihan dan menghayatinya	3.98	0.81	Tinggi
ULUM SYAR'IYAH				
4	Memahami perkara-perkara yang membatalkan dan merosakkan iman	3.61	1.09	Sederhana
5	Memahami cara-cara bertaubat dan menghayatinya	3.77	0.90	Tinggi
6	Memahami konsep falsafah cara mengerjakan haji dan institusi Haji di Malaysia	4.37	0.69	Tinggi
7	Memahami prinsip-prinsip asas muamalat Islam	3.95	0.88	Tinggi
8	Mengetahui kaifiat sembelihan, korban dan akikah	3.90	0.70	Tinggi
9	Memahami Khulafa' Al-Rasyidin dalam mengembangkan tamadun Islam	4.33	0.87	Tinggi
10	Memahami Kerajaan Bani Umaiyah dalam mengembangkan tamadun Islam	3.79	0.88	Tinggi
11	Mengenal tokoh-tokoh yang menyumbang kepada pembinaan tamadun Islam	4.13	0.92	Tinggi
AKHLAK ISLAMIAH				
12	Memahami asas akidah Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunah	3.93	0.82	Tinggi
13	Mengetahui nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian	3.72	1.00	Tinggi
14	Membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan yang buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia	4.40	0.58	Tinggi
KESELURUHAN		4.06	0.30	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.15 di atas menunjukkan dari 14 item pengetahuan PI GPI dalam pelaksanaan KPI. Semua item berada pada skor tinggi kecuali 1 item berada pada skor sederhana iaitu

item bidang US memahami perkara-perkara yang membatalkan dan merosakkan iman dengan skor min 3.61 (S.P=1.09). Skor min adalah antara 3.61 (S.P=1.09) hingga skor min 4.53 (S.P=0.56). Skor min tertinggi bagi item memahami pengertian ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis pilihan manakala skor min terendah adalah item memahami perkara-perkara yang membatalkan dan merosakkan iman. Secara keseluruhannya skor min adalah tinggi iaitu pada skor 4.06 (S.P=0.30).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5 mereka menyatakan bahawa tahap pengetahuan PI berada pada tahap memuaskan.

“Kalau pengetahuan PI tu sudah pasti saya menguasai lah sebab saya mengajar pun dah hampir 15 tahun” (G1-09/6, 120-121).

“Pengetahuan PI semua tu sudah cukup lah, kalau mengajar tak pakai buku tak apa” (G2-10/7, 84-86).

“Dari segi pengetahuan PI memang kita mahir lah sebab dah lama mengajar 20 tahun kalau tak ada buku pun dalam kepala semua dah.. Lagipun PI adalah bidang kita kan...” (G3-18/7, 110-113).

“Pengetahuan PI pula memang tak dinafikan saya menguasai sebab dah 15 tahun mengajar” (G4-22/7, 77-78).

“Kalau pengetahuan PI tu memang saya dapat menguasai lah” (G5-24/7, 92-93).

Daripada temu bual dapatlah dibuat rumusan bahawa tahap pengetahuan PI GPI berada pada tahap memuaskan kerana kebanyakan GPI berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran PI melebihi 10 tahun dan mengajar dalam bidang mereka. Ini menunjukkan

mereka menguasai kandungan KPI sepenuhnya. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

g. Kemahiran GPI menggunakan Alatan Audio Visual (AAV)

Bahagian ini mengandungi 5 item soalan yang berkaitan dengan aspek keupayaan guru menggunakan AAV semasa PdP PI. Jadual 4.16 di bawah menunjukkan persepsi GPI terhadap keupayaan menggunakan AAV tersebut:

Jadual 4.16 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi keupayaan menggunakan AAV

Bil	Keupayaan Menggunakan AAV	Min	S.P	Tahap
1	Saya boleh menggunakan multimedia dalam PdP PI	3.40	1.03	Sederhana
2	Saya mahir menggunakan multimedia dalam PdP PI	2.41	1.24	Sederhana
3	Saya berminat menggunakan multimedia dalam PdP PI	3.92	0.83	Tinggi
4	Penggunaan multimedia dalam PdP menarik minat pelajar	4.11	0.84	Tinggi
5	Saya boleh menggunakan kemudahan AAV dengan berkesan tanpa bantuan pihak lain	2.55	1.14	Sederhana
KESELURUHAN		3.28	0.55	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.16 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah berada pada tahap sederhana bagi tiga item dan dua item berada pada tahap tinggi. Perbandingan skor min antara 5 item menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item penggunaan multimedia dalam PdP menarik minat pelajar iaitu skor min 4.11 (S.P=0.84) dan guru berminat menggunakan multimedia dalam pengajaran PI iaitu skor min 3.92 (S.P=0.83). Skor min terendah pula adalah item guru mahir menggunakan multimedia dalam pengajaran PI iaitu skor min 2.41 (S.P=1.24), item guru boleh menggunakan kemudahan AAV dengan berkesan tanpa bantuan pihak lain iaitu skor 2.55 (S.P=1.14) dan item guru

boleh menggunakan multimedia dalam pengajaran PI iaitu skor min 3.40 (S.P=1.03) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya skor min bagi semua item ini ialah berada pada tahap sederhana iaitu skor min 3.28 (S.P=0.55).

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil analisis temu bual GPI 1, GPI 2 dan GPI 4 mendapati mereka mahir dalam menggunakan AAV tanpa memerlukan bantuan orang lain.

“Saya tak perlu bantuan orang lain semasa menggunakan AAV, saya pandai pasang sendiri” (G1-09/6, 124-125).

“Buat masa ini tak guna lagi, tapi di sekolah lama dulu selalu lah guna, di sekolah baru ni semua dikawal dan dijaga dengan rapi lah, semua kena minta kebenaran. Tapi bila nak guna tu saya perlu bantuan kawan untuk pasang, kadang-kadang boleh pasang sendiri” (G2-10/7, 89-92).

“Kalau memasang AAV tu saya tidak menggunakan bantuan orang lain kerana saya boleh memasang sendiri, dan menggunakannya semasa mengajar tu jarang sebab di sekolah saya tidak dibekalkan AAV di kelas-kelas cuma di surau dan tempat-tempat tertentu sahaja” (G4-22/7, 81-85).

Walau bagaimanapun, GPI 3 dan GPI 5 masih memerlukan bantuan orang lain dan menunjukkan kurang mahir dalam memasang AAV semasa mengajar PI.

“Memasang alatan ni, ada lah saya guna tapi nak pasang ni kita minta bantuan orang lain lah” (G3-18/7, 116-117).

“Erm kalau alat-alat LCD yang kena wayar panjang-panjang tu saya masih lagi kena minta bantuan pegawai teknikal lah tapi kalau laptop dan komputer tu boleh buka sendiri lah” (G5-24/7, 96-98).

Daripada temu bual, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tahap keupayaan GPI dalam penggunaan AAV berada pada tahap memuaskan tanpa memerlukan bantuan orang lain. Namun masih terdapat GPI yang memerlukan bantuan orang lain dan menunjukkan kurang mahir dalam memasang AAV semasa mengajar PI. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

h. Keyakinan Diri GPI

Bahagian ini adalah berdasarkan data daripada soal selidik GPI. Keyakinan diri GPI dalam kajian ini merangkumi aspek keyakinan diri semasa mengajar, mengajar mengikut kemampuan pelajar, sentiasa bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah, bertanggungjawab dalam tugas guru dan sentiasa berpakaian sesuai dengan profesion keguruan. Hasil analisis tahap keyakinan diri GPI dalam mengajar KPI yang terdiri 5 item adalah seperti dalam Jadual 4.17 di bawah:

Jadual 4.17 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Keyakinan Diri GPI

Bil	Keyakinan Diri GPI	Min	S.P	Tahap
1	Saya mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa mengajar	3.92	1.19	Tinggi
2	Saya mengajar mengikut kemampuan pelajar saya	3.89	0.94	Tinggi
3	Saya sentiasa bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah	2.92	1.13	Sederhana
4	Saya bertanggungjawab dalam tugas sebagai guru	4.03	0.90	Tinggi
5	Saya sentiasa berpakaian sesuai dengan profesion keguruan	3.44	1.89	Sederhana
KESELURUHAN		3.64	0.30	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.17 di atas menunjukkan dari 5 item keyakinan diri GPI dalam mengajar PI, kesemua item berada pada tahap skor sederhana walaupun 3 item berada pada tahap skor

tinggi iaitu guru bertanggungjawab dalam tugas guru mempunyai skor min 4.03 (S.P=0.90), guru mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa mengajar skor min 3.92 (S.P=1.19) dan guru mengajar mengikut kemampuan pelajar dengan skor min 3.89 (S.P=0.94). Skor min terendah adalah item guru sentiasa bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah dengan skor min 2.92 (S.P=1.13). Secara keseluruhannya skor min adalah sederhana iaitu pada skor 3.64 (S.P=0.30). Ini menunjukkan tahap keyakinan diri GPI berada pada tahap sederhana.

Hasil daripada temu bual penyelidik dengan 5 orang peserta GPI mendapati bahawa GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5 mengajar PI dengan penuh yakin, sabar, bersemangat, mengadakan program, mesra dengan pelajar, memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah dalam kelas.

“Setelah hampir 15 tahun mengajar, saya menghadapi pelbagai ragam murid dan pelajar yang bermasalah, setiap kali saya menghadapi mereka saya perlu sabar dan perlu yakin diri yang kuat untuk nasihat dan ajar mereka supaya mereka yakin dengan kita” (G1-09/6, 135-138).

“Saya menggunakan habis semua tenaga saya, semua kemahiran saya tumpahkan diberikan kepada pelajar-pelajar bermasalah, kalau masalah pelajaran memang saya akan bagi teknik-teknik menjawab soalan yang mudah untuk dapat markah, kalau pelajar yang tak berakhlak kadang-kadang tu tak terkawal juga saya minta bantuan guru-guru disiplin lah..” (G2-10/7, 102-106).

Untuk menambahkan keyakinan diri guru mengadakan pelbagai aktiviti dan program supaya menarik minat pelajar terhadap pelajaran PI. Hasil temu bual GPI 3, beliau menyatakan telah berusaha sepenuhnya untuk pelajar berubah tingkah laku mereka.

“Berkenaan pelajar bermasalah ni, kadang-kadang kita dah buat pelbagai program mereka tak datang, tapi kita buat juga kerana walaupun tak semua datang sedikit pun

dah dikira berjaya lah. Saya buat program cahaya iman supaya pelajar berubah daripada jahat kepada baik daripada tidak beribadat kepada rajin beribadat. (G3-18/7, 127-131).

“Saya rasa dengan pengalaman saya mengajar selama 14 tahun sudah saya tidak menghadapi masalah begitu besar untuk mengajar pelajar yang bermasalah sebab saya mengambil pendekatan mesra dengan mereka, membuat mereka seperti rakan, apabila saya mengajar saya lebih kepada tidak menekan mereka, cuba memahami mereka, demi mereka kita harus buat” (G4-22/7, 96-101).

“Biasanya kalau pelajar bermasalah ni saya akan panggil mereka dan memberi tumpuan pada mereka semasa mengajar dalam kelas, dengan cara tu mereka akan memberi tumpuan kepada pengajaran yang kita jalankan” (G5-24/7, 107-109).

Daripada hasil temu bual, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tahap keyakinan diri GPI semasa mengajar, sentiasa bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah, bertanggungjawab dalam tugas guru, sabar, bersemangat, mengadakan program, mesra dengan pelajar, memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah dalam kelas. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

4.3.3 Persoalan Kajian Ketiga

Sejauh manakah proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan dan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama pihak pentadbir terhadap proses PdP yang lebih baik dari dimensi proses?

Kajian dimensi proses melibatkan aspek proses PdP PI, penggunaan BBM, proses pemantauan, proses penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir. Bagi melihat secara terperinci sejauh manakah dimensi proses ini

dijalankan bagi setiap dimensi yang dinilai, analisis deskriptif telah dilakukan dan perbincangan mengikut susunan subtopik berikut;

a. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Bahagian ini mengandungi 9 item soalan yang berkaitan dengan dimensi proses PdP berdasarkan soal selidik GPI. Jadual 4.18 di bawah menunjukkan persepsi GPI terhadap proses PdP tersebut:

Jadual 4.18 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Proses PdP PI

Bil	Proses Pengajaran dan Pembelajaran KPI	Min	S.P	Tahap
1	Saya memastikan kelas terkawal dalam pengurusan bilik darjah	4.20	0.86	Tinggi
2	Saya sentiasa mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar	3.83	0.90	Tinggi
3	Pengajaran saya menarik perhatian semua pelajar untuk belajar	3.73	1.01	Tinggi
4	Saya sentiasa bersedia dan bersungguh-sungguh mengajar PI	4.34	0.65	Tinggi
5	Saya sentiasa melaksanakan langkah pengajaran mengikut perancangan	3.67	0.99	Tinggi
6	Saya memberi peluang pelajar bersoal jawab jika ada masalah	4.44	0.61	Tinggi
7	Saya sentiasa menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti P & P	3.97	0.86	Tinggi
8	Saya menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan	3.54	1.10	Sederhana
9	Saya sentiasa menamatkan sesi pengajaran dengan rumusan yang baik	3.79	0.89	Tinggi
KESELURUHAN		3.94	0.37	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.18 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah di antara 3.54 (S.P=1.10) hingga 4.44 (S.P=0.61) iaitu kesemuanya berada pada tahap tinggi kecuali item GPI menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan berada pada

tahap skor min sederhana iaitu skor min 3.54 (S.P=1.10). Skor min tertinggi ialah bagi item GPI sentiasa memberi peluang pelajar bersoal jawab jika ada masalah iaitu 4.44 (S.P=0.61). Namun, skor min secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu skor min 3.94 (S.P=0.37). Ini menunjukkan proses PdP PI berada pada tahap berkesan.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Sebelum memasuki kelas GPI telah melakukan persediaan mengikut perancangan, sukatan yang ditetapkan oleh pihak BPI KPM, hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, mereka menyatakan bahawa persediaan rancangan mengajar itu penting bagi guru sebelum memasuki kelas supaya tahap keyakinan diri GPI semakin bertambah dan penuh yakin.

“Sebelum masuk kelas saya perlu bersedia fizikal dan mental, selain itu perlukan persediaan rancangan mengajar yang rapi dan membaca dahulu bahan tambahan supaya pengajaran hari tu menarik dan menambah ilmu pelajar dan perlu mengikut sukatan pelajaran kebangsaan” (G1-09/6, 141-144).

“Sebelum masuk kelas, saya sudah sediakan perancangan pengajaran sehari sebelumnya, jadi bila masuk kelas tu kita sudah ada semua objektif, tajuk yang nak diajar, soalan yang perlu diberi latihan untuk pengukuhan” (G2-10/7, 109-111).

“Memanglah kita ada buat persediaan, kerana kita dah ada rancangan tahunan jadi kita kena ikut sukatan dan rancangan tahunan yang disediakan lah” (G3-18/7, 134-136).

“Sebelum masuk kelas kita ada rancangan mengajar, dan saya akan prepare dahulu topik-topik yang saya akan ajar, jadi sebelum masuk kelas saya harus mempersiapkan diri saya terlebih dahulu untuk saya berkeyakinan mengajar dan memberi keyakinan kepada pelajar untuk menerima ilmu yang saya ajar” (G4-22/7, 104-108).

“Memang lah sebelum masuk kelas kita kena perancangan sukatan yang telah ditetapkan dan kadang-kadang tu kita sediakan juga BBM sebelum memasuki kelas” (G5-24/7, 112-114).

Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, GPI juga sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab dan menggalakkan pembelajaran aktif di dalam kelas semasa proses PdP berlaku.

“Setiap kali selepas mengajar saya memberi peluang kepada pelajar bertanya apa yang mereka tidak faham selama beberapa minit. Kalau mereka tak tanya saya pulak yang tanya mereka supaya untuk kita tahu pengajaran hari tu mencapai objektif atau tidak” (G1-09/6, 147-150).

“Memang setiap kali selepas mengajar saya beri ruang untuk pelajar bersoal jawab lah..” (G2-10/7, 115-115).

“Saya bagi peluang pelajar untuk menjawab soalan setiap kali selepas mengajar, tapi kita bagi peluang kepada pelajar-pelajar yang pandai sahaja terutama pelajar kelas sains, kalau kelas sastera terakhir kita boleh bagi ikut tahap penguasaan mereka” (G3-18/7, 139-142).

“Untuk mengetahui tahap mereka memahami pengajaran kita harus membuka persoalan supaya mereka boleh meluahkan persoalan yang mereka hadapi dan boleh menyelesaikannya” (G4-22/7, 111-113).

“Dari segi pengajaran saya tu lebih kepada bersoal jawab dan pelajar pun rasa tak kekok lah dalam memberi pandangan, sumbang saran dalam aktiviti P & P dan biasanya kita buat dari segi pembentangan kumpulan, jadi mereka akan suka lah membentangkan setiap topik yang diberikan kepada mereka sebagai contoh kita mengajar tokoh satu kumpulan tu kita berikan tugas masing-masing, jadi mereka masing-masing nak tunjukkan hasil pembentangan mereka tu” (G5-24/7, 117-123).

Daripada hasil temu bual, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran telah berlaku dengan baik, di mana sebelum memasuki kelas GPI telah melakukan persediaan rancangan mengajar yang rapi terlebih dahulu dan sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab serta menggalakkan pembelajaran aktif di dalam kelas semasa proses PdP berlaku. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

b. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahagian ini mengandungi 6 item soalan yang berkaitan dengan dimensi penggunaan BBM dalam proses PdP PI. Jadual 4.19 di bawah menunjukkan persepsi GPI terhadap penggunaan BBM tersebut:

Jadual 4.19 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Penggunaan BBM

Bil	Penggunaan BBM	Min	S.P	Tahap
1	Penggunaan BBM menambahkan minat pelajar saya	4.09	0.97	Tinggi
2	Penggunaan BBM adalah penting dalam proses PdP seseorang guru	4.06	0.92	Tinggi
3	Penggunaan BBM dapat mencetuskan suasana belajar dengan lebih ceria	4.23	1.03	Tinggi
4	Interaksi pelajar dengan guru lebih berkesan menggunakan BBM	3.84	1.01	Tinggi
5	Saya menggunakan BBM terkini dan sesuai keperluan pelajar	2.41	1.24	Sederhana
6	Saya sentiasa menggunakan BBM dalam PdP PI	2.44	0.91	Sederhana
KESELURUHAN		3.51	0.32	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.19 di atas menunjukkan bahawa skor min pada tahap sederhana bagi 2 item dan tahap tinggi bagi 4 item. Perbandingan skor min di antara 6 item menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item penggunaan BBM dapat mencetuskan suasana belajar dengan lebih ceria, item penggunaan BBM menambahkan minat pelajar, item penggunaan BBM adalah penting dalam proses PdP seseorang guru dan item interaksi pelajar dengan guru lebih berkesan menggunakan BBM. Manakala skor min terendah pula bagi item guru menggunakan BBM terkini dan sesuai dengan keperluan pelajar dan item guru sentiasa menggunakan BBM dalam PdP PI. Skor min berada pada tahap di antara 2.41 (S.P=1.24) hingga 4.23 (S.P=1.03). Secara keseluruhannya skor min bagi

semua item ialah 3.51 (S.P=0.32) iaitu berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan penggunaan BBM mengajar guru berada pada tahap sederhana.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, mereka menyatakan bahawa penggunaan BBM mengikut keperluan topik mengajar dan keperluan pelajar.

“Atas keperluan lah, kalau topik tu tak perlu saya tak guna, kalau memerlukan BBM saya guna lah” (G1-09/6, 153-154).

“BBM hanya tajuk-tajuk tertentu saja yang mudah untuk dibawa untuk pengajaran misalnya dalam bab taharah ataupun kebersihan diri, bersuci, alat untuk beristinjak contoh bahan bertayammum” (G2-10/7, 118-120).

“Penggunaan BBM ni memang saya guna ikut keperluan pelajar, pelajar pandai kita guna yang lebih tinggi, pelajar lemah kita setakat guna kertas mahjong sajalah” (G3-18/7, 145-147).

“BBM kadang-kadang, kalau pembelajaran yang memerlukan alat bantu mengajar saya guna kalau tidak guna buku teks sahaja” (G4-22/7, 116-117).

“Memang ada lah saya guna BBM mengikut keperluan pelajar, contoh kalau mengajar pengurusan jenazah kita gunakan lah BBM ni” (G5-24/7, 126-127).

Daripada hasil temu bual, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penggunaan BBM digunakan mengikut keperluan topik dan keperluan pelajar. Contohnya jika melibatkan topik amali seperti Haji, Sembelihan dan ibadat lain. GPI perlu menggunakan BBM seperti replika Kaabah supaya mereka dapat merasai seperti suasana sebenar dalam proses pengajaran dan pembelajaran itu. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

c. Proses Pemantauan KPI

Bahagian ini adalah berdasarkan soal selidik GPI mengandungi 10 item soalan yang berkaitan dengan dimensi proses pemantauan PdP PI bagi GPI. Hasil analisis proses pemantauan PdP adalah seperti dalam Jadual 4.20 di bawah.

Jadual 4.20 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Proses Pemantauan KPI

Bil	Pemantauan Kurikulum Pendidikan Islam	Min	S.P	Tahap
1	Sesi P & P saya dicerap sekurang-kurangnya sekali bagi setiap penggal/semester	3.98	0.89	Tinggi
2	Ketua Panitia di sekolah selalu memantau pelaksanaan KPI saya	4.36	0.76	Tinggi
3	GPK sekolah selalu memantau pelaksanaan KPI saya	4.42	0.58	Tinggi
4	Pengetua sekolah selalu memantau pelaksanaan KPI saya	3.46	0.97	Sederhana
5	Setiap tahun Pegawai dari PPD membuat pemantauan KPI	4.52	0.65	Tinggi
6	Setiap tahun Pegawai dari Sektor Pendidikan Islam JPN membuat pemantauan KPI	3.83	0.79	Tinggi
7	Setiap tahun Pegawai dari BPI KPM membuat pemantauan KPI	3.60	1.06	Sederhana
8	Jemaah Nazir Negeri membuat pemantauan KPI jika ada masalah	3.80	0.90	Tinggi
9	Jemaah Nazir Pusat KPM membuat pemantauan KPI jika ada laporan	4.10	0.89	Tinggi
10	Pegawai yang mencerap ada membuat perbincangan hasil pencerapan	4.14	0.75	Tinggi
KESELURUHAN		4.02	0.27	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.20 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah tinggi kecuali bagi item pengetua sekolah selalu memantau pelaksanaan KPI dan item setiap tahun pegawai dari BPI KPM membuat pemantauan KPI mendapat skor min paling rendah. Perbandingan skor min antara 10 item menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item setiap tahun pegawai dari PPD membuat pemantauan KPI iaitu skor min 4.52

(S.P=0.65) berbanding dengan skor min terendah iaitu item pengetua sekolah selalu memantau pelaksanaan KPI dengan skor min 3.46 (S.P=0.97). Skor min bagi keseluruhan item ialah 4.02 (S.P=0.27) iaitu berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan proses pelaksanaan pemantauan KPI dilaksanakan dengan berkesan.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, mereka menyatakan bahawa pencerapan dilakukan oleh Pentadbir 2 kali bagi setiap tahun.

“Biasanya pengetua dan PK Pentadbiran yang mencerap saya, kadang-kadang Ketua Panitia ada jugak. Mereka cerap 2 kali setiap tahun” (G1-09/6, 157-158).

“Pencerapan biasanya dilakukan sekali PK Pentadbiran dan sekali oleh pengetua, tapi mereka hanya duduk sekejap saja di kelas, setiap tahun 2 kali lah” (G2-10/7, 123-125).

“Saya sebagai Ketua Panitia dicerap oleh PK Pentadbiran dan biasanya setahun 3 kali dicerap oleh PK1 sekali pengetua 2 kali” (G3-18/7, 150-151).

“Biasanya pencerapan yang dilakukan oleh Guru Kanan ataupun PK1 atau pengetua, biasanya buat 2 kali satu setahun” (G4-22/7, 120-121).

“Pencerapan ni sentiasa lah dilakukan oleh Pengetua, Guru Kanan dan biasanya dalam setahun 3 kali lah pencerapan ke atas guru ni” (G5-24/7, 130-131).

Daripada hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pemantauan atau pencerapan dilakukan oleh pihak pentadbir PK Pentadbiran dan Pengetua sebanyak 2 kali setahun. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

d. Proses Penilaian KPI

Kajian dimensi proses juga menyentuh dimensi proses penilaian KPI dilaksanakan di sekolah menurut persepsi GPI. Sebanyak 7 item soalan yang berkaitan dengan dimensi proses penilaian ini. Hasil analisis proses penilaian KPI adalah seperti dalam Jadual 4.21 di bawah:

Jadual 4.21 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Proses Penilaian KPI

Bil	Proses Penilaian KPI	Min	S.P	Tahap
1	Saya melakukan Ujian Penilaian (formatif) melibatkan domain kognitif pelajar	3.80	0.70	Tinggi
2	Saya melakukan Ujian Penilaian (formatif) melibatkan domain afektif pelajar	4.29	0.86	Tinggi
3	Saya membina soalan ujian berdasarkan sukatan pelajaran KPI	3.69	0.81	Tinggi
4	Semua soalan ujian disemak oleh Ketua Panitia dan Pentadbir	4.22	0.92	Tinggi
5	Saya mendedahkan kepada pelajar teknik menjawab soalan dengan betul	3.96	0.92	Tinggi
6	Peperiksaan akhir (Sumatif) melibatkan domain kognitif pelajar	3.66	0.98	Sederhana
7	Peperiksaan akhir (Sumatif) melibatkan domain afektif pelajar	4.40	0.60	Tinggi
KESELURUHAN		4.00	0.34	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.21 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah berada pada tahap tinggi kecuali item peperiksaan akhir melibatkan domain kognitif pelajar berada pada tahap sederhana. Perbandingan skor min antara 7 item menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item peperiksaan akhir melibatkan domain afektif pelajar iaitu pada skor min 4.40 (S.P=0.60) berbanding dengan skor min terendah adalah bagi item peperiksaan akhir melibatkan domain kognitif pelajar berada pada tahap sederhana iaitu

pada skor 3.66 (S.P=0.98). Skor min bagi keseluruhan item ialah 4.00 (S.P=0.34) iaitu berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan proses penilaian dalam KPI Sekolah Menengah dilaksanakan dengan berkesan.

Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, mereka menyatakan bahawa proses penilaian dalam KPI Sekolah Menengah dilaksanakan dengan mengikut seperti yang ditetapkan iaitu guru membina dan memberikan ujian formatif setiap kali tamat sesi pengajaran.

“Ujian formatif sangat perlu setiap kali tamat mengajar sama ada secara lisan atau soalan bertulis. Lepas tu saya bagi latihan di rumah” (G1-09/6, 166-167).

“Memang setiap kali habis belajar saya akan bagi soalan formatif, dan biasanya saya juga bagi soalan untuk kerja rumah” (G2-10/7, 135-136).

“Saya akan bagi ujian formatif setiap kali selepas mengajar setiap topik. Habis satu topik tu kita kena bagi soalan pengukuhan” (G3-18/7, 162-163).

“Kebanyakan saya akan bagi soalan yang ada dalam buku teks sebabnya buku teks memang memainkan peranan penting dan soalan SPM diambil sepenuhnya dalam buku teks” (G4-22/7, 130-132).

“Memang ada saya akan bagi soalan formatif kepada pelajar setiap kali tamat mengajar sebelum peperiksaan penggal dijalankan” (G5-24/7, 140-141).

GPI juga telah memastikan soalan ujian atau peperiksaan yang dibina disemak terlebih dahulu oleh pentadbir sebelum diberikan kepada pelajar.

“Sebelum diberikan kepada pelajar soalan tu perlu disemak oleh Ketua Panitia dan disahkan oleh Ketua Bidang” (G1-09/6, 170-171).

“Biasanya soal ujian atau peperiksaan yang dibina disemak oleh Ketua Panitia dan disahkan oleh Guru Kanan” (G2-10/7, 139-140).

“Soalan ujian yang dibina sepatutnya disemak terlebih dahulu oleh pentadbir tetapi kadang-kadang ada berlaku tidak ada penyemakan. Sepatutnya disemaklah oleh pentadbir” (G3-18/7, 166-168).

“Soalan yang dibina disemak oleh Ketua Panitia dan disahkan oleh Guru Kanan” (G4-22/7, 135-136).

“Ye memang disemak terlebih dahulu oleh pentadbir dan buat pengesahan. (G5-24/7, 144-145).

Daripada hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa proses penilaian KPI Sekolah Menengah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya melalui prosedur yang betul iaitu setiap kali tamat sesi pengajaran guru mengadakan ujian formatif terlebih dahulu untuk pengukuhan pelajar, begitu juga dengan pembinaan soal peperiksaan guru memastikan soal disemak terlebih dahulu oleh pentadbir sebelum diberikan kepada pelajar. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

e. Hubungan Guru dengan Pelajar

Kajian dimensi proses juga melibatkan aspek hubungan guru dengan pelajar berdasarkan soal selidik GPI. Bahagian ini mengandungi 6 item soal yang berkaitan dengan aspek yang dikaji. Hasil analisis proses penilaian hubungan guru dengan pelajar adalah seperti dalam Jadual 4.22 di bawah:

Jadual 4.22 Skor Min dan Sisihan Piawai Hubungan Guru dengan Pelajar

Bil	Hubungan Guru dengan Pelajar	Min	S.P	Tahap
1	Saya sangat prihatin terhadap perkembangan akademik pelajar saya	3.37	1.00	Sederhana
2	Saya sedaya upaya membantu pelajar saya dalam pembelajaran PI	4.57	0.55	Tinggi
3	Saya sentiasa menjaga perasaan pelajar saya	3.81	0.79	Tinggi
4	Saya menggunakan bahasa yang sesuai dengan laras bahasa pelajar saya	3.62	1.06	Sederhana
5	Saya sentiasa mengambil berat keperluan pembelajaran pelajar saya	3.69	0.83	Tinggi
6	Saya melakukan interaksi dua hala dengan pelajar saya	3.31	1.02	Sederhana
KESELURUHAN		3.80	0.42	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.22 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi 3 item berada pada tahap tinggi iaitu item guru sedaya upaya membantu pelajar dalam pembelajaran PI, item guru menjaga perasaan pelajar dan item guru sentiasa mengambil berat keperluan pembelajaran pelajar manakala 3 item berada pada tahap sederhana iaitu item guru melakukan interaksi dua hala dengan pelajar, item guru sangat prihatin terhadap perkembangan akademik pelajar dan item guru menggunakan bahasa yang sesuai dengan laras bahasa pelajar. Skor min tertinggi adalah bagi item guru sedaya upaya membantu pelajar dalam pembelajaran PI dengan skor min 4.57 (S.P=0.55) berada pada tahap tinggi manakala skor min terendah adalah item guru melakukan interaksi dua hala dengan pelajar dengan skor min 3.31 (S.P=1.02) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya skor min bagi semua item berada pada tahap tinggi iaitu 3.80 (S.P=0.42). Ini menunjukkan hubungan guru dengan pelajar berada pada yang baik.

Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dalam proses penilaian KPI Sekolah Menengah mereka menyatakan bahawa hubungan guru dengan pelajar amat baik sekali, di mana guru selalu membantu dan mengambil berat terhadap pelajar terutama pelajar yang bermasalah dan guru juga selalu berbincang dengan pelajar jika ada masalah serta berkomunikasi dengan pelajar.

“Biasanya pelajar-pelajar yang saya mengajar mereka rapat dan menceritakan apa masalah yang mereka hadapi. Jadi saya bantu setakat saya mampu jer.. selain dari tu saya serahkan kepada pihak kaunselor sekolah” (G1-09/6, 174-176).

“Saya dengan pelajar agak rapat, jadi biasanya kalau pelajar ada masalah terutama kalau melibatkan masalah perempuan, misalnya pelajar perempuan diganggu oleh pelajar lelaki, ada kes cuba mencabul atau apa apa mereka terus jumpa saya, dan saya berbincang dengan pelajar, kalau saya tak dapat atasi masalah tersebut saya terus berbincang dengan PK Hem lah” (G2-10/7, 143-148).

“Bagi pelajar yang bermasalah saya memang selalu membantu lah dan amat mengambil berat tentang masalah pelajar terutama pelajar miskin, pelajar yang akhlak yang tidak bagus kita akan sentiasa bersama pelajar, bertanya masalah nya, kepelruannya supaya mereka tidak menjadi pelajar bermasalah lah” (G3-18/7, 171-175).

“Ye sebagai seorang ustaz, saya selalu membantu dan mengambil berat terhadap pelajar terutama pelajar yang bermasalah, kita lah yang harus menyelesaikan masalah mereka dan jangan dibiarkan kepada guru lain sebab mereka kadang-kadang tidak mengetahui cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar terutama dari segi rohani” (G4-22/7, 139-144).

“Sudah semestinya apabila ada timbul masalah kita harus berbincang, biasanya cara saya buat pendekatan individu, kita panggil dan berbincang cari masalah dan berbincang” (G4-22/7, 147-149).

“Memang saya sangat-sangat mengambil berat terhadap pelajar bermasalah ni bukan saja pelajar dalam kelas saya sendiri bahkan kita ada satu kolaboratif antara semua guru-guru pendidikan islam lah maknanya kalau saya mengajar tingkatan 4 saya akan ambil semua pelajar tu untuk selesaikan masalah mereka” (G5-24/7, 148-152).

“Saya sentiasa berkomunikasi dengan baik dengan pelajar terutama yang bermasalah. Kalau mereka ada masalah tentang pelajaran mereka datang ke tempat saya, kalau masalah peribadi saya nasihat setakat mampu jer” (G1-09/6, 179-181).

“Dari segi berkomunikasi saya tengok keadaan pelajar, kalau pelajar lelaki biasanya pelajar lelaki dia ada masalah sendiri, ada yang pelajar lelaki tidak aktif senyap dalam kelas, saya akan cuba dekati tanya apa masalah mereka, dan biasanya mereka akan berbicara bercakap terus terang dengan saya jika saya berdua saja dengan mereka, tanya dari hati ke hati apa masalah dia, bincang dan bagitau apa masalah mereka dari kewangan ataupun masalah keluarga lah” (G2-10/7, 151-157).

“Saya selalu berbincang dengan pelajar dan selalu mendekati pelajar, tanya apa masalah pelajar, tajuk apa tidak faham dan cara kita berkomunikasi tu dengan cara hikmah lemah lembut, tidak boleh dengan cara herdik tenking, kalau tidak pelajar akan melawan cikgu kan. Jadi kita dengan cara yang baik mendekati pelajar dengan lemah lembut lah” (G3-18/7, 178-182).

“Selalu juga saya bincang dan biasanya kalau pelajar ada masalah saya minta datang ke bilik dan saya akan berkomunikasi secara personal lah, contohnya kalau mereka ada masalah dalam kelas, mungkin masalah peribadi tapi melibatkan pelajaran lah, biasanya mereka datang secara personal lah” (G5-24/7, 155-159).

Daripada hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan guru dengan pelajar berlaku dengan baik, di mana guru sentiasa membantu dan mengambil berat terhadap pelajar terutama pelajar yang bermasalah dan guru juga selalu berbincang dengan pelajar jika ada masalah serta guru sentiasa berkomunikasi dengan pelajar secara baik. Dapatan kualitatif temu bual ini dapat menyokong dapatan kuantitatif kajian.

f. Kerjasama Guru dengan Pihak Pentadbir

Kajian dimensi proses melibatkan kerjasama guru dengan pihak pentadbir dalam pelaksanaan KPI di sekolah menengah berdasarkan soal selidik yang mengandungi 8 item

soalan yang merangkumi keseluruhan item. Hasil analisis kerjasama guru dengan pentadbir adalah seperti dalam Jadual 4.23 di bawah.

Jadual 4.23 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kerjasama Guru dengan Pentadbir

Bil	Kerjasama Guru dengan Pihak Pentadbir	Min	S.P	Tahap
1	Sentiasa mendapatkan maklumat terkini tentang PI dengan pihak pentadbir	3.88	1.09	Tinggi
2	Sentiasa berpeluang berbincang mengenai keperluan pembelajaran PI dengan pihak pentadbir	3.75	0.68	Tinggi
3	Berpandangan pentadbir mengambil berat tentang pembelajaran PI	2.54	1.19	Sederhana
4	Berpandangan pentadbir mengambil berat tentang pelaksanaan KPI	3.58	0.86	Sederhana
5	Berpendapat pentadbir dapat berkomunikasi dua hala dengan berkesan	2.32	1.16	Rendah
6	Berpendapat pentadbir selalu memberi penghargaan apabila guru memberi sumbangan	3.87	0.90	Tinggi
7	Sentiasa berhubung mesra dengan pihak pentadbir	2.69	1.00	Sederhana
8	Selalu berbincang tentang kemajuan dan pencapaian PI	2.25	1.08	Rendah
KESELURUHAN		3.11	0.50	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.23 di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah 3 item berada pada tahap tinggi dan 5 item berada pada tahap sederhana. Perbandingan skor min di antara 8 item menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item guru sentiasa mendapatkan maklumat terkini tentang PI dengan pihak pentadbir iaitu pada skor min 3.88 (S.P=1.09) manakala skor terendah adalah bagi item guru selalu berbincang tentang kemajuan dan pencapaian PI iaitu skor min 2.25 (S.P=1.08) dan item guru berpendapat pentadbir dapat berkomunikasi dua hala dengan berkesan iaitu skor min 2.32 (S.P=1.16) yang masing-masing mendapat nilai skor paling rendah. Bagi 3 item guru berpandangan pentadbir mengambil berat tentang pembelajaran PI, item guru sentiasa berhubung mesra

dengan pihak pentadbir dan item guru berpandangan pentadbir mengambil berat tentang pelaksanaan KPI masing-masing berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya skor min bagi keseluruhan item adalah 3.11 (S.P=0.50) iaitu berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan kerjasama guru dengan pihak pentadbir berada pada tahap sederhana.

Dapatan daripada temu bual dengan 5 orang peserta GPI memperjelaskan lagi dapatan kuantitatif. Hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dalam proses penilaian KPI Sekolah Menengah mereka menyatakan bahawa hubungan guru dengan pihak pentadbir amat baik sekali, di mana guru selalu berbincang, mendapat maklumat terkini, sikap terbuka pentadbir dan selalu memberikan pengiktirafan jika guru ada menyumbangkan kepada pihak sekolah.

“Saya selalu bertanya dan mendapatkan maklumat terkini dengan pihak pentadbir sebab sekarang ni sistem pendidikan di sekolah sentiasa berubah dan terkini. Jadi melalui mereka lah saya dapat maklumat ataupun mereka hantar kami ke kursus-kursus yang perlu hadir” (G1-09/6, 185-188).

“Setakat ni hubungan saya dengan pentadbir tiada masalah, kerana pentadbir sentiasa terbuka dan selalu berbincang kalau ada masalah. Pentadbir selalu juga menghargai kami setiap kali tamat aktiviti dengan jayanya dan memberikan penghargaan di perhimpunan atau dalam mesyuarat” (G1-09/6, 192-196).

“Memang selalu bincang dengan pengetua dan PK pentadbiran, tentang subjek PI terutamanya dari segi sukatan ataupun dari segi PBS, jadi kita tanya sekolah lah kalau ada perkembangan terbaru” (G2-10/7, 161-163).

“Hubungan dengan pentadbir memang baik, mereka selalu menghargai lah kalau ada guru-guru memberi sumbangan kepada sekolah, selalu bertanya khabar, ada masalah atau tidak,,, biasanya selepas satu-satu aktiviti pihak pentadbir akan menghantar sms kepada kami semua mengucapkan terima kasih dan ada juga sumbangan-sumbangan

memberi hadiah hamper kepada guru-guru yang memberi khidmat bakti kepada sekolah” (G2-10/7, 167-172).

“Saya sentiasa berbincang dengan pihak pentadbir terutama dengan PK Pentadbiran dan juga Pengetua tentang apa-apa keperluan subjek PI dan cuba mendapatkan maklumat terkini daripada mereka dan kalau ada apa-apa kita akan hubungi PPD ataupun pihak JPN untuk mendapatkan maklumat terkini” (G3-18/7, 186-190).

“Hubungan saya dengan pentadbir baik dan tiada masalah, selalu kita buat perbincangan dan pihak pentadbir pula selalu memberi penghargaan atau anugerah lah contohnya beri sijil penghargaan, jadi mana-mana guru yang memberi sumbangan kepada pihak sekolah akan mendapat anugerah daripada pihak pentadbir” (G3-18/7, 194-198).

“Biasanya adalah sekali sekala saya berbincang dengan pihak pentadbir tentang keperluan PI tapi biasanya Ketua Panitia lah yang biasanya berbincang dengan pentadbir dan saya mendapat maklumat daripada Ketua Panitia lah” (G4-22/7, 153-156).

“Hubungan saya agak baik dengan pentadbir, sebab personaliti tiada masalah dengan mereka dan pentadbir biasanya kalau ada sesuatu kejayaan mereka akan memberikan penghargaan kepada saya atau kami panitia PI” (G4-22/7, 160-163).

“Memang saya sentiasa berbincang dengan pihak pentadbir tentang keperluan PI, malah pentadbir mengambil berat lah tentang keperluan PI contohnya dari segi program, kerja kursus atau apa-apa kita minta untuk melaksanakan program mudah diberi kelulusan lah, jadi alhamdulillah setakat ini apa-apa program yang saya nak buat dengan pentadbir mereka terima dengan baik lah” (G5-24/7, 163-168).

“Memang ada sangat-sangat, pentadbir di sekolah ini selalu memberi penghargaan kepada guru-guru yang banyak memberi sumbangan kepada sekolah, kalau ada kejayaan mereka bagi sijil-sijil penghargaan dan sebagainya” (G5-24/7, 172-175).

Daripada hasil temu bual dengan GPI 1, GPI 2, GPI 3, GPI 4 dan GPI 5, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan guru dengan pihak pentadbir berjalan dengan baik, di mana guru selalu berbincang, mendapat maklumat terkini, sikap terbuka pentadbir dan

selalu memberikan pengiktirafan jika guru ada menyumbangkan kepada pihak sekolah. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

4.3.4 Persoalan Kajian Keempat

Sejauh manakah tahap kepuasan dan minat, impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar dari dimensi produk?

Kajian dimensi produk merangkumi persepsi pelajar terhadap KPI dari segi kepuasan dan minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI, keberkesanan KPI, kemampanan pembentukan sikap positif pelajar dan kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar. Untuk melihat secara terperinci sejauh manakah dapatan kajian bagi setiap dimensi yang dinilai, analisis deskriptif telah dilakukan dan dibincangkan mengikut susunan sub-topik berikut:

a. Tahap kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan KPI

Untuk mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan kepuasan pelaksanaan KPI berdasarkan soal selidik pelajar. Jadual 4.24 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap aspek tersebut:

Jadual 4.24 Kekerapan dan Peratusan Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Pembelajaran PI

Saya merasa satu kepuasan apabila mempelajari PI		
	N	%
Sangat tidak setuju	2	0.5
Tidak setuju	31	7.8
Tidak pasti	17	4.3
Setuju	194	48.5
Sangat Setuju	156	39.0
Jumlah	400	100

Mean: 4.17 S.P : 0.87

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.24 di atas menunjukkan tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran PI. Jadual 4.24 menunjukkan hanya 2 pelajar (0.5%) menyatakan rasa sangat tidak berpuashati terhadap pembelajaran PI, 31 pelajar (7.8%) menyatakan tidak berpuashati, 17 pelajar (4.3%) pula menyatakan tidak pasti manakala 194 pelajar (48.5%) menyatakan berpuashati dan 156 pelajar (39%) menyatakan sangat berpuashati terhadap pembelajaran PI. Ini menunjukkan bahawa 340 pelajar (87.5%) menyatakan kepuasan terhadap pembelajaran PI dan hampir kesemua pelajar berpuashati dengan sistem pembelajaran PI. Skor min berada pada tahap tinggi iaitu pada skor 4.17 (S.P=0.87). Ini menunjukkan tahap kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran PI berada pada tahap tinggi.

Melalui dapatan temu bual seramai 7 orang pelajar mengenai kepuasan pelajar terhadap pembelajaran PI. Pelajar yang ditemu bual mengakui sendiri bahawa mereka mendapat banyak ilmu dan kemahiran yang boleh mereka gunakan selepas tamat persekolahan kelak, sepertimana kata mereka;

“Ermmm setakat ni saya berpuas hati belajar agama di sekolah saya, dulu saya tak suka belajar agama sebab boring kena banyak menghafal dan saya boleh baca jawi sikit-sikit saja. Jadi susah lah sikit nak faham apa yang ada dalam buku teks tu. Kebetulan ustaz mengajar pun agak cepat sikit. Saya ni pelajar sederhana, kurang pandai sikit tulisan jawi, Quran pun boleh baca perlahan-lahan jer. Tapi lama-kelamaan sejak saya belajar di tingkatan 4 ni ok sikit. Saya rasa puas hati dengan ustaz mengajar di sekolah ini sebab dia banyak bagi ceramah motivasi diikuti dengan pendekatan agama” (P1-12/6, 9-17)

“Ermmm bagi saya berpuas hati terhadap pembelajaran PI kerana apa yang dapat saya lihat berdasarkan pada buku teks, ermm isi kandungan tu bersesuaian dengan saya.. (P2-6/7, 6-8)

“errr saya merasa puas hati apabila melihat keputusan saya dalam peperiksaan PI kerana ilmu yang telah saya pelajari dapat dipraktikkan..”(P3-6/7(6-8)

“saya mungkin agak berpuas hati lah terhadap pembelajaran PI kerana dari segi pembelajaran dalam kelas guru tidak terlalu tegas, jadi saya suka dengan gaya macam tu...” (P5-7/7(6-9)

“errrm saya agak berpuas hati dengan PI yang dipelajari contohnya dalam aspek pengajaran guru, guru banyak mengaplikasikan aspek-aspek yang memberikan pelajar tu mendorong untuk ingat mempelajari PI, jadi saya berasa suka dengan keadaan itu”. (P6-7/7(6-9)

“saya sangat berpuas hati terhadap pembelajaran PI tingkatan 4 kerana seperti kita tahu bahawa PI merupakan perkara yang wajib bagi umat Islam, di mana PI mengajar kita mengenai akidah, tasawur dan akhlak” (P7-11/7(7-10)

Walau bagaimanapun, terdapat juga seorang pelajar yang tidak berpuashati dengan sistem pembelajaran PI seperti mana hasil temu bual dengan pelajar 4;

“errrrm saya rasa tidak puas hati dengan pembelajaran PI, mungkin disebabkan penyampaian guru tu agak terkebelakang sikit sebab saya rasa cara guru mengajar tu banyak satu hala, guru banyak bercakap daripada melakukan aktiviti.” (P4-7/7 (6-9)

Secara keseluruhannya, pelajar menyatakan mereka berpuas hati dengan pelaksanaan KPI di sekolah menengah kerana tuntutan agama, akan tetapi ada juga seorang pelajar menyatakan tidak berpuas hati terhadap pembelajaran PI kerana kaedah pengajaran guru yang lebih kepada tradisional iaitu berpusatkan kepada guru. Kaedah pengajaran GPI

perlu diubah kepada kaedah pedagogi bestari yang lebih kepada berpusatkan kepada pelajar dan memperbanyakkan aktiviti pengajaran. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian di mana terdapat 2 orang pelajar yang tidak setuju dan 31 orang pelajar mempunyai tahap kepuasan pelajar yang tinggi terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

b. Tahap minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI

Untuk mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan tahap minat pelajar terhadap pelaksanaan KPI berdasarkan soal selidik pelajar. Jadual 4.25 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap aspek tersebut:

Jadual 4.25 Kerapan dan peratusan tahap minat pelajar terhadap pembelajaran PI

Saya berminat mempelajari PI	N	%
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	3	.8
Tidak pasti	1	.3
Setuju	168	42.0
Sangat Setuju	228	57.0
Jumlah	400	100

Min: 4.55 S.P : 0.54

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.25 di atas menunjukkan tahap minat pelajar terhadap pembelajaran PI. Jadual 4.25 menunjukkan tiada pelajar menyatakan rasa sangat tidak berminat terhadap pembelajaran PI, manakala 3 pelajar (0.8%) menyatakan tidak berminat terhadap pembelajaran PI, seramai seorang pelajar (0.3%) pula menyatakan tidak pasti manakala 168 pelajar (42.0%) menyatakan berminat dan 228 pelajar (57%) menyatakan sangat berminat terhadap pembelajaran PI. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan 396

pelajar (99%) menyatakan minat mereka terhadap pembelajaran PI. Skor min juga berada pada tahap tinggi iaitu pada skor 4.55 (S.P=0.54). Ini menunjukkan tahap minat pelajar terhadap pembelajaran PI berada pada tahap tinggi.

Melalui dapatan temu bual terhadap 7 orang pelajar Tingkatan 4 mengenai minat pelajar terhadap pembelajaran PI, menunjukkan mereka berminat dengan mata pelajaran PI seperti mana yang diberitahu oleh responden. Pelajar yang ditemu bual mengakui sendiri bahawa mata pelajaran PI penting dalam kehidupan mereka. Seperti mana kata mereka;

“Kalau dulu memang lah saya kurang minat subjek agama ni, tak tahu lah kenapa, sejak sekolah rendah lagi saya kurang berminat, tapi saya mula rasa berminat pula sejak saya mendapat lulus dalam peperiksaan PMR ari tu. Sejak itu saya mula sedar bahawa subjek agama ni penting dalam hidup kita. Dalam subjek agama lah kita boleh belajar dan faham tentang Islam, belajar sembahyang, puasa dan sebagainya” (P1-12/6, 25-30)

“Saya berminat dengan mata pelajaran PI terutama dari segi bahagian Tamadun Islam kerana dalam tajuk tu saya belajar berkaitan dengan Khulafa'Ar Rasyidin, dengan itu saya dapat kenal apa Khulafa'Ar-Rasyidin, apa yang mereka buat, apa sumbangan mereka, jadi fun lah belajar..” (P2-6/7, 16-20)

“Saya berminat dengan mata pelajaran ini kerana ia melibatkan dan meliputi seluruh kehidupan saya sebagai seorang pelajar Islam” (P3-6/7, 11-12)

“Saya sangat berminat dengan mata pelajaran ini disebabkan mata pelajaran ini sebenarnya banyak membantu saya untuk mengaplikasikan apa yang saya pelajari dengan kehidupan saya sendiri sebab banyak hukum-hukum yang saya dapat belajar dalam PI ni” (P4-7/7, 23-27)

“Saya sebenarnya amat berminat dengan mata pelajaran PI tetapi apabila berada di sekolah mungkin tumpuan saya banyak terganggu kerana di rumah saya kurang ditekankan dengan PI” (P5-7/7,15-18)

“Saya sangat berminat kerana subjek ini dapat mendorong kita menjadi seorang yang lebih baik, mempelajari tentang agama khususnya, ia menjadikan kita seorang yang lebih maju ke hadapan lah” (P6-6/7, 19-21)

“Saya sangat meminati dengan mata pelajaran ini kerana subjek ini dapat memberi gambaran kepada saya mengenai apa yang terdapat dalam ajaran Islam tersebut” (P7-11/7, 17-19)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua pelajar menyatakan sangat berminat dengan pelaksanaan KPI di sekolah menengah kerana mereka mengakui bahawa dengan mempelajari PI dapat membantu mereka menambahkan ilmu agama yang meliputi seluruh kehidupan dunia dan akhirat. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

c. Tahap impak pelaksanaan KPI kepada pelajar

Bahagian ini mengandungi 6 item bagi mendapatkan maklum balas responden berkaitan dengan impak pelaksanaan KPI terhadap pelajar berdasarkan soal selidik yang telah digunakan pelajar. Jadual 4.26 di bawah menunjukkan impak pelaksanaan KPI terhadap pelajar seperti berikut:

Jadual 4.26 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Impak Pelaksanaan KPI

Bil	Impak Pelaksanaan KPI	Min	S.P	Tahap
1	Mata pelajaran PI sebagai mata pelajaran wajib dipelajari di sekolah adalah WAJAR	4.86	0.52	Tinggi
2	Pembelajaran PI mendorong saya melakukan pekerjaan yang baik	4.58	0.72	Tinggi
3	Mempelajari PI mengubah tingkah laku menjadi baik	3.89	0.70	Tinggi
4	Mata pelajaran PI berguna untuk diri saya	4.13	0.88	Tinggi
5	Pembelajaran PI mengubah kehidupan saya jadi baik	4.68	0.55	Tinggi
6	PI banyak mempengaruhi saya untuk membuat amal kebajikan	4.57	0.73	Tinggi
KESELURUHAN		4.45	0.41	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.26 di atas, didapati secara keseluruhannya semua item berada pada tahap tinggi. Skor tertinggi adalah bagi item mata pelajaran PI sebagai mata pelajaran

wajib dipelajari di sekolah adalah wajar iaitu pada skor min 4.86 (S.P=0.52), manakala skor min terendah pula adalah pada item mempelajari PI mengubah tingkah laku menjadi baik iaitu pada skor min 3.89 (S.P=0.70). Secara keseluruhannya pula skor min adalah 4.45 (S.P=0.41) iaitu berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan pelaksanaan KPI di sekolah menengah mempunyai impak yang tinggi.

Melalui dapatan temu bual 7 orang pelajar mengenai impak Pelaksanaan KPI terhadap pelajar mendapati 6 orang pelajar menyatakan pembelajaran PI ini dapat mengubah dan mempengaruhi kehidupan mereka menjadi seorang yang berakhlak. Hasil temu bual seperti yang dinyatakan berikut;

“Ermm sudah semestinya, bila kita belajar agama akan menjadi baik kerana dalam subjek PI banyak diajar cara-cara beribadat, belajar cara sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Subjek agama ni diajar sejak sekolah rendah lagi, jadi ia banyak mengubah saya menjadi budak baik kerana di ajar dosa pahala. Kalu nak buat benda jahat ada dosa, nak buat benda baik ada pahala. Ia banyak mempengaruhi saya kalau nak buat benda baik dan jahat ni. Kena fikir dulu sebelum buat. Takut berdosa nanti Allah akan balas dalam kubur. Hihhihi takut..” (P1-12/6, 43-50)

“Ermm ye.. apabila saya belajar PI, saya dapat mengubah persepsi pandangan saya terhadap ermmm contohnya terhadap masyarakat terhadap rakan-rakan saya sebab saya belajar benda-benda yang saya dapat berakhlak dengan mereka contohnya.” (P2-6/7, 29-31)

“Ye sebabnya dalam PI tu ada saya pelajari tentang akhlak dan dalam akhlak tu sendiri ada menekankan adab kita dengan orang lain, ibu bapa, jadi secara automatik ia dapat membantu saya untuk menjadi seorang yang lebih baik, menjadi seorang pelajar berdisiplin sebab mengamalkan adab-adab yang dipelajari dalam akhlak itu sendiri.” (P4-7/7, 36-40)

“Dengan mempelajari PI saya rasa ia dapat mengubah saya menjadi seseorang lebih baik kerana isi pelajaran PI amat bagus untuk dipelajari” (P5-7/7, 27-29)

“Pada pandangan saya, dengan mempelajari PI ini sememangnya tidak dapat dinafikan dapat mempengaruhi kita dalam banyak hal untuk menjadi seorang yang lebih baik, contohnya dalam membentuk peribadi saya lebih baik lah dari segi akhlaknya dari segi segala aspek lah...” (P6-7/7, 31-35)

“Dengan mempelajari PI secara tidak langsung ia dapat mengubah saya menjadi seorang yang baik kerana apa yang kita tahu dalam PI terdapat aspek berkaitan dengan akhlak, di mana ia berkaitan akhlak kepada ibu bapa, akhlak kepada Rasulullah, akhlak kepada masyarakat dan semuanya lah” (P7-11/7, 28-32)

Walau bagaimanapun terdapat seorang pelajar menyatakan bahwa dengan mempelajari PI tidak dapat membantunya untuk berubah menjadi seorang yang baik kerana menurutnya kandungan PI yang sedikit. Ini dapat dibuktikan melalui hasil temu bual Pelajar 3 berikut;

“Jika dilihat kepada kandungan PI sekarang mungkin tidak dapat membantu untuk saya berubah menjadi baik kerana kandungannya terlalu sedikit..” (P3-6/7(19-21)

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kesemua pelajar menyatakan dengan pelaksanaan KPI di sekolah menengah dapat mempengaruhi dan mengubah kehidupan mereka menjadi seorang yang berakhlak, walau bagaimanapun hanya terdapat seorang pelajar menyatakan bahawa pelaksanaan KPI ini tidak mampu untuk membantu mengubah kehidupannya menjadi baik atas sebab kandungan yang terlalu sedikit. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian.

d. Tahap keberkesanan pelaksanaan KPI kepada pelajar

Bahagian ini mengandungi 19 item soalan yang berkaitan dengan dimensi keberkesanan berdasarkan soal selidik pelajar. Hasil analisis tahap keberkesanan pelaksanaan KPI terhadap pelajar adalah seperti dalam Jadual 4.27 di bawah:

Jadual 4.27 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Keberkesanan Pelaksanaan KPI

Bil	Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)	Min	S.P	Tahap
<u>TILAWAH</u>				
1	Membaca ayat-ayat al-Quran yang dipelajari mengikut hukum tajwid yang betul dan fasih	2.97	1.23	Sederhana
2	Menghafaz ayat-ayat al-Quran yang dipelajari mengikut hukum tajwid yang betul dan fasih	3.62	1.17	Sederhana
3	Memahami pengertian ayat-ayat al-Quran yang dipelajari terjemahan nya	2.39	1.06	Sederhana
4	Memahami pengertian hadis-hadis pilihan yang dipelajari dan menghayatinya sebagai sumber hukum	2.71	1.27	Sederhana
5	Memahami hikmah dan pengajaran hadis-hadis pilihan yang dipelajari dan menghayatinya	2.48	1.05	Sederhana
<u>ULUM SYAR'IAH</u>				
6	Memahami dan memelihara diri daripada perkara-perkara yang membatalkan dan merosakkan iman	4.07	0.69	Tinggi
7	Memahami cara-cara bertaubat dan menghayatinya	3.85	1.29	Tinggi
8	Memahami konsep falsafah cara mengerjakan haji dan institusi Haji di Malaysia	4.39	1.19	Tinggi
9	Memahami prinsip-prinsip asas muamalat Islam	2.58	1.11	Sederhana
10	Mengetahui kaifiat sembelihan, korban dan akikah	3.61	1.35	Sederhana
11	Memahami Khulafa' Al-Rasyidin dalam mengembangkan tamadun Islam	3.38	1.36	Sederhana
12	Memahami Kerajaan Bani Umayyah dalam mengembangkan tamadun Islam	2.64	1.05	Sederhana
13	Mengenal tokoh-tokoh yang menyumbang kepada pembinaan tamadun Islam	4.55	0.76	Tinggi
14	Menyedari dan memahami asas akidah Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunah	2.53	1.01	Sederhana
<u>AKHLAK ISLAMIAH</u>				
15	Menyedari dan memahami asas akidah Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunah	3.89	1.19	Tinggi
16	Menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian	4.55	0.64	Tinggi
17	Mengamalkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian	4.36	1.01	Tinggi
18	Membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan yang buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia	3.71	1.27	Tinggi
19	Memahami cara-cara bertaubat dan menghayatinya	4.57	0.73	Tinggi
KESELURUHAN		3.52	0.36	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.27 di atas, didapati secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Skor tertinggi adalah bagi item memahami cara-cara bertaubat dan menghayatinya iaitu pada skor min 4.57 (S.P=0.73), manakala skor min terendah pula

adalah pada item memahami pengertian ayat-ayat al-Quran yang dipelajari terjemahannya iaitu pada skor min 2.39 (S.P=1.06). Secara keseluruhannya pula skor min adalah 3.52 (S.P=0.36) iaitu berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan tahap keberkesanan KPI terhadap pelajar berada pada tahap sederhana.

Melalui dapatan temu bual mengenai keberkesanan pelaksanaan KPI terhadap pelajar dapat dilihat seperti mana hasil temu bual ke atas 7 orang pelajar berikut;

“Ha..yang paling berkesan masa belajar bab dosa besar, baru saya tahu ada banyak dosa besar dalam Islam ni, contoh menderhaka ibu bapa, saya tak tahu sebelum ni menjawab cakap ibu tu berdosa besar. Kalau mereka suruh kita tak boleh lawan cakap mereka walaupun dengan perkataan ah.. apalagi kalau kita hina ibu bapa kita. Jadi sejak belajar subjek agama ni saya mula rasa diri saya banyak berdosa dengan ibu bapa kerana selalu menipu mak balik lewat kalau pergi keluar. Cakap pergi belajar tapi keluar pergi main-main dengan kawan-kawan” (P1-12/6, 54-61)

“Eerm aspek keberkesanan yang paling saya suka adalah aspek dari segi bahagian tamadun Islam kerana kalau kita lihat ia ada berkaitan dengan sirah Rasulullah, sahabat-sahabat jadi ia memberi kesan lah mendalam pada diri saya..” (P2-6/7, 36-39)

“Pada pendapat saya, dari bidang akhlak contohnya, saya dapat belajar bagaimana untuk menjadi pelajar yang baik dan anak soleh serta mengikut syariat yang ditentukan oleh Islam” (P3-6/7, 25-27)

“Bagi saya aspek yang banyak membantu saya adalah akhlak dan ulum syariah, sebabnya macam saya kata tadi lah, akhlak dapat mengubah hidup saya menjadi seorang lebih baik, ulum syariah ni banyak menekankan mengenai hukum seperti berpuasa solat, jadi banyak mengajar saya untuk mengamalkan segala ilmu tu dengan lebih baik lah..” (P4-7/7, 44-49)

“Aspek terkesan mempelajari PI saya dapat membaca Al-Quran dengan lebih baik, tetapi saya amat susah untuk mengingati hadis-hadis dan hukum hakam dalam isi pelajaran, ayah saya pernah memuji saya apabila saya membaca al-Quran dengan baik ketika berada di rumah” (P5-7/7, 33-37)

“Bagi saya, antara aspek-aspek keberkesanan PI terhadap diri saya sendiri contohnya ia banyak memberikan kita tarbiyah mendidik jiwa kita untuk menjadi seorang yang lebih baik, tak kisah lah dari segi aspek tilawah ke, ulum syariah ke, akhlak ke contohnya, kalau dalam tilawah kita dapat belajar mengaji membaca al-Quran dengan lebih baik, kalau dari segi ulum syariah pula bab fikah lah contohnya kita dapat mengetahui bab-

bab hukum yang sepatutnya kita pelajari dan bab akhlak ni ia dapat membentuk kita menjadi seorang insan yang lebih baik” (P6-7/7, 39-47)

“Aspek-aspek keberkesanan PI terhadap diri saya contohnya dalam bidang ulum syariah di mana ia menekankan kepada keyakinan kita kepada Allah SWT. (P7-11/7, 35-37)

Hasil temu bual ketujuh orang pelajar di atas menyatakan bahawa pelaksanaan KPI ini telah banyak memberi kesan kepada mereka terutama dalam bidang tilawah al-Quran dan Hadis, Ulum Syar’iyah iaitu sirah Nabawiyah dan adab dan akhlak. Dapatan temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian di mana hanya bidang Ulum Syar’iyah dan bidang akhlak Islamiah sahaja berada pada tahap yang tinggi. Manakala bidang-bidang lain seperti tilawah dan ibadat berada pada tahap sederhana.

d. Tahap kemampanan pelaksanaan KPI kepada pelajar

Bahagian ini mengandungi 7 item soalan yang berkaitan dengan dimensi produk Kemampanan berdasarkan soal selidik pelajar bagi mendapatkan maklum balas responden. Hasil analisis tahap kemampanan pelajar dalam aspek yang dikaji adalah seperti dalam Jadual 4.28 di bawah:

Jadual 4.28 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kemampanan Pembentukan Sikap Positif Pelajar

Bil	Kemampanan Pembentukan Sikap Positif Pelajar	Min	S.P	Tahap
1	Pelaksanaan PI menerapkan nilai-nilai murni kepada saya	4.90	0.53	Tinggi
2	Pelaksanaan PI mendorong saya menjaga sahsiah diri saya	4.55	0.72	Tinggi
3	Pelaksanaan PI membantu penyesuaian diri antara individu Islam dan bukan Islam	4.52	0.87	Tinggi

Sambungan

4	Melalui PI saya memahami pentingnya melakukan ibadah di samping akidah yang mantap	4.09	0.98	Tinggi
5	Saya boleh merasakan perubahan tingkah laku saya apabila mempelajari PI	4.62	0.66	Tinggi
6	PI mengubah minda saya menjadi positif	4.03	0.94	Tinggi
7	Saya menjadi tenang apabila mempelajari PI	4.11	0.96	Tinggi
KESELURUHAN		4.40	0.39	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.28 di atas, didapati secara keseluruhannya semua item berada pada tahap tinggi. Skor tertinggi adalah bagi item pelaksanaan KPI menerapkan nilai- nilai murni kepada pelajar dengan skor min 4.90 (S.P=0.53). Manakala skor min terendah pula adalah pada item PI mengubah minda saya menjadi positif iaitu pada skor min 4.03 (S.P=0.94). Secara keseluruhannya pula skor min adalah 4.40 (S.P=0.39) iaitu berada pada tahap tinggi.

Melalui dapatan temu bual mengenai kemampunan pembentukan sikap positif pelajar dapat dilihat seperti mana hasil temu bual ke atas 7 orang pelajar berikut;

“Ermm seperti yang saya bagi tau sebelum ini, subjek agama ni banyak mengajar saya erti hidup, tentang dosa pahala, melawan cakap ibu bapa dan lain-lain. Sejak saya sedar belajar agama ni penting ia dapat mengubah hidup saya jadi baik. Kalau dulu saya tak tahu buat benda jahat tu berdosa, jadi sekarang dah tahu lah. Dulu saya selalu ikut-ikut kawan hisap rokok tapi sekarang dah ok (kurang hisap rokok)” (P1-12/6, 65-70)

“Ye, dengan mempelajari PI saya dapat merasa sedikit perubahan, sedikit demi sedikit perubahan diri saya contohnya dari segi tamadun Islam sirah itu sendiri, bila saya tahu kisah-kisah para sahabat, apa yang dia sumbangkan dalam Islam, saya rasa Islam itu sangat indah, sangat hebat..” (P2-6/7, 43-47)

“Saya berpendapat melalui pembelajaran PI dapat mengubah diri saya memiliki sikap yang baik kerana melalui bidang yang dipelajari iaitu tokoh dapat saya terapkan untuk menjadi pimpinan Islam yang baik” (P3-6/7, 31-34)

“Ermmm dengan mempelajari PI, yer dapat mengubah saya menjadi sikap lebih baik sebabnya dalam setiap topik pengajaran PI tu sendiri sebenarnya ada menekankan nilai dan pengajaran bagi setiap akhir setiap topik tu.. jadi saya boleh mengambil point-point yang diberikan tu untuk saya amalkan dalam hidup saya lah..” (P4-7/7, 53-57)

“Saya rasa dengan mempelajari PI ia dapat membentuk saya menjadi seseorang yang soleh kerana apabila kita belajar PI bersungguh-sungguh sudah tentu kita akan menjadi seorang yang baik kerana isi PI adalah untuk kebaikan semua orang” (P5-7/7 (40-43)

“Dengan mempelajari PI secara tidak langsung dapat mengubah diri kita memiliki sikap yang lebih baik kerana kita belajar PI seolah-olah untuk membina diri ke arah lebih baik, contohnya aspek penerapan nilai murni kita menghormati guru, ibu bapa dari segi akhlaknya berakhlak yang baik dengan sahabat-sahabat, dari segi ibadat pula kita sendiri cuba untuk menambahkan ibadah-ibadah kita di samping ibadah khusus dan ibadah umum” (P6-7/7, 50-57)

“Dengan mempelajari PI ia dapat mengubah diri saya memiliki sikap yang baik kerana dalam PI sebagaimana yang kita tahu bahawa ia sedikit sebanyak mengajar kita akhlak yang baik dan sikap positif yang mana ia memberi kita gambaran mengenai untuk menjadi Muslim yang beriman” (P7-11/7, 40-44)

Secara keseluruhannya, hasil dapatan temu bual ke atas 7 orang pelajar menyatakan bahawa dengan mempelajari PI dapat membentuk ke arah sikap positif kerana dalam mata pelajaran PI mengandungi nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh pelajar terutama bidang akhlak Islamiah yang menerapkan nilai-nilai murni dalam kandungannya. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian di mana secara keseluruhan pelajar bersetuju bahawa tahap kemampanan pembentukan sikap positif pelajar berada pada tahap yang tinggi.

e. Tahap kebolehpindahan pelaksanaan KPI kepada pelajar

Bahagian ini mengandungi 14 item soalan bagi menjawab persoalan kajian ini berdasarkan soal selidik pelajar. Jadual 4.29 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap dimensi produk kebolehpindahan adalah seperti berikut:

Jadual 4.29 Skor Min dan Sisihan Piawai bagi tahap Kebolehpindahan Pelajar

Bil	Kebolehpindahan Kurikulum Pendidikan Islam	Min	S.P	Tahap
1	Saya mengamalkan nilai-nilai murni yang diterapkan melalui pembelajaran PI	4.06	0.92	Tinggi
2	Saya berkongsi nilai murni yang diterapkan semasa mempelajari PI dengan orang di sekeliling saya	3.60	0.95	Sederhana
3	Pembelajaran PI telah menjadi dorongan kepada saya untuk menjaga sahsiah rupa diri saya	4.14	1.13	Tinggi
4	Pembelajaran PI membantu saya dalam membaca ayat al-Quran dengan betul dan bertajwid	3.66	0.89	Sederhana
5	Pembelajaran PI membantu saya dalam memahami ayat al-Quran dengan betul	3.54	1.33	Sederhana
6	Pembelajaran PI membantu saya bacaan ayat-ayat dalam solat saya dengan betul dan tartil	4.43	0.96	Tinggi
7	Pembelajaran PI membantu saya dalam memahami hadis-hadis dengan baik	3.66	1.37	Sederhana
8	Pembelajaran PI membantu memantapkan akidah saya dengan betul	4.47	0.95	Tinggi
9	Pembelajaran PI membantu saya dalam menjalani ibadat dengan cara yang betul	4.13	1.15	Tinggi
10	Melalui pembelajaran sirah Nabawiyah saya dapat mengenali dan mencontohi tokoh-tokoh Islam	4.89	0.55	Tinggi
11	Saya mengalami perubahan tingkah laku setelah mempelajari PI di sekolah saya	4.51	0.86	Tinggi
12	Pembelajaran PI benar-benar membantu saya dalam menjalani kehidupan di dunia	3.74	1.25	Tinggi
13	Pembelajaran PI membantu saya dalam mengenal perbuatan yang di larang dan di suruh oleh Allah	4.53	0.86	Tinggi
14	Saya menganggap setiap pekerjaan itu adalah ibadah jika dengan niat yang ikhlas	3.92	1.06	Tinggi
KESELURUHAN		4.09	0.36	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4.29 di atas, didapati hampir keseluruhan item berada pada tahap tinggi kecuali 4 item berada pada tahap sederhana. Skor tertinggi adalah bagi item melalui pembelajaran sirah Nabawiyah pelajar dapat mengenali dan mencontohi tokoh-tokoh Islam iaitu pada skor min 4.89 (S.P=0.55), manakala skor min terendah pula adalah pada item pembelajaran PI membantu pelajar dalam memahami ayat al-Quran dengan betul iaitu skor min 3.54

(S.P=1.33). Secara keseluruhannya pula skor min adalah 4.09 (S.P=0.36) iaitu berada pada tahap tinggi.

Melalui dapatan temu bual mengenai kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar dapat dilihat seperti mana hasil temu bual ke atas 7 orang pelajar seperti mana berikut;

“Ye.. belajar PI ni ia membawa kita ke arah kebaikan. Dengan semakin mendalam saya belajar Islam, makin banyak pulak perkara yang saya tak tahu sebelum ni saya jadi tahu. Dosa pahala, halal haram dan lain-lain” (P1-12/6, 89-92)

“Dengan mempelajari PI, saya rasa hidup saya lebih ke arah kesempurnaan, contohnya saya belajar dengan ibu bapa, dengan masyarakat, dengan rakan-rakan, akhlak macamana saya perlu letakkan dengan dalam diri saya ketika saya berhadapan dengan diaorang lah contohnya. (P2-6/7, 59-63)

“Ye.. dengan mempelajari PI dapat membantu saya menjalani kehidupan ini dengan baik kerana PI ini bersifat syumul dan meliputi seluruh aspek kehidupan di dunia dan akhirat” (P3-6/7, 43-44)

“Ok secara over all, ye dia dapat membantu saya menjalani kehidupan dengan baik tapi saya rasa walaupun banyak membantu saya tapi saya perlu banyak lagi mempelajarinya sebab banyak lagi kan ilmu-ilmu yang saya kurang mendalami” (P4-7/7, 68-71)

“Erm pada pendapat saya dengan mempelajari PI ia amat membantu saya untuk menjalani kehidupan ini dengan baik daripada sebelumnya” (P5-7/7, 53-55)

“Bagi saya dengan mempelajari PI ini sememangnya ia dapat membantu kita menjalani kehidupan dengan lebih baik dalam segenap aspek kehidupan, contohnya kita belajar fasal akidah ia lebih menuntut kita mempelajari tentang aspek-aspek kebesaran Allah ketuhanan semuanya lah.. contohnya dari segi akhlak tu kita berusaha menjadi seorang anak yang baik, seorang murid yang menghormati guru dan sebagainya lah..” (P6-7/7, 66-72)

“Dengan mempelajari PI ia dapat membantu saya dalam menjalani kehidupan ini lebih baik kerana ia mengajar saya suatu yang membawa kita ke jalan yang lurus” (P7-11/7, 52-54)

Secara keseluruhannya, hasil dapatan temu bual ke atas tujuh orang pelajar menyatakan bahawa dengan mempelajari PI dapat membantu menjalani kehidupan mereka dengan baik. Ini menunjukkan dengan mempelajari PI mereka dapat mengamalkan dan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan kualitatif temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif kajian di mana secara keseluruhan pelajar bersetuju bahawa tahap kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar berada pada tahap yang tinggi.

4.4 Rumusan Dapatan Kajian Analisis Deskriptif

Berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif, keseluruhannya dapat dirumuskan seperti yang terdapat dalam Jadual 4.30 berikut.

Jadual 4.30 Rumusan dapatan deskriptif bagi setiap Pemboleh Ubah Kajian berdasarkan Konteks, Input, Proses dan Produk pelaksanaan KPI

Dimensi	Skor Min	S.P.	Tahap
Konteks (Guru)			
Kesesuaian KPI dengan FPK	3.85	0.48	Tinggi
Kesesuaian KPI dengan FPI	4.02	0.42	Tinggi
Kesesuaian KPI dengan Matlamat PI	3.86	0.47	Tinggi
Kesesuaian KPI dengan Objektif PI	3.92	0.39	Tinggi
Input (Guru)			
Kemudahan PSS	4.08	0.40	Tinggi
Kemudahan Bilik Darjah	3.92	0.48	Tinggi
Kemudahan AAV	3.78	0.55	Tinggi
Kemudahan Buku Teks	3.99	0.42	Tinggi
Peruntukan Jadual Waktu	4.18	0.41	Tinggi
Pengetahuan Asas Pendidikan	3.34	0.48	Sederhana
Pengetahuan Pedagogi	3.54	0.40	Sederhana
Pengetahuan Pendidikan Islam	4.06	0.30	Tinggi
Keupayaan Menggunakan AAV	3.28	0.55	Sederhana
Keyakinan Diri GPI	3.64	0.30	Sederhana
<i>Sambungan</i>			

Proses (Guru)			
Proses PdP KPI	3.94	0.37	Tinggi
Penggunaan BBM	3.51	0.32	Sederhana
Proses Pemantauan KPI	4.02	0.27	Tinggi
Proses Penilaian KPI	4.00	0.34	Tinggi
Hubungan Guru dengan Pelajar	3.80	0.42	Tinggi
Kerjasama Guru dengan Pihak Pentadbir	3.11	0.50	Sederhana
Produk (Pelajar)			
Kepuasan Pelajar	4.17	0.87	Tinggi
Minat Pelajar	4.55	0.54	Tinggi
Impak Pelaksanaan KPI	4.45	0.41	Tinggi
Keberkesanan KPI	3.52	0.36	Sederhana
Kemampuan Pembentukan Sikap Positif Pelajar	4.40	0.39	Tinggi
Kebolehpindahan KPI	4.09	0.36	Tinggi

(N=300) = Guru, (N=400) = pelajar. S.P.= Sisihan piawai

4.5 Ujian Normaliti

Sebelum menjalankan pengujian hipotesis, pengujian pensyaran penggunaan statistik inferensi iaitu ujian normaliti ke atas taburan data. Keputusan normaliti taburan data dengan menggunakan kaedah Z-test (*Kolmogorov- Smirnov Test*) dapat dilihat pada Jadual 4.31 di bawah.

Jadual 4.31 Keputusan Ujian Normaliti Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh ubah	Z	Sig.	Interpretasi
<u>Konteks</u>			
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	0.144	0.836	T.S
Falsafah Pendidikan Islam	0.159	0.883	T.S
Matlamat Pendidikan Islam	0.156	0.802	T.S
Objektif Pendidikan Islam	0.114	0.764	T.S
<u>Input</u>			
PSS	0.146	0.500	T.S
Bilik Darjah	0.123	0.636	T.S
AAV	0.106	0.736	T.S

Sambungan

Buku Teks	0.122	0.983	T.S
Peruntukan Jadual waktu	0.178	0.978	T.S
Pengetahuan Asas Pendidikan	0.105	0.544	T.S
Pengetahuan Pedagogi	0.113	0.759	T.S
Pengetahuan Pendidikan Islam	0.094	0.456	T.S
Keupayaan menggunakan AAV	0.136	0.514	T.S
Keyakinan diri	0.183	0.961	T.S
<u>Proses</u>			
Pelaksanaan PdP	0.102	0.727	T.S
Penggunaan BBM	0.164	0.966	T.S
Pelaksanaan pemantauan	0.100	0.322	T.S
Pelaksanaan penilaian	0.136	0.374	T.S
Hubungan guru dengan pelajar	0.146	0.664	T.S
Hubungan guru dengan pihak pentadbir	0.132	0.979	T.S
<u>Produk</u>			
Impak KPI	0.165	0.961	T.S
Keberkesanan KPI	0.048	0.927	T.S
Kemampuan KPI	0.124	0.971	T.S
Kebolehpindahan	0.083	0.979	T.S

Petunjuk:

S = Signifikan ($p < .05$)

T.S = Tidak signifikan ($p > .05$)

Keputusan ujian normaliti dengan menggunakan kaedah Z-test (*Kolmogorov-Smirnov Test*) dalam Jadual 4.31 di atas menunjukkan data bertaburan normal kerana ujian tidak signifikan iaitu aras signifikan $> .05$ (Chua, 2011). Oleh itu, data kajian ini adalah bertaburan normal. Ini bermakna bahawa taburan data adalah memenuhi pensyaran pengujian hipotesis untuk generalisasi atau melakukan rumusan.

4.6 Dapatan Inferensi (Pengujian Hipotesis Ho1 hingga Ho5)

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, Matlamat dan Objektif PI dari dimensi konteks.

Ujian MANOVA digunakan untuk melihat perbezaan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI dari dimensi konteks. Ujian MANOVA digunakan kerana ia melibatkan lebih daripada satu pemboleh ubah bersandar dan mengandungi lebih dua kategori data yang bebas antara satu sama lain (Chua, 2011). Sebelum menjalankan ujian MANOVA, beberapa syarat telah dipenuhi iaitu persampelan secara rawak (Field, 2000), saiz sel yang sesuai, taburan normal univariat dan multivariat, ketiadaan data terpencil dan ketiadaan masalah multikolinearan dan singularity (Coakes & Steed, 2001; Hair et al., 2006; Pallant, 2005; Tabachnick & Fidell 2001), pemboleh ubah bersandar diukur dalam skala selang atau nisbah dan pemboleh ubah bebas mempunyai sekurang-kurangnya dua kumpulan data bebas (Chua, 2011).

Jadual 4.32 Statistik deskriptif bagi FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI Mengikut kategori Bandar dan Luar Bandar

Pemboleh ubah bersandar	Kategori	Min	S.P	N
FPK	Bandar	3.9000	.47150	150
	Luar Bandar	3.8050	.49228	150
	Jumlah	3.8525	.48354	300
FPI	Bandar	4.1167	.35553	150
	Luar Bandar	3.9367	.46178	150
	Jumlah	4.0267	.42117	300
Matlamat KPI	Bandar	3.8156	.48318	150
	Luar Bandar	3.9044	.45749	150
	Jumlah	3.8600	.47183	300
Objektif KPI	Bandar	3.9570	.33785	150
	Luar Bandar	3.8919	.43501	150
	Jumlah	3.9244	.39019	300

S.P = Sisihan Piawai

Jadual 4.32 di atas menunjukkan bahawa nilai min bagi FPI, FPK dan objektif KPI kategori bandar mengatasi kategori luar bandar (min FPI: bandar = 4.12, luar bandar = 3.93; min FPK: bandar = 3.90, luar bandar = 3.81; min objektif KPI: bandar = 3.96, luar bandar = 3.89). Walau bagaimanapun, nilai min matlamat KPI pula bagi kategori luar bandar mengatasi min bandar (min matlamat KPI: luar bandar = 3.90, bandar = 3.82). Ujian *Box's M* juga dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan varian-kovarian. Jadual 4.33 di bawah menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 4.33 Ujian Box's Equality of Covariance Matrices(a)

Box's M	Nilai F	Df1	Df2	Sig.
31.655	3.120	10	424560.956	0.001

$P < .005$

Jadual 4.33 di atas menunjukkan keputusan Ujian *Box's M* yang signifikan iaitu $p < .001$. Ini menunjukkan bahawa data memesong daripada salah satu syarat kesamaan kovarians. Berdasarkan Jadual 4.44, didapati terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas, ($F = 3.120$, $p = 0.001$). Dalam kajian ini, saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar / sampel terkecil < 1.5), dengan itu hipotesis di atas boleh diuji menggunakan ujian MANOVA kerana kesilapan jenis 1 (*Type 1 error*) adalah sangat kecil.

Seterusnya, ujian Levene (*Levene's Test of Equality of Error Variances*) dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji.

Apabila nilai signifikan yang diperoleh kurang daripada 0.05 ($p < .05$), maka ia menunjukkan terdapatnya perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar berkenaan. Sebaliknya, jika nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$), maka nilai itu menunjukkan tidak terdapat perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar yang diuji (Field, 2000; Hair et al., 2006).

Jadual 4.34 Keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances

Konteks	Nilai F	D.K 1	D.K 2	Sig
FPK	.143	1	298	.706
FPI	18.00	1	298	.000
Matlamat KPI	1.301	1	298	.255
Objektif KPI	15.17	1	298	.000

*Sig. pada aras 0.05

Jadual 4.34 di atas menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap keempat pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada *varians* bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama. Keputusan ujian menunjukkan bahawa dua daripada empat pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang signifikan pada $p < .05$ iaitu FPI $p < .00$ dan objektif KPI $p < .00$ (Ujian kesamaan *varians* ini diperlukan dalam prosedur analisis *Stepdown*. Oleh sebab analisis data ujian MANOVA ini menggunakan prosedur analisis *Enter*, maka analisis boleh diteruskan).

Dalam analisis MANOVA terdapat beberapa jenis ujian statistik yang boleh digunakan. Antaranya ialah *Pillai's Trace*, *Wilk's Lambda*, *Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Ujian-ujian ini biasanya digunakan bagi melihat perbezaan *multivariate* antara kumpulan. Kebiasaannya, statistik *Pillai's Trace* digunakan apabila melibatkan sampel yang kecil dan tidak sama kerana ujian tersebut lebih bertenaga. Manakala ujian *Wilk's Lambda* pula adalah lebih sesuai untuk sampel yang berjumlah besar dan untuk tujuan generalisasi (Tabachnick & Fidell, 2001; Hair et al., 2006). Dalam kajian ini penyelidik menggunakan ujian *Wilk's Lambda* kerana ujian ini telah banyak digunakan dalam kajian-kajian sains sosial (Green et al., 1997). Keputusan ujian *Wilk's Lambda* dapat dilihat pada Jadual 4.35 berikut.

Jadual 4.35 Analisis MANOVA bagi Perbezaan Kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI antara GPI Bandar dan Luar Bandar (Multivariate Test)

Kategori	Nilai Wilk's Lambda (λ)	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Tahap sig *
Bandar dan Luar Bandar	0.919	6.526	4	295	0.000

* $p < .05$

Berdasarkan Jadual 4.35 di atas, nilai yang diperoleh daripada ujian Multivariat menunjukkan bahawa ada kesan utama pemboleh ubah bebas kategori bandar dan luar bandar yang signifikan adalah *Wilk's Lambda* = 0.919, $F = 6.526$ dan $\text{Sig.} = 0.000$ ($p < .05$) [$F(4,295) = 6.53, p < .05$] terhadap keempat-empat pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan. Dengan itu hipotesis pertama ($H_{0.1}$) ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI dari dimensi konteks. Hasil ujian

multivariat ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai pada pemboleh-pemboleh ubah bersandar FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI dari dimensi konteks.

Jadual 4.36 Ujian Kesan Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)

Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	Nilai F	Sig.
FPK	.677	1	.677	2.913	.089
FPI	2.430	1	2.430	14.309	.000
MAT	.593	1	.593	2.677	.103
OBJ	.319	1	.319	2.101	.148

a R Squared = .010 (Adjusted R Squared = .006)

b R Squared = .046 (Adjusted R Squared = .043)

c R Squared = .009 (Adjusted R Squared = .006)


d R Squared = .007 (Adjusted R Squared = .004)

Keputusan analisis dalam Jadual 4.35 *Multivariate Test* sebelum ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan ada kesan utama kategori terhadap keempat-empat pemboleh ubah bersandar, maka kesan utama bagi setiap pemboleh ubah bersandar boleh dikenal pasti dalam Jadual 4.36. Keputusan ujian MANOVA dalam Jadual 4.47 menunjukkan bahawa ada kesan utama kategori terhadap satu pemboleh ubah bersandar dalam kajian iaitu FPI. Keputusan analisis menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat kesesuaian antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI mengikut kehendak FPI [$F(1,298)=14.30$, $p<.05$]. Hasil kajian di atas menunjukkan bahawa terdapat kesesuaian antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI mengikut kehendak FPK, matlamat dan objektif KPI. Nilai R^2 di bawah Jadual 4.36 menunjukkan bahawa kategori hanya menyumbangkan sebanyak .43 atau 4.3 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar FPI. Bagi FPK, kategori hanya menyumbangkan sebanyak.10 atau 1.0 peratus,

matlamat KPI kategori hanya menyumbangkan sebanyak .06 atau 0.6 peratus dan objektif KPI kategori hanya menyumbangkan sebanyak .04 atau 0.4 peratus.

Jadual 4.37 Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah Bersandar	Kategori	Min	Std. Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
FPK	Bandar	3.900	.039	3.823	3.977
	Luar Bandar	3.805	.039	3.728	3.882
FPI	Bandar	4.117	.034	4.050	4.183
	Luar Bandar	3.937	.034	3.870	4.003
MAT	Bandar	3.816	.038	3.740	3.891
	Luar Bandar	3.904	.038	3.829	3.980
OBJ	Bandar	3.957	.032	3.894	4.020
	Luar Bandar	3.892	.032	3.829	3.954



Rajah 4.1 Graf Kesan Interaksi Antara Kategori Bandar Dan Luar Bandar Terhadap FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI

Jadual 4.37 menunjukkan nilai min bagi kategori bandar dan luar bandar merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk Jadual 4.37 di atas, didapati bahawa kategori bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan kesesuaian KPI mengikut kehendak FPI (skor min: bandar = 4.117, luar bandar = 3.937), mengikut kehendak FPK

(skor min: bandar = 3.900, luar bandar = 3.805), mengikut objektif PI (skor min: bandar = 3.957, luar bandar = 3.892). Walau bagaimanapun, kategori luar bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan kesesuaian KPI mengikut kehendak matlamat PI (skor min: luar bandar = 3.904, bandar = 3.816). Perbezaan ini jelas ditunjukkan oleh bentuk graf garisan dalam Rajah 4.1 di atas.

Graf garisan dalam Rajah 4.1 di atas jelas menunjukkan bahawa nilai min bagi kategori bandar lebih tinggi berbanding dengan kategori luar bandar bagi kesesuaian KPI mengikut kehendak FPI, FPK dan objektif PI (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang curam). Walau bagaimanapun, kategori luar bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan kesesuaian KPI mengikut kehendak matlamat PI (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang curam).

Secara keseluruhan, keputusan Ujian *multivariate Wilk's Lambda* menunjukkan bahawa ada kesan utama pemboleh ubah bebas kategori bandar dan luar bandar yang signifikan adalah *Wilk's Lambda* = 0.919, $F = 6.526$ dan $\text{Sig.} = 0.000$ ($p < .05$) [$F(4,295) = 6.53$, $p < .05$] terhadap keempat-empat pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan keputusan analisis ini, penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan bahawa secara keseluruhan Terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI dari dimensi konteks.

Dengan merujuk pada nilai min bagi setiap pemboleh ubah bersandar merentasi kategori bandar dan luar bandar, didapati bahawa kategori bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan kesesuaian KPI mengikut kehendak FPI (skor min: bandar = 4.117, luar bandar = 3.937), mengikut kehendak FPK (skor min: bandar = 3.900, luar bandar = 3.805), mengikut objektif PI (skor min: bandar = 3.957, luar bandar = 3.892) berbanding dengan kategori luar bandar. Walau bagaimanapun, faktor kategori hanya menyumbangkan sebanyak .43 atau 4.3 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar FPI. Bagi FPK, faktor kategori hanya menyumbangkan sebanyak .10 atau 1.0 peratus, matlamat KPI faktor kategori hanya menyumbangkan sebanyak .06 atau 0.6 peratus dan objektif KPI faktor kategori hanya menyumbangkan sebanyak .04 atau 0.4 peratus.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input.

Ujian MANOVA perlu digunakan untuk melihat perbezaan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pelaksanaan KPI dari aspek kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input. Ujian MANOVA digunakan kerana ia melibatkan lebih daripada satu pemboleh ubah bersandar dan mengandungi lebih dua kategori data yang bebas antara satu sama lain (Chua, 2011).

Jadual 4.38 Statistik Deskriptif bagi PSS, BD, AAV, Buku Teks, Masa, Guna AAV dan Keyakinan Guru Mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar

Pemboleh ubah bersandar	Kategori	Min	S.P	N
PSS	Bandar	4.1283	.43997	150
	Luar Bandar	4.0467	.35872	150
	Jumlah	4.0875	.40281	300
Bilik Darjah	Bandar	3.9633	.43772	150
	Luar Bandar	3.8900	.52255	150
	Jumlah	3.9267	.48260	300
AAV	Bandar	3.8300	.52880	150
	Luar Bandar	3.7350	.58736	150
	Jumlah	3.7825	.55994	300
Buku Teks	Bandar	4.0227	.41614	150
	Luar Bandar	3.9653	.43210	150
	Jumlah	3.9940	.42446	300
Peruntukan Masa	Bandar	4.2200	.36603	150
	Luar Bandar	4.1422	.44762	150
	Jumlah	4.1811	.41004	300
Keupayaan guna AAV	Bandar	3.2947	.56933	150
	Luar Bandar	3.2707	.53402	150
	Jumlah	3.2827	.55116	300
Keyakinan Diri	Bandar	3.6520	.29531	150
	Luar Bandar	3.6387	.31998	150
	Jumlah	3.6453	.30745	300

S.P = Sisihan Piawai

Maklumat dalam Jadual 4.38 di atas menunjukkan bahawa nilai min bagi kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan peruntukan masa, kategori sekolah bandar mengatasi kategori luar bandar (min PSS: bandar = 4.12, luar bandar = 4.05; min bilik darjah: bandar = 3.96, luar bandar = 3.89; min AAV: bandar = 3.83, luar bandar = 3.73; buku teks: bandar = 4.02, luar bandar = 3.96; peruntukan masa: bandar = 4.22, luar bandar = 4.14). Walau bagaimanapun, nilai min keupayaan menggunakan AAV, kategori luar bandar mengatasi min bandar (min keupayaan menggunakan AAV: luar bandar =

3.29, bandar = 3.27) dan keyakinan diri pula bagi kedua-dua kategori bandar dan luar bandar menunjukkan hampir sama iaitu min bandar: 3.65 dan min luar bandar: 3.64.

Ujian *Box's M* telah dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan varian-kovarian. Jadual 4.39 di bawah menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 4.39 *Ujian Box's Equality of Covariance Matrices(a)*

Box's M	Nilai F	Df1	Df2	Sig.
75.462	2.628	28	309444.065	.000

$P < .005$

Jadual 4.39 di atas menunjukkan keputusan Ujian *Box's M* yang signifikan iaitu $p < .000$. Ini menunjukkan bahawa data memesong daripada salah satu syarat kesamaan kovarians. Berdasarkan Jadual 4.39 di atas, menunjukkan terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas, ($F = 2.628$, $p = 0.000$). Dalam kajian ini, saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar / sampel terkecil < 1.5), dengan itu hipotesis di atas boleh diuji menggunakan ujian MANOVA kerana kesilapan jenis 1 (*Type 1 error*) adalah sangat kecil.

Ujian Levene (*Levene's Test of Equality of Error Variances*) juga telah dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Apabila nilai signifikan yang diperoleh kurang daripada 0.05 ($p < .05$), maka ia

menunjukkan terdapatnya perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar berkenaan. Sebaliknya, jika nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$), maka nilai itu menunjukkan tidak terdapat perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar yang diuji (Field, 2000; Hair et al., 2006).

Jadual 4.40 Keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances

Input	Nilai F	D.K 1	D.K 2	Sig.
PSS	9.982	1	298	.002
Bilik Darjah	13.098	1	298	.000
AAV	1.476	1	298	.225
Buku Teks	3.589	1	298	.059
Peruntukan Masa	14.420	1	298	.000
Keupayaan Guna AAV	.612	1	298	.435
Keyakinan diri	.038	1	298	.846

*Sig. pada aras 0.05

Keputusan ujian *Levene* dalam Jadual 4.40 di atas menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap ketujuh pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada *varians* bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tiga daripada tujuh pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang signifikan pada $p < .05$ iaitu kemudahan PSS $p < .002$, bilik darjah $p < .000$ dan peruntukan masa $p < .00$ (Ujian kesamaan *varians* ini diperlukan dalam prosedur analisis *Stepdown*. Oleh sebab analisis data ujian MANOVA ini menggunakan prosedur analisis *Enter*, maka analisis boleh diteruskan).

Jadual 4.41 Analisis MANOVA bagi perbezaan Kemudahan PSS, Bilik Darjah, AAV, Buku Teks, Peruntukan Masa, Keupayaan AAV dan Keyakinan Diri antara Kategori Bandar dan Luar Bandar (Multivariate Test)

Kategori	Nilai Wilk's Lambda (λ)	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Tahap sig *
Bandar dan luar bandar	0.982	.757	7	292	0.624

*p<.05

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan ujian *Wilk's Lambda* kerana ujian ini telah banyak digunakan dalam kajian-kajian sains sosial (Green et al., 1997). Keputusan ujian *Multivariate Test Wilk's Lambda* dalam Jadual 4.41 di atas menunjukkan bahawa tidak ada kesan utama pemboleh ubah bebas kategori bandar dan luar bandar yang signifikan adalah *Wilk's Lambda* = 0.982, F = .757 dan Sig. = 0.624 ($p < .05$) [$F(7, 292) = .757, p > .05$] terhadap ketujuh-tujuh pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan. Dengan itu hipotesis kedua (H_0 : 2) diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input. Hasil ujian multivariat ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pemboleh-pemboleh ubah bersandar kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input.

Jadual 4.42 Ujian Kesan antara subjek (Tests of Between-Subjects Effects)


Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	Nilai F	Sig.
PSS	.500	1	.500	3.104	.079
Bilik Darjah	.403	1	.403	1.736	.189
AAV	.677	1	.677	2.167	.142
Buku Teks	.247	1	.247	1.370	.243
Peruntukan Masa	.454	1	.454	2.714	.101
Keupayaan Guna AAV	.043	1	.043	.142	.707
Keyakinan diri	.013	1	.013	.141	.708

- a R Squared = .010 (Adjusted R Squared = .007)
b R Squared = .006 (Adjusted R Squared = .002)
c R Squared = .007 (Adjusted R Squared = .004)
d R Squared = .005 (Adjusted R Squared = .001)
e R Squared = .009 (Adjusted R Squared = .006)
f R Squared = .000 (Adjusted R Squared = -.003)

Keputusan analisis dalam Jadual 4.41 *Multivariate Test* sebelum ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan tidak ada kesan utama kategori terhadap ketujuh-tujuh pemboleh ubah bersandar, maka Jadual 4.42 di atas menunjukkan tiada kesan bagi setiap pemboleh ubah bersandar di mana semua pemboleh ubah bersandar menunjukkan aras signifikan $p > .005$. Nilai R^2 di bawah Jadual 4.42 menunjukkan bahawa kategori hanya menyumbangkan sebanyak .010 atau 1.0 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar kemudahan PSS. Bagi bilik darjah, kategori hanya menyumbangkan sebanyak .006 atau 0.06 peratus, AAV kategori hanya menyumbangkan sebanyak .007 atau 0.07 peratus, buku teks kategori hanya menyumbangkan sebanyak .005 atau 0.05 peratus dan peruntukan masa kategori hanya menyumbangkan sebanyak .009 atau 0.09 peratus.

Jadual 4.43 Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah Bersandar	Kategori	Min	Std. Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
PSS	Bandar	4.128	.033	4.064	4.193
	Luar Bandar	4.047	.033	3.982	4.111
Bilik Darjah	Bandar	3.963	.039	3.886	4.041
	Luar Bandar	3.890	.039	3.813	3.967
AAV	Bandar	3.830	.046	3.740	3.920
	Luar Bandar	3.735	.046	3.645	3.825
Buku Teks	Bandar	4.023	.035	3.955	4.091
	Luar Bandar	3.965	.035	3.897	4.033
Peruntukan Masa	Bandar	4.220	.033	4.154	4.286
	Luar Bandar	4.142	.033	4.077	4.208
Keupayaan Guna AAV	Bandar	3.295	.045	3.206	3.383
	Luar Bandar	3.271	.045	3.182	3.359
Keyakinan Diri	Bandar	3.652	.025	3.603	3.701
	Luar Bandar	3.639	.025	3.589	3.688



Rajah 4.2 Graf kesan antara kategori Bandar dan Luar Bandar terhadap PSS, Bilik Darjah, AAV, Buku Teks, Peruntukan Masa, Keupayaan Menggunakan AAV, Keyakinan Diri

Jadual 4.43 menunjukkan nilai min bagi kategori bandar dan luar bandar merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk Jadual 4.43 di atas, didapati bahawa kategori bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan perbezaan dengan kemudahan

PSS min: bandar = 4.128, luar bandar = 4.047, min bilik darjah: bandar = 3.96, luar bandar = 3.89; min AAV: bandar = 3.83, luar bandar = 3.73; buku teks: bandar = 4.02, luar bandar = 3.96; peruntukan masa: bandar = 4.22, luar bandar = 4.14). Walau bagaimanapun, nilai min keupayaan menggunakan AAV, kategori luar bandar mengatasi min bandar (min keupayaan menggunakan AAV: luar bandar = 3.29, bandar = 3.27) dan keyakinan diri pula bagi kedua-dua kategori bandar dan luar bandar menunjukkan hampir sama iaitu min bandar: 3.65 dan min luar bandar: 3.64. Perbezaan ini jelas ditunjukkan oleh bentuk graf garisan dalam Rajah 4.2 di atas.

Graf garisan dalam Rajah 4.2 di atas jelas menunjukkan bahawa nilai min bagi kategori bandar lebih tinggi berbanding dengan kategori luar bandar bagi kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan peruntukan masa (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang curam). Walau bagaimanapun, kategori luar bandar dalam populasi kajian lebih tinggi dalam keupayaan menggunakan AAV dan keyakinan diri menunjukkan hampir sama bandar dan luar bandar. (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang curam).

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pengetahuan GPI dari segi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input.

Ujian MANOVA perlu digunakan untuk melihat perbezaan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pengetahuan GPI dari segi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input. Ujian MANOVA

digunakan kerana ia melibatkan lebih daripada satu pemboleh ubah bersandar dan mengandungi lebih dua kategori data yang bebas antara satu sama lain (Chua, 2011).

Jadual 4.44 Statistik deskriptif bagi Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan PI mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar

Pengetahuan	Kategori	Min	S.P	N
Asas Pendidikan	Bandar	3.3722	.49660	150
	Luar Bandar	3.3122	.47271	150
	Jumlah	3.3422	.48492	300
Pedagogi	Bandar	3.5644	.39421	150
	Luar Bandar	3.5289	.40859	150
	Jumlah	3.5467	.40119	300
Pendidikan Islam	Bandar	4.0757	.30352	150
	Luar Bandar	4.0443	.30705	150
	Jumlah	4.0600	.30519	300

S.P = Sisihan Piawai

Maklumat dalam Jadual 4.44 di atas menunjukkan bahawa nilai min bagi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI, kategori sekolah bandar mengatasi kategori luar bandar (min pengetahuan asas pendidikan: bandar = 3.37, luar bandar = 3.31; min pedagogi: bandar = 3.56, luar bandar = 3.53 dan min pengetahuan PI: bandar = 4.07, luar bandar = 4.04).

Ujian *Box's M* telah dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan varian-kovarian. Jadual 4.45 di bawah menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 4.45 Ujian Box's M Equality of Covariance Matrices(a)

Box's M	Nilai F	Df1	Df2	Sig.
1.640	.270	6	643410.11	.951

P < .005

Jadual 4.45 di atas menunjukkan keputusan Ujian *Box's M* yang tidak signifikan iaitu ($F = .270$, $p = 0.951$). Ini menunjukkan bahawa data memesong daripada salah satu syarat kesamaan kovarians. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas. Dalam kajian ini, saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar/sampel terkecil < 1.5), dengan itu hipotesis di atas boleh diuji menggunakan ujian MANOVA kerana kesilapan jenis 1 (*Type 1 error*) adalah sangat kecil.

Ujian Levene (*Levene's Test of Equality of Error Variances*) dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Apabila nilai signifikan yang diperoleh kurang daripada 0.05 ($p < .05$), maka ia menunjukkan terdapatnya perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar berkenaan. Sebaliknya, jika nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$), maka nilai itu menunjukkan tidak terdapat perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar yang diuji (Field, 2000; Hair et al., 2006).

Jadual 4.46 Keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances

Input	Nilai F	D.K 1	D.K 2	Sig.
Asas Pendidikan	.302	1	298	.583
Pedagogi	.008	1	298	.929
Pendidikan Islam	.386	1	298	.535

*Sig. pada aras 0.05

Keputusan ujian *Levene* dalam Jadual 4.46 di atas menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap ketiga pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada *varians* bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama (Chua, 2011). Keputusan ujian menunjukkan bahawa ketiga pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang tidak signifikan pada $p < .05$ iaitu Asas Pendidikan $p < .583$, Pedagogi $p < .929$ dan Pendidikan Islam $p < .535$ (Ujian kesamaan *varians* ini diperlukan dalam prosedur analisis *Stepdown*. Oleh sebab analisis data ujian MANOVA ini menggunakan prosedur analisis *Enter*, maka analisis boleh diteruskan).

Jadual 4.47 Analisis MANOVA bagi perbezaan Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan PI Mengikut Kategori Bandar dan Luar Bandar (Multivariate Test)

Kategori	Nilai Wilk's Lambda (λ)	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Tahap sig *
Bandar dan luar bandar	.995	.453(a)	3	296.000	.715

* $p < .05$

Keputusan ujian *Multivariate Test Wilk's Lambda* dalam Jadual 4.47 di atas menunjukkan bahawa tidak ada kesan utama pemboleh ubah bebas kategori bandar dan luar bandar yang signifikan adalah *Wilk's Lambda* = 0.995, $F = .453$ dan $\text{Sig.} = 0.715$ ($p < .05$) [$F(3, 296) = .453, p > .715$] terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan. Dengan itu hipotesis ketiga (H_0 . 3) diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input.

Jadual 4.48 Ujian Kesan antara subjek (Tests of Between-Subjects Effects)


Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	Nilai F	Sig.
Asas Pendidikan	.270	1	.270	1.149	.285
Pedagogi	.095	1	.095	.588	.444
Pendidikan Islam	.074	1	.074	.795	.373

- a R Squared = .004 (Adjusted R Squared = .000)
 b R Squared = .002 (Adjusted R Squared = -.001)
 c R Squared = .003 (Adjusted R Squared = -.001)

Keputusan analisis dalam Jadual 4.47 *Multivariate Test* sebelum ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan tidak ada kesan utama kategori terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar, maka Jadual 4.48 di atas menunjukkan tiada kesan bagi setiap pemboleh ubah bersandar di mana semua pemboleh ubah bersandar menunjukkan aras signifikan $p > .005$ iaitu Asas Pendidikan $p = .285$, Pedagogi $p = .444$ dan Pendidikan Islam $p = .373$. Nilai R^2 di bawah Jadual 4.48 juga menunjukkan bahawa kategori hanya tidak menyumbangkan perubahan dalam pemboleh ubah bersandar.

Jadual 4.49 Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah Bersandar	Kategori	Min	Std. Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
Asas Pendidikan	Bandar	3.372	.040	3.294	3.450
	Luar Bandar	3.312	.040	3.234	3.390
Pedagogi	Bandar	3.564	.033	3.500	3.629
	Luar Bandar	3.529	.033	3.464	3.593
Pendidikan Islam	Bandar	4.076	.025	4.027	4.125
	Luar Bandar	4.044	.025	3.995	4.093



Rajah 4.3 Graf Kesan antara kategori Bandar dan Luar Bandar terhadap Pengetahuan Asas Pendidikan, Pengetahuan Pedagogi & Pengetahuan PI

Jadual 4.49 menunjukkan nilai min bagi kategori bandar dan luar bandar merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk Jadual 4.49 di atas, didapati bahawa kategori bandar dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan perbezaan dengan nilai min bagi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI, kategori sekolah bandar mengatasi kategori luar bandar (min pengetahuan asas pendidikan: bandar = 3.37, luar bandar = 3.31; min pedagogi: bandar = 3.56, luar bandar = 3.53 dan min pengetahuan PI: bandar = 4.07, luar bandar = 4.04. Perbezaan ini jelas ditunjukkan oleh bentuk graf garisan dalam Rajah 4.3 di atas. Graf garisan jelas menunjukkan bahawa nilai

min bagi kategori bandar lebih tinggi berbanding dengan kategori luar bandar bagi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang curam).

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pentadbir dari dimensi proses.

Sebelum analisis MANOVA dilakukan, Ujian *Box's M* menggunakan *Homogeneity of Covarians Matrices* telah dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan varian-kovarian. Ujian ini adalah prasyarat penting dalam ujian MANOVA (Fatimah, 2009). Jadual 4.50 di bawah menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 4.50 Ujian *Box's Equality of Covariance Matrices(a)*

Box's M	Nilai F	Df1	Df2	Sig.
88.809	4.139	21	326620.967	.000

$P < .005$

Berdasarkan Jadual 4.50 di atas didapati terdapat perbezaan varian dan kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas ($F = 4.139$, $p = 0.000$). Ini menunjukkan bahawa data memesong daripada salah satu syarat kesamaan kovarians. Dalam kajian ini, saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar / sampel terkecil < 1.5), dengan itu hipotesis di atas boleh diuji

menggunakan ujian MANOVA kerana kesilapan jenis 1 (*Type 1 error*) adalah sangat kecil.

Jadual 4.51 Keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances

Input	Nilai F	D.K 1	D.K 2	Sig.
Proses PdP	.551	1	298	.458
BBM	.978	1	298	.323
Pemantauan	3.366	1	298	.068
Penilaian	4.652	1	298	.032
Hubungan Guru-Pelajar	3.407	1	298	.066
Kerjasama Guru-Pentadbir	.111	1	298	.739

*Sig. pada aras 0.05

Keputusan ujian *Levene* dalam Jadual 4.51 di atas menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap keenam pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada *varians* bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama. Keputusan ujian menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang tidak signifikan pada $p < .05$. (Ujian kesamaan *varians* ini diperlukan dalam prosedur analisis *Stepdown*. Oleh sebab analisis data ujian MANOVA ini menggunakan prosedur analisis *Enter*, maka analisis boleh diteruskan).

Jadual 4.52 Analisis MANOVA bagi perbezaan PdP, BBM, Pemantauan, Penilaian, Hubungan Guru dengan Pelajar & Kerjasama Guru dengan Pentadbir antara kategori

Kategori	Nilai Wilk's Lambda (λ)	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Tahap sig *
Bandar dan luar bandar	.934	3.474(a)	6.000	293.000	.002

* $p < .05$

Keputusan ujian *Multivariate Test Wilk's Lambda* dalam Jadual 4.52 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam konteks proses pelaksanaan KPI (*Wilk's Lambda* = 0.934, $F(6, 293) = 3.474$, dan $p = 0.002$). Berdasarkan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan hubungan guru dengan pentadbir. Dengan itu, hipotesis keempat ini (H_0 . 4) ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pentadbir dari dimensi proses.

Jadual 4.53 Ujian Kesan Antara Subjek (*Tests Of Between-Subjects Effects*)

Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	Nilai F	Sig.
Proses PdP	.124	1	.124	.910	.341
BBM	.053	1	.053	.512	.475
Pemantauan	.003	1	.003	.044	.833
Penilaian	.793	1	.793	6.828	.009
Hubungan guru-pelajar	.986	1	.986	5.734	.017
Kerjasama guru-pentadbir	.017	1	.017	.067	.796


- a R Squared = .003 (Adjusted R Squared = .000)
- b R Squared = .002 (Adjusted R Squared = -.002)
- c R Squared = .000 (Adjusted R Squared = -.003)
- d R Squared = .022 (Adjusted R Squared = .019)
- e R Squared = .019 (Adjusted R Squared = .016)

Keputusan analisis dalam Jadual 4.53 di atas menunjukkan kategori tiada kesan bagi setiap pemboleh ubah bersandar di mana semua pemboleh ubah bersandar menunjukkan aras signifikan $p > .005$. Nilai R^2 di bawah Jadual 4.53 menunjukkan bahawa kategori hanya menyumbangkan sebanyak .022 atau 2.2 peratus perubahan dalam pemboleh ubah

bersandar hubungan guru dengan pelajar dan .019 atau 1.9 peratus daripada perubahan dalam pemboleh ubah bersandar kerjasama guru dengan pentadbir.

Jadual 4.54 Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah Bersandar	Kategori	Min	Std. Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
Proses PdP	Bandar	3.970	.030	3.910	4.029
	Luar Bandar	3.929	.030	3.869	3.988
BBM	Bandar	3.502	.026	3.450	3.554
	Luar Bandar	3.529	.026	3.477	3.581
Pemantauan	Bandar	4.021	.022	3.977	4.065
	Luar Bandar	4.027	.022	3.983	4.071
Penilaian	Bandar	4.056	.028	4.001	4.111
	Luar Bandar	3.953	.028	3.899	4.008
Hubungan guru-pelajar	Bandar	3.861	.034	3.795	3.928
	Luar Bandar	3.747	.034	3.680	3.813
Hubungan guru-pentadbir	Bandar	3.108	.041	3.027	3.188
	Luar Bandar	3.123	.041	3.042	3.203



Rajah 4.4 Graf Min antara kategori Bandar dan Luar Bandar terhadap proses PdP, BBM, Pemantauan, Penilaian, hubungan Guru dengan Pelajar & kerjasama Guru dengan Pentadbir

Jadual 4.54 menunjukkan nilai min bagi kategori bandar dan luar bandar merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk Jadual 4.54 di atas, didapati bahawa proses Pdp, BBM, pemantauan dan kerjasama guru dengan pentadbir bagi kategori bandar dan luar bandar menunjukkan hampir sama iaitu min proses PdP bandar: 3.97 dan min luar bandar: 3.93, min BBM bandar: 3.50 dan min luar bandar: 3.53, min pemantauan bandar: 4.02 dan min luar bandar: 4.02 dan min kerjasama guru dengan pentadbir bandar: 3.11 dan min luar bandar: 3.12. Walau bagaimanapun, bagi min penilaian pula kategori bandar mengatasi min luar bandar iaitu bandar: 4.06 dan min luar bandar: 3.95 dan min bagi kerjasama guru dengan pelajar bandar: 3.86 dan min luar bandar: 3.75. Perbezaan ini jelas ditunjukkan oleh bentuk graf garisan dalam Rajah 4.4 di atas.

Ho5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk iaitu aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar.

Sebelum analisis MANOVA dijalankan, Ujian *Box's M* menggunakan *Homogeneity of Covarians Matrices* telah dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan varian-kovarian. Ujian ini adalah prasyarat penting dalam ujian MANOVA (Fatimah, 2009). Jadual 4.55 di bawah menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 4.55 Ujian Box's Equality of Covariance Matrices(a)

Box's M	Nilai F	Df1	Df2	Sig.
14.208	.700	20	558576.833	.830

P < .005

Berdasarkan Jadual 4.55 di atas didapati tidak terdapat perbezaan varian- kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas ($F = .700$, $p = 0.830$). Dalam kajian ini, saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar / sampel terkecil < 1.5), dengan itu hipotesis di atas boleh diuji menggunakan ujian MANOVA kerana kesilapan jenis 1 (*Type 1 error*) adalah sangat kecil (Stevens, 1986).

Jadual 4.56 Keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances

Input	Nilai F	D.K 1	D.K 2	Sig.
Impak	.204	2	397	.816
Keberkesanan	1.427	2	397	.241
Kemampanan	.332	2	397	.718
Kebolehpindahan	.292	2	397	.747

*Sig. pada aras 0.05

Keputusan ujian *Levene* dalam Jadual 4.56 di atas menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang tidak signifikan pada $p < .05$. (Ujian kesamaan *varians* ini diperlukan dalam prosedur analisis *Stepdown*. Oleh sebab

analisis data ujian MANOVA ini menggunakan prosedur analisis *Enter*, maka analisis boleh diteruskan).

Jadual 4.57 Analisis MANOVA perbezaan Tingkatan Aliran pelajar terhadap hasil Pelaksanaan KPI aspek Impak, Keberkesanan, Kemampanan dan Kebolehpindahan Pelajar dari dimensi Produk (Multivariate Test)

Tingkatan	Nilai Wilk's Lambda (λ)	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Tahap sig *
Aliran Kelas Sains, Sastera, Agama	.962	1.901	8.000	788.000	.057

*p<.05

Keputusan ujian *Multivariate Test Wilk's Lambda* dalam Jadual 4.57, didapati nilai *Wilk's Lambda* = 0.962, F (8,788)= 1.901 dan Sig.= 0.057 adalah tidak signifikan. Dengan itu hipotesis kelima (Ho. 5) diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar dari dimensi produk. Hasil ujian multivariat ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar sains, sastera dan agama terhadap pemboleh-pemboleh ubah bersandar aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar dari dimensi produk.

Jadual 4.58 Ujian Kesan antara subjek (Tests of Between-Subjects Effects)

Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	Nilai F	Sig.
Impak	.608	2	.304	1.789	.169
Keberkesanan	.430	2	.215	1.635	.196
Kemampanan	.012	2	.006	.037	.964
Kebolehpindahan	.374	2	.187	1.414	.244

a R Squared = .009 (Adjusted R Squared = .004)

b R Squared = .008 (Adjusted R Squared = .003)


c R Squared = .000 (Adjusted R Squared = -.005)

d R Squared = .007 (Adjusted R Squared = .002)

Keputusan Jadual 4.58 di atas menunjukkan tiada kesan bagi setiap pemboleh ubah bersandar di mana semua pemboleh ubah bersandar menunjukkan aras signifikan $p \geq .005$. Nilai R^2 di bawah Jadual 4.58 juga menunjukkan kelas aliran tiada menyumbang perubahan dalam pemboleh ubah bersandar impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan.

Jadual 4.59 Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah bersandar	Tingkatan aliran	Min	Std. Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
Impak	4 Sains	4.466	.035	4.396	4.535
	4 Sastera	4.495	.035	4.426	4.564
	4 Agama	4.401	.037	4.329	4.473
Keberkesanan	4 Sains	3.478	.031	3.416	3.539
	4 Sastera	3.553	.031	3.492	3.613
	4 Agama	3.538	.032	3.474	3.602
Kemampanan	4 Sains	4.387	.034	4.321	4.454
	4 Sastera	4.374	.034	4.308	4.440
	4 Agama	4.382	.035	4.313	4.451
Kebolehpindahan	4 Sains	4.055	.031	3.994	4.116
	4 Sastera	4.127	.031	4.066	4.188
	4 Agama	4.107	.032	4.043	4.171



Rajah 4.5 Graf Kesan antara Tingkatan Aliran Sains, Sastera dan Agama terhadap Impak, Keberkesanan, Kemampunan dan Kebolehpindahan

Jadual 4.59 menunjukkan nilai min bagi tingkatan aliran sains, sastera dan agama merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk Jadual 4.59 di atas, didapati bahawa tingkatan 4 sastera dalam populasi kajian lebih tinggi menunjukkan perbezaan dari aspek impak min: sastera = 4.500, min sains = 4.470, min agama: bandar = 4.401. Bagi aspek keberkesanan juga tingkatan 4 sastera lebih tinggi menunjukkan perbezaan dari aspek produk iaitu min: 4 sastera = 3.55, min 4 sains = 3.47 dan min 4 agama: 3.54. Walau bagaimanapun, nilai min kemampunan dan kebolehpindahan menunjukkan perbezaan hampir sama iaitu min kemampunan tingkatan 4 sains: 4.39, min sastera: 4.38 dan min agama: 4.38. Bagi aspek kebolehpindahan juga menunjukkan perbezaan yang hampir sama iaitu 4 sains: 4.05, 4 sastera: 4.13 dan min 4 agama: 4.11. Perbezaan ini jelas ditunjukkan oleh bentuk graf garisan dalam Rajah 4.5 di atas.

Graf garisan jelas menunjukkan bahawa nilai min bagi tingkatan 4 sastera lebih tinggi berbanding dengan tingkatan aliran 4 sains dan 4 agama. (ditunjukkan oleh ketiga-tiga bentuk graf garisan yang melengkung). Walau bagaimanapun, aspek keberkesanan tingkatan 4 sains, tingkatan 4 sastera dan 4 agama menunjukkan hampir sama min. (ditunjukkan oleh kedua-dua bentuk graf garisan yang melengkung).

4.7 Rumusan Dapatan Kajian Inferensi

Berdasarkan pengujian hipotesis yang dijalankan dengan ujian MANOVA dari segi kategori sekolah bandar dan luar bandar ke atas dimensi Konteks, Input dan Proses dan tingkatan aliran sains, sastera dan agama ke atas dimensi produk, hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 4.60 berikut;

Jadual 4.60 Rumusan Dapatan Kajian Inferensi Hasil Analisis MANOVA

HIPOTESIS	HASIL ANALISIS UJIAN MANOVA			Sig.	Keputusan
	Wilk's Lambda	Nilai F			
Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, Matlamat dan Objektif KPI dari dimensi konteks.	0.919	6.526	0.000*		Ho. 1 Ditolak
Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI dari dimensi input.	0.982	.757	0.624		Ho. 2 diterima
Ho3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap pengetahuan GPI dari segi pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI dari dimensi input.	0.995	0.453	0.715		Ho. 3 diterima

Ho4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pentadbir dari dimensi proses.	88.809	4.139	.000*	Ho. 4 Ditolak
Ho5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar terhadap hasil pelaksanaan KPI dari dimensi produk iaitu aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar.	.962	1.901	.057	Ho. 5 diterima

4.8 Kesimpulan

Bab Empat secara keseluruhannya telah menjelaskan dapatan kajian mengenai penilaian pelaksanaan KPI di sekolah menengah dari segi dimensi konteks, input, proses dan produk. Dapatan kajian ini diperoleh dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi secara kuantitatif dan temu bual. Hasil kajian telah mendapati bahawa dapatan temu bual telah menyokong dan mengesahkan dapatan kuantitatif. Hasil penilaian ini dijelaskan berdasarkan perspektif GPI dan pelajar serta dapat dibuat satu generalisasi terhadap pelaksanaan KPI secara khusus.

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dengan terperinci hasil dapatan kajian yang telah dilaporkan dalam bab 4. Dalam bab ini penyelidik membincangkan tentang ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan penilaian konteks meliputi aspek kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif kurikulum yang telah ditetapkan. Penilaian input pula melihat dari segi kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan peruntukan masa, tahap pengetahuan guru dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pedagogi dan pengetahuan PI, keupayaan menggunakan AAV dan keyakinan diri. Penilaian proses pula akan melihat proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan, penilaian, hubungan GPI dengan pelajar dan kerjasama pihak pentadbir. Manakala penilaian produk akan melihat dari aspek impak KPI, keberkesanan KPI, kemampanan KPI dan kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar.

Kajian ini menggunakan reka bentuk penilaian kurikulum melalui tinjauan persepsi terhadap GPI dan pelajar tingkatan 4 sekolah menengah. Responden GPI 300 orang dan pelajar 400 orang. Manakala bagi temu bual, seramai 5 orang GPI dan 7 orang pelajar tingkatan 4. Instrumen yang dibina dalam kajian ini adalah soal selidik dan protokol temu

bual. Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi, manakala data temu bual dianalisis secara kualitatif. Statistik inferensi yang digunakan adalah Analisis *Varian Multivariat* (MANOVA). Statistik MANOVA digunakan untuk menguji hipotesis tentang perbezaan skor min bagi pemboleh ubah dalam dimensi konteks, input, proses dan produk KPI berdasarkan kategori sekolah menengah bandar dan luar bandar di Kelantan.

5.3 Perbincangan

Dalam perbincangan ini, penyelidik membincangkan dapatan kajian berdasarkan hierarki soalan kajian yang telah dijalankan.

5.3.1 Pelaksanaan KPI dari dimensi Konteks

Penilaian terhadap pelaksanaan KPI dari dimensi konteks di sekolah menengah di negeri Kelantan merangkumi aspek kesesuaian KPI dengan FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KPI yang telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah menengah bersesuaian dengan hasrat FPK, FPI, matlamat dan objektif PI. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah menengah bandar dan luar bandar di negeri Kelantan terhadap pelaksanaan KPI yang sesuai dengan kehendak FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI dari dimensi konteks.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan kehendak FPK. Pelaksanaan KPI merupakan suatu usaha yang

berterusan oleh pihak BPI KPM ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu selain daripada mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi JERI. Dapatan ini selari dengan hasrat KPI itu sendiri untuk melahirkan Muslim yang beriman, beramal soleh, berilmu, berketerampilan dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Jika FPK ini dapat dipedomani dan dihayati sepenuhnya dalam semua aspek pendidikan, sudah pasti sekolah akan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai potensi yang seimbang dari segi JERI. Selari dengan kenyataan Ahmad Mohd Salleh (2008), FPK telah menjadikan “*kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan*” sebagai teras dan dasar penjurusan segala aktiviti pendidikan. Justeru itu, tidak keterlaluan jika dikatakan FPK adalah selaras dengan cita-cita dan hasrat KPI. FPK telah meletakkan ‘*pembinaan insan seimbang*’ dari segi JERI ke arah melahirkan insan sepadu yang tunduk dan patuh kepada Tuhan. Oleh itu, kajian ini memberi jawapan terhadap kegusaran sesetengah pihak bahawa pelaksanaan KPI di sekolah adalah tidak menyimpang dengan FPK.

Selain itu, kajian ini mendapati secara keseluruhan pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan FPI yang dilaksanakan sekarang. Dalam KPI merangkumi keseluruhan kandungan sukatan pelajaran termasuk ibadat, akhlak, sirah dan proses untuk melahirkan insan yang menghayati dan mengamalkan konsep PI sebagai insan Muslim yang sejati. Kajian ini selari dengan kenyataan Ahmad Mohd Salleh (2008), FPI adalah suatu usaha untuk melahirkan individu yang baik dan melahirkan warganegara yang beriman dan beramal soleh. Kajian ini juga selari dengan kenyataan Bahagian KPI dan Moral (2002) telah menggariskan bahawa FPI adalah suatu usaha yang berterusan untuk

menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Kajian ini juga mendapati secara keseluruhan bahawa pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah sesuai dan menepati matlamat PI yang sedang dilaksanakan sekarang. Kajian ini selari dengan kenyataan Azhar Ahmad (2006), matlamat akhir PI untuk mewujudkan manusia yang berakhlak mulia, namun sentiasa berhadapan dengan berbagai cabaran terutama dalam pelaksanaan KPI iaitu pelajar kurang berminat terhadap KPI disebabkan faktor sikap dan keupayaan guru, kandungan kurikulum, jadual waktu, sikap pentadbir serta penggunaan teknologi dalam PdP. Dapatan ini juga selari dengan kajian Mohd Zailani Mohd Yusoff (2008) mendapati pelaksanaan KPI di sekolah menengah Negeri Kelantan adalah sesuai dengan matlamat PI untuk melahirkan insan yang budiman, beriman, bertakwa dan soleh dan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat serta memperoleh keredaan Allah S.W.T. Dapatan ini telah menjawab segala persoalan tentang sejauh mana kesesuaian KPI yang dirancang mampu untuk mencapai matlamat KPI itu sendiri.

Kajian ini juga mendapati secara keseluruhan bahawa pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah sesuai dan menepati objektif PI yang sedang dilaksanakan sekarang. Dapatan ini selari dengan kenyataan KPM (2005) menyatakan objektif KPI untuk memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz ayat-ayat al-Quran serta

menghayati dan mengamalkan isi kandungan dalam amalan kehidupan seharian. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Alias Mat Saad et al. (2011) dan Asmawati Suhid (2006) mendapati item-item objektif PI mempunyai korelevanan dengan KPI. Kajian ini menunjukkan objektif PI mempunyai ciri-ciri seperti yang dihasratkan oleh KPI iaitu ilmu pengetahuan, keterampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Dapatan kajian juga menunjukkan kejayaan dalam pelaksanaan KPI di sekolah bergantung kepada guru sebagai pelaksana untuk merealisasikan objektif KPI. Kajian ini selari dengan kenyataan Rosnani Hashim (2001), Abdul Halim Tamuri (2004), Ghazali Darussalam (2004) dan Asmawati Suhid (2006) menyatakan bahawa peranan guru sebagai penggerak utama kurikulum di sekolah menjadi faktor penting dalam mencapai hasrat kurikulum itu sendiri. McCreesh dan Maher (1974) menyarankan supaya semua guru sentiasa berwaspada agar objektif pengajaran pelajar sentiasa sesuai dengan keperluan pelajar. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa berdasarkan dapatan kajian di atas, pelaksanaan KPI di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan objektif PI.

5.3.2 Pelaksanaan KPI dari Dimensi Input

Penilaian input dalam kajian ini adalah tertumpu kepada sumber-sumber yang terlibat bagi mencapai matlamat dan objektif KPI. Aspek-aspek yang dikaji yang menjadi sumber kepada pelaksanaan KPI di sekolah menengah terdiri daripada dua komponen iaitu kemudahan-kemudahan seperti PSS, bilik darjah, AAV, buku teks dan peruntukan waktu, manakala komponen kedua ialah aspek pengetahuan GPI dari segi pengetahuan

asas pendidikan, pedagogi dan pengetahuan PI serta keupayaan menggunakan AAV dan tahap keyakinan diri GPI. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap kemudahan PSS, bilik darjah, AAV, buku teks, peruntukan masa, keupayaan menggunakan AAV, keyakinan diri GPI.

Dapatan kajian bagi aspek kemudahan PSS menunjukkan bahawa PSS di sekolah memiliki bahan rujukan yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. PSS juga merupakan tempat yang selesa dan menjadi tempat pilihan pelajar dan guru di luar waktu kelas samada waktu rehat atau selepas persekolahan. Kebanyakan PSS sekarang telah dilengkapi dengan penghawa dingin dan pelbagai kelengkapan yang menarik minat guru dan pelajar untuk berkunjung ke PSS. Dapatan temu bual guru menunjukkan bahawa kemudahan buku-buku dan bahan-bahan rujukan di PSS yang berkaitan dengan mata pelajaran mencukupi, akan tetapi terdapat di sesetengah PSS kurang mencukupi dari segi bahan rujukan tambahan terutamanya bahan-bahan yang berkaitan dengan pengetahuan am PI. Menurut Johnson dan Fornell (1991), untuk mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap produk dan servis yang disediakan, penekanan dan keutamaan haruslah diberikan terhadap kepuasan pelanggan. Untuk memastikan kepuasan pengguna, PSS haruslah menyediakan perkhidmatan yang memuaskan dari segi mutu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan yang lengkap. PSS perlulah melengkapkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan pengetahuan am PI seperti kitab-kitab terjemahan al-Quran, al-hadis, kitab ihya' ulumuddin, kitab fekah dan kitab-kitab berhubung dengan peribadatan. Kelengkapan kemudahan yang mencukupi dan

selesa membolehkan proses PdP lebih berkesan. Dapatan kajian ini menyokong kajian oleh Chaivot (1986), Fowzia Osman (1990), Noor Shah Saad (1992), Shapiee Lugom (2002), Mohd Hussin Mohd Yusof (2006), Fatimah Tambi (2009) dan Mohd Nordin Abu Bakar (2011) yang mendapati bahan rujukan dalam PSS perlu pelbagai dan mencukupi dalam membantu pelaksanaan PdP di sekolah.

Dari aspek kemudahan bilik darjah pula, dapatan kajian ini mendapati berada pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan pelajar terlalu ramai dalam satu-satu kelas dan berlaku pertembungan penggunaan bilik darjah dengan kelas Pendidikan Moral juga berlangsung bagi pelajar bukan Islam. Justeru itu, guru terpaksa membawa pelajar berpindah ke tempat lain seperti surau, kelas-kelas kosong, PSS, kantin dan sebagainya. Sedikit sebanyak ianya menjejaskan proses PdP PI dan tidak dapat dijalankan dengan berkesan, tidak sesuai dan persekitaran yang kurang kondusif. Kajian ini selari dengan kajian Nordin Abu Bakar (2011) mendapati bahawa antara masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PdP di sekolah menengah adalah kekurangan kemudahan, saiz sekolah dan saiz kelas. Kajian ini juga selari dengan kenyataan Habibah Ahmad (1995), guru hanya dapat menjalankan sesuatu kurikulum dengan lebih berkesan jika kemudahan peralatan mengajar disediakan dengan baik di dalam bilik darjah.

Dapatan daripada temu bual juga mendapati bahawa kelengkapan bilik darjah seperti kerusi, meja, kipas dan papan tulis mencukupi, akan tetapi kelengkapan dari segi teknologi (ICT) tidak mencukupi contohnya LCD projektor dan komputer. Kemudahan teknologi amat penting dalam PdP kerana zaman sekarang memerlukan pengajaran secara

interaktif dengan penggunaan peralatan teknologi (ICT). Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kemudahan asas dalam bilik darjah yang digunakan untuk PdP adalah mencukupi namun terbatas. Terdapat sesetengah sekolah di negeri Kelantan tidak menyediakan kemudahan ICT di dalam bilik darjah khususnya LCD projektor dan jika ingin menggunakannya GPI terpaksa menggunakan di dalam bilik khas. Kajian ini selari dengan kenyataan Abdullah Mohd Noor & Warnoh Katiman (2000) menyatakan dalam pelaksanaan proses PdP, kemudahan sokongan adalah penting supaya proses tersebut menjadi lebih berkesan.

Kemudahan AAV di sekolah menengah pula, dapatan daripada soal selidik dan temu bual guru mendapati secara keseluruhannya kemudahan AAV mudah diperoleh, mencukupi dan sentiasa berkeadaan baik, akan tetapi tidak mempunyai peralatan yang pelbagai dan agak sukar diperoleh. Hal ini menyebabkan guru terpaksa memohon dengan pihak media setiap kali untuk mengajar dan menempah lebih awal bilik media yang memiliki kelengkapan AAV. Kajian ini selari dengan kenyataan Zulkifli Zakaria (2001) menyatakan bahawa kemudahan-kemudahan komputer, ICT dan pelbagai bahan media yang baik dan lengkap amat penting kepada kejayaan pelajar.

Kemudahan buku teks pula didapati secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi, di mana buku teks telah tersedia pada minggu pertama persekolahan, kandungan buku teks disusun mengikut topik PdP, buku teks amat membantu GPI dalam pengajaran dan GPI selalu menggunakan buku teks semasa mengajar. Namun, buku teks sukar dibaca dan difahami oleh pelajar yang lemah dalam tulisan jawi. Dapatan daripada

temu bual mendapati susunan topik dalam buku teks disusun mengikut sukatan pelajaran, akan tetapi buku teks yang disediakan dalam tulisan jawi menyebabkan pelajar yang lemah jawi tidak dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya. Guru mencadangkan supaya buku teks ditulis dalam dwi tulisan iaitu versi jawi dan versi rumi. Ini kerana kebanyakan pelajar yang lemah dalam tulisan Jawi mereka tidak akan menggunakan buku teks sepenuhnya untuk pembelajaran, sebaliknya mereka menggunakan buku-buku rujukan yang dibeli di pasaran. Penyelidik dapat merumuskan bahawa kemudahan buku teks di sekolah menengah disediakan dengan sewajarnya, susunan mengikut topik dan guru selalu menggunakannya semasa mengajar, akan tetapi kandungan teks dalam tulisan jawi menimbulkan masalah kepada pelajar yang kurang mahir dalam tulisan jawi.

Dari segi peruntukan masa pula didapati secara keseluruhannya tahap kepuasan pelaksanaan jadual waktu adalah tinggi. Dalam pelaksanaan KPI tingkatan 4 di sekolah menengah, peruntukan masa yang diberikan ialah 4 waktu seminggu (3+1) iaitu 3 waktu mengajar sukatan pelajaran dan 1 waktu untuk amali adalah mencukupi. Dalam kajian ini guru mampu untuk melaksanakan sukatan dan menghabiskan modul mengikut jangkamasa yang ditetapkan oleh pihak KPM, akan tetapi masa PdP PI yang diletakkan pada waktu tengah hari adalah tidak sesuai kerana pelajar kurang selesa dan tidak ada fokus untuk belajar pada waktu itu. Kajian ini selari dengan kenyataan Fowzia Osman (1990) menyatakan susunan jadual waktu yang sistematik akan melicinkan proses PdP dan kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru. Terdapat juga guru yang tidak berpuas hati dengan peruntukan waktu pengajaran yang disediakan oleh pihak sekolah dan mencadangkan supaya ditambahkan 1 masa lagi menjadikan 5 masa untuk seminggu.

Alasan ini kerana pelajar tingkatan 4 akan mengambil peperiksaan yang besar iaitu SPM dan sukatan pelajaran yang terlalu banyak untuk dipelajari oleh mereka. Secara keseluruhannya, sistem penjadualan dan peruntukan jadual waktu mengajar mencukupi bagi semua GPI iaitu kebanyakan GPI mengajar 25 waktu seminggu. Oleh kerana sukatan pelajaran yang terlalu banyak untuk dipelajari oleh pelajar, maka dicadangkan supaya penambahan jumlah waktu daripada 4 masa (3+1) kepada 5 masa (4+1) iaitu pertambahan 1 masa lagi supaya sesuai dengan sukatan dan tajuk yang disediakan dalam KPI terlalu banyak untuk dihabiskan. Kajian ini selari dengan kenyataan Mohd Hussin Mohd Yusof (2006) dan kajian Fatimah Tambi (2009) dan Mohd Nordin Abu Bakar (2011) mendapati guru perlu mahir dalam aspek pengajaran termasuklah ciri-ciri pengurusan masa, peruntukan waktu mengajar supaya seimbang antara waktu mengajar dan isi pelajaran untuk menghabiskan sukatan pelajaran dengan tepat.

Seterusnya, tahap pengetahuan guru dalam pengetahuan asas pendidikan adalah penting dalam PdP PI. Dapatan kajian mendapati aspek pengetahuan asas pendidikan GPI secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan PI. Tahap pengetahuan yang tertinggi adalah bagi tahap kod etika keguruan dan akauntabiliti serta integriti keguruan manakala tahap sederhana adalah dari segi pengetahuan teori-teori pengajaran, tingkah laku manusia, psikologi pendidikan dan asas pengetahuan profesional keguruan. Kajian ini selari dengan kenyataan Mohd Hussain Yaacob (2001), menyatakan guru di sekolah dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka, akan

tetapi mereka jarang menggunakan teori-teori pengajaran dan menerapkan aspek psikologi pendidikan dalam pengajaran mereka. Kajian ini juga selari dengan kenyataan Sarimah Abdul Razak (2005) menyatakan guru hanya masuk kelas dan mengajar mata pelajaran yang diberikan kepada mereka, namun guru tidak menerapkan aspek psikologi dalam pengajaran mereka menyebabkan pelajar bosan dan tidak menarik minat untuk belajar.

Dapatan daripada temu bual juga memperjelaskan bahawa tahap pengetahuan asas pendidikan guru berada pada tahap kurang memuaskan dan mereka hanya bergantung kepada ilmu yang dipelajari semasa menjalani kursus ikhtisas perguruan dan kursus Diploma Pendidikan di Maktab Perguruan sahaja. Kajian ini selari dengan kenyataan Hanuni Yusof (2003) menyatakan guru yang menjalani kursus di maktab-maktab perguruan telah diberi pendedahan yang lebih banyak dan mempunyai lebih kemahiran dalam mata pelajaran yang dipelajari semasa menjalani latihan mengajar di maktab, akan tetapi mereka telah lupa tentang ilmu yang telah dipelajari lebih 10 tahun itu. Masalah utama guru sekarang ialah mereka masih tidak dapat mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran di sekolah dan kurang keyakinan mengajar kerana guru-guru masih kurang pendedahan latihan dan kemahiran. Kajian ini selari dengan kenyataan Corcoran (1981) kesediaan dari segi pengetahuan asas memainkan peranan yang penting dalam proses PdP kerana guru yang kurang dari segi pengetahuan sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapinya. Justeru, guru haruslah diberi pendedahan ilmu pengetahuan asas pendidikan dari semasa ke semasa agar mereka dapat mengaplikasikan semasa mengajar di dalam bilik darjah.

Tahap pengetahuan pedagogi bagi guru pula dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Guru kurang mampu mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam sesi PdP, kurang bersedia mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar dan kurang mampu mempelbagaikan teknik, pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai kepada pelajar. Menurut Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011), salah satu ciri pengajaran berkesan adalah kepelbagaian dalam kaedah PdP di dalam kelas. Kajian ini selari dengan Mohd Nordin Abu Bakar (2011) menyatakan guru-guru perlu memahami tentang pembangunan kurikulum, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan kaedah mengintegrasikan bidang akademik. Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara guru di sekolah menengah bandar dan luar bandar dari segi tahap pengetahuan pedagogi. Kajian ini selari dengan kajian Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011) yang mendapati bahawa terdapat kecenderungan yang serupa dalam penggunaan kaedah PdP antara guru di sekolah menengah luar bandar dan bandar.

Daripada temu bual juga dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan pedagogi berada pada tahap sederhana dan perlu diberi pendedahan tentang pedagogi bestari. Guru perlu diberi pendedahan berbentuk bengkel, seminar, kursus pendek berkaitan dengan kaedah pedagogi bestari yang terkini supaya dapat mengaplikasikan dalam kelas dan dapat mempelbagaikan kaedah mengajar. Guru juga menyatakan bahawa sebenarnya mereka mengaplikasikan pelbagai kaedah pedagogi semasa mengajar akan tetapi mereka tidak tahu istilah kaedah apa yang digunakan itu. Kajian ini selari dengan kajian Fuller (1969), dan Berliner (2005) mendapati untuk mendapat cemerlang dalam PdP guru perlu

meningkatkan tahap kemahiran kaedah mengajar dalam PdP dan mempelbagaikan pedagogi pengajaran.

Tahap pengetahuan guru dalam PI pula secara keseluruhannya mendapati bahawa berada pada tahap tinggi. Daripada temu bual juga menjelaskan bahawa tahap pengetahuan PI guru berada pada tahap memuaskan kerana kebanyakan mereka berpengalaman mengajar dalam mata pelajaran PI melebihi 10 tahun, malah ada dalam kalangan mereka juga tidak perlu merujuk buku semasa mengajar dan ada antaranya menjadi pakar dalam mata pelajaran PI. Ini menunjukkan guru menguasai kandungan dan pengetahuan KPI dengan sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan kajian Jawih Dakir (2012), Zakaria Stapa (2012) dan Abdul Halim Tamuri (2012), menyatakan tahap pengetahuan PI yang dimiliki oleh guru adalah baik dan tinggi kerana mereka memiliki ilmu yang cukup sebelum dilantik menjadi guru terlatih.

Seterusnya, hasil dapatan kajian bagi aspek keupayaan guru menggunakan AAV semasa PdP PI secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Guru berminat menggunakan multimedia dalam PdP kerana mereka mendapati penggunaan bahan multimedia ini dapat menarik minat pelajar untuk belajar, akan tetapi kebanyakan guru kurang mahir dalam menggunakan bahan multimedia dan masih memerlukan pertolongan dan bantuan orang lain untuk memasang AAV tersebut. Hasil daripada temu bual juga menjelaskan bahawa tahap keupayaan guru dalam penggunaan AAV adalah kurang memuaskan. Terdapat guru yang memerlukan bantuan orang lain dan kurang mahir dalam memasang AAV semasa mengajar PI. Guru perlu diberikan pendedahan kursus multimedia dan cara

memasang AAV tersebut. Kajian ini selari dengan kajian Mohammed Sani Ibrahim (1979), Katz dan Rath (1982) mendapati guru yang kurang berkemahiran dalam bidang ICT menyebabkan pengajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar tidak tercapai.

Tahap keyakinan diri guru dalam kajian ini secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Dapatan temu bual juga menjelaskan bahawa tahap keyakinan diri GPI semasa mengajar, tanggungjawab dalam tugas guru, sabar, bersemangat, mengadakan program, mesra dengan pelajar, memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah dalam kelas adalah sangat baik. Guru menyatakan kurang bersemangat mengajar terutama menghadapi pelajar yang lemah. Justeru itu, untuk menambahkan keyakinan diri mereka perlu mengadakan pelbagai aktiviti dan program supaya menarik minat pelajar terhadap pelajaran PI. Guru juga menyatakan telah berusaha sepenuhnya untuk mengubah tingkah laku pelajar dan mengajar PI dengan penuh yakin, sabar, bersemangat, mesra dan memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah di dalam kelas. Faktor pengalaman juga mempengaruhi keyakinan guru bertambah kuat. Kebanyakan guru yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru yang berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Kajian ini tidak selari dengan kajian Azizi Yahaya (1999) mendapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 7 tahun ke atas didapati majoriti daripada guru mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk mengajar sedangkan dapatan kajian ini guru yang berpengalaman melebihi 10 tahun masih kurang bersemangat dan kurang keyakinan diri dalam mengajar.

5.3.3 Pelaksanaan KPI dari Dimensi Proses

Penilaian proses pelaksanaan KPI dalam kajian ini tertumpu pada proses yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat KPI. Ia berfungsi dalam keputusan yang berhubungkait dengan proses pelaksanaan kurikulum dan maklumat perlu diketahui dari semasa ke semasa untuk mengawasi pelaksanaan kurikulum. Aspek-aspek yang dinilai ialah pelaksanaan PdP GPI, penggunaan BBM, pemantauan yang dijalankan, pelaksanaan penilaian, hubungan GPI dengan pelajar dan kerjasama GPI dengan pihak pentadbir. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah bandar dan luar bandar terhadap proses PdP, BBM, pemantauan, penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan hubungan guru dengan pentadbir.

Bagi aspek pelaksanaan PdP guru, kajian ini secara keseluruhannya mendapati berada pada tahap tinggi. Skor min tertinggi ialah bagi item guru sentiasa memberi peluang pelajar bersoal jawab jika ada masalah. Tahap yang tertinggi ini diinterpretasikan sebagai pengajaran guru itu adalah sangat membantu dalam pelaksanaan KPI. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pengajaran guru ini menjadi tonggak kepada pelaksanaan KPI ini. Kajian ini juga mendapati bahawa pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dengan kawalan kelas yang baik, mewujudkan kesediaan belajar, menarik perhatian, bersungguh-sungguh, melaksanakan pengajaran mengikut langkah-langkah perancangan, mengadakan sesi soal jawab serta menamatkan sesi pengajaran dengan rumusan yang baik. Dapatan daripada temu bual juga menjelaskan sebelum memasuki kelas, guru telah melakukan persediaan mengikut perancangan berdasarkan sukatan yang ditetapkan oleh pihak BPI KPM. Hal ini penting supaya tahap keyakinan diri guru

semakin bertambah. Hasil temu bual juga, mendapati guru sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab dan menggalakkan pembelajaran secara aktif di dalam kelas. Daripada hasil temu bual, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa proses PdP berlaku dengan baik, di mana sebelum memasuki kelas GPI telah melakukan persediaan rancangan mengajar yang rapi terlebih dahulu dan sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab serta menggalakkan pembelajaran secara aktif di dalam kelas semasa proses PdP berlangsung. Kajian ini selari dengan kajian Pratte dan Laposata (2005), Hsu dan Shiue (2005), James (2005), Owens (2006) dan Rosoff (2007) mendapati sebelum memasuki kelas guru cemerlang terlebih dahulu membuat perancangan dan strategi guru mengajar di dalam kelas berpusatkan pelajar.

Aspek penggunaan BBM dalam proses PdP PI secara keseluruhan mendapati berada pada tahap sederhana. Guru kurang menggunakan BBM yang terkini dan BBM digunakan mengikut kesesuaian topik yang diperlukan serta mengikut keperluan pelajar. Hasil temu bual juga menjelaskan bahawa guru menggunakan BBM mengikut topik keperluan pelajar. Contohnya jika melibatkan topik amali seperti haji, sembelihan dan ibadat-ibadat lain. Guru perlu menggunakan BBM seperti replika Kaabah, alat sembelihan dan lain-lain supaya mereka dapat merasai sendiri seperti mana suasana sebenar dalam proses PdP itu. Kelengkapan BBM ini ada kalanya tidak mencukupi di sekolah untuk digunakan semasa mengajar. Kajian ini selari dengan kajian Abdul Halim Tamuri (2004) dan Zainuddin Abu Bakar (2011) yang menunjukkan bahawa guru menyuarakan pandangan tentang masalah kekurangan BBM di sekolah dan pasaran serta aspek kualiti BBM berada pada

tahap rendah. Penggunaan BBM teknologi terkini juga penting kerana pelajar berminat kepada penggunaan ICT dalam PdP PI.

Aspek proses pemantauan PdP PI pula secara keseluruhan mendapati berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan proses pelaksanaan pemantauan KPI dilaksanakan secara berkesan. Dapatan daripada temu bual menjelaskan pemantauan atau pencerapan dilakukan oleh pihak pentadbir PK Pentadbiran dan Pengetua sebanyak 2 kali setahun. Bagi pihak PPD, Jemaah Nazir dan BPI KPM, mereka akan datang membuat pemantauan jika terdapat laporan dari pihak sekolah. Secara keseluruhannya aspek proses pemantauan guru di sekolah oleh pihak-pihak tertentu berjalan dengan baik. Kajian ini selari dengan kajian Murphy (2002), Owens (2006) dan Rosoff (2007) mendapati untuk menghasilkan produk yang berkualiti, pemimpin perlu selalu mengamalkan pemantauan, memberikan maklum balas hasil dari pemantauan kepada guru dan menetapkan prosedur pemantauan dalam penilaian pelaksanaan kurikulum.

Aspek proses penilaian KPI pula secara keseluruhan mendapati berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan proses penilaian sumatif dan formatif KPI Sekolah Menengah dilaksanakan dengan mengikut domain kognitif dan domain afektif. Hasil temu bual juga menjelaskan proses penilaian KPI Sekolah Menengah dilaksanakan mengikut ketetapan iaitu guru membina dan memberikan ujian formatif setiap kali tamat sesi pengajaran. Guru juga telah memastikan soalan ujian atau peperiksaan yang dibina telah disemak terlebih dahulu oleh Ketua Panitia sebelum diberikan kepada pelajar. Dapatan hasil temu bual menjelaskan proses penilaian KPI Sekolah Menengah dilaksanakan dengan sebaik-

baiknya melalui prosedur yang betul iaitu setiap kali tamat sesi pengajaran, guru mengadakan ujian formatif terlebih dahulu untuk pengukuhan pelajar. Penilaian dalam pelaksanaan kurikulum adalah penting untuk membangkitkan motivasi kepada pelajar. Kajian ini selari dengan kajian Parmjit Singh (1994) Pratte dan Laposata (2005), Hsu dan Shiue (2005) menunjukkan proses penilaian terhadap pelajar perlu dilaksanakan sama ada ujian mingguan ataupun ujian bulanan. Ujian mingguan adalah untuk memperoleh pencapaian yang baik manakala ujian bulanan adalah untuk menilai pencapaian pelajar yang lebih tinggi.

Aspek hubungan guru dengan pelajar pula menunjukkan bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dan ini menunjukkan tahap hubungan guru dengan pelajar adalah baik. Hal ini disokong oleh hasil temu bual yang menjelaskan hubungan guru dengan pelajar amat baik sekali. Guru selalu membantu dan mengambil berat terhadap pelajar terutama pelajar yang bermasalah dan selalu berbincang dengan pelajar jika ada masalah. Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan guru dengan pelajar berlaku dengan baik. Dapatan ini selari dengan kajian Shamsul Shah Tarjo (2012) bahawa faktor persekitaran sosial hubungan guru dengan pelajar mempunyai pengaruh yang tinggi ke atas pembentukan akhlak pelajar dan menjadi faktor pendorong dan ikutan yang kuat untuk pelajar mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak. Nasihat guru menjadi panduan kepada pelajar agar tidak melakukan perkara yang tidak berakhlak.

Aspek proses melibatkan kerjasama guru dengan pihak pentadbir dalam kajian ini secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Kajian ini disokong oleh dapatan temu bual yang mana terdapat sedikit masalah antara hubungan guru dengan pihak pentadbir. Guru selalu berbincang, mendapat maklumat terkini, sikap terbuka pentadbir dan selalu memberikan pengiktirafan jika guru ada menyumbangkan kepada pihak sekolah, namun terdapat juga guru yang kurang berpuas hati tentang layanan yang diberikan oleh pentadbir. Secara keseluruhan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan guru dengan pihak pentadbir di sekolah menengah berjalan dengan baik dan pentadbir sentiasa berkolaborasi dengan guru untuk mendapat maklumat terkini. Kajian ini selari dengan kajian Alma Harris (1996) James (2005), Owens (2006), Pratte dan Laposata (2005), Hsu dan Shiue (2005) mendapati guru akan merasa dihargai sekiranya pihak pentadbir sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang padu kepada guru dan secara tidak langsung akan melahirkan sekolah berkesan.

5.3.4 Pelaksanaan KPI dari Dimensi Produk

Penilaian produk dalam kajian ini tertumpu kepada aspek-aspek impak pelaksanaan KPI terhadap pelajar, keberkesanan KPI dalam mencapai objektif pengajaran, kemampanan KPI dalam pembentukan sikap positif pelajar dan kebolehpindahan KPI iaitu pengaplikasian dalam kehidupan seharian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkatan aliran pelajar sains, sastera dan agama terhadap aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan pelajar.

Bagi aspek impak pelaksanaan KPI terhadap pelajar, kajian ini secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Hal ini disokong oleh dapatan temu bual dengan menyatakan apabila mempelajari PI ini dapat mengubah dan mempengaruhi kehidupan mereka menjadi seorang yang berakhlak. Secara keseluruhannya pelajar menyatakan bahawa pelaksanaan KPI di sekolah menengah dapat mempengaruhi dan mengubah kehidupan mereka menjadi seorang yang berakhlak. Kesimpulannya pelaksanaan KPI mempunyai impak yang tinggi di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran PI masih lagi relevan dan penting bagi pembangunan modal insan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian Abdul Halim Tamuri (2012), Jawiah Dakir (2012) dan Zakaria Stapa (2012) mendapati keberkesanan pelaksanaan PI dalam sistem pendidikan kebangsaan berada pada tahap tertinggi.

Aspek keberkesanan pelaksanaan KPI pula berada pada tahap yang sederhana. Pelajar didapati sukar untuk membaca, menghafaz dan memahami pengertian ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis dan ulum syar'iyah yang dipelajari mereka. Dapatan kajian ii disokong oleh dapatan temu bual pelajar menyatakan pelaksanaan KPI ini telah memberi kesan kepada mereka terutama bidang tilawah al-Quran dan Hadis, Ulum Sya'iyah. Dengan ini, pelaksanaan KPI di sekolah menengah menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana, akan tetapi masih memberi kesan kepada pelajar dalam bidang-bidang tertentu. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Aderi Che Noh (2004) mendapati kebanyakan pelajar menunjukkan kelemahan dalam bidang TA. Oleh itu, pengajaran TA perlu diberikan perhatian bagi melahirkan pelajar yang mampu membaca dan menghayati al-Quran. Dapatan temu bual juga menjelaskan bahawa pelaksanaan KPI ini telah memberi

kesan kepada pelajar terutama dalam bidang US iaitu sirah Nabawiyah dan adab dan akhlak. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Abdul Halim Tamuri (2012) dan Zakaria Stapa (2012) mendapati bahawa bidang akidah dan akhlak Islamiah mendapat nilai tertinggi manakala bidang tilawah mendapat nilai terendah dalam keberkesanan pelaksanaan KPI di sekolah menengah seluruh Malaysia.

Dapatan kajian bagi aspek kemampanan iaitu pelaksanaan KPI dapat membentuk sikap positif pelajar, secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Tahap tertinggi adalah bagi item pelaksanaan KPI menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar, manakala tahap terendah pula adalah pada item PI mengubah minda saya menjadi positif. Dapatan ini disokong oleh temu bual di mana pelajar menyatakan bahawa dengan mempelajari PI dapat membentuk ke arah sikap positif kerana dalam mata pelajaran PI mengandungi nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh pelajar terutama bidang akhlak Islamiah yang menerapkan nilai-nilai murni dalam kandungannya. Dapatan ini selari dengan kajian Asmawati Suhid (2006), Azhar Ahmad (2006), Abdul Halim Tamuri (2012) dan Jawiah Dakir (2012) mendapati bahawa secara keseluruhannya pelaksanaan PI di sekolah menengah seluruh Malaysia berkesan dan tahap penghayatan pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian bagi aspek kebolehpindahan KPI dalam kehidupan seharian pelajar pula, secara keseluruhannya pelajar menilai aspek kebolehpindahan KPI di sekolah menengah berada pada tahap yang tinggi. Tahap tertinggi adalah bagi item melalui pembelajaran sirah Nabawiyah pelajar dapat mengenali dan mencontohi tokoh-tokoh Islam, manakala

tahap terendah pula adalah pada item pembelajaran PI membantu pelajar dalam memahami ayat al-Quran dengan betul. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan temu bual pelajar yang menjelaskan bahawa dengan mempelajari PI dapat membantu mereka menjalani kehidupan dengan baik. Pelajar juga menjelaskan bahawa dengan mempelajari PI dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan ini selari dengan kajian Asmawati Suhid (2006), Azhar Ahmad (2006), Jawiah Dakir (2012) dan Shamsul Shah (2012) menyatakan pelaksanaan KPI di sekolah menengah dapat membantu dalam pembentukan akhlak pelajar menjalani kehidupan seharian mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menjawab permasalahan yang dikemukakan oleh Mahathir Mohamed (2013) tentang kegusaran dan kebimbangan mata pelajaran PI yang ada sekarang perlu dikaji semula bagi memastikan pelajaran PI ini sesuai dengan tuntutan semasa.

5.4 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini telah memberi sumbangan ilmu pengetahuan yang lebih mantap terhadap pelaksanaan KPI di sekolah menengah. Dalam pelaksanaan KPI, GPI merupakan sumber input yang paling utama. Kejayaan pelaksanaan KPI ini bergantung kepada guru sebagai penjana, penggerak dan pencetus untuk mengolah hasrat FPK, FPI, matlamat dan objektif KPI supaya dapat direalisasikan berdasarkan kurikulum yang sedia ada. Sehubungan itu, dalam usaha menilai pelaksanaan KPI di sekolah, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan dalam pelaksanaan KPI di sekolah bagi mencapai apa yang dihasratkan sesuai dengan objektif dan matlamat PI. Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini memberi sumbangan seperti berikut;

i) Bidang Ilmu


Kesesuaian FPK, matlamat dan objektif kurikulum amat penting dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Kurikulum yang dirancang dan dilaksanakan perlu bertepatan dan bersesuaian dengan FPK, matlamat dan objektif kurikulum itu untuk melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab, menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunah. Sehubungan itu, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kurikulum itu pada dasarnya mampu untuk mencapai matlamat dan objektif pelaksanaan KPI. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KPI yang telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah bandar dan luar bandar terutama di negeri Kelantan bersesuaian dengan hasrat FPK.

Kajian ini telah memberikan suatu sumbangan yang sangat berharga kepada khazanah ilmu yang berkaitan dengan penilaian kurikulum yang berkualiti. Peranan guru sebagai murabbi (menjayakan tarbiah), mursyid (pembimbing), muaddib (menjayakan adab) dan mudarris (mengajar mata pelajaran) sangat penting dalam menjayakan KPI di sekolah. Guru mempunyai peranan yang besar untuk melahirkan pelajar yang beriman dan akademik yang cemerlang. Kajian ini berjaya mencungkil bahawa kualiti guru pada masa kini perlu dipertingkatkan dengan memenuhi ilmu pengetahuan terutamanya ilmu asas pendidikan, pedagogi dan ilmu pengetahuan kandungan mata pelajaran. Apabila guru memiliki ilmu pengetahuan yang luas maka akan lahirlah pelajar yang cemerlang dunia dan akhirat sesuai dengan hasrat FPK, FPI, matlamat dan objektif PI.

